KOLEKSI
Sajak
SIRI 2
TASAWUF
USTAZ
HJ ASHAARI
MUHAMMAD

Ustaz Haji Ashaari Muhammad

Siri II

• Tasawuf

E D I S I   K H A S

Sajak – Siri II
• Tasawuf

oleh
Ustaz Haji Ashaari Muhammad

Kali pertama diterbitkan
Ogos 2005

Teks diset dalam
Palatino 10 poin

3

Tasawuf

KANDUNGAN

NAFSU DAN MAZMUMAH

PERSOALAN HATI – I

PERSOALAN HATI – II

RASA KEHAMBAAN

TUJUAN IBADAH

TUJUAN MENGENAL TUHAN

SEMBAHYANG

PUASA RAMADHAN

MENJAUHI DOSA

TAUBAT DAN RINTIHAN

MENCARI KETENANGAN

ILMU

NIKMAT DUNIA

TAQWA

NIKMAT IMAN DAN HIDAYAH

BAIK SANGKA

INGAT MATI

INGAT AKHIRAT, SYURGA, NERAKA

1 NAFSU LAKSANA ANJING GARANG

NAFSU yang tidak dapat dikawal
Atau dibiarkan menurut kehendaknya
Ia adalah laksana anjing
Anjing itu tabiatnya tamak dan pengotor
Menyalak dan menggigit
Anjing itu kerana tamaknya
Selalu sahaja bergaduh kerana merebut makanan
Kerana tabiatnya pengotor, selalu makan bangkai dan najis
Tabiatnya juga suka menyalak orang
Tidak kurang juga menggigit orang atau binatang
Begitulah nafsu yang tidak dapat dikawal itu
Merupakan tabiat macam anjing
Nafsu itu tamak dengan dunia dan harta bendanya
Kerana tamak, dunia dan harta bendanya jadi rebutan
Hingga membawa permusuhan dan perkelahian
Nafsu yang tidak dikawal, suka perkara yang haram
Perkara haram itu adalah kotor
Suka menipu, suka berbohong
Suka mencuri dan rasuah
Suka arak, suka bergaul bebas, suka zina, suka merompak
Suka menyalak ertinya suka bercakap yang menyakiti orang
Seperti menyindir, mengumpat dan memfitnah
Suka menuduh, menghina dan caci-maki orang
Macam anjing yang menggigit
Sakit hati dan jiwa orang dibuatnya
Begitulah jahatnya nafsu yang tidak terdidik
Macam anjing yang garang

Menjelang tidur
01 - 11 - 1999

2 NAFSU DALAM DIRI ITU PALING BAHAYA

WALAUPUN harimau itu merbahaya
Tapi jarang kita ketemu, ia tidak begitu membimbangkan
Nyamuk dan lalat walaupun membawa kuman
boleh membahayakan manusia
Tapi masih boleh dibendung
kerana ia adalah di luar diri kita
Tikus juga membawa kuman
yang boleh membahayakan manusia
Tapi ia masih di luar diri manusia
Mudah dijaga dan dikawal atau dibendung
Kuman-kuman di dalam makanan dan minuman
Juga boleh mendatangkan penyakit
Itu pun masih tidak dianggap terlalu merbahaya
Tapi perlu diingat!
Bahawa nafsu di dalam dirimu itu paling bahaya
Bahaya buat dirimu dan orang lain
Namun tidak pernah dibising-bisingkan
dan diheboh-hebohkan
Tidak pernah diceritakan bagaimana menjaga
dan mengawalnya
Padahal nafsu di dalam diri manusia itu
telah merosakkan manusia dan dunia
Telah memusnahkan pembangunan, kemajuan dan tamadun
Tidak ada pun klinik dan hospital yang merawatnya
Ia lebih merbahaya daripada harimau, nyamuk, lalat dan tikus
Ia telah menyerang semua orang tidak ada kecualinya
Tapi ramai di kalangan manusia tidak memandang merbahaya
Padahal merbahayanya hingga terjun ke Neraka

Menjelang tidur
07 - 09 - 2000

3 MANUSIA BERSIFAT HAIWAN

HAMBA Allah itu jika sifat insaniahnya punah
lahirlah sifat haiwaniahnya
Rupanya manusia jiwanya haiwan
Wajahnya manusia tabiatnya binatang
Berbagai-bagai haiwan ada di dalam jiwa insan
Tabiat babi, buruk makan dan sangat membawa kekotoran
Tabiat anjing adalah tamak,
apa sahaja hendak dijadikan rebutan
Akhirnya berkelahi sesama insan,
macam anjing mendapat tulang
Bertabiat kuda, suka menendang
Menggambarkan keangkuhan dan kesombongannya
Bertabiat lembu atau kerbau,
bodohnya dan bebal payah diajar
Di dalam bodoh-bodoh pun
suka menanduk sekalipun tuannya
Bertabiat musang, suka menipu daya
Kerja musang mencuri dan mengambil ayam-ayam
dan buah pisang orang
Begitulah manusia yang bersifat musang,
suka sahaja menipu orang
Bertabiat singa, garang dan menerkam
Manusia yang suka menzalim dan menganiaya orang
Tanpa belas kasihan
Yang penting mendapatkan mangsanya agar perut kenyang
Bertabiat ular sawa, apabila kenyang aktif tiada
Suka tidur-tidur sahaja
Begitulah manusia ada yang apabila terlalu kenyang,
malas pun tiba
Suka tidur dan rehat-rehat sahaja

Menjelang tidur
07 - 10 - 1999

4 BUAYA TELAH NAIK KE DARAT

BUAYA-BUAYA telah naik ke darat
Berkeliaran mencari bangkai
Ada buaya makan bangkai secara bersendirian
Tidak kurang juga merebut bangkai secara bersama
Mereka berkelahi merebut makanan
Bergigitan sesama sendiri hendak monopoli
Bertarung begitu sengit
Yang kuat menguasai
Yang kalah membawa diri
Tidak puas hati
Waktu bangkai masih mewah,
   yang lemah masih boleh cari makan
Serpihan-serpihan bangkai sana-sini senang dicari
Waktu bangkai terbatas
Yang kenyang sang buaya yang gagah, seorang diri
Yang lemah bertempiaran lari
Kalah bertarung dengan sang gagah
Lari membawa dendam, tidak puas hati
Kecewa dengan sang gagah
Menguasai bangkai tanpa berkongsi
Malas membuat kerja
   sekalipun beribadat kepada Tuhannya

Selepas Asar
08 - 10 - 1998

5 SUSAHNYA MENGUBAH PERANGAI MANUSIA

MERUBAH gunung lebih senang
daripada mengubah perangai manusia
Merubah hutan yang tebal menjadi pekan atau bandar
lebih mudah daripada merubah tabiat seseorang
Laut diubah menjadi daratan lebih mudah
daripada mengubah sifat jahat manusia kepada baik
Dalam masa tiga atau empat tahun di suatu tempat
sudah bertukar suasana
Suasana yang lama sudah tidak ada,
suasana yang baru pula menjelma
Kalau kita tidak balik kampung asal kita sepuluh tahun,
apabila balik suasana lama sudah tidak ada
Berubah segala-galanya, dengan wajah
dan suasana yang baru
Rupanya dunia ini lebih mudah dirubah
daripada penghuninya di kalangan manusia
Setengah orang daripada kecil kita berkawan,
kemudian dipisah oleh desakan hidup
selama tiga puluh tahun
Kemudian bertemu kembali setelah berpisah begitu lama
Kita pun terkejut perangai dan tabiat lamanya
yang negatif masih wujud
Sedangkan dunia sudah berubah, dia tidak pun berubah
Dunia sudah menjadi cantik dan indah
Manusia masih lagi berperangai buruk dan jelik
Kerana itulah di zaman ada rasul,
untuk mendidik manusia Tuhan datangkan rasul
Di zaman tidak ada rasul, Tuhan utus ulama
yang berwatak rasul
Ertinya untuk membangunkan dunia
siapa sahaja boleh lakukan
Tapi untuk membangunkan insan
bukan calang-calang orang untuk memimpin

Bahkan ada kalanya pemimpin itulah
   yang merosakkan manusia yang memang sudah rosak
Manusia pun bertambah rosak dan jahat
Kerana dipimpin oleh pemimpin yang rosak dan jahat
Yang mana pemimpin itu pun
   tidak berubah perangai jahatnya sejak kecilnya
Sedangkan alam sekitar sudah banyak kali berubah
Sungguh susah hendak mengubah perangai manusia
Tidak seperti alam semula jadi mudah sahaja berubah

Selepas Ekspedisi
16 - 08 - 2001

6 SETIAP HARI MENYUBUR MAZMUMAH

SETIAP hari manusia menyuburkan mazmumahnya
Disiram, dibaja, digemburkan dan disuburkan
Yang aneh, pejuang-pejuang Islam juga
turut ikut menyuburkannya
Tidak kurang juga para ulama ikut serta
Apatah lagi ahli-ahli politik, penyanyi-penyanyi
dan artis-artis
Menghidupkan mazmumah sudah jadi budaya
Basahan hidup mereka setiap masa
Mereka suburkan mazmumah dengan berbagai-bagai cara
Dengan nama, dengan glamour, ingin pujian, ingin dipuja
Gila dunia, gila pangkat, cintakan harta,
cinta betina, gila kuasa
Mengumpat orang, menghina sesama manusia,
mengata-ngata di belakang
Dendam kesumat, hasad dengki, sakit hati
Menindas, menzalim, menganiaya,
bertindak dengan semahu-mahunya
Aduh! Musnah hidup rumahtangga
Musnah hidup bermasyarakat di kalangan manusia
Manusia porak-peranda, kasih sayang berkecai,
perpaduan punah
Keamanan sudah tidak wujud lagi disebabkan mazmumah
Manusia hidup di dalam ketakutan dan gelisah
Mana mahu lari, mazmumah manusia sentiasa memburu
Ke mana hendak pergi, mazmumah manusia
sentiasa menunggu
Punah-ranah kehidupan manusia
disebabkan mazmumah manusia
Bilakah mazmumah ini mati,
agar manusia aman, bahagia

Selepas Asar
07 - 08 - 1999

7 MAZMUMAH MENGERASKAN HATI

MAZMUMAH itulah yang mengeraskan hati nurani
yang bertapak di dalam hati daging yang lembut
Apabila hati nurani menjadi keras
Seluruh pintu kebaikan tertutup
Tersumbatlah telinga untuk mendengar kebenaran
Ilmu sudah tidak terjatuh ke hati,
hanya tersangkut di dalam akal
Mata melihat, namun kebenaran tidak juga dapat dilihat
Pintu hati tersendat rapat
Rasa takut, malu, cinta, bertimbang rasa,
tabah dan redha tidak masuk lagi di hati
Akal bukan lagi memikirkan kebaikan
Bukan lagi memikirkan Tuhan dan perintah-perintah-Nya
Yang difikirkan adalah makan, minum,
pangkat, dunia dan betina
Apabila tidak dapat, mengeluh, dukacita, kecewa,
kemuncaknya putus asa
Kalau dapat pula bakhil, sombong, angkuh,
tamak, menzalim dan berfoya-foya
Jagalah hati dengan sebaik-baiknya
Ia adalah merupakan sumber kebaikan
dan juga sumber kejahatan
Kalau dia menjadi sumber kebaikan,
sumber kejahatan tertutup
Jika ia menjadi sumber kejahatan,
maka sumber kebaikan pula tertutup
Kedua-dua sifat itu tidak akan boleh bertemu
Apabila yang satu menang, maka yang satu lagi kalah
Kalau yang satu itu berfungsi maka yang satu lagi mati
Jadikanlah hati itu sumber segala kebaikan
Jangan jadikan dia sumber segala kejahatan
Kamu akan binasa dan kecewa

Menjelang Maghrib
20 - 01 - 2000
(13 Syawal 1420)

8 BOOBY TRAP

BOM-BOM dan *booby trap* hati meledak di mana-mana
Banyak lagi yang akan meledak menunggu masanya
Bom-bom dan *booby trap* ini ia berada di mana-mana
Ada di kampung, ada di bandar
Tidak kurang di taman-taman murah
dan taman mahal yang indah
Dia berada di bangunan-bangunan yang tinggi menjulang
Di gedung-gedung besar pun tidak kurang
Di sekolah, di pejabat merata-rata bersepah
Di *coffee house*, di kedai-kedai murah
dan *shopping centre* juga terdedah
Tidak kurang juga dipasang orang di rumah-rumah Allah
Adakalanya bom itu meledak di mimbar-mimbarnya
Bom-bom hati ini bermacam-macam namanya
Di antaranya yang popular, hasad dengki,
sombong, riyak namanya
Pemarah, adu domba, mengumpat dan memfitnah
Justeru bom-bom hati ini meledak merata-rata
seperti yang dicerita
Kerosakan berlaku di mana-mana
Kemusnahannya terjadi merata-rata
Huru-hara tercetus tidak kira tempatnya
Aduh! Tidak ada lagi tempat yang harmoni
Aduh! Mana pergi tidak ada yang aman lagi
Tidak ada keselamatan di mana-mana
Bilakah bom-bom dan *booby trap* hati itu dapat dimusnah
Bilakah masa bom-bom itu tidak akan dipasang lagi?!
Agar aman damai merata-rata negara dan negeri

Selepas Subuh
05 - 05 - 1997

9 BILA NAFSU MENGUASAI DIRI

BILA nafsu menguasai diri
Ilmu tidak ditunjang oleh iman dan taqwa
Jiwa atau hati menjadi buta tiada terasa
Dunia pun dicintai, dipuji dan dipuja
Matlamat yang diperjuangkan hanya dunia
Rasa bangga, angkuh, mendabik dada bila berjaya
Mengangkat diri menaikkan namanya
Mabuk dengan pujian, alpa dengan sanjungan
Si pengampu-pengampu yang inginkan sesuatu
Meniup api menyemarakkan
Di waktu itu Tuhan hanya di bibir bukan di hati
Islam di mulut, bukan keyakinan, bukan dihayati
Ditegur akan melenting, bahkan buat bising
Melatah bila dinasihat
Jiwa panas, perasaan mengganas
Bercakap pun tidak disukat lagi
Main lepas sahaja
Macam atap bocor di waktu hujan
Tanpa sekatan
Mendengar kebenaran macam mendengar halilintar
Takut sekali, bukan dipeduli
Di waktu itu tunggulah!
Yang punya cemeti akan bertindak sesuka hati

10 APABILA NAFSU MENGUASAI MANUSIA

APABILA nafsu telah menguasai manusia
Dia pun bermaharajalela memperhambakan manusia
setiap masa
Kalau dia hendakkan sesuatu,
dia arahlah seseorang itu mendapatkannya
Tidak kira halal atau haram, bahayakah atau tidak bahaya
Jika dapat walaupun banyak, tidak juga puas-puas,
tidak rasa cukup
Tamak menyerang diri seseorang,
sombong pun menjadi pakaian
Bakhil pun datang, tidak mahu menolong orang,
kesenangan untuk diri sendiri
Jika tidak dapat banyak susah hati
Keluh-kesah pun datang, resah gelisah menyerang
Fikiran pun kusut, jiwa derita, marah-marah sahaja
Ketika mendapat banyak lupa diri
Pembaziran berlaku, membuang-buang harta terjadi
Di waktu susah fikiran tidak menentu, hilang pertimbangan,
hasad dengki dengan orang yang senang
Apabila senang menghina orang, orang pun membencinya
Apabila senang berfoya-foya dengan perempuan jalang
Menghabiskan masa dengan sia-sia di tempat-tempat maksiat
Apabila mendapat bala melolong, hilang pertimbangan
Jika senang lupa daratan, lupa Tuhan Rabbul'alamin
Pantang dilarang, dinasihat tersinggung
Lantas marah-marah dan menyerang
terus berdendam mungkin menyerang
Begitulah jika nafsu telah menguasai seseorang
Peribadi seseorang menjadi sebuah bola di padang

15 - 08 - 2001

11 MANUSIA DILETIHKAN OLEH NAFSUNYA

MANUSIA telah diletihkan oleh nafsunya
Kerana kehendak nafsu terlalu banyaknya tanpa batas
Kehendaknya yang halal dan yang haram setiap waktu
Diarah-arahkannya kita ke hilir dan ke hulu
Di waktu siang dan malam, di waktu hujan dan panas
Mendapatnya belum tentu, dapat pula tidak puas-puas
Diarah-arahnya kita lagi, digesa-gesanya kita selalu
Adakalanya bangga kita mendapat bala dan kecelakaan
Namun tidak juga hairan, dan tidak menjadi sempadan
Direntap-rentapnya kita lagi,
   didorongnya lagi kita bertindak
Kerana terlalu tamak mendapatkannya
   tidak fikir halal haram
Terlanggarlah syariat, lupalah Tuhan
Lalai berpanjangan
Tidak ada ruang untuk Tuhan
Tuhan dilupakan sama sekali
Tapi apa yang diingat selalu, ialah apa hendak diburu
Benar-benar nafsu telah mengkudakan kita
Kita diperkotak-katik hingga tidak ada rehat-rehatnya
Habis umur kita dipermainkan oleh nafsu
Kita telah dijadikannya ibarat bola
Ditendang merata padang kehidupan
Akibatnya di dunia lagi telah menerima padahnya
Di Akhirat lebih parah dan menderita
   yang tidak berkesudahan

Menjelang tidur
08 - 09 - 2000

12 BAHAYA LIDAH

LIDAH yang lembut itu sepatutnya mengeluarkan
kata-kata yang menyejukkan hati
Lafaz-lafaz yang dituturkannya menjadikan
orang berkasih sayang
Bahasa yang diucapkan mendamaikan
dua golongan yang selisih faham
Tapi apa yang terjadi kepada lidah manusia hari ini
Ia telah merobek-robek hati dan jiwa manusia
Maruah manusia telah dihancurleburkannya
Lidah telah memecah belah di antara sesama manusia
Begitulah ilmu, sepatutnya menerangkan
kehidupan manusia di dunia
Tapi ilmu telah menjadikan jiwa-jiwa dan hati-hati
yang empunya mati atau buta
Ilmu pada seseorang telah mengoyak-ngoyakkan
Iman yang memilikinya
Ia telah merobek-robek taqwa seseorang
Hingga cacat taqwanya
Ilmu tidak lagi memerdekakan hamba dengan Tuhannya
Makin banyak ilmu semakin jauh daripada Tuhan
Ini adalah disebabkan niat menuntut ilmu kerana dunia
Atau kerana mengejar nama atau glamour
Sebab-sebab lain kerana yang empunya ilmu
rasa bertuhan sudah tidak ada
Atau Tuhan sudah tidak diambil pusing atau diutama
Rasa bertauhid sudah tidak ada
Takut dengan Tuhan sudah jauh dari hati manusia
Kerana inilah lidah sudah disalah guna
Ilmu-ilmu sudah tidak lagi berperanan di tempatnya
Akibatnya kerana lidah dan ilmu
Telah merosakkan manusia
Sama ada yang empunya
mahupun selain dirinya

Selepas Asar
29 - 10 - 1999

13 LIDAH JURUBICARA PALING BAIK DAN PALING JAHAT

LIDAH jurubicara yang paling baik
dan juga yang paling jahat
Juga juruterjemah yang jujur dan khianat
Dia ditentukan oleh raja diri
Baik raja itu, baiklah dia, jahat raja itu jahatlah dia
Setiap hari dia menyampaikan perintah raja
Adakalanya memuntahkan mutiara yang berharga
Dapat dimanfaat oleh manusia
Tidak kurang juga intan berlian yang diluahnya
Menambah kaya kepada manusia
Tapi yang lebih banyak, perkara yang merbahaya
dimuntahkannya
Lahar-lahar gunung berapi mazmumah
yang memusnah mengalir merata bumi
Darah-darah ghodhob yang najis mengotorkan suasana
Nanah-nanah barah dendam kesumat yang busuk,
meloyakan tekak
Meledak berselerak di mana-mana
Tidak kurang bom jangka hasad dengki
yang meletup darinya
Banyak orang yang mati
Apatah lagi yang patah tangan dan patah kaki
Adakalanya lidah ini pedang yang membunuh
Sekali-sekala sebagai perisai, menahan panah
Selamatlah dari merbahaya yang boleh membunuh
Begitulah peranan lidah setiap hari
Dia berperanan bermacam-macam caranya
Dan berbagai-bagai pula kesannya

Selepas Subuh
13 - 05 - 1997

14 FUNGSI LIDAH DISALAHGUNAKAN

LIDAH ahli pidato dan penceramah
Tidak lagi mengeluarkan ilmu mempertajam minda
Juga tidak lagi mengeluar ilmu hikmah pembangun jiwa
Lidah tidak lagi membawa air penyejuk hati
Tapi lidah telah mengeluarkan panah-panah, menikam hati
Juga mengeluarkan racun-racun membunuh jiwa
Tidak kurang juga mengeluarkan peluru
membinasakan manusia
Sedangkan lidah setiap hari digunakan
Ia lebih merbahaya daripada senjata api
Senjata api tidak diguna setiap hari
Kalau fungsi lidah sudah disalahgunakan
Yang keluar adalah racun perosak hati dan jiwa
Yang meluncur adalah peluru
Yang terbit darinya adalah anak-anak panah pemusnah
Sedangkan ia bekerja setiap waktu
Apa akan jadi kepada manusia
Apa sudah jadi kepada pemidato bangsa kita?
Apa yang sudah berlaku kepada penceramah-penceramah?
Mengapa mereka tidak takut dengan Tuhan akibat lidah?
Apakah mereka tidak berfikir kerosakan kepada umat?
Lebih-lebih lagi mereka tidak tahukah
setiap perkataan akan disoal
Setiap lafaz akan dipertanggungjawabkan
Apakah mereka sudah kehilangan Tuhan?
Hingga bercakap hilang pertimbangan

Selepas ekspedisi
21 - 09 - 1999

15 TUHAN JAGALAH LIDAHKU!

KATAKANLAH apa yang engkau hendak kata tentangku
Aku tidak berkecil hati
Kalau akulah yang benar ia menguatkan aku lagi
Kalau benarlah aku membuat kesalahan
Aku boleh betulkan diri
Aku bersyukur pada-Mu Tuhan
Di samping berterima kasih padamu kawan
Kalau engkau yang bersalah
Aku doakan kamu agar engkau diampunkan-Nya
Aku dapat pahala atau penghapusan dosa
Setiap kata-kata tidak percuma begitu sahaja
Semuanya Tuhan akan kira
Akan diperhitung di Akhirat sana
Bahkan akan dibalas Syurga atau Neraka
Tuhan jagalah lidahku
Aku juga boleh mengata
Lidah tidak bertulang
Mudah terluncur dan terlanjur
Lidah tidak ada akal
Dia tidak tahu bahaya atau tidaknya
Tuhan bantulah aku menjaga lidahku
Jangan sampai dia mengata
Macam orang lain mengata sesuka hati
Kejahatan dari lidah terlalu banyak wahai Tuhan
Perpecahan terjadi dari lidah
Badan binasa disebabkannya juga
Orang teraniaya lantaran lidah
Orang tidak percaya kerana lidah
Orang sakit hati kerana lidah
Orang dipenjara kerana lidah
Orang berdendam kerana lidah
Aduh jahatnya lidah
Lebih jahat dari ular yang berbisa

Selepas Asar
30 - 04 - 1997

16 LALAI BASAHAN MANUSIA

LALAI menjadi basahan kepada manusia
Cuai menjadi watak manusia
Lupa menjadi tabiat semulajadi manusia
Gopoh menjadi budaya mereka
Tidak hairanlah lumrah berlaku
Sepandai-pandai manusia
Lupa berfikir lebih dahulu sebelum bertindak
Terutama di waktu dia marah
Dia bertindak melulu
Tidak sempat berfikir, meledak sahaja
Sudah terlajak barulah menyesal
Jadi cerdik tidak menjamin manusia berfikir
sebelum bertindak
Pandai tidak mesti dia berfikir sebelum berbuat
Justeru itulah Islam mewajibkan mendidik nafsu
Agar dia tenang, tindakannya tidak melulu
Supaya dia tidak gelojoh
Sempat akal berfikir sebelum melakukan sesuatu
Tapi manusia ghairah sangat mendidik akal
Mendidik nafsu tidak ada dalam kurikulum pelajaran
Nafsu tidak diambil kira
Seolah-olah nafsu tidak ada dalam diri manusia

Selepas Subuh
05 - 06 - 1997

17 MANUSIA SELALU LUPA

MANUSIA selalu lupa
Lupa kepada Tuhannya
Yang menciptanya dari tiada kepada ada
Yang memberi nikmat bermacam-macam bentuknya
Lupa kepada dosa
Padahal dosa selalu memburunya
Ia akan menghumbankannya ke dalam Neraka
Lupa kepada ibu bapa yang memelihara di waktu kecilnya
Dihantar ke sekolah, berpeluang menuntut ilmunya
Dijaga kesihatannya, sihat badannya
Setelah dewasa ilmu itulah aset dirinya
Lupa kepada guru-guru yang membuat jasa kepadanya
Memberi ilmu yang banyak, menjadi hartanya
Sekadarkan menziarahi guru sekali-sekala pun tiada
Dia lupakan gurunya sepanjang hayatnya
Lupa kepada kawan yang pernah menolongnya
Padahal di waktu itu dia sedang menderita
Lupa kepada asal-usulnya, dia itu siapa sebenarnya
Dilupakan oleh pangkat, kesenangan dan kemewahan
Teringat sahaja kampung tempat tumpah darahnya
Rasa tidak senang sahaja
Malu hendak ziarah kampung asalnya
Bahkan bermacam-macam lagi yang dilupakannya
Padahal semuanya itu sejarah hidupnya
Sepatutnya manusia ini bersikap:
Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain

Selepas Asar
06 - 05 - 1997
(17 Muharram 1418)

18 PERNAHKAH SEDIH TERTINGGAL SEMBAHYANG?

PERNAHKAH kita bersedih tertinggal sembahyang?
Pernahkah susah hati terlewat mengerjakannya?
Pernahkah terasa rugi tertinggal jemaah mendirikan sembahyang?
Pernahkah kita risau hati lalai di dalam sembahyang?
Pernahkah terasa berdosa tidak beradab menghadapi Tuhan?
Jawapannya ada pada diri kita sendiri
Setiap orang boleh menilai dirinya
Tanyalah diri, kita akan dapat jawapannya
Bila dapat jawapannya engkau kenal diri engkau
Bila engkau kenal diri engkau, engkau kenal siapa engkau
Kalau engkau kenal diri engkau
Engkau tidak akan nampak lagi kejahatan orang lain
Begitulah beberapa pertanyaan yang kita ajukan
Sebagai contoh untuk bertanya diri sendiri
Yang tidak disebutkan kita datangkan atau fikirkan
Tentu kita juga akan dapat jawapannya
Cara ini adalah salah satu cara buat kita menilai diri
Jika kita mahu menilai diri sendiri
Lebih-lebih lagi jika hendak membaiki diri
Tapi berapa ramaikah orang boleh ikut jalan ini?!

Selepas Asar
27 - 11 - 1997

19 MERAJUK JADI BUDAYA

MERAJUK telah menjadi budaya manusia
Budaya yang sama-sama manusia tidak mahu
Tapi sama-sama membudayakannya
Budaya merajuk itulah yang menyusahkan manusia
Yang menjadi racun di dalam keluarga
Dan di dalam pergaulan mereka
Banyak kerja terhalang, tidak kurang kerja terbengkalai
dibuatnya
Banyak kerja tidak sempurna
Diganggu oleh budaya merajuk
Buat itu tak kena, buat ini tak kena
Serba terganggu
Merajuk menghantui perasaannya
Setengah jiwa yang terlalu lemah, jiwanya merana

Budaya merajuk ini berlaku setiap hari
Di dalam rumahtangga, di tempat kerja, di dalam parti
Di rumah Allah berlaku juga
Tidak ada akta dan peraturan yang boleh membendungnya
Justerulah akta dan undang-undang tidak dilagang
Penyakit merajuk ini dia serang tidak pilih orang
Semua golongan kena serang

Budaya merajuk ini mudah saja terjadi
Suami lambat balik pun isteri masam muka
Hilang manisnya
Layanan kepada suami pun dingin aja
Belum lagi suami kahwin dua
Merasakan diri tidak dihormati, pertengkaran pun terjadi
Adakalanya sampai mati
Suami pula terpelengok
Merajuk sakit hati
Bertindakbalas terhadap isteri

Ibu bapa pun selalu merajuk
Tersinggung oleh anak-anak yang berbagai kerenah
Anak-anak lambat ziarah
Atau lambat menerima surat atau memberi pendapat
Tidak senang aja
Marah-marah aja
Merungut-rungut dan membebel tidak tentu hala
Apabila anak-anak balik kerut mukanya
Bila ditanya diam sahaja
Atau menyergah macam singa

Di pejabat-pejabat ada staf-staf merungut tidak habis-habis
Merasakan tertekan oleh majikan, kerana terlalu banyak kerja
Atau gaji tidak seimbang dengan kerja
Majikan tidak dihormati lagi
Di belakang dikata-kata dan dihina
Ada yang terus lari dari kerja
Majikan pula susah hati
Merajuk pula, marah-marah aja kepada staf-stafnya
Adakalanya nafsu tidak boleh kontrol
Maki hamun semahu-mahunya

Merajuk juga berlaku di dalam parti
Setelah jatuh dari jawatan parti oleh undi
Tenaga dan pengorbanan dibekukan
Kalau dulu aktif, sekarang pasif
Dahulu cergas, sekarang culas
Tidak terlantik di dalam pencalonan
Atau digugur di dalam jawatan parti atau pemerintahan
Hati sakit, merajuk pula
Muka pun tidak nampak lagi, membawa diri
Entah mana perginya, kalau mati ada kuburnya
Bila mati barulah media massa membuat berita
Setelah lama hilang dari gelanggang masyarakatnya

Di masjid pun berlaku budaya merajuk
Waktu jadi imam, di masjid setiap waktu
Macam merpati masjid
Tidak lekang-lekang di masjid, macam rumahnya
Bila jawatan diganti orang, di masjid tidak nampak lagi
Bahkan waktu sembahyang pun
dia tidak muncul-muncul lagi
Hanya kelihatan pada hari Jumaat
Itupun duduk di tepi-tepi
Mukanya masam tidak berseri
Habis sahaja sembahyang tidak sempat sembahyang sunat
Cepat-cepat cabut pergi
Orang ramai hairan semua memerhati
Imam pun boleh berlaku, kata setiap hati

Selepas Asar
20 - 05 - 1997
(12 Muharram 1418)

20 SIFAT EGO

ORANG yang ada ego, tidak sedar yang dia ada ego
Ego diketahui melalui ilmunya
Kalau tahu pun adanya sifat ego
Belum tahu lagi dapat membuangnya
Ego adalah sifat batin
Tapi dapat dikesan melalui tanda lahir dan sikapnya
Bercakap di kalangan kawan selalu sahaja cakap besar
Bila berdiri selalu sahaja cekak pinggang
Apabila berbincang selalu sahaja tinggi suaranya
Apabila kebenaran itu keluar daripada mulut orang,
payah menerimanya
Kalau bercakap mahu menang sahaja
Bila bertemu orang, payah menegur sapa
kecuali orang mendahuluinya
Jika orang tersilap terhadapnya, mudah sahaja marah
dan berang
Selalunya serius sahaja, kurang mesra
Kalau hendak berkawan pilih-pilih orang,
biasanya orang yang setaraf dengannya
Bila dicabar mudah sahaja mencabar
Kalau bersalah susah hendak meminta maaf
Adakalanya orang meminta maaf, enggan menerimanya
Mudah marah, bahkan marahnya sangat ketara
Kalau ada kuasa, suka menzalim dan menindas
Jika tiada kuasa, selalu sahaja keras kepala
untuk patuh kepada ketua
Bertekak dan berbahas menjadi budayanya
Pantang ditegur oleh siapa sahaja, masam mukanya
Apabila ego sudah tebal, sebarang kebenaran payah diterima
Bila ditegur sakit hatinya, dendam pun membara
Jangan sebut dosa pahala, tersinggung perasaannya
Kalau dipuji orang lain di hadapannya, sakit hatinya
Sebut Syurga Neraka, amat jijik mendengarnya

Bahkan sebut nama Allah pun tersinggung jiwanya
Jangan cuba bala bencana yang datang
kita kaitkan dengan kemurkaan Tuhannya
Sakit hatinya, payah mahu menerima
Bencana alam dianggap perkara biasa
Itu perkara *nature*
Jangan cuba dihubungkaitkan dengan dosa
Dia akan melenting menunjuk sikap tidak menerima
Aduh dahsyat, ego amat berbahaya
Bukan sahaja dengan manusia bahkan dengan Tuhannya
Kebenaran payah menerima
Selalu sahaja menolaknya,
bahkan dijadikan bahan perli sahaja
Kerana ego, orang sanggup derhaka kepada Tuhannya
Bahkan orang sanggup jadi kafir
Lihat sahaja Namrud, Hamman dan Firaun
Sebelum matinya berbagai bala
dan tanda amaran dari Tuhan
Namun tidak boleh jadi pengajaran dan ingatan
Akhirnya sanggup mati kafir, kerana sikap egonya
Aduh, dahsyatnya sifat ego!

Menjelang tidur
26 - 08 - 1999

21 MARAH SENTIASA MEMBARA DI DADA

MAZMUMAH marah sentiasa membara di dada
Kalau tidak pandai mengawalnya
baranya menyala dan terus menyala
Jika menyala membakar apa sahaja
Dari nyalanya memusnahkan apa sahaja
sama ada manusia mahupun mata benda
Alangkah susahnya mengawal bara ghodhob
agar jangan menyala
Manusia yang berjiwa besar sahaja yang boleh menahannya
Siapa yang mampu menahan apinya dari menyala
Dia adalah seorang wira yang tiada taranya
Biasanya manusia itu semakin besar kedudukannya
semakin besar sifat marahnya
Lebih-lebih lagi manusia yang berkuasa
bara apinya sering menyala
Rosaklah rakyat, terzalimlah manusia
Aduh memang susah sekali menjaga bara ghodhob
agar tidak menyala
Menahannya terseksa jiwa
Menggeletar seluruh anggota
Apabila terlepas daripada kekangannya
Aduh menyesal tidak terkira
Fikiran terganggu, jiwa menderita
Akhlak musnah wibawa jatuh punah
Manusia benci, orang lari
Akhirnya susah mendapat kawan
Payah mendapat simpati
Jagalah bara api marah, jangan sampai menyala
Kerana ia sangat merbahaya

Selepas Isyak
03 - 08 - 1999

22 MUJADALAH DAN MUBAHASAH

BIASANYA bermujadalah susah menjaga ego dan megah
Suka berbahas-bahas biasanya menebalkan ego,
riyak dan mencari nama
Selalunya di dalam bermujadalah dan bermubahasah
Ingin mahu menang, tidak mahu rasa kalah
Payah menerima kebenaran
Sekalipun terpaksa menegakkan benang basah
Begitu juga di dalam majlis forum
Payah hendak mengelak daripada menunjuk-nunjuk
dan bermegah-megah
Malu rasanya kalau tidak pandai berhujah
Berbunga hati jika pandai berhujah dan bercakap petah
Hadirin yang bertanya pula, menyoal kerana megah
Agar orang ramai menganggap dia
orang yang pandai mencungkil masalah
Kalau panel tidak pandai menjawab, itulah yang dia hendak
Supaya orang ramai menganggap dia lebih pandai
dari ahli panel atau penceramah
Apa sudah jadi majlis forum dan ceramah?
Penceramah atau ahli panel dengan para pendengar
Sama-sama hatinya rosak dan punah
Masing-masing tidak dapat menjaga dirinya
Daripada bermegah-megah dan riyak
Kerana itulah di dalam Islam
Bermujadalah dan bermubahasah sangat ditegah
Lantaran dari sinilah timbulnya riyak, megah,
glamour, cari nama dan berpecah-belah
Kerana itulah di dalam kitab dikatakan
"Tidak akan rosak sesuatu kaum itu
Kecuali apabila didatangkan mujadalah"
Mujadalah dan mubahasah bukan mendatangkan
kebaikan pada umat
Tapi dari sinilah akan suburnya mazmumah yang ditegah

Tapi malangnya para ulama
Mujadalah dan mubahasah telah dijadikan budaya
Budaya yang mengajak umat Islam berlalai-lalai
dan bermegah-megah
Di dalam Islam, yang disuruh bermesyuarat dan muzakarah
Itu pun ada mempunyai disiplin, adab dan tata tertib
Agar ia berjalan dengan penuh ukhwah
Agar jadi ibadah

Menjelang tidur
08 - 11 - 1999

23 MAZMUMAH MANUSIALAH YANG BERGADUH

HAKIKATNYA yang bergaduh, berkrisis,
berkelahi dan berperang di dunia ini
adalah sifat mazmumah manusia
Mazmumah-mazmumah yang disuburkan
setiap masa dan ketika
Yang menjadi mangsa adalah manusia
Tapi yang bergaduh dan berperang itu
tidak nampak oleh mata
Yang nampak adalah manusia yang menjadi senjatanya
Setiap hari bergaduh, berkrisis, berperang,
mazmumah manusia
Bergaduh dan berperang
Di antara sombong dan hasad dengki
Di antara dendam kesumat dan sifat marah
yang memusnah
Di antara riyak dengan sum'ah
yang menjadi orang sakit hati
Di antara penghasut hati dan tamak yang dibenci
Mazmumah-mazmumah manusia bergaduh
dan berperang tidak henti-hentinya
Begitulah mazmumah manusia yang bergaduh
dan berperang setiap hari
Mata tidak nampak
Tapi kesannya nampak pada kehidupan manusia
Makhluk yang berkrisis tidak nampak
Tapi senjata yang digunakannya nampak
Iaitu manusia yang menjadi alat kepada mazmumah
Manusialah yang parah dan susah
Manusialah yang menerima bahana dan padah
Kalau manusia sedarlah siapa yang menghasut
dan menggunakannya
Mereka sudah tentu marah
Sudah tentu mereka akan memerangi

berhabis-habisan mazmumahnya
Kerana mazmumahlah punca segala petaka
yang menimpa manusia
Jika manusia sedarlah bahawa jahatnya mazmumah
Mereka tidak akan bertolak ansur dengan mazmumah
Biarlah mereka berperang dengan mazmumahnya,
iaitu seterunya
Daripada berperang sesama mereka

Menjelang Tidur
01 - 07 - 2000

24 ISLAM DI MULUT TIDAK DI HATI

TUHAN memberitahu kita pun tahu tapi macam tak tahu
Tuhan memberitahu tapi tak mahu tahu
Tuhan membawa berita kita percaya
Tapi mendengar acuh tak acuh aja
Tuhan membawa perintah larangan dan tegah,
endah tak endah sahaja
Tuhan membawa berita gembira dengan Syurga,
tidak pun rasa gembira
Tuhan membawa berita ancaman dengan Neraka
Dengar juga tapi tidak pun terasa gerun dengan berita
Tuhan membawa syariat, peraturan
di semua aspek kehidupan
Hati merasa tidak senang sahaja
dan membuat-buat tidak dengar
Walaupun telah diperdengar
Peraturan dibaca, bahkan digalakkan
Pembaca yang berjaya diberi hadiah pula
Namun diamalkan tidak juga
Bahkan dianggap pengacau negara
Begitulah Islam di mulut tidak di hati
Tuhan disebut *fi lisan* (di lidah) tidak di hati
Barulah kita tahu setelah pengalaman diberi
Menjadi orang Islam mudah
Menjadi mukmin amat sulit sekali

Selepas Asar
27 - 04 - 1997

25 SARANAN HENDAKLAH TAKUT KEPADA TUHAN

SARANAN hendaklah takut kepada Tuhan
Selalu sahaja di dalam ceramah-ceramah
Di atas mimbar hari Jumaat ketika khutbah
Hati tidak juga terasa, biasa aja
Ketika Allah disebut hati tidak terasa apa-apa
Takut tidak juga membara
Tapi apabila teringat sahaja peperiksaan akan tiba,
bimbang menerpa
Selepas periksa bimbang lagi,
takut keputusan tiada berjaya
Bila hendak bertemu bos hati gementar
Bila bertemu lebih-lebih lagi gementar
Bila ditanya oleh bos gugup-gugup sahaja
Dengan bini yang cerewet dan membebel
tidak jemu-jemunya
Si suami bila balik jantung berdenyut, hati bergelombang
Takut ditanya silap-silap jawab
tengking herdik yang diterima
Sumpah seranah mesti kena
Apatah lagi ketua negara
Bila berada dengan orang-orang pentingnya
Tidak ada yang sanggup berkata
Kalaupun berkata gugup-gugup aja
Bos mereka bila berkata
Semua mereka angguk-angguk setuju aja
Walaupun hati belum tahu
Walaupun ada yang tidak setuju
Semuanya membisu
Kalau diberi pandangan sebaliknya
Takut jawatan yang ada terancam
Tumpah pula periuk nasi
Padahal Allah selalu mengancam dan mengugut
Memberi amaran dan ingatan

Dengan azab yang dahsyat
Dengar, macam tidak dengar
Tahu, macam tak tahu
Percaya, macam tidak percaya
Justeru tidak terasa apa-apa
Tidak tergugat pun jiwa
Tidak gerun, tidak gentar
Perasaan hati biasa sahaja
Begitulah manusia banyak sangat yang ditakutinya
Namun begitu takutkan Allah tidak juga terasa

Selepas Asar
01 - 05 - 1997

26 ORANG YANG MENGHINA GURU

TANYALAH siapa pun, sekalipun orang jahil
Siapa sahaja menghina ibu dan bapa
tiada siapa boleh terima
Sekalipun dia di dalam kebenaran
Betapalah pula kalau dia di dalam kebatilan
Tiada siapa yang simpati
Semua orang yang tahu menjadi benci
Begitulah juga orang yang mengata
dan menghina gurunya
Sekalipun dia betul
Tiada siapa yang boleh setuju
Betapalah kalau dia yang bersalah apa lagilah
Orang akan bertambah marah
Wibawanya jatuh keyakinan orang hilang
Orang akan lari
Tinggallah dia seorang diri
Belum pernah berlaku di dalam sejarah
seorang itu dianggap wira
kerana menghina ibu bapa atau gurunya
Tapi apa yang terjadi atau berlaku
Orang itu dihina, dicerca, dibenci dan dikata
Orang yang menghina ibu bapa dan gurunya
jiwanya tiada tenang
Jiwa gelisah, marah-marah tidak tentu arah
Di dunia lagi telah menerima padah
Ketawanya hanya pura-pura
Riangnya hanya dibuat-buat sahaja
Kerana hendak menutup jiwa yang derita
Bertemu dengan orang yang tahu tentang dirinya
takut-takut aja
Mahu lari dari mereka

27 KENAL DIRI SETELAH DIUJI

ENGKAU telah mengenal dirimu, siapa kamu
Melalui ujian ini
Engkau mengata orang!
Kalau engkau tersedar dengan ujian
Engkau tidak mengata orang lain
Kalau engkau sedar engkau orang baik
Menunjukkan engkau belum baik
Orang baik tidak merasa dirinya baik
Kita rasa kita sudah sedar selepas ujian
Mengapa menuding jari kepada orang lain?
Menunjukkan kita belum lagi sedar
Bila menghina orang lain selepas ujian
Kita bersifat derhaka waktu teruji
Di mana kebaikan kita?
Orang yang baik bila diuji teringat dosa,
teringat kesalahan sendiri
Kita lain pula, kita teringat dosa orang lain
bukan dosa kita
Suluhlah diri kita dengan Al Quran dan Sunnah
Jangan suluh dengan akal

Selepas Asar
27 - 11 - 1997

28 PENGUMPAT TIDAK TAHAN DIUMPAT

ORANG yang selalu mengata orang
biasanya dia tidak tahan dikata orang
Orang yang selalu mengumpat orang
biasanya tidak suka diumpat orang
Walaupun dia selalu mengata dan mengumpat orang
dia tidak tahan diumpat dan dikata, jiwanya menderita
Jiwanya sangat gelisah jika dia dikata dan diumpat
Biasa juga orang yang tidak suka mengata dan mengumpat,
dia tidak begitu sedih dan tidak susah hati
jika dia dikata dan diumpat
Orang yang tidak suka mengata dan mengumpat
biasanya dia terlalu memikirkan dirinya sendiri
Dia merasakan dirinya juga sering membuat kesalahan
dan kesilapan
Kerana itulah dia tidak minat hendak mengata
dan mengumpat orang
Kalau dia dikata dan diumpat orang,
dia tidak begitu terasa apa-apa
Bahkan mungkin hati kecilnya berkata patut dia dikata,
kerana dia manusia yang lemah juga
Dengan umpatan orang itu dia bertambah lagi membaiki diri
Lantaran itulah dia tidak bertindakbalas
di atas kejahatan orang itu
Begitulah seterusnya orang yang sombong,
pantang orang lain sombong dengannya
Kesombongan orang lain terhadap dirinya,
dia tidak sanggup menerima cabaran
Di sini baru kita faham, orang yang nampaknya
macam berani dan garang,
selalu sahaja mengumpat orang
dan sombong dengan orang
Sebenarnya jiwanya tidak kuat,
tidak mampu kena cabar

Di sebalik nampaknya garang
  tersembunyi sifat penakut dan pengecut
Tapi orang yang tenang, tidak nampaknya riuh-rendah
  sebenarnya jiwanya kuat
Di sebalik ketenangannya
  tersembunyi keberanian dan ketahanan jiwanya
Kerana itulah orang seumpama ini sabarnya luar biasa
Mampu menerima berbagai-bagai ujian dan kesabaran

Selepas Asar
29 Muharam 1421H

29 YANG SUKA DIPUJI DAN YANG SUKA MEMUJI

PEMIMPIN-PEMIMPIN dunia terutama pemimpin negara
suka dipuji
Inginkan kepujian menjadi budaya
Sesiapa memuji, ada perhatian, ada habuan
Bila dikritik rasa tidak senang
Sesiapa selalu sangat memberi nasihat hidup tidak senang
Di dalam Islam suka dipuji dan suka memuji
Terang-terangan sangat dilarang
Yang suka dipuji dan yang suka memuji
kedua-duanya berdosa
Justeru menghilangkan pahala segala usaha
Kepujian adalah kepunyaan Allah
Bukan milik manusia
Sesiapa suka dipuji telah bersekutu dengan Allah
Yang kena puji merosakkan jiwanya
seterusnya merosakkan segala usahanya
Yang memuji terang-terangan
selalunya orang yang hidup pura-pura
Orang yang hidup pura-pura munafik namanya
Suka memuji terang-terangan orang yang inginkan habuan
Ada keuntungan peribadi di sebalik pujian
Suka dipuji, suka memuji terang-terangan
Orang yang sudah rosak peribadinya
Ramai orang menjadi benci

06 - 11 - 1997

30 RAMAI ORANG MENGEJAR NAMA DAN GLAMOUR

RAMAI orang mengejar nama dan glamour
Tidak fikir lagi larangan Tuhan
Mereka menyangka glamour dan nama membawa bahagia
Kasihan mereka-mereka ini ditipu oleh angan-angannya
Mereka burulah nama dan glamour
Dengan bermacam-macam dan berbagai-bagai cara
Orang yang ada paras rupa
Menggunakan rupanya
Berbagai-bagai aksi dan seksi yang digayakannya
Orang yang ada ilmu menggunakan ilmunya
Sibuk forum di sini forum di sana
Motivasi di sini, motivasi di sana
Orang yang badannya sasa, menggunakan badannya
Begitulah orang mencari nama dan berbagai-bagai cara
Mengikut apa yang ada pada dirinya
Tapi mereka-mereka itulah yang ramai menderita jiwanya
Rumahtangga mereka huru-hara bahkan porak-peranda
Keluarga berpecah-belah, selalu sahaja bercerai-berai
di kalangan mereka
Apabila tua dilupakan orang, nama dan glamour
entah ke mana
Begitulah nasib kebanyakan orang yang mengejar nama
dan glamour
Gah di waktu muda, akibat buruk di waktu tua
Tapi orang yang kemudian tidak juga
mengambil pelajaran dari mereka

Menjelang Tidur
06 - 08 - 2001

31 MANUSIA PREJUDIS SESAMANYA

KERANA lumrah kebanyakan jiwa manusia telah rosak
Maka ramai pula manusia telah menjadi prejudis
dengan manusia
Satu sama lain sudah tidak percaya-mempercayai
Isteri prejudis dengan suami,
suami juga prejudis dengan isteri
Kenalan dengan kenalan berlaku juga prejudis ini
Kenalan sekampung atau kenalan setempat kerja
Satu sama lain tidak percaya-mempercayai
Tetamu yang datang pun dicurigai
Tuan rumah juga dicurigai oleh tetamunya
Majikan tidak percaya dengan buruhnya
Buruh juga tidak yakin dengan majikannya
Pengarah tidak percaya dengan orang bawahan
Orang bawahan tidak percaya dengan pengarahnya
Apatah lagilah jika bertemu dengan orang
yang tidak dikenali
Lebih-lebih lagilah satu sama lain bimbang-membimbangi
Suspect sahaja bertemu orang
Begitulah berlaku di dalam masyarakat manusia hari ini
Manusia sesama manusia telah menghantui fikirannya
Manusia sesama sendiri telah seksa jiwanya
Tidak bergaul tidak boleh hidup
Kerana manusia satu sama lain perlu-memerlukan
Tapi apabila bertemu masing-masing terseksa
Curiga-mencurigai menghantui manusia
Begitulah bila sudah ramai di kalangan manusia
rosak jiwanya
Bertemu sesama manusia tidak terasa bahagia
Tapi apa boleh buat, bertemu itu terpaksa juga
Mana manusia boleh hidup
tanpa bertemu sesamanya

Selepas Isyak
03 - 10 - 1999

32 MANUSIA TELAH DITAWAN OLEH NAFSU

ANGKASA lepas telah ditawan oleh manusia
Setelah bertahun-tahun mencuba tidak berjaya
Kalau bukit tidak dapat dikira banyaknya
yang telah ditawan oleh manusia
Gunung Everest yang paling tinggi di dunia
Banyak kali manusia sampai kemuncaknya
Yang jatuh mati entah berapa banyak bilangannya
Kutub Selatan, Kutub Utara memang sudah lama
dijelajah manusia
Lautan yang dalam semuanya telah ditawan
oleh manusia
Hutan belantara, gurun padang pasir yang kering-kontang
perkara biasa
Menawan di antara bangsa dengan bangsa
sudah menjadi budaya
Di antara negara dengan negara begitu juga
Sudah menjadi perkara lama
Macam-macam lagi ilmu-ilmu yang sulit dan tersembunyi
dikuasai manusia
Bila dilihat di sudut ini,
masya-Allah hebat sungguh manusia ini
Tapi bila berhadapan dengan nafsu
manusia kalah selalu
Di sudut-sudut lain mereka menawan
Di sudut nafsu mereka ditawan
Hingga nafsu jadikan manusia sebagai bola
Ditendang ke hujung ditendang ke pangkal
Disepak merata padang
Atau macam daun-daun kering diterbangkan oleh angin
merata-rata terbuang
Ada yang tercampak ke dalam longkang
Nafsu bila menawan manusia,
diperkotak-katiknya semahunya-mahunya

Hingga manusia hilang malu dibuatnya
Patutlah Rasulullah bersabda:
"Siapa dapat menawan nafsu dia adalah wira"

Selepas Asar
02 - 06 - 1997

33 NAFSU MEMPERBUDAK-BUDAKKAN MANUSIA

ENGKAU mengaku berkuasa
Tapi setiap hari engkau menerima arahan nafsu engkau
Engkau tidak mampu pun menolaknya
Engkau diarah ke sana dan ke mari
Tidak pula engkau sanggup membantahnya
Hingga engkau telah menjadi budak suruhannya
Engkau mengaku cerdik
Tapi setiap hari nafsu menipu engkau
Engkau tidak pun terasa kena tipu
Nafsu engkau telah merosakkan engkau
Namun engkau tidak terfikir dialah yang merosakkan engkau
Padahal engkau telah menjadi sengsara
Tapi engkau masih setia dengannya
Tidak terfikir pun oleh engkau
bahawa dia adalah musuh engkau
Engkau mengaku kuat
Sanggup berlawan dengan siapa sahaja
Engkau boleh menang
Tapi dengan nafsu engkau kalah setiap masa
Engkau telah dibelasah oleh nafsu engkau
Engkau telah teruk dibuatnya
Engkau pun sedar engkau bahawa engkau
telah dirosakkan olehnya
Namun engkau tidak tahu
bagaimana hendak mengalahkannya
Hingga jiwa engkau tidak pernah tenang dibuatnya
Kebahagiaan engkau telah hilang olehnya
Walaupun begitu engkau tidak tahu
bagaimana hendak mengalahkannya
Begitulah nafsu telah memperbudak-budak manusia
Sekalipun yang berkuasa, profesor,
dan yang gagah perkasa

Sebelum tidur
14 - 11 - 2000

34 MUJAHADAH JALAN MENUJU ALLAH

MUJAHADAH adalah satu jalan
untuk seseorang menuju Allah
Tanpa mujahadah adalah mustahil
seseorang hamba sampai kepada-Nya
Kerana yang menjadi penghalang
seseorang itu menuju Allah
ialah syaitan dan nafsunya
Tapi nafsu adalah lebih menghalang
dari syaitan laknatullah
Kehendak nafsu dengan kehendak Tuhan
biasanya selalu sahaja berlawanan
Di sinilah perlunya bermujahadah bersungguh-sungguh
dan bermati-matian
Bermujahadah adalah sangat menjemukan
Bermujahadah adalah terseksa dan menyakitkan
Tapi di sinilah pahalanya yang besar dari Tuhan
Bermujahadah adakalanya sangat susah dan payah
Ada juga dengan rahmat Tuhan bermujahadah
dipermudahkan
Tapi para rasul dan para nabi dengan anugerah Tuhan
dipelihara Tuhan
Mereka diberi kelebihan tanpa mujahadah menuju Tuhan
Mereka itu orang istimewa dan orang Tuhan
Terlepas daripada syaitan dan bebas daripada nafsunya
Mereka adalah orang pilihan Tuhan
Kerana mereka hendak dijadikan contoh dan ikutan
Mereka itu benar-benar orang Tuhan, dan wakil Tuhan
Untuk diikut oleh manusia berbagai-bagai lapisan
Kita yang bukan rasul dan nabi ini kenalah bermujahadah
Di dalam bermujahadah mintalah
pertolongan dengan Tuhan
Agar dibantu Tuhan di dalam bermujahadah
melawan nafsu dan syaitan

Bertawasullah selalu dengan Rasul dan Mursyidnya
Meminta tolong di dalam bermujahadah
agar dimudahkan oleh Tuhan
Bermujahadahlah secara istiqamah
dan jangan jemu-jemu
Nanti dengan rahmat Allah
mujahadah kita dipermudahkan

Menjelang Tidur
27 - 09 - 1999

35 MUSUH KETATKU ADA DUA

TUHAN! Musuh ketatku ada dua
Yang kedua-duanya tidak nampak oleh mata
Syaitan dan nafsuku
Musuh yang paling hampir dan amat merbahaya ialah nafsu
Nafsu adalah sebahagian daripada diriku
Ia lebih merbahaya daripada syaitan yang terkutuk
Kerana dia adalah jalan atau lorong bagi syaitan
Ertinya syaitan tidak akan dapat menyesatkan manusia
kalau bukan kerjasama nafsu
Nafsu boleh juga dikatakan tali barut syaitan
Sedangkan syaitan dan nafsu *network*nya terlalu banyak
Bukan senang hendak dikesan
Jebak dan perangkapnya terlalu banyak yang direntang
di sekeliling kehidupan insan
Siapalah yang boleh terlepas daripada jebaknya?
Siapalah yang boleh selamat daripada termasuk
di dalam perangkapnya?
Aku tidak mungkin boleh mengawal
dan menjaga diriku sendiri?
Daripada terjebak dan terperangkap di dalam jaringnya
Kecuali kawalan dan pemeliharaan daripada-Mu Tuhan
Engkaulah yang boleh menjaga dan menolong aku
daripada termasuk ke dalam perangkapnya
Oleh itu aku memohon dengan Rahmat-Mu Tuhan!
Jagalah aku, peliharalah aku, lindungilah aku
Agar aku terselamat daripada tipu daya nafsu dan syaitan
Aku berlindung dengan-Mu Tuhan
daripada kejahatan syaitan
Dan aku juga berlindung dengan-Mu Tuhan
Daripada kejahatan nafsuku
Engkau sajalah yang boleh menyelamatkan aku
Selamatkanlah aku Tuhan

Selepas Asar
27 Muharam 1421H

36 BANTULAH AKU MELAWAN NAFSUKU

TELAH aku lawan nafsuku setiap waktu
Aku cuba berkali-kali, aku kalah lagi
Aku tidak putus asa, aku lawan lagi
Namun aku kalah juga
Tuhan, bantulah aku
mudahkan aku melawan nafsu
Aku tetap melawannya, ia tuntutan fardhu
Agar aku tidak terhalang menuju-Mu
Tolonglah aku Tuhan, kasihanilah aku
Kalau Engkau biarkan aku, aku akan berterusan
ke lembah dosa
Tuhan, nafsuku selalu mengganggu aku
Dia bekerjasama dengan syaitan terkutuk
Setiap hari ia memusuhi aku
Bila aku ingin mentaati-Mu
Tuhan, bantulah aku
Tuhan, kasihanilah aku
Jangan biarkan aku keseorangan
menghadapi syaitan dan nafsu
Aku ingin mentaati-Mu, aku ingin keredhaan-Mu
Kalau Engkau biarkan aku, aku akan kecewa nanti
Tuhan, aku akan mencuba lagi melawan nafsu
Dengan bantuan-Mu dan rahmat-Mu
Aku tidak akan berputus asa
Aku tetap berjuang dengan mengharapkan
bantuan dari-Mu

09 - 08 - 1995

37 LEMBUTNYA HATI MAZMUMAH BOLEH MATI

TAKUTKAN Tuhan atau cinta kepada-Nya
boleh melembutkan hati
Lembutnya hati, mazmumah boleh mati
Tidak takutkan Tuhan atau tidak cinta kepada-Nya,
hati buta atau mati
Bila hati buta atau mati
Nafsulah yang akan menjadi raja di dalam diri
Nafsu menjadi raja diri akan bermaharajalela
Dia akan mendorong manusia membuat apa sahaja
Kejahatan nafsu itu dahsyat
Jika ia telah bermaharajalela, ia akan jadi air bah
melanda apa sahaja
Ia juga akan jadi angin yang menggila
memusnah segala benda
Atau dia akan jadi api membakar setiap yang ada
Aduh, dahsyatnya nafsu manusia jika tidak dijaga
Kejahatannya, manusia mati, cacat dan luka
Harta benda musnah, bangunan yang tinggi runtuh,
segala yang indah punah
Binatang-binatang yang tidak berdosa juga ikut punah-ranah
Tanam-tanaman untuk makanan manusia turut musnah
Aduh! Jahatnya nafsu, runtuh rumahtangga
Pecah persaudaraan, musnah kasih sayang
Aduh! Jahatnya nafsu manusia berkrisis dan berperang
Berkelahi dan berbunuh-bunuhan
Zina lumrah berlaku, rogol dan pencabulan
merobek-robek maruah manusia
Aduh! Merbahayanya nafsu,
musnah perikemanusiaan

Menjelang Asar
07 - 08 - 1999

38 BERMUJAHADAHLAH MEMBERSIHKAN JIWA

BERMUJAHADAHLAH membersihkan jiwa
Dari mazmumah yang merosakkan diri dan manusia
Bermujahadahlah, jangan jemu-jemu dan kecewa
Bermujahadah melawan nafsu memang sakit dan susah
Bahkan meletihkan dan menjemukan
Kalau lemah semangat akan menyerah kalah
tanpa berjuang
Itulah yang dikehendaki oleh syaitan
Syaitan tahu nafsu itu adalah jalannya
Jika manusia tidak bermujahadah melawan nafsu
luaslah jalannya
Bermaharajalelalah syaitan menggoda
dan memperdaya manusia
Manusia diperkotak-katikkan ke sini dan ke sana
Macam bola di padang yang ditendang-tendang
oleh manusia
Dipermainnya manusia itu semahu-mahunya
Diperhambanya manusia itu mengikut kehendaknya
Berjayalah syaitan terhadap kebanyakan manusia
Sedikit sahaja manusia yang tidak masuk perangkapnya

Selepas Isyak
04 - 08 - 1999

39 FITRAH MURNI TELAH PUNAH

SIFAT-SIFAT semulajadi telah musnah
Fitrah murni punah-ranah
Seorang ibu rasa keibuan sudah tidak ada lagi
Kerana itulah mengasuh anak-anaknya
terasa terpaksa bahkan rasa terseksa
Kasih sayang tidak ada
Seorang bapa pula rasa tanggungjawab
sudah tidak ada
Mengeluar belanja merasa terpaksa
Guru pun, rasa anak kepada murid-muridnya
sudah hilang dari jiwa
Dia merasakan adanya murid-murid itu
adalah tempat cari makan
Murid pula rasa sayang dan hormat kepada gurunya
sudah gersang
Jumpa guru kerana tujuan ilmu untuk cari makan
di masa depannya
Begitu juga pemimpin tidak terasa lagi rakyat-rakyatnya
sebagai anak-anaknya
Tempat rakyat dan pengikut dapat kasih sayang
dan bermesra
Tidak terasa lagi pemimpin itu
sebagai ibu tempat bermanja
Begitulah seterusnya isteri tidak terasa suami
sebagai kawan hidup tempat berlindung
Suami tidak merasakan lagi isteri
sebagai kawan hidup tempat belaian kasih sayang
Suami isteri sekadar melepaskan keperluan biologi
Selepas itu ikatan hati sudah tidak ada lagi
Hidup rumahtangga selalu sahaja tegang
Jadi sekarang semua golongan sudah tidak lagi
mendapat kasih sayang
Jiwa manusia sudah jadi gersang

Benci, resah, gelisah, marah-marah
Risau, kecewa, putus asa
Akibat fitrah semulajadi
  telah musnah dan punah
Disebabkan kepentingan peribadi
  terlalu menjadi-jadi

Menjelang tidur
02 - 10 - 1999

40 HATI NURANINYA TELAH MATI

KALAU dari pandangan mata
Terhadap gunung-ganang, lautan dan daratan,
langit dan bumi
Tidak terasa kuasa Tuhan
Jika setiap peristiwa dan kejadian
Tidak terasa kebesaran-Nya
Setiap nikmat tidak terasa anugerah Tuhan
Kejadian malam dan siang tidak terasa pentadbiran
dan bijaksana-Nya
Orang yang senang tiba-tiba jadi susah
Orang yang susah tiba-tiba jadi senang
Tidak terasa ketentuan Tuhan
Orang yang hina jadi mulia, yang mulia jadi hina
Tidak terasa Qudrat dan Iradat Tuhan
Air banjir, gunung berapi, gempa bumi
melenyapkan sekelip mata apa yang ada
Tidak terasa lagi hebatnya Tuhan, kemampuan,
Jabbar dan Qahhar-Nya
Kematian yang berlaku setiap hari
tidak diambil pengajaran
Apakah lagi yang boleh membangunkan
jiwa manusia dari tidurnya?
Apakah lagi yang boleh menyedarkan
jiwa manusia dari kelalaiannya?
Apa lagi agaknya dan macam mana lagi
gerangannya untuk menginsafkan manusia?
Memang tidak ada jalan lagi buat manusia
Segala lorong dan jalan telah buntu
Untuk manusia menempuh jalan kebenaran
Hati memang telah buta
Lebih-lebih lagi hati nuraninya telah mati
Segala yang dilihat daripada
berbagai-bagai peristiwa

Tidak merasa apa-apa
Perasaan dan sensitivitinya sudah tiada
Macamlah anggota lahir yang lumpuh
Apa sahaja yang disentuhnya
   sudah tidak terasa apa-apa
Inilah akibatnya tidak menjaga mata kepala
Menjadikan mata hati buta atau mati

Selepas Asar
23 - 07 - 1999

41 HATI YANG LALAI DENGAN TUHAN

HATI yang lalai dengan Tuhan penuh dengan mazmumah
Hati yang tidak rasa bertuhan, rasa kehambaannya punah
Bila hati lalai, rasa bertuhan tiada, jiwa pun mati atau buta
Hati yang mati atau buta laksana batu yang keras
Batu yang keras, air pun tidak ditampungnya
Sebarang apa pun ditanam di atasnya
tidak akan mahu tumbuh
Begitulah hati apabila sudah keras macam batu
Sebarang pengajaran tidak akan boleh diterimanya
Jika dinasihat sakit hatinya
Sebut nama Tuhan tidak terasa apa-apa
Diingatkan dosa dan pahala,
acuh tak acuh sahaja mendengarnya
Sebut sahaja Syurga, Neraka, malu mendengarnya
Adakalanya mencemik mulutnya
Pejuang-pejuang Islam sangat dibencinya
Bahkan dimusuhi dan diperanginya
Manusia-manusia yang hatinya sudah keras inilah
yang menjadi bencana kepada dunia
Yang melahirkan penzalim dan penindas
Yang membuat maksiat dan onar
Yang meruntuhkan peri kemanusiaan
Yang merosakkan maruah manusia
Huru-hara dunia dibuatnya
Dahsyatnya sekali hati
apabila telah keras menjadi batu

28 - 08 - 1999

42 HINDARI PERKARA YANG MEMATIKAN HATI

PEMBUNUH jiwa atau mematikan hati banyak perkaranya
Kenalah jaga bersungguh-sungguh jangan sampai menimpanya
Orang yang jiwa mati atau buta hati merosak manusia dan dunia
Bahkan perosak segala-galanya terutama agama
Di antara perkara pembunuh jiwa atau pembunuh hati
Mata tidak dikawal daripada dosa
Telinga juga suka mendengar perkara yang lucah
dan tidak bersopan
Mendengar umpatan dan perkataan yang melalaikan
Hati suka mengkhayalkan kecantikan perempuan
yang tidak halal
Di waktu keseorangan suka berangan-angan
dan berkhayal-khayal
Apatah lagi makan minum yang syubhat dan tidak halal
Lebih-lebih lagilah membunuh jiwa atau mematikan hati
atau menghitamkannya
Pergaulan bebas di antara laki-laki dan perempuan
kenalah jaga
Kerana di sana boleh memberangsangkan
nafsu haiwan kepada manusia
Dari rangsangan nafsu yang jahat merosakkan jiwa
Apabila jiwa rosak berbagai-bagai mazmumah
akan menimpanya
Di waktu itu tidak mampu untuk mengkontrolnya
Lahirlah berbagai-bagai maksiat
dan kemungkaran oleh manusia
Gejala masyarakat pun bermaharajalela
Punah-ranahlah pergaulan manusia
Di waktu itu hilanglah keamanan dan keharmonian
di dalam masyarakat manusia
Maka menjadi balalah kepada kehidupan manusia
Di Akhirat masuk Neraka

Selepas Isyak
15 - 10 - 1999

43 SUSAH MENGENAL DIRI

ORANG lain susah mengenal diri kita
Sepertimana kita juga susah mengenal diri orang lain
Lebih-lebih lagi orang itu atau kita tidak selalu bergaul dari dekat
Bahkan kalau selalu bergaul seseorang itu
dengan seseorang yang lain pun
Sesetengah orang payah mengenal orang yang digaulinya
Sekiranya ilmu seseorang cetek terutama cetek
di bidang ilmu kerohanian
Ilmu tentang hati dan nafsu berdasarkan syariat Islam
Bukan sekadar itu, ada manusia yang dia tidak kenal
hakikat diri sendiri
Apakah dia orang baik atau orang jahat
Di sini saya ingin memaparkan kepada pembaca
beberapa soalan atau pertanyaan
Kemudian kita ukur dengan diri kita sendiri
Dengan menilai hati, nafsu dan akal kita
Nanti kita sendiri akan sedar dan dapat jawapan
siapa sebenarnya diri kita
Kita sendiri boleh menghukum diri kita
Kita boleh menentukan kita ini siapa
Apakah kita hamba Allah yang telah dapat
mengekalkan sifat kehambaan
Atau kita sebagai hamba telah memakai sifat ketuanan
Yang lebih parah lagi kita memakai sifat ketuhanan,
waliyazubillah
Selepas ini nanti terpulanglah kepada kita
apakah kita sanggup mengubah sikap kita
Kepada seorang hamba yang dapat mengekalkan
sifat kehambaan yang kita ini memang hamba
Seperti rasa takut kepada Tuhan, hina, malu,
lemah, harap, menyerah diri, kesal
Syukur, redha, rasa bersalah
dan lain-lain lagi sifat kehambaan

8.22 pagi Selasa
25 - 02 - 1997
(17 Syawal 1417H)

44 SUDAHKAH KENAL DIRI?

SUDAHKAH engkau kenal diri engkau?
Mengenal secara maknawi dan rohani
Kerana mengenal diri secara fizikal
  mungkin mudah dan senang
Dapatkah engkau kesan ilmu yang engkau miliki itu
  sejauh mana nilainya mengikut Tuhan
Sudahkah engkau dapat membaca
  ilmu yang engkau miliki itu sejauh mana
  memberi manfaat kepada agama dan dunia
Apa engkau rasa dengan ilmu engkau?
Engkau berbanggakah atau bersyukur
  dan merendah diri?
Lebih-lebih lagi engkau kenalkah
  jiwa atau hati engkau?
Engkau dapat kesankah jiwa engkau
  tentang mazmumah dan mahmudahnya
Bolehkah engkau menilai apakah yang engkau
  lintaskan di dalam hati engkau?
Kebesaran apa yang engkau rasa
  di dalam jiwa engkau?
Apa engkau rasa bila berbagai-bagai perubahan
  yang engkau lihat dan rasa
Kalau engkau tidak perasan ini semua
Atau ia berlalu begitu sahaja,
  engkau belum kenal diri engkau
Jika diri engkau tidak kenal,
  lebih-lebih lagi diri guru engkau
  sudah pasti engkau tidak kenal?!
Kalau guru engkau sendiri engkau tidak kenal
Wah, lebih-lebih lagi Tuhan engkau
  belum engkau kenal lagi
Oleh itu mengapa engkau membesarkan diri
  tidak mahu dipimpin lagi?

Diri engkau sendiri pun engkau belum kenal?
Engkau mahu berjalan sendiri tanpa pimpinan?
Lebih-lebih lagi engkau ada cita-cita
  hendak pimpin orang lain?
Jangan! Jangan! Nanti engkau akan sesat
  dan menyesatkan orang lain
Nilailah diri engkau!
Engkau patut jadi pengikut atau menjadi pemimpin?
Kalau engkau hendak jadi pemimpin,
  engkau mesti kenal sungguh diri engkau
Jika tidak bagaimana engkau
  hendak kenal diri orang lain

Menjelang Maghrib
14 - 12 - 1999
(06 Ramadhan 1420H)

45 ENGKAU JAGA SANGAT JASAD LAHIR

ENGKAU jaga sangat jasad lahir engkau
Engkau jaga dan belai muka engkau
agar licin dan cantik
Engkau gunakan berbagai-bagai jenis krim
dan losyen untuk menjaga kulit badan
Agar kulit sentiasa licin dan tegang
Engkau makan berbagai-bagai makanan awet muda
Untuk menjaga keteguhan dan kesihatan badan engkau
Semua yang engkau jaga itu adalah nilai dunia
Kerana badan lahir ini bukan ada perasaan mengenal Tuhan
Jauh sekali rasa kehambaan
Lantaran itu apabila mati dibaham
oleh ulat dan jadi tanah
Ertinya ia tidak kekal abadi
Tapi malang sekali anggota batin engkau
yang boleh jadi nilai Akhirat
Engkau abaikan
Akal yang menjadikan engkau mukallaf
Jiwa atau hati yang boleh mengenal Tuhan
engkau cuaikan
Nafsu yang boleh dididik dan dilatih untuk taat
Kepada Tuhan semesta alam
Engkau tidak ambil peduli pun
untuk bermujahadah terhadapnya
Padahal semuanya ada nilai Akhirat
Dia adalah kekal abadi di Akhirat kelak
Sama ada ke Syurga atau ke Neraka
Sebenarnya akal, jiwa, nafsu
inilah hakikat diri engkau
Badan lahir kalau engkau abaikan
Hanya menderita di dunia sahaja
Tapi jasad batin iaitu hakikat diri engkau,
jika engkau abaikan

Dia akan menderita di Neraka
Engkau abaikan hakikat diri engkau
Engkau termasuk orang yang sangat zalim
Tapi engkau tidak nampak engkau menzalimi
diri engkau sendiri
Yang engkau nampak orang lain menzalimi diri engkau
Orang menzalimi diri engkau, engkau dapat pahala
Tapi engkau menzalimi diri engkau sendiri,
dapat bala dan Neraka

02 - 11 - 1999

46 ENGKAU BIARKAN BATINMU

ENGKAU jaga sangat diri lahirmu
Sama ada cantik atau buruk, cacat atau tidak
Engkau hias selalu, engkau jaga kesihatan
Setengah orang kerana terlalu memikirkan diri yang lahir
Untuk kecantikannya, dia membuat pembedahan/*surgery*
Membetulkan hidung yang peset menjadi mancung
Pipi yang berkedut menjadi licin
Buah dada yang lembik menjadi tegang
Engkau sanggup bayar kerananya berjuta-juta ringgit
Padahal diri engkau yang hakiki yang kekal abadi,
engkau sia-siakan
Engkau tidak ambil peduli pun
Berbagai-bagai penyakit kronik yang telah menimpa
jasad batinmu
Tidak pernah pun engkau hendak mengubatnya
Padahal hakikat diri engkau
yang engkau tidak ambil kisah itu
Telah merosakkan dirimu sendiri
Bahkan telah merosakkan kehidupan orang lain
Jasad batin engkau telah menghuru-harakan orang
Dunia telah menjadi haru-biru
Disebabkan diri yang kekal abadi itu
Tapi masih engkau tidak ambil pusing lagi
Engkau masih memikirkan benda-benda luaran sahaja
Jasad batin engkau biar ditimpa berbagai-bagai penyakit
Padahal engkau telah menerima risikonya
Bahkan engkau telah melihat bagaimana
ia telah merosakkan orang lain
Hal ini segala-galanya berlaku
kerana engkau tidak kenal Tuhan
Dan tidak rasa bertuhan

Menjelang Maghrib
05 - 11 - 1999

47 ANGGOTA LAHIR CACAT KITA TERASA

ANGGOTA lahir kalau dia cacat kita terasa
Atau dia sakit kita terasa juga
Cacat atau sakit disebabkan kena duri,
kena kayu, terpijak paku
Terjatuh atau terantuk
Kerana cacat atau sakit kita terasa,
cepat-cepat kita mengubatnya
Anggota batin atau hakikat diri engkau cacat
atau sakit tidak terasa
Kerana itulah engkau tidak terfikir untuk mengubatnya
Cacat atau sakit disebabkan ilmu, kedudukan atau harta
Juga disebabkan oleh pujian,
kecantikan muka atau sasa badannya
Atau dia rosak disebabkan oleh bala bencana
yang kita tidak sabar menanggungnya atau tidak redha
Adakalanya dia cacat dikeranakan oleh ibadah yang banyak,
hati pun berbunga
Rasa takut dengan Allah pun hilang bahkan terasa aman
Tidak kurang juga ia cacat rasa bertuhan
Juga tidak rasa kehambaan merosakkan hati dan jiwa
Rosak anggota lahir, habis di dunia sahaja
Bahkan ia boleh mendatangkan pahala
kepada seseorang hamba, ia masih untung juga
Rosak hati atau jasad batin, ia jadi derhaka
Bala bencananya lebih besar lagi,
kerana berdosa akhirnya ke Neraka
Jagalah jasad batin jangan sampai ia cacat
Lebih-lebih lagi rosak
Ia adalah hakikat diri kita
Ia kekal abadi hingga ke Akhirat
Dialah yang akan diazab
atau menerima rahmat di Syurga

Menjelang Maghrib
06 - 11 - 1999

48 DEMI NAMA DAN GLAMOUR

DEMI nama dan glamour
Gunung yang tinggi sanggup engkau daki
Sekalipun nyawa menjadi tebusannya
Gaung yang dalam engkau terjun
Walaupun patah kaki
Atau mungkin mati
Lautan yang luas sanggup engkau jelajahinya
Padang pasir engkau terokai
Hutan belantara engkau harungi
Susah dan payah tidak ada di dalam kamus hidupmu
Penderitaan mudah engkau lalui
Demi mengejar nama
Demi mengharumkan negara
Tapi demi untuk Allah
Sembahyang Subuh dua rakaat tidak mampu
engkau melakukannya
Tudung berat hendak diletak di atas kepala
Menegakkan kebenaran tidak mampu
engkau melaksananya
Takut apa orang kata
Memperjuangkan kebenaran apatah lagi
Tidak sanggup menerima risikonya
Tapi demi nama
Sekalipun risikonya tinggi
Engkau sanggup melakukannya

Selepas Asar
06 - 03 - 1999

49 APABILA HATI SUDAH BUTA

APABILA hati manusia telah buta
Atau jika hati manusia telah mati
Perasaannya yang positif sudah tidak ada lagi
Kasih sayangnya hilang, rasa simpatinya gersang
Bertimbang rasa sesama manusia lenyap sama sekali
Belas kasihannya tercabut sama sekali dari jiwanya
Maaf-bermaafan tidak akan berlaku sesama manusia
Di waktu itu hatinya kejam, jiwanya keras
Kalau dia menzalim atau menganiaya manusia,
terhibur hatinya
Kalau dia disinggung orang, sangat berdendam
Jika orang mendapat kesusahan gembira hatinya
Puas hatinya melihat orang di dalam penderitaan
Dia jadi orang pemarah, emosional dan pemberang
Jangan ada orang yang mencabarnya, dia tidak sabar
Dia akan bertindak balas kepada orang itu
Kalau mendapat pangkat, kekayaan, sombongnya terserlah
Jika mendapat kesusahan atau ujian,
aduh sungguh derita jiwanya
Sentiasa sahaja keluh-kesah, resah dan gelisah
Marah-marah pun tiba, hingga sikap tidak normal lagi
Pantang diberi ingatan dan nasihat
Payah mahu menerima bahkan dia tersinggung
Sakit hati pun membara kepada orang itu
Begitulah jika hati manusia sudah buta
Atau kalau jiwa manusia telah mati
Oleh itu hati kenalah jaga
Jangan biarkan ia buta atau mati

Menjelang Maghrib
23 - 12 - 1999
(16 Ramadhan 1420H)

50 BILA HATI LAPANG

APABILA hati lapang, rumah yang sempit terasa lapang
Apabila hati sempit, rumah yang luas terasa sempit
Dada rohaniah kita kenalah jaga
Senang, susah dialah yang menentukan
Bila dada lapang, hidup yang susah terasa senang
Hidup payah, terasa mewah
Miskin terasa kaya bahkan bahagia
Apabila dada rohaniah sempit
Di mana sahaja pergi terasa terhimpit
Tempat yang lapang terasa sempit
Kaya terasa miskin, ada terasa tiada
Makan rasa tidak sempurna
Padahal di hadapannya bermacam-macam jenis lauknya
Bila dada sempit dia tidak tahu apa yang hendak dicarinya
Seolah-olah mencari barang yang tiada dimilikinya
Dia tidak terasa memiliki apa-apa
Rasa tiada sepanjang masa, rasa kurang sahaja
Justeru itulah rasa tidak senang, menusuk dadanya
Rasa tidak tenang merobek hatinya
Macam ditimpa kanser di dada
  yang tidak dapat dilihat oleh mata
Hanya yang terasa sakitnya

Selepas Asar
06 - 05 - 1997

51 PENYAKIT JIWA BILA PARAH

PENYAKIT jiwa apabila parah,
lahir penyakit putus asa
Putus asa, segala yang dimiliki tiada berguna
Segala kemewahan, kebahagiaan, semua kekayaan
tidak dapat mengubatnya
Akhirnya kalau tidak dikawal dia akan bunuh diri
Itulah jalan keluar baginya
Dia lupa, dia lari dari penderitaan yang maha kecil
Kepada penderitaan yang maha besar
Tetapi dia jahil hakikat Akhirat, dia terjerat
Perbandingan penderitaan dunia
dengan penderitaan Akhirat
Macam gigitan semut dengan gigitan singa garang
yang membaham dengan taringnya
Penyakit jiwa bukan kerana tiada harta
atau tiada bintang di dada
Tidak juga kerana tiada pangkat
atau tiada nama dan glamour
Penyakit jiwa ialah penyakit tiada percaya
kepada Tuhan yang Maha Esa
Atau percaya tapi tiada pautannya
Qadha dan qadar dari Tuhan tiada dihayati
Penyerahan diri kepada Tuhan tiada
Bantuan Tuhan tiada diharapnya
Untuk mengubat penyakit jiwa
bukan dengan harta
Tidak juga dengan betina,
tidak juga dengan nama
Bukan juga dengan makan minum,
menjamu selera
Tidak juga dengan melancong
ke Barat dan ke Timur
Hiburan, tonton wayang,

pergi disko bukan caranya
Tidak juga melihat hutan, mandi-manda
di tepi pantai atau melihat air terjun
Ubatnya tanamkan keyakinan kepada Allah
yang Maha Esa
Redha menerima qadha dan qadar-Nya
Berserah diri kepada Allah dan baik sangka kepada-Nya
Penyakit jiwa tidak berlaku pada orang yang beriman
betapalah penyakit putus asa

Selepas Isyak
26 - 05 - 1997
(18 Muharram 1418H)

52 ALANGKAH PAYAHNYA MENJAGA HATI

ALANGKAH payahnya menjaga hati
Sekalipun berhati-hati
Bila orang puji berbunga
Apabila orang keji, aduh sakitnya macam kena cucuk atau kena tusuk
Apabila membuat kebajikan
Mendesak-desak sahaja hendak bercerita
Jika tidak bercerita rasa terseksa
Di sini ada glamour
Di sinilah ada nama
Oh, ruginya kalau tidak dicerita
Bila berpidato, orang mengangguk-angguk
Boleh tahan juga aku ini, bisiknya
Kalau melihat orang lain ada mempunyai kelebihan
Aduh, macam makan buah pahit rasanya
Hati kerut membawa ke muka
Atau muka masam macam cuka
Apabila melihat kawan-kawan mempunyai kelemahan-kelemahan
Hati mendesak-desak hendak mengata atau menghina
Aduh, susahnya menjaga hati!
Aduh, di manakah keikhlasan?!
Sedangkan hati adalah tempat pandangan Tuhan

Selepas Asar
28 - 04 - 1997

53 WARNA HATI SENTIASA BERUBAH

SUSAH sungguh hendak meluruskan hati
Berubah sahaja situasi dia pun berubah pula
Payah sangat hendak dicorakkan di dalam satu warna
Warna hati sentiasa berubah
Dia tidak mahu istiqamah
Mudah sahaja tergugat oleh suasana
Apabila mendapat ujian kesusahan dia mula gelisah
Jika bertambah lagi ujian jiwa bertambah parah
Manakala mendapat kesenangan dia pun berbunga
Kalau bertambah lagi kesenangan,
bunganya bertambah merah dan cerah
Dia terlonta-lonta kegembiraan, lupa daratan
Dia terasa orang istimewa
Orang lain semuanya malang
Tuhan! Luruskanlah hatiku
Di dalam sebarang situasi
Di waktu susah dan senang
Di masa sempit dan lapang
Engkau jadikanlah hatiku di dalam sebarang waktu
tidak cacat dengan-Mu
Bahkan setiap kejadian yang berlaku
menguatkan imanku

Selepas Asar
14 - 11 - 1998

54 RENUNGLAH SELALU HATI KITA

RENUNGLAH selalu hati kita
Kerana ia merupakan sumber kebaikan dan kejahatan
Wadah kekufuran dan keimanan
Rebutan di antara malaikat dan syaitan
Hati perasaannya halus
Sentuhannya tiada terasa
Tapi sangat memberi kesan di dalam kehidupan kita
Siapa yang arif perjalanan hatinya
Faham kebaikan dan kejahatannya
Bersungguh-sungguh bermujahadah
membuang kejahatannya
Diganti segera dengan kebaikan
Orang itu akan selamat dari tipu daya
syaitan dan dunia
Ramai orang tidak faham perjalanan hatinya
sekalipun ulama
Terima sahaja yang baik dan yang buruknya
Kemudian merasakan baik semuanya
Tiada terasa lagi membuat dosa
Di sinilah perlu pimpinan guru
yang mengenal hati manusia

Selepas Subuh
19 - 11 - 1998

55 MENGENAL HATI DAN KEAJAIBANNYA

HATI daging adalah sarang atau rumah bagi hati nurani
Hati nurani boleh juga dipanggil hati batin
Hati daging adalah bersifat lahir
Ia merupakan kajian para doktor perubatan
Hati nurani yang boleh juga dipanggil roh
Ia adalah merupakan bahan kajian
para doktor kerohanian
Seperti para rasul, nabi-nabi,
para wali dan ulama-ulama sufi
Perbahasan kita di sini adalah hati nurani atau roh
Kerana ia menjadi pandangan Tuhan
Apakah seseorang itu taat atau derhaka
Ia merupakan penentu apakah seseorang itu
ke Syurga atau ke Neraka
Ia dianggap raja di dalam diri manusia
Baik raja diri maka baiklah seluruh anggota
Jika raja itu jahat maka jahatlah seluruh anggota
Kalau ia bersih daripada segala godaan mazmumah,
mendapat kemenanganlah manusia
Sekiranya ia digoda oleh mazmumah,
gagal dan kecewalah yang empunya diri
Sungguh ajaib hati di segi sifatnya
dan rohaninya serta peranannya
Penuh rahsia, penuh misteri,
jarang manusia dapat menyelaminya
Ia merupakan khazanah ilmu dan hikmah yang tersimpan
Yang datang daripada saluran-saluran jawarih insan
Seperti mata, telinga, tangan dan lain-lain anggota badan
Marilah seterusnya kita mengenal hati nurani
Dengan cara kita membuat perumpamaan-perumpamaan
dan ibarat-ibarat
Sebagai pendekatan-pendekatan untuk mudah kita faham
Hati ibarat perigi atau kolam yang amat jernih

Dia akan terus jernih jika dijaga
  bahkan akan bertambah jernih
  jika dimasukkan tawas di dalamnya
Badan menjadi sihat dan segar
  jika diminum dan dibuat mandi
Tapi ia akan menjadi kotor atau keruh
  kalau dibiarkan masuk benda-benda
  yang mengotorkannya
Akan mendatangkan penyakit jika digunakan
Hati ibarat tanah yang subur,
  jika digemburkan bertambah subur
Boleh menumbuhkan berbagai-bagai jenis tanaman
  yang memberi faedah
Tetapi jika ia menjadi kemarau dan gersang
Tiada kehidupan yang boleh hidup
Yang tiada memberi apa-apa faedah
  kepada makhluk Tuhan

Menjelang Tidur
05 - 10 - 2000

56 HATI SEBAGAI WADAH

TUHAN menganugerahkan kepada engkau
hati atau jiwa sebagai wadah
Ia adalah anggota yang paling penting
di dalam diri manusia
Tapi malang, atau sungguh sayang
Engkau tidak jadikan wadah menerima hidayah
Wadah engkau tidak pun engkau isi dengan kasih sayang
Hati sebagai wadah, engkau tidak isi rasa bertuhan
Jiwa engkau sebagai wadah, tidak engkau isi rasa kehambaan
Wadah engkau, engkau kosongkan
daripada timbang rasa dan peri kemanusiaan
Engkau kosongkan wadah engkau
daripada perasaan-perasaan yang mulia
Tapi apa yang engkau isikan?
Engkau isikan dengan racun-racun mazmumah
yang merosakkan manusia
Bahkan yang menghancurkan dunia
Hati engkau tidak engkau jadikan cermin melihat kebenaran
Engkau butakan hati engkau
Hingga tidak ada lagi rasa bertuhan
Setidak-tidaknya engkau merabunkan
Hingga engkau ragu dengan kebenaran
Sayang, hati atau jiwa yang paling berharga
Yang menentukan engkau manusia yang ada kemanusiaan
Tapi engkau abaikan
Tapi yang engkau urus sangat dan engkau belai
Anggota lahir engkau, jawarih engkau
Anggota yang akan dimakan ulat dan binasa
Anggota yang kekal abadi yang akan dipersoalkan,
engkau abai dan biarkan
Padahal hati tempat pandangan Tuhan

Selepas ekspedisi
01 - 10 - 1999

57 BERSIHKANLAH JIWA KERANA IA ADALAH WADAH

BERSIHKANLAH jiwa kerana ia adalah wadah
Tempat Allah mengisi iman dan keyakinan
Bersihkanlah jiwa ia ibarat cermin
Jangan sampai ia kotor dan kabur
Jika ia kotor atau kabur tidak nampak lagi kebenaran
Bersihkanlah jiwa, ia laksana radar menangkap apa sahaja
Apabila jiwa kotor macam radar yang telah rosak
Ia tidak dapat lagi mengesan apa-apa
Ertinya jiwa tidak akan boleh menerima pengajaran
Bersihkanlah jiwa ia ibarat kamera
Boleh menggambar apa sahaja secara tepat
Jika jiwa kotor, ibarat kamera yang tidak berfungsi
Tidak dapat menggambarkan secara tepat kebenaran agama
Apa yang ditangkapnya tidak jelas
Ia jadi ragu-ragu dan mengelirukan

Selepas Isyak
04 - 08 - 1999

58 SOAL MAKNAWI SUKAR DIRASA

RUPANYA kalau barang-barang murah
atau mata benda yang murah
Sama ada tidak dimiliki atau ada dimiliki,
semua manusia terasa
Atau setiap orang yang empunya
atau tidak berpunya itu sedar
Orang yang kaya dengan harta
dia sedar yang dia kaya
Orang yang miskin juga dia sedar
yang dia tidak empunya
Orang yang berumah besar dan cantik
dia sedar memiliki itu semua
Juga orang yang rumah kecil dan buruk
dia juga sedar yang demikian itu
Begitulah seterusnya orang yang bermuka cantik
dia sedar yang dia cantik
Orang yang muka buruk juga sedar
yang dia bermuka buruk
Tapi malang sekali, orang yang tidak dapat hidayah,
dia tidak sedar tidak dapat petunjuk-Nya
Orang yang tidak miliki iman
tidak terasa tidak punya iman
Juga orang yang tidak terasa tidak bertuhan,
ia tidak terasa dia tidak merasa bertuhan
Begitu juga orang yang hatinya penuh mazmumah
seperti sombong, riyak, ujub
Dia tidak terasa ia miliki itu semua
Rupanya di dalam hidup ini
benda yang zahir mudah dikesan
Perkara-perkara yang maknawi dan rohani
payah diketahui
Kerana itulah lumrah manusia di dunia ini
sibuk dengan soal-soal lahiriah

Sama ada yang positif mahupun yang negatif
Perkara-perkara maknawi dan rohani
manusia tidak mempedulikan
Kerana itulah persoalan iman, hidayah dan taqwa
kurang dipersoalkan
Persoalan mazmumah jarang diambil perhatian
Orang hanya sibuk-sibuk dengan persoalan luaran
Soal-soal di dalam terabai dan dicuaikan
Kerana itulah penyakit masyarakat
susah hendak ditumpaskan

Selepas Jumaat
01 - 10 - 1999

59 CELIKKANLAH ROHKU

YA Allah! Engkau celikkanlah rohku
Agar jasad lahirku patuh kepada-Mu
Hidupkanlah jiwaku agar jawarihku
Taat dan setia kepada-Mu

Tuhan!
Hidupkanlah rohku dengan mengingati-Mu

Tuhan!
Hidupkanlah jiwaku dengan rasa bertuhan
Bangunkanlah jiwaku dengan rasa kehambaan
Agar fitrahku dapat dikembalikan kepada asal kejadian
Fitrah semulajadi sebelum dirosakkan
Dia telah kenal Tuhan
Dia telah berjanji kepatuhan dan ketaatan

Tuhan!
Janganlah Engkau biarkan rohku di dalam kebutaan
Nanti kelak dia tidak akan kenal lagi kebenaran
Janganlah Engkau tinggalkan jiwaku buta
Hingga dia tidak kenal lagi Tuhan dan kebenaran

Tuhan!
Peliharalah fitrahku
Janganlah sampai ada yang merosakkannya
Jagalah fitrahku agar ia tetap dengan sifat asalnya

Tuhan!
Rosak fitrahku
Maka rosaklah jawarihku
Rosak fitrahku, rosak pulalah syariatku
Yang paling aku takut, jangan sampai rosak
Perhubunganku dengan Tuhan
Kalau berlaku, punahlah kehidupanku
Dunia dan Akhirat
Sia-sialah umur dan kehidupanku

Malanglah aku dan binasalah aku
Oleh itu sekali lagi harapanku kepada-Mu
Jagalah fitrah semulajadiku
Aku tidak mampu menjaganya kerana banyak ujian
Engkau sajalah yang mampu menjaganya

Menjelang tidur
08 - 11 - 1999

60 BELAJAR MELALUI RASA HATI

KALAU jiwa manusia itu sentiasa hidup
Dan hati manusia itu sentiasa jaga
Manusia boleh belajar dengan rasa hati
Itulah yang dikatakan fitrah semula jadi
Cuma Islam itu menguatkannya sahaja
Saya bawa beberapa contoh:
Setiap jiwa manusia ingin disayangi
Kalau begitu dia tentulah akan menyayangi manusia lain
Kerana kemahuan manusia itu sama
Setiap insan suka kalau orang pemurah dengannya
Itukan menyedarkan kita bahawa kita juga
patut pemurah dengan manusia,
kemahuan manusia itu serupa
Manusia itu suka ia ditolong terutama di masa susah
Perasaan itu sebenarnya mengajar kita,
kita juga patut menolong orang lain
Kerana kehidupan manusia itu sama sahaja
Setiap jiwa suka kalau dia diberi kemaafan
Itu memberi tahu kita sepatutnya kita juga
memberi kemaafan kepada orang lain
Kerana perasaan manusia itu adalah sama
Setiap insan suka kalau dia diberi keadilan
Ia menyedarkan bahawa setiap orang patut
menegakkan keadilan kepada manusia
Setiap orang tidak suka kalau dia difitnah,
dizalimi dan disusahkannya
Kalau begitu setiap manusia tidak akan memfitnah,
menzalimi dan menyusahkan orang lain
Tapi realiti di dalam kehidupan manusia tidak jadi begitu
Kerana hidup manusia itu sama
Setiap orang itu hanya suka kalau dia diberi kasih sayang
dan diberi perhatian
Dia suka dibantu, ditolong, diberi keadilan

Tapi dia sendiri tidak mahu melakukannya
Dia suka tidak diganggu, difitnah,
dizalimi dan disusahkan
Tapi dia suka menimpakan kesusahan
kepada orang lain
Mengapa terjadi begitu?
Kerana jiwa manusia sudah buta
dan terlalu mementingkan diri

Menjelang Maghrib
21 - 02 - 2000

61 HAMBA YANG JIWANYA BERSIH

JIKA seorang hamba itu ilmunya cukup
Jiwanya bersih hingga hatinya terpimpin
Kelihatan orangnya tenang
Ibadahnya terutama sembahyang, sangat berdisiplin
Berhadapan dengan orang, penuh bijaksana
dan lemah lembut
Wibawanya tinggi, akhlaknya mulia
Hingga disenangi oleh orang
Kalau dia pemimpin, sangat dikasihi dan disayangi
Kerja-kerja tersusun dan teratur
Tenang, tidak gopoh, berdisiplin
Pandai bergaul dengan manusia
Sangat beradab dengan Tuhannya
Redha dengan ketentuan Tuhan, sabar dengan ujian
Mengutamakan orang lain dari dirinya
Bertimbang rasa dengan manusia
Sangat bersimpati dengan orang yang susah
dan mendapat kemalangan
Ingatannya dengan Tuhan sentiasa hidup
Jiwanya hidup, sangat peka,
suka khidmat dengan manusia

Menjelang tidur
08 - 10 - 1999

62 APABILA JIWA HIDUP

APABILA jiwa hidup atau jiwa jaga
Apa sahaja yang dilihat, dirasa, didengar,
disentuh menambahkan iman
Orang yang jiwanya hidup sangat sensitif
dengan Tuhan
Segala apa yang dialami terhubung terus
dengan Khaliqul Alam
Tuhan sentiasa mengusik-usik perasaannya
Apatah lagi setiap yang hebat terasa olehnya
kehebatan Tuhan
Setiap kebesaran yang dilihat terasa olehnya
kebesaran Tuhan
Perjalanan malam dan siang terasa olehnya
pentadbiran pencipta alam
Air bah, gunung berapi yang meletup, gempa bumi
terasa olehnya kekuasaan dan qudrat Tuhan
Setiap yang berlaku terasa olehnya kehendak Tuhan
Begitulah orang yang jiwanya hidup
Rasa bertuhan sentiasa subur
Buahnya lahirlah rasa kehambaan yang mendalam
Tapi apabila jiwa mati atau jiwa buta,
apa yang dilihatnya, didengar, dirasa
dan sebarang kejadian
tidak terasa apa-apa lagi
Bahkan makin membunuh rasa bertuhan
Rasa bertuhan terus mati
*Side effect*nya ialah rasa kehambaan hilang
Maka berlakulah satu malapetaka yang besar
kepada manusia di dunia
Apabila rasa bertuhan subur, tidak ada berlaku
berbagai-bagai gejala yang tidak sihat
Penipuan, penzaliman, rasuah, pembohongan,
pembunuhan, penzinaan, perogolan,

pencerobohan, pecah-belah di kalangan manusia
di semua peringkat menjadi-jadi
Akhirnya dunia jadi neraka, yang menderita
manusia juga
Maka musnahlah seluruh kehidupan manusia
Segala kesenangan dan kemewahan
sudah tidak ada erti apa-apa lagi

Selepas Asar
20 Muharam 1421H

63 APABILA MEMPERTAJAMKAN HATI

APABILA seorang mukmin itu mempertajam hati atau jiwanya
Ditajamkan dengan rasa bertuhan dan rasa kehambaan
Kemudian dibawa berfikir dan berfikir
Dia akan jadi orang yang cepat cerdik dan pandai
Lihatlah apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW
Bangsa Arab yang tidak tahu menulis
dan membaca dididik olehnya
Berhadapan dengan bangsa Rom dan Parsi
yang bertamadun, yang menguasai dunia di waktu itu
Sedangkan bangsa Rom dan Parsi
hanya mengasah akalnya semata-mata
Maka menjadilah mereka orang yang pandai
Tapi Rasulullah mengasah akal dan jiwa bangsa Arab
dan bangsa-bangsa yang mengikutnya
Maka dengan masa yang singkat sahaja,
iaitu selama 23 tahun
Umat Islam menjadi umat yang cepat pandai dan cerdik
Akhirnya di dalam masa 30 tahun
umat Islam menguasai 3/4 dunia
Fakta sejarah ini patut orang Islam mengetahui
dan mengambil pengajaran daripadanya
Untuk mengejar tamadun Barat dan Timur iaitu komunis
Tajamkan jiwanya dan akalnya serentak
Umat Islam akan cepat menjadi cerdik dan pandai
Mengatasi Timur dan Barat yang hanya semata-mata
mempertajam akalnya
Tapi malang umat Islam jiwanya sudah buta
Akalnya pula tidak digunakan seperti apa yang digunakan
oleh orang Barat dan Timur
Sedangkan mereka di waktu itu sudah lebih maju
dan bertamadun dari umat Islam
Bagaimanakah umat Islam hendak mengalahkan mereka
Maka oleh itu umat Islam kenalah ubah sikapnya

Jangan hanya mempertajamkan akal
seperti yang sedang hendak dilakukan sekarang
Tapi yang lebih utama jadikan tapaknya itu
mempertajamkan jiwa lebih dahulu
Di atas ketajaman jiwa itulah bawalah berfikir
dan terus berfikir
Natijahnya nanti sangat luar biasa
Iaitu akan melahirkan ilmu-ilmu yang dalam dan seni
yang menakjubkan dunia

Menjelang Zuhur
29 - 08 - 2000

64 LAHIR BATIN HENDAKLAH SELARAS

LAHIR dan batin kita biarlah sama
terhadap pegangan kita terhadap Tuhan
Janganlah satu membohongi yang lain
Janganlah akal mempercayainya, lisan kita mengakui
tapi jiwa kita tidak menghayati
Kita yakin dengan Tuhan,
lidah kita selalu menyebut-Nya,
tapi jiwa kita tidak rasa bertuhan
Akal kita yakin Tuhan itu berkuasa
tapi kita tidak terasa Dia menguasai kita setiap masa
Kuasa Tuhan itu hanya akal sahaja tahu,
mulut selalu berkata, namun hati tidak terasa
Begitulah akal juga percaya Tuhan itu melihat,
lisan juga kalau ditanya dia mengiakan,
tapi hati tidak terasa dilihat
Seterusnya sifat mendengar Tuhan diterima akal,
lidah juga tidak membohonginya
namun hati tidak sedar Tuhan mendengar
Sifat mendengar Tuhan hanya diketahui
di dalam pengetahuan, akal tidak menolaknya,
tapi hati tidak terasa
Kerana itulah kita boleh bercakap bohong
Percakapan kita selalu sahaja sia-sia
yang tidak memberi apa-apa faedah
Percakapan kita selalu sahaja membohongi
pengetahuan kita
Sikap dan pengetahuan kita tidak sama
Sikap kita membohongi akal kita
Orang mukmin sejati
akal, hati dan tindakannya sama
Ketiga-tiga anggota manusia itu selaras
Tidak membohongi satu sama lain
Jujur di luar, jujur di dalam

Apa yang nampak di luar, itulah sifat batinnya
Tidak bertentangan satu sama lain
Ciri-ciri nifak tidak wujud
Sama ada terang-terangan
  mahupun yang tersembunyi
Lahir dan batin sama-sama lurus
Tidak bercanggah satu sama lain
  yang lahir dengan yang batin
Begitulah sikap mukmin sejati

Menjelang Tidur
01 - 08 - 2001

65 PELIHARALAH HATIKU!

TUHAN! Luruskanlah hatiku!
Agar syariatku lurus dan sikapku berlaku lurus selalu
Bersihkanlah hatiku!
Agar keihklasanku kepada-Mu kental dan jitu
Juga supaya kebaikanku tidak bercampur dengan kejahatan
Supaya tidak bercampur di antara ketaatan dan kederhakaan
Tuhan! Engkau jatuhkanlah selalu di dalam hatiku
ilmu dan hikmah
Pengajaran dan ingatan
Gerakkanlah hatiku sesuatu yang sesuai
dengan kehendak-kehendak-Mu
Aku berlindung dengan-Mu daripada gerakan hati
daripada ilham syaitan
Ingatan-ingatan hati yang inginkan kejahatan
Tuhan peliharalah hatiku!
Kerana ia adalah wadah tempat rebutan malaikat dan syaitan
Biarlah malaikat yang mengisinya
Kerana pengisian daripada malaikat
adalah daripada-Mu Tuhan
Pengisian daripada syaitan tiada lain
melainkan kejahatan dan keraguan
Tuhan! Selamatkanlah hatiku daripada cintakan dunia
Kerana ia adalah ibu segala kejahatan
Agar Engkau kucintai dengan sepenuh hati
Cintakan Engkau adalah ibu segala kebaikan
Tuhan! Jauhkan hatiku daripada angan-angan
Kerana ia adalah perkara yang sia-sia
dan membuang masa
Tapi isilah hatiku selalu mengingati-Mu
Agar aku tidak terlalai-lalai

Selepas Isyak
26 - 09 - 1999

66 LURUSKAN HATIKU

YA Allah, dengan berkat Nabi-Mu
dan berkat Imamul Mahdi-Mu
Luruskanlah hatiku agar agamaku lurus
Betulkanlah hatiku agar aku ikhlas selalu
Tetapkanlah hatiku agar aku tidak tergugat
oleh ujian yang menimpaku
Ya Allah, Tuhan yang mencipta hati!
Bersihkanlah hatiku agar mazmumahku
tidak merosakkan agamaku
Dan juga tidak merosakkan kehidupan orang lain
Wahai Tuhan yang membolak-balikkan hati
Kuatkanlah hatiku agar keyakinanku tidak mudah berubah
Supaya aku sentiasa tabah
Tuhan! Engkau rasakanlah selalu hatiku, sentiasa bersama-Mu
Supaya aku rasa ada kawan yang melindungiku
Agar aku tidak rasa sepi di dalam hidupku
Dan aku akan merasa malu melanggar perintah-Mu
Dan aku sentiasa siap-siaga menunaikan suruhan-Mu
Ya Allah, Tuhan yang menjaga hati!
Baikilah hatiku agar seluruh hidupku menjadi baik
Supaya tidak khianat, tidak hasad,
dan tidak berdendam sesama manusia
Tuhan, limpahkanlah selalu ke dalam hatiku,
ilmu dan hikmah
Hingga aku dapat menyuluh hatiku
dan menyuluh kehidupanku
Supaya lahir dan batinku sentiasa bersyariat
Agar lahir batinku menjadi taat
Tuhan, aku harap Engkau kabulkanlah doaku ini

Menjelang tidur
16 - 09 - 1999

67 HATI MUKMIN

MENGALIRLAH air mata mukmin
atau mengalirlah air mata hatinya
bila mengingat Tuhannya
Malunya hati mukmin bila mengenang
Rahim dan Rahman Tuhan,
anugerah dan pemberian-Nya
Remuk-redamlah hatinya bila teringat
Qahhar dan Jabbar-Nya
Kecut perutnya bila teringat hukuman dan azab-Nya
Resah gelisah jiwanya bila melakukan dosa
Sedih hatinya bila lalai dengan Tuhannya,
kemudian sedar semula
Tidak tentu arah rasa hatinya
bila terbuat kesalahan dan kesilapan
Hati mukmin tidak pernah tenang dengan Tuhannya,
tapi tenang dengan dunianya
Jiwanya sentiasa sahaja bergelombang terhadap Tuhannya
Jiwanya bagaikan air lautan tidak pernah tenang
Kalaulah bukan kerana ada kewajipan masyarakat
yang patut dipertanggungjawabkan
Sudah tentu mereka suka bersendirian
Atau membawa diri berkelana bersama Tuhannya
Atau menyisihkan dirinya dari masyarakatnya
Kerana terlalu memikirkan diri terhadap Tuhannya
Begitulah hati seorang mukmin
Sentiasa gundah-gulana
Oleh itu mereka tidak sempat memikirkan hal orang lain
Kerana terlalu memikirkan nasib dirinya

Selepas Asar
07 - 08 - 1999

68 HATI MUKMIN TIDAK TENANG DENGAN TUHAN

ORANG mukmin bagaimanalah hatinya
  hendak tenang dengan Tuhannya!
Apa yang dilihat, apa yang dirasa
Apa sahaja yang dimakan dan minum
Apa sahaja yang didengarnya,
  semuanya mengusik-ngusik jiwanya
Menyentuh perasaan dan hati nuraninya
Adakalanya kebesaran Tuhan dan keagungan-Nya
  yang dia rasa
Ada ketikanya sayu hatinya dan sedih mengenang dosa
Waktu-waktu tertentu rasa gerun dan hebat dengan Tuhannya
Ada masanya malu dengan Penciptanya
Di waktu-waktu tertentu terlalu hina dirinya dia merasa
Begitulah seterusnya berbagai-bagai rasa hatinya
  yang silih berganti di dalam hidupnya
Bertukar yang dilihat, bertukar apa yang disentuh
  dan yang dimakan dan yang diminum
Bertukar pula perasaannya terhadap Tuhannya
Orang mukmin yang jiwanya sentiasa hidup
  kerana mengingat Tuhannya
Dunia dan nikmatnya tidak dapat melalaikannya
Keindahan hidup tidak mempesonanya
Bahkan nikmat dan keindahan hidup itu
  makin mengingatkannya terhadap Tuhannya
Begitulah hati dan jiwa mukmin
Setiap yang dilihat, dirasa, dimakan dan diminum
Dia merasakan ayat-ayat Tuhannya

Selepas Zuhur
31 - 08 - 1999

69 ORANG MUKMIN YANG BAIK ITU UNIK

ORANG mukmin yang baik itu hidupnya luar biasa
Unik dan berbeza sangat dengan manusia yang lain
Dia berhadapan dengan kehidupan penuh tenang
Kejahatan orang tidak dibalas dengan kejahatan
Bahkan didoakan orang yang membuat jahat dengannya
Berhadapan dengan ujian dia tenang
Berhadapan dengan nikmat dia bersyukur
Jadual waktunya dengan Tuhan tetap dan istiqamah
Walau di dalam keadaan susah dan senang
Bermesra dengan orang
Tetamu yang datang dihormati sesuai dengan kedudukannya
Tidak boleh mendengar orang mendapat kesusahan
Selagi tidak dapat ditolongnya, menderita jiwanya
Merendah diri adalah budaya hidupnya
Setiap orang yang meminta pertolongan
jarang tidak ditunaikannya
Pemurah sangat terserlah di dalam kehidupannya
Tidak pernah mengeluh berhadapan dengan penderitaan
Tapi dia mengeluh dengan dosa-dosanya
Atau mengeluh bila berhadapan dengan kelemahan
dan kecuaian
Rasa kehambaan tampak kelihatan pada mukanya
Tuhan selalu sahaja disebut-sebut di dalam perbualannya
Nampak sangat bahawa Tuhan itu adalah sandaran hidupnya
Gembira tidaklah sampai ketawa berdekah-dekah
Kesusahannya tidaklah sampai muram di mukanya
Lebih-lebih lagi tidak rasa kecewa dan putus asa
berhadapan dengan kesusahannya
Tawakal, sabar dan redha adalah menjadi
budaya hidupnya

Menjelang tidur
26 - 12 - 1999
(19 Ramadhan 1420H)

70 TABIAT ORANG MUKMIN

TABIAT orang mukmin itu dia tidak malas
Tidak juga agresif
Tapi cergas dan tenang
Cergas tapi tidak merempuh orang
Cergas dengan agresif tidak sama
Cergas, aktif membuat kebaikan tapi berdisiplin
Cergas membuat khidmat tapi tidak melanggar tata-susila
Agresif, cergas yang melulu
Aktif yang tidak berdisiplin
Cergas disertai dengan kekasaran dan merempuh orang
Sekalipun niatnya baik
Orang mukmin itu walaupun cergas tapi tidak gopoh
Sekalipun rajin tapi berdisiplin
Cergasnya penuh dengan hikmah dan berstrategi
Aktifnya tidak merosakkan orang
Agresif, cergas merempuh orang
Orang melihat menjadi benci dan tidak senang
Cergas membawa kepada gopoh-gapah
Hilang sopan-santun di dalam bertindak
Selalunya tindakan tidak berpandukan ilmu pengetahuan
Mengikut nafsu yang melulu dan perasaan barannya
Sibuknya tidak sedap mata memandang

07 - 10 - 1999

71 DISIPLIN DIRI ORANG MUKMIN

SUDAHKAH kita mendisiplinkan diri
Sampai waktunya kita sembahyang
Bila sembahyang bolehkah mendisiplinkan diri
tidak sembahyang seorang
Di dalam pergaulan sanggupkah kita
mengutamakan orang
Orang yang tersilap dan tersalah dimaafkan
Orang yang bercakap kita sanggup mendengarnya
Kita tidak akan bercakap kalau tidak ada manfaatnya
Kalau orang menghina, kita diam sahaja
atau tidak menjawabnya
Inilah di antara disiplin di dalam pergaulan
Waktu lapang adakah kita berfikir
Atau membaca atau menulis pengalaman
Atau ilmu pengetahuan atau berzikir
Agar masa tidak sia-sia dan terbuang
Mampukah kita mendisiplinkan diri
Tidak mengata orang kecuali di sudut yang dibenarkan
Kalau kita hendak tidur
mampukah kita tidak tidur selepas Subuh
dan selepas Asar
Kedua-dua waktu ini adalah dilarang tidur
sebagai kebiasaan
Tapi tidur di waktu siang iaitu waktu qailullah
sebelum Zuhur digalakkan
Apabila makan tidak suka makan seorang
Bila mencari rezeki cari yang halalnya
Tolak yang haram sekalipun banyak untungnya
Bila berpakaian di hadapan ramai, bersopan
Tertutup aurat badannya
Sifat-sifat mazmumah dijauhi

Terutama sombong dan dengki
Bakhil dan tamak ditakuti
Menzalim dan sewenang-wenang sangat dibenci
Itulah sebahagian disiplin orang mukmin
Banyak lagi
Setakat ini sudahkah kita mendisiplinkan diri?
Inilah dia disiplin yang sejati

Selepas Subuh
03 - 06 - 1997

72 KEPENTINGAN BERDOA

BERDOALAH kepada Tuhan tanda merendah diri
kepada-Nya
Memintalah kepada-Nya di dalam sebarang hal
Untuk menghilangkan kesombongan dan ketakburan
Memohonlah kepada Tuhan,
itu adalah salah satu sifat kehambaan
Berdoalah kepada-Nya tanda kita hamba yang lemah
Meminta kepada Tuhan tanda kita hamba kepada-Nya
dan baik sangka
Memohonlah kepada Tuhan,
Dia tetap mengabulkannya sekalipun di Akhirat
Berdoa ertinya kita bermesra dengan Tuhan
Berdoa ertinya kita bermunajat dengan Tuhan
Berdoa ertinya kita bercakap-cakap dengan Tuhan
Mengadukan hal kita
Meminta itu dan ini
Bukankah itu satu keindahan dan kelazatan
Berdoa adalah satu ibadah
Bahkan ia dianggap otak ibadah
Doa adalah senjata orang mukmin
Berdoa adalah satu harapan
Berdoa termasuk perhubungan di antara hamba
dengan Khaliqnya
Orang yang tidak berdoa ertinya
dia sombong dengan Tuhan
Dia merasakan ada kuasa,
tidak perlu lagi kepada Tuhannya
Ini termasuk orang yang telah putus rahmat
dengan Tuhan

Menjelang tidur
15 - 10 - 1999

73 HAKIKAT DIRI

BAGAIMANAPUN besar kekuasaan engkau
Namun tidak akan merubah hakikat diri engkau
Diri engkau tidak akan jadi emas, intan atau berlian
Mengapa daripada tawadhuk engkau bertukar sikap
kepada angkuh dan sombong
Walau bagaimana kaya sekalipun,
biologi engkau tidak akan berubah
Engkau tetap insan
Perlu makan minum, ditimpa sakit, ditimpa bencana,
buang air kecil dan buang air besar
Mengapa pula engkau menukar maknawi dan rohani engkau
Apa logiknya engkau menukar jiwa engkau
kepada megah, sum'ah dan riyak
Engkau adalah insan macam lain-lain insan juga
Bila engkau pandai namun kejadian engkau
sama sahaja seperti insan yang lain
Kejadian engkau yang asal adalah tanah
Kejadian engkau yang kedua adalah
daripada air mani yang hina
Kepandaian engkau tidak mengubah biologi engkau
Tapi mengapa engkau mengubah sikap engkau?
Daripada kasih sayang dan mesra,
menjadi manusia yang terasing daripada manusia
Engkau merasakan tidak layak lagi bergaul
dengan manusia biasa
Mengapa engkau adakan *gap* di antara diri engkau
dengan manusia?
Apabila engkau ada mempunyai kelebihan,
apakah tidak perlu lagi kepada manusia?
Apakah engkau mampu tanpa orang lain boleh menyediakan
keperluan-keperluan hidup engkau
di dalam semua perkara?

Menjelang tidur
15 - 10 - 1999

74 MARI MENGENAL INSAN

MARI kita mengenal manusia (insan)
Kejadiannya yang pertama daripada tanah
Kejadiannya yang kedua daripada mani,
  air yang hina dan meloyakan
Keluar daripada tempat yang hina
  dan menjijikkan lagi memalukan
Fizikalnya lebih lemah daripada haiwan
Seperti anjing, kucing, harimau, singa dan gajah
Tercucuk duri yang kecil sahaja pun terasa sakitnya
  sudah mengganggu dan menyusahkan
Anjing atau kucing kalau patah kaki sebelah
  masih mampu berjalan bahkan masih boleh
  berlari ke sana ke mari
Kalau manusia tidak payah patah
  kalau tergeliat pun sudah berpapah
Selalu sahaja makan banyak mengundang penyakit
Kalau sedikit makan badan pula lemah
Terlalu sejuk pun tidak tahan, terlalu panas pun tidak tahan
Mudah sahaja ditimpa penyakit atau demam
Terlalu banyak kerja meletihkan badan,
Tidak bekerja pun melesukan badan, kecerdasan hilang
Bila berhadapan dengan udara tidak bersih
Mudah sahaja diserang penyakit
Selalu bergaul dengan orang yang berpenyakit
  lebih-lebih lagi, penyakit menjangkit
Lambat makan beberapa jam sahaja sudah terasa lapar,
Lebih daripada itu melemahkan badan
Padahal binatang beberapa hari tidak makan
  belum begitu terjejas
Begitulah satu hari tidak dapat air sudah haus
Kalau beberapa hari tidak dapat lemah terus
Apa yang keluar daripada badannya
Lebih-lebih lagi daripada rongga-rongganya
  semuanya menjijikkan

Baunya busuk lagi meloyakan
Seperti yang keluar daripada lubang telinga, mata,
hidung, daripada rongga-rongga bulu roma
Apatah lagi yang keluar daripada dua jalan
  depan dan belakang
Jika diserang kudis danur dan nanahlah yang keluar
Bahkan ulat pun boleh keluar juga
Sangat jijik dan meloyakan
Itu baru jasad lahir manusia yang kita perkatakan
Belum lagi jasad batin atau yang bersifat maknawiyah
  yang akan kita sebutkan
Juga ketahanannya tidak ada atau rapuh,
Sangat sensitif yang menyusahkan,
  boleh menggugat kebahagiaan dan ketenangan
Kita datangkan beberapa contoh untuk pengetahuan
Sedikit sahaja orang kata atau cerca sudah menyakitkan hati
Belum lagi orang benci, menghina, memfitnah
Aduh lebih-lebih lagilah, menderita dan tergugat diri,
  hilang ketenangan
Kalau bertembung serentak
  dengan kesusahan-kesusahan yang lahir
  seperti miskin, sakit
Setengah orang kecewa bahkan putus asa
Melihat orang kaya atau senang, hati sakit pula
Datang penyakit hasad dengki
  lebih-lebih lagi bertambah jiwa sakit
Apabila masyarakat manusia sudah rosak
Berbagai-bagai gejala masyarakat yang menakutkan terjadi
Seperti jenayah pergaduhan, pencurian,
  rompakan, perogolan, pembunuhan, peperangan
Maka jiwa pun sentiasa diburu oleh ketakutan,
  musnah kebahagiaan
Kemudian manusia ada nafsu yang sangat menyusahkan

Ditahan kehendak-kehendaknya menyeksakan
Diturutkan sangat kehendak-kehendaknya
  merbahaya dan memudharatkan
Memudharatkan diri sendiri dan merosakkan orang lain
Juga manusia ada perasaan
Perasaan ini juga sangat menyusahkan diri seseorang
Melihat sahaja benda yang kotor menjijikkan dan meloyakan
Setengah orang selepas itu hilang selera hendak makan
Melihat sahaja benda yang menakutkan timbul rasa seram
Badan pun lemah longlai
Setengah orang kerana terkejut terus pengsan
  atau hilang akal
Oleh itu patutkah manusia sombong dan bangga?!
Cuma manusia ada untung sedikit, adanya akal
Dengan akal manusia boleh berfikir,
  dapat pengalaman, dapat ilmu pengetahuan
Boleh maju, boleh membangun dan bertamaddun
Tapi kalau akal sahaja yang dibangunkan,
  roh tidak dibangunkan
Manusia boleh maju tapi bersama dengan kerosakan
  yang berbagai-bagai bentuknya
Akibatnya untung sekarung, rugi seguni
Negara cantik, tapi hidup di dalam ketakutan
Oleh itu di manalah istimewanya manusia?
Di manakah kehebatannya?
Hingga menjadi sombong, bangga dan riyak
Kalau tidak ada sifat taqwa
  maka tidak ada apa-apa keistimewaan manusia
Di Akhirat terjun pula ke Neraka
Wal ‘iyazubillah

Selepas Asar
18 - 07 - 2000

75 DI MANA MULIANYA MANUSIA

SIAPALAH manusia ini?!
Kejadian yang pertama dari tanah, hina
Tempat pijakan segala makhluk yang melata
Kejadian yang kedua dari air mani yang terpancar
dari saluran yang menjijikkan
Hina juga mengaibkan
Kalau ia terbuang tiada siapa yang mengutip
untuk diletakkan di tempat yang mulia
Peluhnya, baunya meloyakan
Siapa dekat jiwanya menderita
Yang keluar dari hidung dan telinga, semuanya menjijikkan
Yang keluar dari kedua jalan lagi buruk
dan busuk dan memalukan
Dia dibuang di jamban
Tempat yang hina dan menjijikkan
Lidahnya juga selalu digunakan untuk merosakkan,
bukan kebaikan
Memfitnah, mengumpat, mengadu domba, memaki, mencerca
Semuanya merupakan najis-najis maknawi dan rohani
Najis-najis maknawi dan rohani ini merbahaya sekali
Perosak masyarakat manusia
Akalnya, padanya kecerdikan, kepandaian dan ilmu
Lumrahnya untuk menipu, untuk kepentingan diri
Nafsunya lagilah, penjahat di dalam diri yang memusnah
Hatinya selalunya dikuasai nafsu
Raja di dalam kerajaan diri yang dikuasai musuhnya
Raja yang jahat inilah yang mengarah dan melarang
Rosaklah kehidupan manusia seluruhnya
Di mana mulianya manusia?!
Di mana keutamaan manusia?!
Mulianya, utamanya jika beriman dan bertaqwa
Jika tidak, busuk sahaja yang ada
pada manusia

Selepas Asar
01 - 05 - 1997

76 KUALI TETAP KUALI

KUALI itu diletakkan di tempat mana pun
dan di dalam keadaan apa pun ia tetap kuali
Kuali itu tetap hitam legam
Beralih-alih tempat dan suasana
ia tidak akan mengubah hakikatnya
Kuali tetaplah kuali, ia tidak akan jadi intan berlian
Letak di dapur pun kuali, letak di serambi pun kuali
Sekalipun diletakkan di pelamin,
tempat yang indah dan mulia, ia tetap juga kuali
Begitulah manusia, hamba Allah di mana pun dia berada
Di dalam suasana apa pun dia berada, dia tetap hamba
Ia tidak akan bertukar menjadi makhluk lain
Hamba tetap hina, hamba tetap lemah,
hamba memerlukan pertolongan dan bantuan
Kalau dia petani, tetap juga hamba
Jika dia guru, tetap juga ia seorang hamba
Walaupun dia seorang kaya, ia tetap juga hamba yang hina
Sekalipun dia raja, menteri dan orang besar,
nama hamba tidak akan berubah
Jika dia menteri, dia adalah salah seorang
orang besar hamba-hamba
Orang kaya pun hamba yang kaya di kalangan hamba
Tapi manusia hamba Allah itu sungguh pelik
Bila jadi raja atau menteri, orang besar atau kaya,
mereka sudah berpelajaran
Berubah sikap dan bertukar watak hidupnya
Dia merasa luar biasa, ego dan sombong pun tiba
Orang lain dipandang hina
Inilah dia hamba-hamba yang tidak sedar diri
Awak hina merasa mulia

Selepas Asar
31 - 08 - 1999

77 KITA HAMBA YANG TIDAK ADA KUASA

MANUSIA apabila ada kuasa, lupa yang Maha Kuasa
Seolah-olah dia mampu membahagiakan dirinya
Adakalanya orang yang berilmu tinggi, merasa diri luar biasa
Dia merasakan akan bahagia sepanjang masa
Tidak kurang pula orang yang kaya, wah sombongnya
Merasa diri istimewa
Orang-orang lain hina belaka
Betulkah kita ada kuasa?! Betulkah kita istimewa?!
Betulkah kita luar biasa?!
Mampukah kita membendung
isteri tidak derhaka dengan kita?!
Mampukah kita menundukkan anak
mendengar kata, taat dan setia
Apakah kita memburu sakit atau sakit memburu kita
Ertinya adakah kuasa mengelak sakit?!
Dapatkah kita membendung rakyat jangan derhaka
Tidak mengata dan tidak menghina kita di belakang kita
Apabila berlaku bencana alam
dapatkah mengelak diri daripadanya?!
Kita orang istimewa tidak pernah kena
Yang kena orang miskin dan papa, yang tidak ada kuasa
dan yang bodoh-bodoh sahaja
Bencana alam tidak kenal siapa
Dia tidak memilih bulu, orang istimewa kena juga
Baru kita tahu kuasa mutlak di tangan Tuhan
yang Maha Kuasa
Kita adalah hamba yang tiada kuasa
Yang hina-dina memerlukan Tuhan sepanjang masa

Menjelang Tidur
05 - 08 - 2001

78 KEMBALI KEPADA FITRAH HAMBA

SESEORANG hamba itu kalau dia kembali
kepada fitrahnya
Di situlah ketenangan dan kebahagiaannya
Dia merasa dirinya hina
Kerana kejadiannya memang hina
Kejadian yang pertama dari tanah
yang tidak ada nilainya
Kejadian yang kedua dari air mani
yang menjijikkan dan amat hinanya
Kerana sedar dirinya hina rasa malunya terbawa
di mana-mana
Dia rasa tidak ada harga diri
Kalau orang hendak menghinanya,
hinalah tidak mengapa, memang aku hina
Jika orang memujinya terseksa dirinya,
dia rasakan orang memakinya
Kerana kemuliaan itu tidak patut dia terima
Orang yang hina dimuliakan
Kerana dia sedarkan diri kemuliaan itu
amat menyeksakan
Bukan satu keseronokan
Dihina dia lebih merasa dimuliakan
Dimuliakan dia merasa satu penghinaan
Penghormatan yang tidak patut diberi, dianugerahkan
Seolah-olah dia merasakan manusia memerli-merlinya
Orang yang sedar dirinya hamba
Dia tidak terfikir ingin menagih sanjungan dan pujian
Tapi kalau manusia yang tidak sedarkan dirinya
Dia rasa tuan patut dimuliakan
Di mana-mana pergi patut mendapat penghormatan
Manusia macam ini kalau dihina terseksa jiwanya
Kalau dipuji berbunga hatinya
Terasa pula manusia luar biasa

Orang ini tidak payah dihina
Kalau tidak diberi penghormatan
  pun sudah cukup menyeksakan
Orang yang rasa dirinya tuan
Ke mana pergi jiwa tidak tenang
  kalau tidak diberi penghormatan
Mana hendak dapat penghormatan setiap masa?!

Menjelang tidur
02 - 10 - 1999

79 SIKAP SEORANG HAMBA

SEORANG hamba menyembah Allah Taala tanda dia hamba
Hamba patut memperhambakan diri kepada-Nya
Seorang hamba meminta dan memohon
kepada Tuhan kerana lemah
Dan bukti dia lemah, perlu meminta dan mengadu
Kepada TuhanYang Maha Kaya dan Berkuasa
Disuruh sabar kerana itulah mujahadah
Kerana inginkan keredhaan Allah
Disuruh redha kerana inginkan baik sangka kepada-Nya
Jahat sangka tidak patut bagi seorang hamba
Melupakan apa sahaja ujian dari Allah
Ini adalah darjat yang paling tinggi
Selain nabi dan rasul
Disuruh bertawakal agar menyerahkan nasib
Kepada Tuhan yang Maha Tahu dan Maha Berhikmah
Di samping hati lapang dan tenang
Keluh-kesah adalah dilarang
Disuruh berkasih sayang kerana Tuhan itu
kasih sayang dengan hamba-hamba-Nya
Sedangkan Tuhan boleh kasih kepada hamba-hamba-Nya
Mengapa kita tidak boleh memberi kasih sayang
sesama hamba
Kita disuruh pemurah sesama makhluk Allah
Bukankah Allah pemurah dengan kita setiap masa
Disuruh takut kepada Allah, itulah perisai kita
Di samping nasib kita di tangan-Nya
Tidak tahu bagaimana kesudahannya
Nasib kita ibarat telur di hujung tanduk
Mudah sahaja tergelincir jatuh
Ingatlah rahmat Allah kepada kita banyak salurannya
Agar tindakan kita ada perimbangan
antara harap dengan takut

Selepas Zuhur
25 - 10 - 199

80 SIKAP SEORANG HAMBA YANG SEBAIK-BAIKNYA

BAGAIMANA sikap seorang hamba yang sebaik-baiknya
Iaitu beribadahlah sebanyak-banyaknya
dan buatlah kebaikan semampu yang termungkin
Kemudian rasakanlah ibadah dan kebaikan itu tidak sempurna
Atau merasakan waktu mengerjakannya di dalam derhaka
Oleh itu tentu dia merasa sentiasa sahaja berdosa
selepas mengerjakan ibadahnya
Setiap lepas mengerjakan ibadah
hatinya sentiasa sedih dan susah
Sedih dia merasakan kerana derhaka kepada Allah
di dalam ibadahnya
Setiap lepas beribadah dia pun memohon ampun kepada Tuhan
Hatinya menangis atau matanya menangis
Kerana itulah hamba ini dia lupakan sahaja
ibadah dan amalan kebaikannya
Dia merasakan belum beribadah dan belum membuat kebaikan
Kalau dia terbuat dosa, aduh, terseksa jiwanya
Hatinya menderita setiap kali mengingatkan dosa-dosanya
Dengan dosa-dosanya tidak pernah dilupakannya
Bahkan dengan dosa-dosa itu selalu mengganggu fikirannya
Taubatnya kepada Allah Taala pun tidak pernah putus-putus
Untuk mengambus dosa-dosanya
Dia tambahkan lagi dengan berbagai-bagai bentuk
kebaikan dan kebajikan
Moga-moga kebaikan itu boleh menghapuskan dosa-dosanya
Kerana terlalu bimbang dengan diri sendiri
Tidak sempat dia melihat kejahatan orang lain,
apatah lagi untuk menyebutnya
Maka dia baik sangka sahaja dengan orang
Tetapi jahat sangka dengan diri sendiri
Begitulah sikap seorang hamba yang baik

Selepas Asar
04 Safar 1421H

81 KEKALKAN RASA KEHAMBAAN

SEORANG hamba mengekalkan rasa kehambaannya
itulah kemuliaannya
Rasa hina seorang hamba di situlah darjatnya
Rasa lemah, rasa bersalah, di situlah keindahannya
Rasa malu, rasa berdosa walaupun tidak buat dosa
bukan pula satu kehinaan
Seorang hamba yang merendah diri,
di situlah dia dipandang tinggi
Pangkat diberi di hadapan manusia, di situlah kehinaannya
Orang ramai memandang benci kerana ingin dimuliakan
Seorang hamba yang sedarkan diri, di situlah nilai dirinya
Ke mana pergi Tuhan suka, manusia juga ikut suka
Setiap kesalahan yang dilakukan dengan manusia,
segera memohon maaf
Di situlah kebesaran dan keagungannya
Indah sekali seorang hamba
yang mengekalkan rasa kehambaan
Di situlah letaknya kasih sayang Tuhannya
Hamba yang mengangkat diri atau membesarkan diri
dipandang hina
Allah menghina, Rasul menghina, manusia juga
turut membencinya
Hamba yang tidak sedarkan diri orang benci
Kekalkanlah rasa kehambaan
Memang kita hamba yang hina
Kalau ada orang memuliakan, hati jangan berbunga
Lahirnya terimalah kerana hajat manusia
Kerana mereka ingin mendapat pahala
Menghormati manusia memang diperintah
tapi jangan dipinta
Hormat-menghormati sesama manusia
tidak ada salahnya
Mengagungkan manusia itulah yang salah

Selepas ekspedisi
06 - 10 - 1999

82 MANUSIA ADALAH PENGEMIS YANG HINA

SEMUA manusia atau hamba Allah adalah pengemis
Manusia datang ke dunia tidak punya apa-apa
Untuk keperluannya, dia meminta atau tidak
Tuhanlah yang memberinya
Sama ada Tuhan beri dengan rahmat-Nya
Mahupun diberi dengan ghodhob-Nya atau istidraj
atau murka-Nya
Ada yang dapat banyak, ada yang dapat sedikit
Pengemis itu ada yang tidak dapat,
tidak pula merungut dan marah-marah
Tapi tidak kurang, ramai yang tidak dapat,
marah-marah dan membentak-bentak
Ada yang dapat, bersyukur kepada Allah,
malu dan menyembah-Nya
Yang lebih ramai, tidak tahu pun untuk bersyukur
Bahkan kebanyakannya mereka sombong
dan bermegah-megah
Dapat pemberian dari Allah tidak pun mahu
menyembah-Nya
Pengemis atau si fakir itu tidak sedar
diri mereka fakir atau peminta sedekah
Terus lupa kepada Allah
Mereka menjadi sombong, megah
Dan menghina si fakir yang dapat sedikit
Si pengemis yang dapat sedikit sakit hati
dengan pengemis yang dapat banyak
Timbullah di dalam masyarakat pengemis itu
dua kelompok yang sentiasa berbalah
Satu golongan sakit hati dapat sedikit
Yang satu golongan lagi bermegah-megah
dapat banyak
Pertarungan ini semakin ke hujung
semakin tajam dan sengit

Mereka berbalah hasil mengemis tidak sama banyak
Golongan ini sepatutnya malu
Awak pengemis hina, terbuang, tiba-tiba diberi
Kemudian bergaduh sesama sendiri
di hadapan Tuhan yang memberi
Tidak malukah peminta sedekah bergaduh sesama sendiri
di hadapan pemberi sedekah?

Menjelang tidur
12 - 10 - 1999

83 MANUSIA SEBAGAI PENGEMIS

APA perasaan orang kaya
Di waktu mengagih-agihkan pemberian
kepada peminta-peminta sedekah
Atau di waktu ia memberi
kepada orang-orang yang susah
Peminta-peminta sedekah itu atau orang yang susah itu
berebut-rebut menerimanya
Bahkan ada yang berkelahi sesama sendiri
Ada yang sudah dapat merebut pula hak orang lain
Orang lain itu pula bertindak pula dengan kasarnya
atau merebut pula
Ada yang tidak senang kerana ada yang dapat banyak
Yang dapat banyak pula di hadapan pemberi
menunjukkan kesombongan
Maka berlaku pergaduhan dan perkelahian
dan berbunuh-bunuhan
Keadaan begini si pemberi tentu sakit hati
Kerana yang menerima tidak beradab di hadapannya
Begitulah Tuhan berhadapan dengan manusia
Sebagai pengemis dan peminta sedekah
Manusia ini berhasad dengki sesama sendiri
Kerana merebut rezeki dari Tuhan
Yang dapat banyak sombong dan angkuh
Yang dapat sedikit sakit hati
Akhirnya bergaduh dan berkelahi
Darah tumpah ke bumi, banyak orang
yang luka-luka dan mati
Tidak pernah rehat bumi daripada pergaduhan
Kerana pengemis rezeki dari Tuhan
Keadaan ini sudah tentulah Allah Taala
marah dan benci

Mereka pengemis dari Tuhan
Tetapi tidak beradab dengan Tuhan
Orang yang fikirannya tajam, jiwanya bersih
Sudah tentu malu di hadapan Tuhan
Mereka tidak akan bergaduh di hadapan Tuhan
Bahkan redha kalau tidak diberi

Menjelang Maghrib
10 - 12 - 1999
(02 Ramadhan)

84 TIDAK ADA MILIK MANUSIA

TIDAK ada milik manusia
Pijaklah bumi, di mana sahaja,
bumi kepunyaan Tuhan
Dongaklah ke langit,
lihatlah bulan dan bintang-bintangnya,
semuanya ciptaan Tuhan
Hiruplah udara di waktu bila pun,
udara kepunyaan Tuhan
Dengarlah apa sahaja, lihatlah kecantikan alam,
semuanya Tuhan punya
Makanlah apa sahaja yang lazat, yang masam,
yang manis nikmat dari Khaliqul Arzaq
Lihatlah diri sendiri
Adakalanya kita hairan diri sendiri
kerana kebolehannya
Bukankah diri dan kemampuannya ciptaan Tuhan?
Lebih-lebih lagi jika seseorang itu dirinya cantik
Dia terpesona dengan kecantikannya
Apakah diri sendiri memberikannya kecantikan itu?
Sudah tentu Tuhan yang Maha Berkuasa
menganugerahkannya
Duduklah di dalam rumah besar atau istana namanya
Bahan-bahan rumah itu siapa yang punya?!
Pembangun rumah itu
siapakah yang memberi ilmu senibina itu?
Hingga mampu membina rumah
yang indah tersergam gagah
Bukankah ilmu Tuhan yang diberikan
sedikit kepadanya?
Isteri yang cantik, barang ciptaan Tuhan
Suami yang tampan anugerah-Nya juga
Bahkan apa sahaja yang kita lihat, dengar,
rasa, sentuh, makan, minum

Semuanya milik Tuhan Rabbul ‘alamin
Oleh itu mana milik kita?
Tidak ada milik kita!
Mengapa tidak bersyukur kepada-Nya?!
Patutnya kita tersungkur sujud kepada-Nya
Merendah dan menghina diri kepada-Nya
tanda bersyukur kepada-Nya

Selepas Zuhur
05 - 08 - 2001

85 MANA MILIK KITA

MANA milik kita! Tidak ada milik kita
Semua yang ada, Allah yang punya
Tidak ada kita punya, kita hanya mengusahakannya saja
Apa yang kita dapat Allah sudah sediakan

Kita Allah punya, bumi langit ciptaan-Nya
Milikilah apa saja tidak terlepas dari ciptaan-Nya
Mana kita punya, tidak ada kepunyaan kita
Kita hanya mengusahakan apa yang telah ada

Mengapa kita sombong miliki Tuhan punya
Mengapa tidak malu kepada Tuhan yang Empunyanya
Patut bersyukur kepada Tuhan yang memberi segala-galanya
Malulah kepada Tuhan kerana miliki Dia punya

Janganlah berbangga apa yang ada pada kita
Kalau Tuhan tidak beri, kita tidak punya apa-apa
Janganlah mengungkit-ungkit jasa kita
Jasa kita nisbi saja, yang sebenar Tuhan punya

Bersyukurlah, bukan berbangga
Bersyukurlah bukan mengungkit-ungkit jasa
Gunakanlah nikmat Tuhan itu untuk khidmat
Lepas itu lupakan saja, agar tidak mengungkit-ungkitnya

03 - 08 - 1995

86 UJIAN PADA SESEORANG TIDAK SAMA MAKSUD

UJIAN yang ditimpakan pada seseorang
maksudnya tidak sama
Adakalanya ujian yang Allah timpakan itu
kerana kutukan-Nya
Kerana sudah terlalu derhaka
Adakalanya dengan tujuan penghapusan dosanya
Kerana sudah cuba mujahadah, terlibat juga
Adakalanya dengan maksud
hendak meningkatkan darjat seseorang
Kerana taqwanya dan imannya yang begitu teguh
Tidak kurang juga dengan ujian itu untuk menyedarkan
Untuk memberi petunjuk dan hidayah kepadanya
Jika ujian itu ditimpa kepada kita
Kita tidak tahu maksud yang mana satu
Oleh itu sebagai beradab dengan Tuhan
Kerana kita adalah hamba-Nya
Kita kaitkanlah ujian itu dengan sebab dosa kita
Atau kerana kemurkaan-Nya
Agar kita sentiasa bertaubat kepada-Nya
Inilah jalan selamat buat kita

Selepas Asar
04 - 03 - 1999

87 MENGEKALKAN RASA KEHAMBAAN

KEMULIAAN seseorang itu apabila dia
dapat mengekalkan rasa kehambaannya
Mengekalkan rasa kehambaan bukan pula satu kehinaan
Makin tinggi kedudukannya,
semakin terserlah sifat kehambaannya
Mengekalkan sifat kehambaan di situlah keindahannya
Senang dan tenang manusia melihatnya
Allah Taala suka, Rasul suka, manusia pun suka
Siapa yang dapat mengekalkan sifat kehambaannya
Dia dihormati di sebarang pergaulannya
Makin tinggi kedudukannya,
semakin sayang orang kepadanya
Itulah yang dimaksudkan tidak akan hina
orang yang merendahkan dirinya
Tidak akan mulia orang yang meninggikan dirinya
Di sinilah silapnya orang yang salah berfikir
Apabila meninggikan diri dia akan dimuliakan orang
Jika merendah diri dihina orang
Merendah dirilah di situ kemuliaan engkau
Kekalkanlah sifat dan rasa kehambaan engkau
Kerana itulah hakikat diri engkau
Mengekalkan sifat dan rasa kehambaan
di situlah kemuliaan engkau
Di situlah wibawa engkau dan hakikatnya akhlak engkau
Menukar sifat kehambaan bukan kemuliaan
Bahkan satu kehinaan dan dibenci pula oleh orang

Menjelang tidur
15 - 10 - 199

88 KEMULIAAN HAMBA APABILA DAPAT MENGEKALKAN RASA KEHAMBAAN

KEMULIAAN seorang hamba di sisi Allah Taala
ialah manakala dia dapat mengekalkan
rasa kehambaannya
Rasa malu, rasa hina diri, rasa tidak sempurna,
rasa tidak berguna
Tidak pernah memandang besar dengan amal ibadah
dan kebaikannya
Bahkan dia lupakan sahaja
Tidak merasa dirinya baik lebih-lebih lagi
tidak merasa diri istimewa dan luar biasa
Dia merasa di dalam kesalahan dan dosa
Tidak pernah dia merasa dirinya mulia
Begitu juga kehinaan seorang hamba itu
ialah apabila merasa diri mulia
Dia rasa orang istimewa dan luar biasa
Dia rasa baik, rasa pandai, rasa berjasa dan tidak berdosa
Rasa kehambaan sudah tidak ada atau hilang dari perasaannya
Dia rasa tuan, dia rasa perlu dihormati dan dibesar-besarkan
Kalau orang tidak hormat, sangat tersinggung perasaannya
Bahkan ke mana sahaja dia pergi memang minta dihormati
Jika tidak dihormati sakit hati
Jasa atau kebaikannya selalu sahaja dikenang,
bahkan minta dikenang
Kejahatan dan kecuaiannya selalu sahaja dilupakan
Kebaikannya selalu sahaja diingatnya
Kelebihannya selalu sahaja minta dipuji
Kalau dipuji, wah, berbunga hatinya
Kalau dikeji atau dicaci terseksa jiwanya
Hatinya sakit, benci kepada orang itu pun bermula
Jadi, kemuliaan seseorang itu bukan minta dimuliakan
Tapi merasa diri hina
di situlah kemuliaan di sisi Tuhan

Selepas Asar
04 Safar 1421H

89 HAMBA PILIHAN TUHAN

SIAPA yang mampu menerima ujian?
Dan jiwanya tidak rosak
Siapa yang redha dengan ketentuan, hatinya
tetap tenang?
Siapa yang mampu bermujahadah
dan tidak jemu-jemunya?
Siapa yang terseksa dengan pujian?
Kerana merasa tidak layak menerimanya
Kerana pujian itu adalah hak Tuhan
Siapa yang mampu menerima penghinaan?
Kerana sedar bahawa itulah hakikat dirinya
Dan dia boleh menerima kerana begitulah kejadiannya
Tuhan adalah idolanya
Cinta agung, yang disanjung dan dipuja
Dibesarkan dan disembahnya
Ini adalah manusia yang luar biasa
Dia adalah hamba pilihan Tuhan di mayapada
Rezeki manusia ada padanya
Pertolongan dan bantuan Tuhan dari sisinya
Hamba ini telah menyelamatkan seluruh manusia
dari berkatnya
Cuma manusia tidak mengetahuinya
Kerana ia berlaku secara ghaib atau secara rohaniah
Kalaulah manusia tahu
Sudah tentu manusia terhutang budi kepadanya
Kerana dia adalah penyelamat manusia

Menjelang tidur
25 - 11 - 1999

90 ORANG BERTAQWA SENTIASA DIPIMPIN TUHAN

ORANG yang bertaqwa sentiasa sahaja dipimpin Allah
Justeru mereka adalah kekasih-Nya
Sekali-sekala disusahkan-Nya untuk naik pangkat
Hati mereka tetap redha
Sekali-sekala dimewahkan kehidupannya,
untuk dapat pahala syukur
Ya, dia tetap bersyukur
Dia tidak tersungkur jatuh oleh kemewahannya
Adakalanya dia ditekan oleh musuh-musuhnya
Mungkin dizalimi, dengan berbagai-bagai caranya
Agar dia bertambah berpaut dengan Tuhannya
Supaya dia merasakan Tuhan dekat dengannya
Rasa kehambaannya bertambah-tambah menebal di jiwanya
Dia juga tidak lekang dari pujian dan cacian
Memang Allah lakukan demikian rupa
Agar dia merasa malu dengan Tuhan dari pujian
Rasa tidak layak menerimanya
Kerana itu milik Tuhan, bukan miliknya
Dengan cacian menyedarkan dirinya memanglah demikian
Hamba patut menerima kejian
Kerana hamba mempunyai kelemahan dan kesalahan
Dia berusaha membaiki dirinya
Sesiapa yang mencacinya dan menghinanya didoakannya
Moga-moga Allah ampunkan dosa-dosanya,
dosa-dosa kita pun diampun
Rasa berdendam dan bertindak tidak dilakukannya
Kalaupun ada rasa hendak marah,
dia boleh membendungnya
Begitulah orang yang bertaqwa
Dia sentiasa di dalam pimpinan Tuhan-Nya

Selepas Asar
22 - 05 - 1997
(15 Muharram 1418H)

91 AKU DATANG KEPADA-MU TUHAN

AKU datang kepada-Mu Tuhan dengan penuh kehinaan
Memanglah secara fizikalnya sudah memang hina
Dijadikan daripada tanah,
kemudian air mani yang menjijikkan
Kemudian dihinakan lagi pula oleh lumpur-lumpur dosa
yang setiap hari terpalit
Di samping kesalahan dan kesilapan
yang merupakan kelemahan peribadi
Aku memohon dengan rahmat-Mu
Ampunkan aku Tuhan
Aku meminta belas kasihan-Mu maafkan aku
Aku amat takut dengan dosa-dosa itu Tuhan
Kerana ia adalah kemurkaan-Mu
Ia adalah hijab di antara hamba dengan Engkau
Wahai Tuhan, Engkau Rahman terhadap hamba-hamba-Mu
Di atas Rahman-Mu itulah aku datang kepada-Mu
meminta maaf
Aku kesal dengan dosa-dosa itu
Aku sedih dengan kesalahan dan kesilapan-kesilapan itu
Tapi aku ini hamba-Mu, lemah mengkontrol diri
daripada kesalahan
Bantulah aku Tuhan
Bentenglah diriku dengan pemeliharaan-Mu
Kalau mengharapkan kekuatan diri,
memang tidak mampu
Tapi kalau Engkau mengawal dan menjaganya
Sudah tentu aku selamat dari dosa-dosa itu
Kawallah aku dan jagalah aku daripada dosa-dosa
Itulah yang aku harapkan
Wahai Tuhan Rahman

2.30 pagi
22 - 10 - 1999

92 TUHAN, AKU ADALAH HAMBA-MU

TUHAN, aku adalah hamba-Mu
Aku adalah hamba, hanya orang biasa sahaja
Aku bukan nabi dan tidak juga rasul
Ertinya aku bukan maksum
Aku sentiasa terdedah dengan dosa
Walaupun aku berhempas pulas melawan hawa nafsuku
Sekali-sekala aku kalah juga atau kecundang dengan nafsu
Di waktu itu sudah tentu syaitan
mengambil peluang menggodaku
Maka sudah tentu aku pun terbuat dosa
Tapi aku tetap mengaku bersalah
dan memohon ampun kepada-Mu Tuhan
Begitulah selalunya berlaku kepadaku
di dalam kehidupanku ini
Aku bukan tidak sedih dengan dosa
Tapi dengan kelemahan aku, aku terbuat lagi dosa
Namun begitu aku tetap memohon keampunan-Mu
Oleh itu aku harap pada-Mu janganlah biarkan aku
dengan dosa-dosa tidak berampun
Dengan rahmat-Mu aku harap ampunkanlah dosa-dosaku
Dengan kasih sayang-Mu maafkanlah
kesalahan-kesalahan aku itu
Aku bukan seronok dengan dosa bahkan terseksa dengannya
Tapi aku lemah, kerana itu selalu saja terbuat dosa
Kalau Engkau tidak pimpin aku,
begitulah yang selalu berlaku kepadaku
Pimpinlah aku Tuhan agar aku selamat
dari dosa-dosa dan noda-noda
Jika aku terbuat juga dosa-dosa aku harap Engkau
ampunkanlah dosa-dosaku itu

Selepas ekspedisi
18 Muharam 1421H

93 AKU TETAP HAMBA YANG HINA

ENGKAU sanjunglah aku
Aku tetap hamba yang hina
Engkau puji-puji aku, aku tetap hamba
yang lemah dan tidak sempurna
Sanjungan tidak akan boleh menukar sifat kehambaan
Ia hamba tetap hina, ia hamba tetap lemah
Engkau muliakan aku
Mungkin engkau dapat pahala
Kerana baiknya sangka engkau terhadapku
Aku hamba, salah dan silap pasti berlaku
Aku memohon maaf kepada Tuhan terhadap kata-katamu
Kerana puji dan puja yang tidak sepatutnya kuterima
Tapi aku tidak boleh menghalang siapa sahaja
yang hendak memujiku
Seperti jugalah aku tidak dapat menghalang
siapa yang hendak menghinaku
Tuhan, aku memohon ampun terhadap pujian
dan sanjungan ini
Aku bukan mahu pujian ini
Bahkan aku terseksa mendengarnya
Engkau lebih maklum tentang diriku
Ada yang suka, dia pujilah
Tapi aku tetap hamba yang hina
Tidak kurang ada orang yang tidak suka,
dia menghinalah
Hina itu sifat hamba, aku terimalah
Aku boleh menerimanya,
kerana itulah aku tidak membalasnya
Jagalah hatiku Tuhan
Puji dan puja aku tidak dapat elakkan
Moga-moga hatiku tidak cacat
oleh sanjungan

Selepas Zuhur
05 - 10 - 1999

94 AKU BAHAGIA MENJADI HAMBA-MU

TUHAN! Rezekikan aku rahmat-Mu selalu
Di mana sahaja bumimu aku pijak mendapat keredhaan-Mu
Ke mana sahaja aku pergi, mengutip pahala-Mu
Di waktu bila aku bersalah, Engkau ingatkan aku
Aku pun memohon ampun, Engkau terima selalu
Tuhan aku adalah hamba-Mu
Jangan Engkau ungkai rasa kehambaan dari jiwaku
Engkau sematkanlah di dadaku
Agar aku bawa ke mana-mana
Itulah bintang kehormatan-Mu
yang Engkau anugerahkan padaku
Alangkah indahnya aku merasa diri ini hamba
Sungguh bahagia bintang kehambaan tersemat di dada
Itulah yang akan aku bawa menemui-Mu
Ya Allah, Engkau adalah Tuhanku yang Maha Pengampun
Aku adalah hamba-Mu, pohon ampun
Alangkah bahagia aku menjadi hamba-Mu
Alangkah mulianya aku, Engkau menjadi Tuhanku
Berilah aku rezeki yang halal di mana aku berada
Berilah aku kawan yang setia di bumi mana aku tinggal
Janganlah tinggalkan aku keseorangan tanpa-Mu
Perhatikanlah aku di mana-mana
Pimpinlah aku di mana berada
Aku adalah hamba-Mu
Janganlah Engkau tarik rasa kehambaan dari jiwaku
Kerana itulah kebahagiaan yang menjadi keredhaan-Mu

Selepas Isyak
18 - 10 - 1998

95 JADIKAN AKU HAMBA YANG SETIA

AKU tidak menyesal tidak menjadi kaya-raya
Itu kemudahan hidup, belum terjamin terhindar dari Neraka
Aku tidak bersedih tidak mendapat ilmu yang banyak
Ia juga belum menjamin untuk ke Syurga

Aku tidak iri hati dengan mereka yang popular
Apakah dia pemimpin atau bintang filem yang dipuja
Semua itu belum menjamin dapat bahagia sekalipun di dunia
Di dunia lagi kita lihat mereka di waktu tua telah dilupa

Begitu jugalah keistimewaan-keistimewaan hidup
   yang mempesona
Kalau aku dapat aku tidak menolaknya
Jika berlaku sebaliknya aku tidak kecewa
Semuanya itu tidak menjamin hidup di Akhirat sana

Yang aku takut tidak dapat menjadi hamba Allah
   yang taat setia
Tidak dapat mengikut Nabi peri hidupnya
Memburu dunia setiap masa hingga derhaka
Melupakan Akhirat hidup yang abadi buat selama-lamanya

Tuhan, jadikanlah aku hamba yang taat setia
Jadikanlah Sunnah Nabi pakaian aku di dunia
Engkau cinta agungku jangan dilupa
Keredhaan-Mu yang aku pinta bila aku ke Akhirat sana

09 - 08 - 1995

96 HARAPANKU PADA-MU TUHAN

HARAPANKU pada-Mu Tuhan
Dengan nikmat-Mu jadikan aku orang yang bersyukur
Dengan bala-Mu jadikan aku orang yang bersabar
Dengan ketentuan-Mu jadikan aku orang yang redha
Dengan masa depanku jadikan aku orang yang bertawakal
Tuhan, Engkau cinta agung
Masukkanlah ke dalam hatiku rasa mencintai-Mu
Peliharalah hatiku daripada segala sifat yang keji
Ampunlah dosa-dosaku di hari
segala kesalahan didedahkan
Dan Engkau hapuskanlah segala kesalahanku
di Hari Pembalasan
Orang yang macamku ini tidak mungkin terlepas
daripada dosa
Kesalahan dan kesilapan selalu sahaja
tidak dapat dielakkan
Lebih-lebih lagi dosa bertaburan
di merata-rata bumi-Mu
Ke mana pergi pun tidak terlepas
daripada terjebak dengannya
Aduh, kotornya jasadku ini Tuhan
dengan najis dosa-dosa
Aku tidak mahu tapi dia sentiasa memburuku
Bantulah aku lari dari dosa-dosaku Tuhan,
dengan rahmat-Mu
Alangkah indahnya Tuhan,
jika cintaku adalah pada-Mu
Segala mazmumah hatiku dapat dihapuskan
Penyerahan diriku tiada lain melainkan pada-Mu
Segala dosa-dosaku dengan rahmat-Mu Kau ampunkan

06 - 04 - 1997

97 TUHAN, ENGKAULAH HARAPANKU

TUHAN Engkau harapanku!
Tiada tempat bergantung melainkan Engkau
Engkau pembela, Engkau penyelamat,
pada-Mulah Tuhan aku berlindung
Rahmat-Mu luas, waktu aku berdosa,
dengan rahmat-Mu ampunkanlah aku
Engkau cahaya langit dan bumi
Petunjuk sekalian makhluk
Kalaulah bukan petunjuk-Mu sudah tentu tersesatlah aku
Di waktu Engkau mendidik aku dengan penderitaan
Bantulah aku di dalam kesabaran
Di waktu Engkau mendidik aku dengan kesenangan
Bantulah aku untuk bersyukur
Di waktu orang memujiku
Ingatkanlah aku puja dan puji kepunyaan-Mu
Agar hatiku tidak berbunga dan bangga
Di waktu aku dihina
Ingatkanlah aku, bahawa memang aku hamba
yang hina, patut dihina
Agar aku redha menerimanya
Tuhan Engkau adalah segala-galanya!
Patut Engkau dipuji dan dipuja
Patut Engkau disanjung dan diagung
Engkau adalah cinta agung semua makhluk-Mu
Siapa mencintai-Mu,
moga-moga Engkau mencintai mereka

Selepas Subuh
15 - 05 - 1997
(07 Muharram 1418H)

98 TUHAN! PIMPINLAH AKU SELALU

TUHAN! Pimpinlah aku selalu di dalam kehidupanku
Aku lemah kalau Engkau tidak memberi kekuatan
Aku hamba-Mu memanglah sentiasa lemah
Lemah fizikal dan lemah jiwa
Dengarlah selalu, bisikan hatiku
Itulah harapanku Pada-Mu
Rintihan hamba-Mu yang selalu membuat dosa
Mengharapkan keampunan dari-Mu
Tuhan, masukkanlah di dalam hatiku tenang dengan ujian
Kerana mengharapkan keredhaan-Mu
Masukkanlah ke dalam hatiku takut dengan kemewahan
Kerana takut disalahgunakan
Masukkanlah di dalam hatiku rasa cinta pada-Mu
Agar rasa lazat menyembah-Mu
Rahmat-Mu yang aku harapkan
Amal ibadahku, tidak memberi jaminan
Atau kemaafan-Mu yang aku pinta
Sekalipun aku tidak layak
Aku ini hamba-Mu Tuhan!
Tidak berguna, kerana membuat dosa setiap masa
Kutiplah aku dengan rahmat-Mu
Dan sandarkanlah aku dengan berkat sesiapa
yang boleh menyelamatkan aku
Rahmat-Mu luas
Berkat melimpah-ruah kepada sesiapa sahaja
yang Engkau mahu anugerahkan

Sebelum Zuhur
21 - 10 - 1998

99 JADIKANLAH AIR MATAKU PEMADAM API NERAKA-MU

YA Allah ya Tuhanku!
Jadikanlah air mataku
 di waktu takut dengan-Mu
Pemadam api Neraka-Mu
Jatuhnya air mataku
Menggugurkan dosa-dosaku
Tuhan! Kalau bukan dengan rahmat-Mu
 aku tidak akan selamat
Setidak-tidaknya kalau bukan kemaafan-Mu
 aku tidak terlepas daripada azab
Aku lemah, bantulah aku
Nafsuku serakah
Bantulah aku bermujahadah selalu
Syaitan selalu menipu dayaku
Lindungilah aku darinya
Jalan kesesatan terlalu banyak
Ada yang jelas, ada yang kesamaran
Kalau bukan pimpinan-Mu aku tersesat jalan
Pimpinlah aku selalu
Agar aku selamat menuju-Mu

Selepas Asar
24 - 11 - 1998

100 DENGARLAH DOAKU

TUHAN! Setiap doaku Engkau dengarlah
Setiap permintaanku Engkau terimalah dengan redha
Setiap rintihanku dengan sebab dosa,
hapuskanlah dosaku
Penderitaan jiwaku memang dosa,
kasihanilah aku
Setiap kesungguhanku bermujahadah,
Engkau kiralah
Walaupun aku lemah, memanglah hamba-Mu lemah,
maafkan aku
Kelemahan itu memang sifat hamba
Di sinilah dengan rahmat-Mu Engkau maafkan selalu
Atau setidak-tidaknya dengan kemaafan-Mu
Engkau gugurkanlah dosa-dosaku
Aku bukan gembira dengan dosa-dosa yang aku lakukan
Tidaklah pula aku bangga dengan kebaikan yang aku buat
Apa yang berlaku itu ada maksud dari-Mu
Dengan dosa disuruh dukacita,
begitulah sifat hamba
Dengan kebaikan disuruh bersyukur
kerana itulah anugerah kepada hamba
Pimpinlah aku selalu di dalam kehidupan ini
Kerana kehidupan di dunia selalu sahaja menipu
Kalau Engkau tidak pimpin aku
tidak ada ertinya hidup ini
Dan kecundanglah aku di sana

Selepas Asar
22 - 10 - 1998

101 JANGAN PESONGKAN AKU DARI MENJADI HAMBA-MU

TUHAN, janganlah pesongkan aku menjadi hamba selain-Mu
Aku bangga bahawa aku menjadi hamba-Mu
Tanamkanlah di dalam hatiku redha dengan-Mu
Aku harap Engkau juga redha denganku
Redha-Mu itulah yang sentiasa kucari
Janganlah Engkau biarkan aku mencari keredhaan selain-Mu
Apabila aku tersilap cepat-cepat ingatkan aku
Agar aku tidak terpisah dari-Mu
Terpisah daripada-Mu adalah bala yang paling besar
Terpisah daripada-Mu adalah paling hina
Aku inginkan pimpinan-Mu selalu
Apabila aku tersasar, letakkan kembali kepada landasan
Janganlah biarkan aku terpesong jauh
Kalau berlaku alangkah hinanya
Itulah yang aku takut
Itulah yang selalu mengganggu fikiranku
Tuhan, itulah harapanku pada-Mu
Itulah yang aku pinta selalu
Tuhan, janganlah kecewakan aku

Menjelang Tidur
05 - 08 - 2001

102 TUJUAN IBADAH

TUJUAN berbagai ibadah
Hendak melahirkan rasa kehambaan
Kerana dari ibadah itulah akan lahir rasa bertuhan
Dari rasa bertuhan akan lahir rasa kehambaan
Dari rasa kehambaan akan lahir sifat-sifat kehambaan
Seperti malu, merendah diri, berkasih sayang
Bertimbang rasa, mengutamakan orang
Takut hendak membuat dosa dan kesalahan
Sabar, redha, memberi dan meminta maaf, membantu orang
Dan lain-lain lagi sifat-sifat kehambaan
yang tidak perlu dinyatakan
Tapi hari ini ramai orang beribadah,
tidak lahir rasa kehambaan
Yang lahir dari ibadah ialah sifat sombong, hasad dengki
Bermegah-megah, sum'ah, gila nama,
memfitnah, mengadu domba
Berdendam sesama manusia, jahat sangka,
bermusuhan sesama sendiri
Mengapa ibadah tidak mencapai matlamatnya?
Itulah merbahayanya orang beribadah secara tradisi
Dan juga beribadah kerana ganjaran dan fadhilat-fadhilatnya
Atau ibadah inginkan berkat, agar murah rezeki
Orang yang beribadah begini ghurur di dalam ibadahnya
Merasa dirinya membuat baik
Sebenarnya derhaka kepada Tuhannya
Di Akhirat nanti akan jadi muflis
Harapkan Syurga, Neraka yang menantinya
Kerana itulah beribadah jangan kerana fadhilat
Fadhilat itu biarlah hak dan ketentuan Tuhan
Tapi kita beribadah kerana hendak
melahirkan rasa kehambaan
Kerana kita memang hamba

Menjelang Maghrib
11 - 12 - 1999
(03 Ramadhan 1420H)

103 BERAMAL KERANA FADHILAT

BIASANYA orang yang membuat amal ibadah
kerana mengejar fadhilat, banyak ibadahnya
Tapi rasa bertuhan sudah tiada
Dari ibadahnya tidak lagi lahir rasa kehambaannya
Dia membuat amal ibadah bukan kerana cinta
dengan Tuhan atau takut
Tapi cinta dengan fadhilat atau takut tidak dapat fadhilat
Biasanya golongan ini rasa takut atau cinta
dengan Tuhan sudah tidak ada
Kalaupun banyak amal ibadah tapi tidak mengubah perangai
Mazmumahnya sama naik dengan amal ibadahnya
Ibadah pun banyak, cinta dunia pun banyak
Amal ibadah pun bertambah, cintakan dunia pun bertambah
Golongan yang mengejar fadhilat ini
selalunya rasa aman dengan Tuhan
Merasa tenang dengan amal ibadah
Itulah orang yang beramal ibadah derhaka dalam taat
Membuat dosa atau derhaka tapi tidak sedar
berlakunya kederhakaan itu
Mereka itu tertipu dengan amal ibadahnya yang banyak
Tapi rasa bertuhan tidak ada
Tapi rasa kehambaan sudah hilang
Sedangkan rasa bertuhan itu adalah wajib
Merasa kehambaan itu adalah diperintah
Beramal ibadah dengan tujuan untuk memperdalamkan
rasa bertuhan dan rasa kehambaan
Kalau beramal ibadah sudah tidak rasa bertuhan
dan tidak rasa kehambaan
Fungsi dan peranan ibadah itu sudah tersalah
Maka tidak ada nilai lagi di sisi Allah SWT

Menjelang tidur
05 - 11 - 1999

104 CARA TUHAN MURKA

DI ANTARA cara Tuhan murka
pada seseorang hamba itu
Ialah apabila dia membuat amalan ibadah
atau kebajikan dia memandang besar
dengan ibadah dan kebajikannya
Apabila membuat dosa dan kesalahan
dia memandang kecil sahaja bahkan dilupakan
Dia merasakan ibadah dan kebajikannya
boleh menghapus atau menutup dosa-dosanya
Kerana banyak ibadah yang dibuat
dia terasa aman dengan Tuhannya
Bahkan rasa senang dan tenang
dengan amal ibadah dan kebajikannya
Dengan amal ibadah dan kebajikan yang dibuatnya,
takut dengan Tuhan sudah tidak ada
Dia sudah merasakan Tuhan sudah redha
Dia yakin dia akan selamat dengan ibadah
dan kebajikan yang dibuat
Apabila Tuhan bertambah murka
Dengan amal ibadah dan kebajikan
yang dibuatnya datang pula ujub dan riyak
Kemudian timbul pula sum'ah dan sombong
dengan amal ibadahnya
Jika dia tidak sedar juga
Tuhan tambah lagi kemurkaan-Nya,
dengan cara dia memandang orang yang kurang ibadahnya
dengan pandangan hina
Dia pula mulalah mengata dan mengumpat orang lain
Kejahatan orang lain dia nampak,
kejahatan diri sendiri makin tidak nampak
Dia pun terus mengerjakan ibadah dan kebajikan
di atas sifat-sifat yang disebutkan tadi
Hinggalah ke akhir hayat umurnya

Dia pun mati di atas sikapnya
  yang diceritakan tadi
Maka dia pun mati di dalam su'ul khatimah
Mati di dalam kemurkaan Allah
  bersama-sama amal ibadahnya
Maka dia pun masuk Neraka dengan penuh terkejut,
  waliyazubillah

Selepas Asar
04 Safar 1421H

105 TANDA RAHMAT ALLAH

DI ANTARA rahmat Allah Taala
kepada seorang hamba-Nya
Kerana hendak menyelamatkan hamba itu
daripada kemurkaan dan Neraka-Nya
Setiap kali dia beribadah dia merasakan tidak sempurna
Dia merasakan terlalu banyak cacat celanya
Lantaran itu hatinya sentiasa susah atau cemas
dari ibadah ke ibadahnya
Dia merasakan ibadahnya fardhu dan sunat
tidak pernah sempurna
Begitu juga dia merasakan diri sentiasa berdosa
Hingga jiwanya tidak pernah tenang dengan Tuhannya
Apatah lagi kalau dia sedar terbuat dosa
Aduh, jiwanya parah, hatinya gundah-gulana
Jiwanya bertambah terseksa dan derita
Dia sentiasa menangis
Kalau matanya tidak menangis, hatinya menangis
Kesalnya tidak pernah putus-putus
Memohon ampun kepada Tuhannya terus-menerus
Dia tidak pernah rasa aman bila berhadapan
dengan Tuhannya
Begitulah apabila Tuhan hendak menyelamatkan
seseorang hamba-Nya
Cara itulah Tuhan memberi rahmat kepada hamba
yang dikehendaki-Nya
Rasa takut kepada Tuhan itulah yang dikehendaki oleh Tuhan
Kerana seorang hamba itu dapat mengekalkan
rasa kehambaannya
Maka di situlah jatuhnya keredhaan Tuhan
Keredhaan Tuhan itu menyelamatkan
seseorang itu dari Neraka

Selepas Asar
04 Safar 1421H

106 TANDA IBADAH TIDAK BERKESAN

KETENTUAN dan takdir Allah kita tidak suka
Ujian-Nya kita benci menerimanya
Masa depan kita bimbang sahaja
Dapat nikmat bakhil pula
Bertambah nikmat bertambah tamaknya
Apabila dinasihat marah-marah aja
Ketika memberi mengaku ikhlas
Inilah menunjukkan ibadah-ibadah kita tidak berkesan
Kerana ibadah-ibadah tidak ada jiwanya
Apakah yang hendak kita sembahkan kepada Tuhan kita?!

Selepas Subuh
26 - 04 - 1997

107 BAIKILAH IBADAH

BERSUNGGUH-SUNGGUHLAH beramal ibadah
Laksanakan secara istiqamah setiap masa
Kemudian koreksilah ibadah di mana kekurangannya
Kemudian lupakan sahaja
Bersungguh-sungguhlah meninggalkan dosa
Muhasabahlah diri setiap masa tentang dosa
Kemudian rasakan diri kita berdosa
Begitulah sifat seorang hamba
Pandang kecillah dengan ibadah kita
Kerana masuk ke Syurga itu dengan rahmat-Nya
Pandang besarlah dengan dosa kita
Agar kita takut membuatnya
Dan masuk ke Neraka dengan keadilan-Nya
Panjatkanlah doa selalu kepada-Nya
Pintalah taufiq dan hidayah dari-Nya
Kerana itulah jalan kepada-Nya
Kita hamba, haraplah selalu kepada-Nya
Dan baik sangka kepada-Nya

Selepas Subuh
19 - 11 - 1998

108 PASANG NIAT DALAM SEBARANG KERJA

KALAU engkau keluar rumah
tidak memasang apa-apa niat
Rugi sekali
Kalau engkau membuat sebarang kerja
tidak ada niat apa-apa
Engkau membuang masa
Jika engkau membaca tidak ada apa-apa matlamat
hanya sekadar ingin ilmu
Termasuk mensia-siakan umur engkau
Sekali-sekala engkau rehat-rehat tidak mempunyai niat
Terbuang sahaja masa engkau
Engkau makan, minum, berpakaian
hanya berlaku begitu sahaja
Engkau telah merugikan kebiasaan
Engkau berseronok-seronok dengan anak isteri
tidak ada tujuan apa-apa
Masa engkau percuma sahaja
Sekalipun apa yang engkau buat, usaha,
makan dan minum belum termasuk kawasan dosa
Tapi engkau telah mensia-siakan itu semua
Kalau engkau pasang niat dihubungkaitkan dengan Tuhan,
bukankah ia jadi ibadah
Berapa banyak ibadah-ibadah tambahan
yang engkau perolehi
Jika di dalam satu perkara itu memasang
niat yang banyak, lebih-lebih lagi
bertambah banyak pahala engkau
Hanya yang engkau pasang niat ibadah-ibadah asas
Selain itu engkau membuatnya bersahaja
tanpa apa-apa matlamat
Kalau begitu apa matlamat hidup engkau sebenarnya?
Mengapa matlamat hidup engkau,
engkau bataskan

Sedangkan apa yang engkau buat
terlibat dengan masa
Padahal sebahagian kecil amalan engkau
yang mempunyai niat
Ertinya berapa banyak masa engkau
yang terbuang begitu sahaja
Di sinilah nanti engkau akan menyesal
tidak sudah-sudah di Akhirat kelak
Itu kalau masa yang terbuang itu
tidak di dalam lingkungan dosa
Jika sudah termasuk kawasan dosa
lebih-lebih lagilah engkau akan menyesal
dan menderita
Kerana itulah apa sahaja yang hendak kita buat
biar ada matlamat
Kerana kita datang ke dunia ini dengan tujuan
beribadah kepada Allah Taala
Kalau begitu biarlah seluruh hidup kita
menepati ibadah

Selepas Zuhur
30 - 12 - 1999
(22 Ramadhan)

109 BUAT KERJA KERANA ALLAH

MEMBUAT kerja dengan terpaksa memang menderita
Bahkan menjemukan dan mudah meletihkan
Seperti membuat kerja yang dia tidak suka
Tapi dipaksa membuatnya
Atau kerja itu tempat dia dapat gaji sedangkan hati tidak suka
Kalau dia kerja bertahun-tahun lamanya
Akan kelihatan nanti umur muda tapi muka nampak tua
Mudah bencinya dan boring dengan kerja
Jemunya menghilangkan kebahagiaan jiwanya
Biasanya ini akan membangunkan emosi manusia
Mudah marah-marah, mudah tersinggung dengan manusia
Kerana itulah buat kerja biarlah kerana Allah
Buat kerja itu untuk keredhaan
Rasakan di situlah ibadah tambahan kita
Buat kerja kerana Allah tidak jemu, bahkan menggembirakan
Adakalanya telah meletihkan badan tapi jiwa masih tahan
Begitulah kerja dengan Tuhan tidak menjemukan
Kerja dengan manusia menjemukan
Jiwa gelisah, resah dan parah
Hilang ceria di muka, macam orang ada masalah
Mudah meletihkan, mudah menjemukan

Selepas Asar
04 - 10 - 1999

110 CARILAH PAHALA YANG MUDAH

DI SAMPING ibadah yang berat lagi khusus,
carilah pahala atau keredhaan Allah yang mudah
Bertemu orang Islam berilah salam sebagai mendoakannya
Senyumlah selalu apabila bertemu, ia dianggap sedekah
Apabila keluar rumah, niat hendak membuat
berbagai-bagai kebaikan seperti ziarah atau khidmat
Tidak sampai maksud pun tidak mengapa, ia tetap diberi pahala
Hadis ada memberi keterangan, niat orang Mukmin itu
lebih baik daripada amalannya
Apabila membawa kereta di simpang-simpang jalan
berilah laluan kepada orang lebih dahulu
Ia diberi pahala kerana mengutamakan orang
daripada diri sendiri
Kesalahan kawan maafkan sahaja walaupun tidak diminta
Amat besar pahalanya, bahkan menggembira kawan pula
Duri-duri atau benda-benda yang menghalang di jalan
dibuang segera
Ia memberi mudah orang ramai lalu-lalang
dengan tidak merbahaya
Ia diberi pahala sama dengan orang yang bersedekah
Waktu tidur malam niatlah hendak bangun beribadah
Pahala tetap diperolehi sekalipun tidak sempat bangun
kerana terlajak tidur
Ia tetap diberi pahala kerana niatnya suci
Berpakaian, niat bercantik-cantik kerana Tuhan itu cantik
Di sini pahalanya tetap ada
Yang salah itu, berpakaian kerana bermegah-megah
dan menunjuk-nunjuk
Yang sebenarnya untuk mendapat pahala
atau keredhaan yang mudah terlalu banyaknya
Tanpa memerlukan korban masa atau harta
Tapi kita telah mensia-siakannya

Selepas Zuhur
17 - 10 - 1999

111 HIBURAN ORANG MUKMIN ADALAH IBADAH

HIBURAN orang mukmin itu adalah beribadah
Mengingat Tuhan dan mengagungkan-Nya
Berkhidmat dengan manusia
Memberi, bersedekah, menolong dan membantu
hamba-hamba Allah
Mengagih-agihkan harta di kalangan
yang patut menerimanya
Kalau dia tidak dapat menolong orang, hatinya susah
Kerana menolong orang itu adalah hiburannya
Mendamaikan orang yang berbalah, hobinya
Dia terhibur dengan mendamaikan orang yang bermusuhan
Kalau ada orang yang memberi nasihat
Atau ada orang mengingatkannya, suka sungguh hatinya
Lantas dia sayang kepada orang itu
Kalau dia tidak boleh berkhidmat dengan orang
Lebih-lebih lagi di waktu orang perlukan khidmatnya,
susah hatinya
Dia terasa sangat bersalah dan berdosa
Kerana hiburan terputus atau tidak bersambung
Kalau didapati ada orang lain mendapat nikmat
Dia pula yang terhibur
Jika ada orang yang mendapat kesusahan
Hatinya susah, jiwanya derita dan gelisah
Dia bersungguh-sungguh cuba mengatasinya
Dia merasa penderitaan orang lain itu
adalah penderitaannya
Kesenangan orang lain adalah kesenangannya
Begitulah hati orang mukmin
terhibur dengan berkhidmat kepada orang lain

Menjelang Maghrib
23 - 12 - 1999
(16 Ramadhan)

112 TERHIBUR MENYEMBAH TUHAN

ORANG yang bertaqwa menunggu ibadah
daripada satu ibadah itu kegembiraan
Yang hendak ditunggu itu ialah cinta agungnya
iaitu Tuhan Penciptanya
Agar dari satu waktu ke satu waktu
hendak disembah dan disanjung
Alangkah terhiburnya memuja dan menyembah
idolanya yang dirinduinya
Menunggu cinta dari satu waktu ke satu waktu
sangat ditunggu-tunggu
Tidak sabar rasa hendak menyembah dan memuja-Nya
Kerana di dalam penyembahan itu
dia dapat bercakap-cakap dengan Tuhannya
Meminta, mengadu, bermesra dan bermanja-manja
Banyak persoalan hidup yang perlu diberitahu
Agar Tuhan selesaikan segala yang terbuku
Banyak perkara yang merbahaya minta dilindungi
Yang sedang terjadi minta diungkaikan
Di masa hadapan pinta pimpinan
Yang tidak tahu baik buruknya minta dijelaskan
Orang mukmin, sungguh penting Tuhan itu
di dalam kehidupannya
Kerana itulah ibadah, munajat,
berdoa sesuatu yang didulukan
Di sanalah segala persoalan dirafa'kan kepada Tuhan
Mereka merasakan tanpa Tuhan tidak boleh hidup
Kepada mereka Tuhan sangat diperlukan

Menjelang tidur
17 - 10 - 1999

113 SETAKAT INI DAPAT KUSEMBAHKAN PADA-MU

SETAKAT inilah yang dapat kusembahkan pada-Mu, Tuhan!
Sudah tentu terlalu banyak kekurangannya
Aku terlalu sedih sebenarnya, wahai Tuhan
Menganugerahkan sesuatu kepada-Mu yang tidak sepadan
Tapi apakan daya, setakat inilah yang aku mampu
Sudah kulakukan sedaya yang termampu
Ia masih setakat ini sahaja
Engkau tahu betapa sedihnya aku
Jiwaku merintih selalu
Jiwaku derita Engkau pun tahu
Mengenangkan ibadahku terlalu kurang
Bagaimanapun kuharap terimalah
Walaupun serba kekurangan
Aku sangat malu dengan-Mu, Tuhan
Nikmat yang Engkau kurniakan banyak
   namun ibadahku kurang
Tuhan, maafkanlah aku! Dengan rahmat-Mu!
Ampunkanlah dosaku
Janganlah Engkau bertindak ke atasku
Aku bukan suka setakat yang ada ini
Aku bukan tidak sedih dengan kekurangan ini
Tapi setakat inilah yang aku terdaya
Maafkan aku Tuhan!
Di samping kuharapkan pimpinan-Mu lagi
Agar aku dapat berbuat lebih baik dari ini
Untuk kusembahkan kepada-Mu

114 TERIMALAH IBADAHKU YANG TIDAK SEMPURNA

TUHAN, terimalah ibadahku
yang tidak sepertinya ini
Ia serba kekurangan
Banyak cacat-celanya
Tapi apakan daya, inilah yang aku terdaya
mempersembahkannya
Aku sudah mencuba sesungguh hati
Tapi masih tidak mampu juga dengan sempurna
Aku harap dengan rahmat-Mu terima jugalah
Atau dengan kemaafan-Mu terimalah kekurangannya
Walaupun tidak sempurna ibadahku, aku tidak jemu
Aku tetap teruskan
Sekalipun tidak meningkat aku tetap istiqamah
Kasihanilah aku Tuhan hamba-Mu yang lemah ini
Keampunan-Mu yang Aku harapkan
Kalau Engkau tidak membelaku
Siapa lagilah yang akan membelanya
Kalau aku diazab, aku kan hamba-Mu jua
Aku adalah ciptaan-Mu
Kalau Engkau selamatkan aku
Engkau pun tidak rugi
Kebesaran-Mu tetap sempurna

Selepas Asar
30 - 10 - 1998

115 BOLEH TAAT TAPI TIDAK SETIA

ADA orang tidak taat dan tidak setia
Sama ada dengan Tuhan atau dengan manusia
Itu perkara biasa
Tapi adakalanya kita tidak sedari di dalam kehidupan ini
Sering berlaku kepada orang yang agak beragama
Boleh taat tapi tidak setia
Sanggup menerima arahan tapi tidak ada tanggungjawab
Boleh beribadah tapi derhaka
Boleh menerima suruhan tapi tidak beradab
Teringat dosa kemudian melakukannya
Boleh berbuat tapi tidak sempurna
Atau sanggup berkhidmat tapi tercacat dan tercela
Atau boleh taat tapi jiwa menderita
Keindahan di dalam ketaatan tidak ada
Lazat di dalam beramal belum dirasa
Kerana itulah iman sentiasa yazid wa yanqus
Adakalanya bertambah, adakalanya berkurang
Dia tidak mahu bertambah dan terus bertambah
Tapi janganlah berputus asa
Lepas berbuat mengaku berdosa
Setelah berbuat mintalah ampun dan maaf
Mintalah kepada Tuhan dengan rahmat-Nya terima jugalah
Pohonlah kepada Tuhan Ar Rahman
Dengan rahmat-Nya yang cacat itu tampunglah

116 AKU RASA BELUM BERIBADAH

ADUH, bila aku menghadap-Mu Tuhan di waktu ibadah
Hatiku pun mula rasa susah dan gelisah
Aku pun mula bimbang bagaimana nanti
aku menyembah-Mu, bersopankah atau sebaliknya
Kalau aku lakukan juga, jawapannya tentu sama
Macam-macam rasa di dalam jiwaku
Takut, bimbang, gelisah dan resah
Apabila selesai, aku rasa belum beribadah
Hatiku susah dan gundah-gulana
Tapi apakan daya, setakat itulah yang terdaya
Takkan aku hendak mengulanginya sekali lagi
Nilai ibadahku
Macam tadi juga
Kerana itulah Tuhan, setiap kali lepas sembahyang
Aku dahulukan memohon ampun kepada-Mu
terhadap sembahyangku
selepas itu barulah dosa-dosaku
Begitulah juga Tuhan selepasku membuat dosa
Hatiku lagi parah, susah dan gelisah
Tapi aku ini lemah bermujahadah
Selepas itu aku ulangi lagi membuat salah
Hatiku susah lagi dan gundah
Tuhan! Engkau tampunglah ibadahku mana yang kurang
Maafkan aku yang tidak sempurna
Ampunkan aku mana yang terlanjur
Kerana hal itu bukan aku suka
Itulah kelemahanku
Engkau pun tahu
Rahmat-Mulah yang aku pinta

117 TUHAN MEMANGGIL AKU

TUHAN memanggil aku
Aku menerima panggilan-Nya
Setelah aku menunaikan panggilan, aku menderhakai-Nya
Tuhan menyuruh aku
Aku mendengar dan mentaati-Nya
Setelah suruhan itu aku terima
Aku mencuaikannya
Tuhan panggil lagi aku
Aku tidak menolaknya
Setelah aku menerimanya
Di situ aku tidak beradab kepada-Nya
Tuhan suruh lagi aku
Aku tidak pula menolak suruhan-Nya
Setelah aku menerima suruhan-Nya
Aku tidak bersungguh-sungguh mengerjakannya
Begitulah aku ini
Setiap kali Tuhan panggil
Aku menerimanya
Setiap aku disuruh
Aku tetap tunaikannya
Tapi di dalam ketaatan itulah aku derhaka kepada-Nya
Bilakah aku ini dipanggil dengan setianya
Entah bila lagi jika aku disuruh
Aku tidak khianat suruhan-Nya
Begitulah aku ini sentiasa taat di dalam derhaka
Begitulah aku ini mengikut perintah tidak beradab
Tuhan, aku harap
Di dalam menunaikan panggilan dan suruhan, tidak beradab
Aku memohon maaf dan ampun kepada-Mu
Ampunkanlah dan maafkanlah aku wahai Tuhan

Menjelang tidur
14 - 09 - 1999

118 TUJUAN MENGENAL TUHAN

MENGENAL Tuhan tujuannya agar segala usaha dan ibadah
ada tempat tujuan yang hendak disembahkan
Agar segala usaha dan ibadah tidak disia-siakan
Mengikut syariat itulah disiplin hidup dan syiar-Nya
Sekaligus nampak kelihatan di dalam kehidupan insan,
ayat-ayat dan tanda-tanda kebesaran Tuhan
Akhlak yang mulia pula itulah dia bunga-bunga
yang indah pada diri-diri insan
Dari situlah di dalam pergaulan manusia
di antara satu sama lain senang menyenangkan
Bahagia membahagiakan, rindu-merindui untuk berjumpa
Dari sinilah indahnya pertemuan di dalam pergaulan
Kerana masing-masing di dalam diri membawa bunga
Satu sama lain hibur-menghiburkan
Suka-menyukakan dan menggembirakan
Memanglah tabiat bunga sama ada bunga yang lahir
mahupun bunga yang maknawi dan rohani
Ia menyukakan, menghiburkan, menyenangkan
dan menyejukkan mata dan hati
Kalau bunga diri atau bunga-bunga maknawi
dan rohani tidak ada
Pertemuan manusia sesama manusia sangat menjemukan
Bahkan di dalam setengah-setengah hal pertemuan itu
sangat menakutkan
Akibatnya pertemuan dan pergaulan itu
dibuat sebab terpaksa
Tidak bergaul, manusia tidak boleh hidup bersendirian
Kerana manusia itu satu sama lain perlu-memerlukan
Tapi kerana masing-masing bunga diri sudah tidak ada
Pertemuan dan pergaulan secara terpaksa itu
sangat menyakitkan

Menjelang Maghrib
16 - 10 - 1999

119 KENAL TUHAN DAHULU BARULAH SYARIAT-NYA

DI DALAM ajaran Islam, mengenal Tuhan lebih dahulu
adalah perkara yang pertama dan utama
Selepas itu barulah mengenal syariat-Nya pula
Tujuan mengenal Tuhan agar hamba-hamba-Nya
di kalangan manusia cinta kepada-Nya
Pepatah Melayu ada berkata: Tidak kenal maka tidak cinta
Percaya sahaja adanya Tuhan tapi tidak kenal Tuhan
sudah tentu cinta tidak berbunga
Tidak cinta kepada Tuhan,
syariat-Nya orang tidak akan menghormati
Mari kita mengenal Tuhan agar kita cinta kepada-Nya
Tuhan adalah Allah yang mencipta dunia Akhirat
dan seluruh isinya
Mencipta manusia bahkan mencipta segala-galanya
Dia adalah Maha Berkuasa, Maha Mengetahui,
Maha Melihat, Maha Mendengar,
Maha Berkehendak dan kehendak-Nya
tertunai segala-galanya
Tuhan adalah mengadakan dan mentiadakan,
mematikan dan menghidupkan
Menghukum sama ada di dunia mahupun di Akhirat
kerana keadilan-Nya
Tuhan adalah segala-galanya
Dialah yang memberi makan dan minum,
Dialah yang menyakitkan dan menyembuhkan
Dia juga menyenangkan dan menyusahkan,
memiskinkan dan mengkayakan
Menjatuhkan dan menaikkan seseorang
atau sesuatu bangsa
Memberi rahmat dan nikmat, memberi niqmat
dan bala bencana
Mendidik, mengasuh, menjaga dan memberi keselamatan
Memberi petunjuk dan menyesatkan sesiapa yang Dia suka

Tapi semuanya berlaku dengan ketentuan dan hukuman-Nya
Siapa yang masuk Neraka adalah dengan keadilan-Nya
Siapa yang masuk Syurga adalah dengan rahmat-Nya
Tuhan adalah Zat yang Maha Esa,
tidak ada bandingan dan tandingan
Tidak ada penyamaan dan penyerupaan
Maha Suci daripada penyerupaan dan Maha Suci
daripada dapat dilintaskan
Hakikat Zat-Nya Dia sahaja yang mengetahui
Tiada di kalangan makhluk-Nya yang mengetahui
Sekalipun para malaikat yang suci
daripada dosa dapat mengetahui
Kuasa atau Qudrat-Nya bukan dengan tenaga,
kehendak-Nya bukan dari perasaan-Nya
Tuhan tidak ada perasaan macam manusia
Yang berkuasa dan berkehendak adalah Zat-Nya
Begitu juga melihat, mengetahui, mendengar,
adalah Zat-Nya
Yang mempunyai sifat-sifat itu semuanya
Maha Pengasih lagi Maha Penyayang
Maha Qahhar dan Jabbar

1.00 pagi
05 - 01 - 2000
(28 Ramadhan)

120 BEZA KENAL TUHAN DENGAN KENAL SYARIAT-NYA

TIDAK sama Islamnya seseorang yang dimulai
dengan mengenal Tuhan dengan yang dimulai
mengenal syariat-Nya
Golongan yang pertama kalau bersyariat
sangat dihayatinya hingga rasa bertuhan
sangat menunjangi jiwanya
Hasil bersyariat lahirlah sifat-sifat kehambaan
yang begitu ketara
Seperti kasih sayang, tawadhuk, pemalu, sabar, pemurah,
mengutamakan orang lain dan maaf bermaafan
Puak kedua mungkin ibadahnya baik
tapi penghayatannya tidak ada
Mereka bersyariat, rasa bertuhan tidak ada
Natijah daripada ibadahnya tidak lahir rasa kehambaan
Bahkan dari ibadahnya subur sifat-sifat mazmumah
Seperti pemarah, bakhil, keras hati, mementingkan diri,
sombong dan riyak
Seolah-olah mereka beribadah atau bersyariat
terputus hubungannya dengan Allah
Mereka bersyariat sudah sama tarafnya
dengan ajaran ideologi
Ajaran ideologi mana ada bertunjangkan iman
atau terhubung dengan Allah
Begitulah orang mengamalkan Islam
yang dimulai mengenal syariat
Sedangkan Tuhan tidak diperkenalkan
dengan mendalam kepadanya
Akibatnya orang yang bersyariat tidak cinta
dan takut dengan Tuhan
Di dalam mereka bersyariat pada masa yang sama
kemungkaran dibuatnya
Syariat yang diamal tidak membuahkan
akhlak yang mulia

Hingga Islam yang diamalkan tidak kelihatan indah
dan cantik di dalam kehidupan
Kerana itulah orang lain tidak minat kepada Islam
Apatah lagi yang bukan Islam ingin masuk Islam
jauh sekali
Kerana pengamal-pengamal dan pejuang-pejuang Islam
sangat menakutkan mereka
Keindahan Islam tidak dapat dilihat
di dalam kehidupan mereka

Selepas Zuhur
30 Muharam 1421H

121 JIWA LIAR APABILA TIDAK KENAL TUHAN

JIKA lemah iman atau tidak kenal Tuhan dengan sempurna
jiwa kita menjadi liar
Liarnya jiwa itu satu penderitaan
Penderitaan jiwa menjadikan hilang kebahagiaan
Apa maksud jiwa kita yang liar?
Apabila mendapat sedikit ujian seperti kesusahan jiwa
menderita hingga tidak sabar
Apabila mendapat kesenangan berbunga pula jiwa,
lupa daratan
Dinasihat atau dikata orang jiwa rasa berang,
mungkin sampai menyerang
Jika orang lebih sedikit sakit pula hati,
menimbul hasad dengki
Apabila orang mendapat penderitaan jiwa rasa senang
Jika kehendak tidak dikabul
aduh jiwa keluh-kesah dan gelisah
Jika hajat dapat berbunga pula jiwa
mungkin menghina orang
Begitulah jika iman lemah atau tidak kenal Tuhan,
jiwa tidak stabil
Berubah keadaan yang menimpa berubah pula jiwa
Berlainan suasana berlainan pula perasaannya
Jiwa sentiasa berombak dan bergelombang
Macam lautan yang tidak pernah rehat dari gelora
Kalau begitu mana hendak mendapat
ketenangan dan kebahagiaan
Kerana jiwa mudah saja tergugat oleh kejadian
Padahal peristiwa ada dalam kehidupan
mana ada renti-rentinya
Dia datang silih berganti berbagai-bagai keadaan
Orang mukmin jiwanya sentiasa tenang

Selepas Asar
22 Muharam 1421H

122 SEGALANYA UNTUK ALLAH

BERFIKIRLAH seperti yang Allah mahu
Berperasaanlah seperti yang Tuhan setuju
Berkehendaklah seperti yang Tuhan redha
Ertinya fikiranmu, jiwamu dan nafsumu semuanya
untuk Tuhan yang Esa
Setelah tiga anggota batin itu selaras
Semuanya bertindak mengikut kehendak Tuhan
Maka jawarih ini mudah sahaja, ia sudah tentu taat setia
Jawarih ini ia akan mengikut sahaja
Tanpa bangkang dan tanpa bantah ia akan bersetuju sahaja
Sikap begini adalah manusia luar biasa
Inilah hamba Allah yang seluruh hidup dan matinya
kerana-Nya
Selaras dengan pengakuan di dalam sembahyang lima waktu
"Hidupku dan matiku adalah kerana Allah"
Oleh itu pimpinlah akal fikiran dengan ilmu wahyu
Didiklah hati atau jiwa dengan rasa bertuhan
Bermujahadahlah melawan nafsu,
arahkan kemahuannya kepada Tuhan yang Esa
Bersandarlah kepada pemimpin yang 'arifbillah
Beristiqamahlah dan berdoalah kepada Allah
Agar kita selamat menuju ke arah-Nya
Insya-Allah hidayah dan taufik-Nya akan dianugerah
Dengan rahmat dan kasih sayang-Nya

Selepas Zuhur
30 - 09 - 1999

123 LEBURKAN RASA KEBESARANMU

LEBURKAN rasa kebesaranmu di dalam kebesaran Tuhan
Agar engkau akan merasakan dirimu hina dan terlalu kecilnya
Supaya sifat hamba engkau dapat kekalkan semula
Engkau memang hamba,
mana ada kebesaran yang engkau punya
Begitulah juga engkau cairkan rasa kekayaan yang ada padamu
Agar kekayaan itu engkau rasa lambang kekayaan Tuhan
Memang engkau mana ada kekayaan
kalau bukan anugerah Tuhan
Segala yang ada dimiliki oleh Tuhan
Hanya Allah menumpangkan sementara
untuk hendak diagih-agihkan kepada yang memerlukan
Sepatutnya kita rasa kekayaan yang ada terasa beban
Kerana kita berkewajipan dan menjadi tanggungjawab
mengagih-agihkan
Sepatutnya kekayaan yang Allah tumpangkan itu
kita rasa susah hati
Apakah kita boleh amanah untuk menyampaikan
Orang yang arif, tidak ada lebih dirasakan lega
Daripada ada yang dia rasa menyusahkan
Tidak diagih-agihkan adalah satu kesalahan
Kita sudah tidak amanah dengan Tuhan
Kekayaan itu adalah ujian
Mampukah kita bertanggungjawab mengagih-agihkan
Ramai orang kaya gagal menerima ujian
Kekayaan itu hendak diagih-agihkan kepada yang memerlukan
Tapi apa yang terjadi bahawa kekayaan yang diberi itu
dijadikan milik peribadi
Nanti di Akhirat kelak hartanya itu dipanas dan dicairkan
kemudian disapu ke seluruh badan
Akibat tidak amanah daripada pemberian Tuhan

124 SERIUS DENGAN TUHAN

ADA orang setelah dia dapat menunaikan yang fardhu
dan yang sunat secara lahir
Dapat pula meninggalkan maksiat secara lahir
di dalam kehidupannya
Dia merasakan bahawa dia telah serius dengan Tuhan
Dia sebenarnya belum serius dengan Tuhan Penciptanya
Orang yang serius dengan Tuhan disertakan sekali
sentiasa takut dengan-Nya
Hatinya sentiasa bergelombang dengan kebimbangan
Setiap kali selepas mengerjakan ibadah
Hatinya rasa kesal kerana dirasakan
ibadahnya tidak sempurna
Dia pun memohon ampun kepada Tuhan
Lebih-lebih lagi sekali-sekala terbuat dosa
Aduh, jiwanya sangat derita
Kerana terbuat dosa dia pun bersedekah
Atau berkhidmat kepada ibu atau guru
atau kawan-kawannya
Atau membaca Al Quran atau dia berzikir
Atau berselawat sekian-sekian banyaknya
untuk ibu bapa atau gurunya
Jika amalan kebiasaannya tertinggal dia gelisah
Dia mesti bayar umpamanya menghadiahkan Fatihah
Atau selawat dan lain-lain lagi kepada gurunya
Atau hari itu dia bersedekah atau berkhidmat
dengan manusia
Fikirannya sentiasa ke hadapan
Apa lagilah kebaikan yang hendak dicetuskan
Kalau dia masbuk sahaja dengan imam
Hatinya tidak tenang pada hari itu
Untuk memujuk hatinya dia akan bayar dengan sedekah
Atau sembahyang sunat atau khidmat
dan mendoakan gurunya

Kalau dia hendak membuat kerja yang besar
   atau apa-apa hajat
Dia mesti mengadu dengan Tuhan terlebih dahulu
Ia akan bertawasul dengan gurunya
Setiap kali dia membuat kejahatan
Dia akan tutup dengan membuat kebaikan
Di samping hatinya sedih dan terseksa
Dia tidak boleh mendengar ada orang yang susah
Hatinya gelisah dan dia mesti berusaha menolongnya
Kalau dia bersalah cepat-cepat memohon maaf
Dan memberi maaf
Di atas kesalahan orang kepadanya
Begitulah orang yang serius dengan Tuhan

Menjelang Maghrib
14 - 12 - 1999
(06 Ramadhan 1420H)

125 MARILAH BERSAMA-SAMA MENCARI TUHAN

MARILAH kita bersama-sama mencari Tuhan
Carilah Tuhan hingga dapat
Kita jadikan Tuhan kawan setia
Bersama-sama mencari Tuhan tidak akan timbul pergaduhan
Bahkan akan terjadi satu haluan sesama insan
Akhirnya setelah bersama mendapat Tuhan
Akan terjadi berkasih sayang sesama manusia
Bersama mencari Tuhan tidak ada pertarungan
Tidak seperti manusia memburu dunia dan nikmatnya
Sentiasa sahaja bertarung, bersaing dan bermusuhan
Hasad dengki, tekan-menekan, jatuh-menjatuhkan
Ia tidak akan terjadi pada manusia
bersama-sama memburu Tuhan
Memburu dunia tidak semua dapat
Ada yang dapat ada yang tidak
Memburu Tuhan sama-sama dapat, tidak ada yang kecewa
Memburu dunia banyak yang kecewa
Hatta yang dapat dunia dan nikmatnya juga kecewa
Mendapat dunia menjemukan
Mendapat Tuhan tidak menjemukan
Dapat dunia tidak membahagiakan
Dapat Tuhan dapat segala-galanya
Dapat dunia hanya sebahagian
Mendapat Tuhan mendapat Zat yang kekal abadi
Mendapat dunia mendapat sesuatu yang binasa
Sama ada kita meninggalkan dia
Atau dia meninggalkan kita
Mendapat dunia ia sentiasa menipu kita
Mendapat Tuhan, ertinya kita mendapat kawan setia

Menjelang tidur
10 - 11 - 1999

126 GUNAKANLAH AKAL UNTUK MENGENAL TUHAN

GUNAKANLAH akal untuk mengenal Tuhan dan juga
memikirkan kebesaran-Nya, keagungan dan kekuasaan-Nya
Agar Dia dicintai dan ditakuti setiap masa
Gunakanlah akal untuk mengetahui syariat
dan hukum-hakam-Nya
Kerana syariat dan hukum-hakam-Nya itu
adalah jalan kepada Tuhan
Kalaupun kita telah mengetahui dengan akal akan ilmu-ilmu
dunia selain ilmu ketuhanan dan syariat-Nya
Fikirkan pula bagaimana ilmu itu untuk dijadikan alat
untuk membangunkan syariat Tuhan
Begitu juga selaraskan kehendak nafsu
dengan kehendak Tuhan
Agar kehendak Tuhan dengan kehendak nafsu
selari dan sejalan
Supaya nafsu tidak lagi dijadikan tunggangan
atau *highway* syaitan
Selarinya kehendak Tuhan dan nafsu di situlah
ketenangan dan kebahagiaan
Seterusnya jadikanlah hati untuk Tuhan
Jangan jadikan hati untuk selain-Nya
Seperti, jadikan hati selalu mengingati-Nya
Suburkan hati rasa bertuhan setiap masa
Agar rasa kehambaan kepada Tuhan bertambah tajam
Apabila hati rasa kehambaan bertambah subur
Cinta dan takut dengan Tuhan bertambah mendalam
Cintakan Tuhan itu amat patut
Kerana Dia adalah sumber segala kebaikan
Takut dengan Tuhan juga patut
Kerana kita adalah hamba ciptaan-Nya
Bila-bila masa sahaja Tuhan boleh melakukan
apa sahaja kepada kita

Selepas Asar
19 Muharam 1421H

127 DALAM DIRIMU PENUH KEAJAIBAN

KALAU engkau perhati!
Dan jika jiwamu hidup
Juga kalau akal engkau berperanan
Engkau tentu sedar, bahawa di dalam dirimu
penuh dengan keajaiban dan hikmah
Bahkan di dalam dirimu lahir dan batin,
ia adalah sumber segala-segalanya
Sumber kekayaan dunia dan Akhirat
Pada anggota-anggotamu adalah sumber ilmu
dan pengalaman
Ia juga sumber hiburan dan kebahagiaan
Ia adalah sumber kekayaan dunia yang berbentuk material
dan kemajuan fizikal
Juga ia adalah sumber iman dan taqwa yang membawa
kekayaan Akhirat
Sumber mengenal Tuhan pencipta alam dan dirimu sendiri
Sumber segala kebaikan dunia dan Akhirat
Di dalam dirimu sumber kajian
Padanya ada ayat daripada ayat Allah
Di sini nampak kekuasaan dan kehendak Allah Taala
Dapat dilihat kebesaran dan pentadbiran-Nya
Dapat dirasakan ilmu-Nya
Di dalam diri engkau dapat dirasakan rahmat dan nikmat Tuhan
Kalaulah hal-hal yang tersebut engkau sedar
Aduh! Malunya engkau dengan Tuhan
Terasa hinanya diri engkau
Syukur tidak terhingga
Cinta dan takut kepada-Nya
Rasa bertuhan tidak mungkin dilupakan
Ke mana sahaja engkau pergi
terasa engkau hamba yang hina yang perlu
kepada perlindungan Tuhan-Nya

02 - 10 - 2000

128 APABILA RASA BERTUHAN WUJUD

APABILA rasa bertuhan wujud
Pasti rasa kehambaan ada
Bila rasa kehambaan ada
Automatik rasa bertuhan wujud
Dua perasaan ini tidak boleh berpisah
Salah satu perasaan itu membuahkan
salah satu yang lain
Jika rasa bertuhan tidak wujud
Rasa kehambaan juga tidak akan wujud
Begitulah sebaliknya jika rasa kehambaan tidak wujud
Rasa bertuhan pun tidak akan wujud
Apabila rasa bertuhan tidak ada,
akan wujudlah rasa ketuanan
Kalau dibiarkan hingga subur dan kuat
Akan lahirlah rasa ketuhanan
macam Firaun dan Namrud
Syirik dan kafirlah dia wal'iyazubillah
Rasa ketuanan atau rasa ketuhanan
Inilah yang melahirkan sifat ego dan sombong
Merasa diri luar biasa dan orang lain dipandang hina
Pemarah dan kejam, pantang ditegur
dan dicabar atau ada tandingan
Kalau dia ada kuasa,
dia akan bertindak dan menghukum
Kalau tidak ada kuasa mungkin dendam kesumat
berpanjangan
Menunggu peluang untuk bertindak atau membinasa
Begitulah jika seseorang itu tidak ada rasa bertuhan
Sekalipun banyak beribadah dan bersembahyang
Bahkan ibadah yang banyak dan sembahyangnya
itulah yang membangunkan kesombongannya
Di sini kita nampak bahawa rasa bertuhan itu
amat penting

Atau rasa bertuhan itu perlu wujud
di setiap jiwa manusia
Dari perasaan inilah lahir sifat-sifat kehambaan
Apabila lahir sifat kehambaan,
sifat-sifat ketuanan pasti hilang
Sifat-sifat ketuanan itulah yang membinasa diri
seseorang dan manusia
Yang menjadikan dunia ini tidak pernah rehat
daripada huru-hara

Selepas Zuhur
26 - 10 - 1999

129 ORANG YANG RASA BERTUHAN

ORANG yang rasa bertuhan
Ialah orang yang merasa dirinya
sentiasa di dalam kekuasaan Tuhan
Dia sentiasa sedar bahawa dia di dalam pengetahuan-Nya
Di dalam penglihatan-Nya dan di dalam pendengaran-Nya
Jarang sekali dia melupakan-Nya
Dia merasakan Tuhan boleh berbuat apa sahaja ke atas dirinya
Nasibnya bergantung kepada Tuhan
Baik buruknya ditentukan oleh Tuhan
Hidup matinya ditentukan oleh Khaliqnya
Merasakan dirinya tidak ada kuasa langsung
Lantas dengan itu datang rasa takutnya
kepada Allah penciptanya
Kebimbangannya terbawa-bawa ke mana-mana
Dan di waktu bila pun
Dengan itu lahir di dalam hati inginkan kasih sayang
dari Tuhan
Agar dia diberi hidayah dan taufiq
Supaya dia diberi keselamatan dan kawalan
Dia pun menyembah-Nya dan membesarkan-Nya
Memanjatkan doa kepada-Nya agar dipimpin selalu
Kesalahannya dia memohon ampun
Kesilapannya dia memohon maaf
Dengan nikmat dia bersyukur
dan dengan ujian dia bersabar
Redha dengan ketentuan Tuhan
Apa sahaja yang dia hendak buat
dia tanya Tuhan lebih dahulu
Dia takut hendak memandai-mandai
Tuhan adalah tempat rujuknya
Begitulah orang yang rasa bertuhan

Menjelang tidur
15 - 01 - 2000
(08 Syawal 1420H)

130 MEMILIKI TUHAN

ORANG yang tidak merasa bangga bahawa Allah itu
adalah Tuhannya
Dan tidak merasa lagi nikmat bertuhan
Memanglah hati telah mati, jiwanya telah buta
Bukankah malang sekali,
Tuhan yang memiliki segala-galanya
Sudah tidak dimilikinya
Apalah ertinya memiliki yang dimiliki oleh Tuhan
Sedangkan Tuhan tidak dimilikinya
Padahal memiliki Tuhan ertinya memiliki segala-galanya
Memiliki Tuhan kita merasa kuat dan puas
Memiliki Tuhan ertinya kita mempunyai pelindung
Kita ada mempunyai kawan yang Maha Tinggi
dan Maha Agung
Yang sangat menyayangi kita dan sangat setia
Memiliki Tuhan ertinya kita ada tempat rujuk
Ada tempat mengadu dan bertanya
yang dibawa ke mana-mana
Kita ada pembela yang akan menyelesaikan urusan kita
Memiliki Tuhan kita tidak sunyi
dan sepi di waktu keseorangan
Mendapatkan Tuhan ertinya ada tempat bermanja
Tempat hendak mencurahkan kasih dan sayang
Tempat mencurahkan rasa cinta
Mendapatkan Tuhan hilang rasa takut dengan makhluk
Sepatutnya kita bangga mendapat Tuhan
Kita rasa bahagia sepatutnya mempunyai Tuhan
Sepatutnya kita rasa mulia bahawa Allah itu
adalah Tuhan kita

Menjelang tidur
23 - 11 - 1999

131 MEMILIKI-MU ADALAH PENTING SEKALI

BIARLAH seluruh dunia manusia membenci aku
Asalkan jangan Engkau benci padaku Tuhan
Biarlah aku kehilangan kasih sayang dari manusia
Tapi jangan kehilangan kasih sayang dari-Mu
Tidak mengapa aku tidak memiliki apa-apa
Memiliki-Mu Tuhan ertinya memiliki segala-galanya
Tanpa-Mu Tuhan aku kehilangan segala-galanya
Apalah ertinya seluruh manusia kasih padaku
Engkau yang mencipta manusia membenci aku
Tanpa-Mu Tuhan runtuhlah kehidupan dunia dan Akhiratku
Apa yang aku miliki tidak ada erti apa-apa
Ia hanya ibarat habuk yang berterbangan sahaja
Tidak memberi guna apa-apa
Kerana itulah aku memiliki-Mu adalah penting sekali
Buat duniaku dan Akhiratku
Tuhan, berilah aku sedikit kasih sayang dari-Mu
Agar memberi guna untuk kehidupanku
Dunia dan kehidupan Akhiratku

Selepas Asar
04 - 04 - 1999

132 KEJARLAH TUHAN JANGAN KEJAR SYURGA

KEJARLAH Tuhan janganlah kejar Syurga-Nya
Tuan Syurga lebih utama daripada Syurga-Nya
Carilah Tuhan, janganlah cari fadhilatnya
Dapat Tuhan, dapatlah segala-galanya
Cari Tuhan kerana kita hendak
memperhamba diri kita kepada-Nya
Cari Syurga atau fadhilatnya, ertinya hendak
membesarkan nikmat Tuhannya
Mengapa hendak memperbesarkan diri kepada makhluk
Memperhambakan diri kepada Khalik kan lebih utama
Mengejar fadhilat, rasa bertuhan tidak ada
Jika rasa bertuhan tidak ada, rasa kehambaan pun tidak ada
Sedangkan fungsi hamba hendak melahirkan rasa kehambaan
Kalau rasa kehambaan tidak ada,
mazmumah tidak akan dapat dimusnahkan
Kerana itulah orang yang beribadah kerana Syurga atau fadhilat
Perangainya tidak berubah
Bahkan adakalanya ibadahnya itulah
yang menyuburkan mazmumahnya
Mengapa beribadah kerana Syurga dan fadhilat
Syurga dan fadhilat adalah hak Tuhan
yang memang telah ditentukan-Nya
Carilah Tuhan
Dapat Tuhan, Syurga dan fadhilat dapat sama
Kerana itulah Syurga dan fadhilat tidak perlu difikirkan
Cari Syurga atau fadhilat, Syurga atau fadhilat belum tentu dapat
Tuhan sudah tentu tidak dapat
Yang hendak kita cintai adalah Tuhan
Kerana Dia pencipta kita
Bukan Syurga dan fadhilat yang hendak kita cintai
Betulkan semula fungsi ibadah kita
Agar matlamat ibadah itu
tepat kepada sasarannya

Menjelang tidur
12 - 11 - 1999

133 SETELAH AKU KENAL TUHAN

SETELAH aku kenal Engkau Tuhan,
tidak ada lagi erti Syurga dan Neraka-Mu
Kalau tidak ada Syurga dan Neraka pun
aku tetap menyembah-Mu
Menyembah dan mengingati-Mu itu adalah kebahagiaan
Menyembah dan mengingati-Mu aku rasa patut buatku
Makin aku kenal-Mu, fadhilat-fadhilat tidak ada erti padaku
Aku rasa, beribadah kepada-Mu kerana fadhilat
menghilangkan keikhlasanku pada-Mu
Aku merasa aku telah tercacat dengan-Mu
Siapa yang mengenal-Mu,
Engkau adalah sumber kebahagiaan
Kalau begitu apalah ertinya Syurga dan Neraka-Mu
Setelah aku mengenal-Mu keredhaan-Mulah
yang aku cari
Bahkan aku mengingini keredhaan-Mu
Mendapat keredhaan-Mu,
ertinya mendapat segala-galanya
Mendapat keredhaan-Mu adalah mendapat ibu
segala kebahagiaan
Inginkan keredhaan-Mu di sinilah datangnya
cinta dan takut
Cinta kerana Engkau patut dicintai
Takut kerana hamba perlu takut dengan Tuannya
Takut adalah sifat hamba yang perlu dikekalkan
Makin bertambah lagi aku mengenal-Mu
Maka segala-galanya tidak ada ertinya lagi bagiku
Kerana Engkau adalah segala-galanya

Selepas Asar
19 Muharam 1421H

134 DIDIKAN TUHAN BERBAGAI CARA

ALLAH mendidik manusia atau hamba-hamba-Nya
berbagai-bagai caranya
Agar manusia menerima-Nya sebagai Tuhan
Dan patuh kepada syariat-Nya
Adakalanya Dia lihatkan kebesaran-Nya
Melalui kejadian langit dan bumi
Agar manusia mengakui kewujudan-Nya
Adakalanya dipujuk manusia dengan Syurga-Nya
Betapa indahnya Syurga serta kelazatan nikmatnya
Dan kecantikan bidadarinya
Pada masa yang lain ditakutkan dengan Neraka-Nya
Betapa dahsyatnya Neraka dan azabnya
yang maha pedih amat ngerinya
Tidak kurang pula diceritakan kehidupan
orang-orang yang soleh
Di dunia lagi mendapat bahagia
walaupun di dalam cabaran
Orang-orang kafir atau yang toleh
Di dunia lagi tidak bahagia walaupun kaya
Betapalah di Neraka
Allah juga menyedarkan manusia
dengan nikmat-nikmat-Nya
Diberitahu manusia ini daripada tiada kepada ada
Dicipta manusia begitu cantiknya
Dicipta mata, kepala, mulut, kaki dan tangan
sesuai di tempatnya
Mempunyai peranan yang berbeza untuk faedah mereka
Disedarkan lagi dengan nikmat-nikmat
di luar diri manusia
Dia Tuhan, menganugerahkan biji-bijian,
buah-buahan bertangkai
Kegunaan hamba-hamba-Nya

Selanjutnya Tuhan insafkan lagi manusia itu
dengan lain cara
Dengan perintah siapa menurunkan air hujan?
Siapa cipta udara, kamu boleh hidup dengannya?
Begitulah Tuhan mendidik manusia
berbagai-bagai jalan
Manusia menerima bermacam-macam cara
dan berbagai-bagai sikapnya
Ada yang terus menolak kewujudan Tuhan,
percaya dunia jadi dengan sendirinya
Ada yang menerima kewujudan-Nya
tapi membuat pembohongan tentang Zat-Nya
Digambarkan bermacam-macam rupa
Tidak kurang yang percaya keesaan-Nya
tetapi menolak syariat-Nya
Ada yang tepat aqidahnya tapi acuh tidak acuh
dengan syariat-Nya
Dalam pada itu ada yang beriman
namun memilih-milih syariat-Nya
Sedikit sekali yang beriman dan patuh
kepada syariat-Nya

Selepas Asar
14 - 05 - 1997
(06 Muharam 1418H)

135 BILA LAGI HENDAK RASA BERTUHAN

WAHAI jiwa!
Bila lagi engkau hendak merasa bertuhan
Atas dasar ilmu engkau percaya
Tapi jiwamu tidak terasa Tuhan ada
Justeru itulah ke mana engkau pergi
Takut dengan Tuhan tidak ada
Padahal Dia telah berpesan takutkanlah
akan-Nya di mana saja berada
Apabila rasa bertuhan tidak ada pada jiwamu
Sudah tentu rasa takut kepada Tuhan tidak ada
Rasa dilihat, rasa didengar, rasa diketahui,
rasa dikuasai pasti tidak merasa

Wahai jiwa!
Bila lagi engkau hendak merasakan Allah itu Besar,
Agung dan patut dicintai
Bila lagi engkau hendak khusyuk mengingati-Nya?!
Kebesaran Allah kan terserlah,
mengapa tidak terasa?!
Kekuasaan Allah bukankah nampak dilihat,
mengapa tidak gerun?!
Nikmat-Nya berlaku setiap detik,
tidak nampakkah agar bersyukur?!
Bila lagi wahai jiwa engkau hendak
memandang tembus?!
Bila lagi?! Bila lagi?!
Masa tidak menunggu kita!
Dia tetap berjalan terus
Kalau kamu mati di dalam jiwamu lalai
Kamu tidak termasuk jiwa yang dipanggil oleh Tuhan:
"Wahai jiwa yang tenang,
kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas
lagi diredhai-Nya. Maka masuklah

ke dalam jemaah hamba-hamba-Ku.
Dan masuklah ke dalam Syurga-Ku.”
(Al Fajr: 27 - 30)
Apabila engkau tidak dipanggil oleh Tuhan
Syurga tidak ada ruangan untukmu
Nerakalah bagimu, wal-iyazubillah

Selepas Asar
20 - 05 - 1997
(12 Muharam 1418H)

136 LARILAH KEPADA TUHAN

DARIPADA hendak lari dari Tuhan
Lebih baik lari kepada Tuhan
Ke mana engkau hendak lari?
Langit dan bumi seluruhnya di bawah kuasa
dan pentadbiran-Nya
Tidak mungkin engkau boleh terlepas
daripada kuasa-Nya
Setakat mana kemampuan engkau untuk lari dari-Nya?
Engkau tidak akan terlepas daripada diburu oleh Tuhan
Daripada engkau kena buru,
lebih baik engkau memburu-Nya
Engkau lari dari-Nya, ertinya engkau derhaka
Engkau lari kepada-Nya,
ertinya engkau hendak kepada-Nya
Engkau memburu Tuhan lebih selamat
daripada kena buru
Engkau lari kepada Tuhan, engkau akan bahagia
Engkau lari daripada Tuhan, engkau akan celaka
Sekarang engkau boleh membuat pilihan
Hendak lari kepada Tuhan
atau hendak lari daripada Tuhan?
Hendak memburu Tuhan
atau engkau akan diburu Tuhan?
Buatlah pilihan dari sekarang
sebelum engkau diburu Tuhan
Engkau belum lagi terlambat
Larilah kepada Tuhan, jangan lari dari Tuhan
Engkau akan kecundang
Sebenarnya Tuhan hendak kepada engkau
Mengapa engkau tidak hendak Tuhan?
Bertindaklah sebelum terlewat!

Selepas Zuhur
08 - 12 - 1999

137 CARILAH REDHA TUHAN

CARILAH redha Tuhan, kita tidak akan kecewa
Carilah redha Tuhan, kita akan tenang
Janganlah cari redha manusia, kita akan kecewa
Suka manusia kepada kita bukan berpanjangan
Adakalanya dia suka kepada kita, sukanya pura-pura
Suatu hari nanti akan nyata juga
Adakalanya redhanya kepada kita di waktu kita senang
Setelah kita susah, kita dibuang dan ditendang
Janganlah membuat sesuatu kerana keredhaan manusia
Kerana manusia ramai yang tidak mengenang jasa
Buatlah sesuatu untuk keredhaan Tuhan
Manusia suka atau benci tak usah dipedulikan
Yang penting kita buat itu Tuhan suka
Yang penting usaha kita itu Tuhan redha
Dengan manusia tak usah ambil kira
Manusia hendak puji atau manusia hendak caci
Itu soal dia
Yang penting apa kata Tuhan
Keredhaan Tuhan itu penting
Redha-Nya adalah balasan
Balasan-Nya adalah berkekalan
Carilah keredhaan Tuhan, hati senang

Selepas Asar
16 - 09 - 1999

138 DENGARLAH RINTIHANKU

TUHAN, Engkau tarik kesihatanku tidak mengapa
Tapi jangan tarik hidayah dan petunjuk dari-Mu
Aku akan kehilangan-Mu
Menjadikan segala yang ada padaku
tidak mempunyai erti apa-apa
Kalau aku kaya, engkau hendak ambil kekayaanku,
aku tidak menderita
Tapi jangan ambil ilmuku untuk mengenal-Mu
Aku akan kehilangan rasa bertuhan
Kehilangan rasa bertuhan aku terdedah
kepada kederhakaan dan kemungkaran
Kalau engkau hendak ambil apa sahaja,
tapi jangan ambil iman
Aku akan kehilangan segala-galanya
Tuhan, kalau hilang kawan pun tidak mengapa
asalkan jangan kehilangan Engkau
Kehilangan Engkau musnahlah seluruh kehidupanku
Aku akan menjadi manusia terhina di dunia dan di Akhirat
Inilah harapanku pada-Mu Tuhan
Dengarlah rintihanku
Kabulkanlah permintaanku dengan rahmat-Mu
atas nama kebesaran Nabi-Mu dan Imam Mahdi-Mu
Janganlah Engkau kecewakan permintaanku
Engkau adalah Tuhanku, Pelindungku
Engkau adalah tempat mengadu,
dengarlah rintihan hamba-Mu
Engkau adalah Penyelamatku
Selamatkanlah aku Tuhan!
Inilah harapanku!

Selepas Asar
04 - 10 - 1999

139 JANGAN TINGGALKAN AKU TUHAN

TUHAN jangan tinggalkan aku
Sekalipun aku selalu derhaka kepada-Mu
Aku tidak mampu tanpa-Mu Tuhan
Kalau Engkau tinggalkan aku
Aku kehilangan segala-galanya
Kalau aku bersama-Mu aku mendapat segala-galanya
Aku tidak sanggup kehilangan-Mu
Biarlah aku kehilangan segala-galanya
Jangan sampai kehilangan-Mu
Kehilangan segala-galanya akan mendapat semula
Jika tidak kehilangan-Mu
Tolonglah aku Tuhan, aku hamba-Mu yang dhaif ini
Yang selalu derhaka dengan-Mu
Selamatkan aku Tuhan!
Di bawah lindungan-Mu
Lindungi aku Tuhan
Di bawah jagaan-Mu
Siapa lagilah yang boleh menjagaku
Kalau bukan Engkau yang menjaga segala-galanya
Aku bimbang selalu, kalau Engkau tinggalkan aku
Aku harap sangat wahai Tuhan
Jangan tinggalkan aku
Punahlah seluruh kehidupanku
Itulah harapanku pada-Mu Tuhan
Jangan tinggalkan aku

Selepas Asar
04 - 04 - 1999

140 MENUJU TUHAN PERLU PEMIMPIN PILIHAN TUHAN

JALAN kepada Tuhan adalah bersifat maknawi dan rohani
Mata tidak dapat melihatnya
Yang melihat dan menilai adalah akal dan hati
Sedangkan jalan raya yang bersifat maddi
Boleh dilihat oleh mata, ramai orang yang terjatuh
Atau tersasar ke kiri atau ke kanan
Oleh itu jalan kepada Tuhan tidak semua orang
boleh memimpin ke arahnya
Sekalipun dia seorang yang dikatakan ulama
Mungkin yang bersifat maknawi, akal boleh menyuluhnya
Tapi apabila yang bersifat rohani, ia lebih tersembunyi
Dan ia adalah peranan hati
Jalan kepada Tuhan itu terlalu seninya
Kalau seseorang itu bukan pemimpin yang hatinya bersih
Yang dia dipimpin oleh Allah dan diberi ilham
Tidak mungkin dia boleh memimpin manusia
menuju Tuhannya
Sekalipun ulama
Kerana kebanyakan ulama,
pakar di dalam memahami lafaz dan ayat yang lahir
Memahami yang batin itu adalah ulama pilihan Tuhan
Ia merupakan pilihan di kalangan ulama
Ia adalah rasul yang bukan rasul atau nabi yang bukan nabi
Kalau ulama yang bukan bersifat rasul atau nabi
Mereka juga perlukan pimpinan
Betapalah orang awam lebih perlu lagi adanya pemimpin
Janganlah anggap jalan kepada Tuhan itu boleh baca sendiri
Boleh pimpin diri sendiri tanpa pemimpin
Kita akan tersesat jalan
Kenalah ambil perhatian tentang ini

Selepas Zuhur
09 - 12 - 1999
(01 Ramadhan)

141 SEMBAHYANG TIDAK MENGUBAH PERANGAI

KETIKA engkau bersembahyang atau menyembah Allah
Fizikal engkau berdiri tapi dia tidak tahu apa-apa
Anggota lahir engkau rukuk tapi dia tidak faham apa-apa
Juga anggota lahir engkau sujud, perlu diingat
ia tidak mengerti apa-apa
Bahkan walaupun lidah engkau membaca
tapi dia tidak faham apa-apa
Oleh itu kalau fikiran engkau tidak berdiri sama-sama
Engkau belum bercakap apa-apa dengan Tuhan
Jika jiwa engkau tidak rukuk sama
Engkau belum rasa bertuhan
Bila hati engkau dan jiwa engkau tidak sujud sama
Apa yang engkau bisik dan cakapkan kepada Tuhan engkau?
Kalau engkau tidak bercakap apa-apa
di dalam menyembah Allah
Jika engkau tidak rasa bertuhan, kerana hati dan jiwa engkau
tidak ikut berdiri rukuk dan sujud
Engkau di waktu itu tidak merasa kehambaan
Jadi kalau ketika menyembah Allah
Berbisik-bisik dan bercakap-cakap dengan Tuhan pun tidak
Rasa bertuhan pun tidak ada di waktu itu
Rasa kehambaan pun tidak wujud ketika sembahyang
Tidak rasa memohon dan meminta
Tidak terasa merendah diri dan menghina diri
di hadapan Tuhan
Engkau belum bersembahyang
Engkau tidak bersembahyang di waktu itu
Engkau hanya bersenam dan beriadhah untuk Allah
Patutlah perangai engkau tidak berubah
Engkau bukan menyembah Allah
Tapi riadhah

Selepas Asar
01 - 11 - 1999

142 TAHUKAH ENGKAU SIAPA YANG ENGKAU SEMBAH?

TAHUKAH engkau siapa yang engkau sembah?
Dengan siapa engkau kerjakan, meminta,
bermunajat dan meluahkan rasa hati engkau
di waktu sembahyang?
Iaitu Tuhan yang menjadikan engkau
dan menentukan hidup mati engkau
Tuhan yang menentukan nasib engkau,
nasib di dunia mahupun di Akhirat
Tuhan yang menentukan rezeki engkau
berapa banyak sepanjang umur engkau
Allah yang menjadi Tuhan yang menentukan
sakit dan sihat engkau
Sakit ringan atau sakit berat, berapa kali sakit
dan berapa kali sihat sepanjang hayat engkau
Tuhan yang mentakdirkan engkau miskin atau kaya,
setakat mana kemiskinan itu dan setakat mana kaya
Tuhan yang menentukan berapa kali mendapat ujian
dan berapa kali pula mendapat nikmat atau rahmat
Ujian yang macam mana dan nikmat dan rahmat
yang macam mana pula
Tuhan yang mentakdirkan setakat mana ilmu engkau
dan ilmu apa yang diberi kepada engkau
Tuhan yang menentukan engkau berkahwin atau tidak,
kalau berkahwin dengan siapa dan berapa orang anak
Isteri itu pula taat atau derhaka begitu juga anak-anak
Tuhan yang menentukan senang dan susah
sepanjang hidup engkau
Senang setakat mana dan susah pula setakat mana
Tuhan itulah juga yang menentukan
tempat tinggal engkau di bumi mana,
dan di negara mana
Rumah yang selesa atau rumah yang sebaliknya

Tuhan itulah yang mencatu berapa bilion kali
  nafas engkau turun naik
Dan Tuhan itulah juga akhirnya menentukan
  kematian engkau di mana dan bagaimana
Mati kerana apa, kerana sakit, terjatuh, lemas,
  dilanggar kereta, ditembak petir, kena bom
Mati di dalam beriman, mati kafir atau mati fasik
Kalau engkau sedarlah yang engkau sembah itu
  begitulah kekuasaan, kehendak
  dan pentadbiran Tuhan engkau
Apakah perasaan engkau di waktu itu?
Tidak kecutkah hati engkau?
Tidak bimbangkah jiwa engkau?
Tidak rusuhkah perasaan engkau?
Kalau engkau tidak terasa apa-apa
  di waktu engkau menyembah-Nya
Ertinya engkau hanya membawa badan
  tidak membawa jiwa bersama
Kalau begitu engkau bukan menyembah tapi bersenam
Engkau bukan beribadah tapi engkau beriadhah

Selepas Asar
28 Muharam 1421H

143 PERTEMUAN DENGAN RAJA SEGALA RAJA

SEMBAHYANG adalah ibu segala ibadah
Ibadah rasmi dari Tuhan kepada hamba-hamba-Nya seluruhnya
Ia merupakan pertemuan rasmi
Lima kali sehari semalam dengan Allah
Ertinya pertemuan rasmi dengan Raja yang Maha Agung, Raja Segala Raja
Umpama pertemuan rasmi raja manusia
Sesama rakyat jelatanya
Bagaimana keadaan kita, apa yang kita rasa
Apa persiapan yang sepatutnya?
Kita siapkan pakaian yang cantik
Kita bersihkan badan kita
Kita berwangi-wangian, pergi dengan kenderaan sampai istana
Di istana kita duduk dengan penuh tertib berhadapan dengan raja
Kita duduk dengan penuh tawadhuk
Bahu membongkok mata ke lantai dan khudhuk
Kita tidak pandang kiri dan kanan
Penuh bimbang, malu dan takut
Tidak ada seorang yang berani bercakap-cakap
Dan bersembang-sembang
Menunggu dengan penuh takut akan perintah raja
Apa titah raja, apa pesanan, apa amanahnya
Dan apa nasihatnya
Begitulah sembahyang, pertemuan dengan Allah
Secara rasmi, Ia adalah Raja Segala Raja
Raja yang bukan jenis manusia
Raja yang mempunyai Zat yang Maha Suci daripada segala penyerupaan
Pengetahuan-Nya tembus, penglihatan-Nya tembus, pendengaran-Nya tembus

Sepatutnya pertemuan kita lebih serius
Lebih beradab, bertertib dan takut
Di waktu itu kita menyediakan diri kita
Bersih lahir dan batin
Menunggu penyembahan itu dengan penuh takut
Malu, khusyuk, tadharuk
Takut dan malu hendak bercakap-cakap dan berbual
Kecuali yang ada hubungkait dengan Tuhan
Kita menyembah, seluruh fikiran, hati dan jiwa
Seluruhnya tertumpu kepada Tuhan
Fizikal ikut rukuk
Fikiran ikut rukuk, hati ikut rukuk
Fizikal ikut sujud, fikiran ikut sujud dan jiwa ikut sujud
Waktu berdiri dirasakan seolah-olah
  kita berada di Padang Mahsyar
Sedangkan Tuhan sedang melihat
Aduh kecutnya perut, menggeletar sepatutnya jiwa kita
Di waktu itu sepatutnya tidak ada apa yang kita ingat
Kecuali sepenuh hati dan jiwa raga dan fikiran kita
  hanya kepada Allah semata-mata
Tapi ramai manusia tidak begitu
Berhadapan dengan raja jenis manusia lebih terasa gerun,
  malu dan beradab
Dari berhadapan dengan Tuhan pencipta manusia
Kerana manusia belum kenal Tuhan Khaliqnya

Menjelang Zuhur
23 - 10 - 1999

144 SEMBAHYANG ITU HUBUNGAN HAMBA DENGAN KHALIQNYA

APABILA sembahyang ditinggalkan
Atau sembahyang dengan kejahilan
Atau sembahyang di dalam kelalaian
Hubungan hamba itu dengan khaliqnya sangat cacat
Atau terus terputus
Kutuk dan laknat pun berlaku ke atas kepalanya
Oleh Allah, para malaikat, seluruh makhluk Allah
kecuali jin dan manusia
Kalau begitu apalah ertinya kekayaan?
Tiada erti lagi kebesaran dan kekuasaan!
Nama dan glamour tiada berguna
Bintang kehormatan yang akan menempa celaka
Dirikanlah sembahyang di atas waktunya
Di awal waktunya
Pertahankanlah jemaah setiap waktu
Betulkan dan luruskan saf-safnya
Betulkan bacaannya
Hadirkan hati
Fahamkan maksudnya
Hayatilah tuntutan-tuntutannya
Rasakan kehebatan Allah
Menghina dirilah di hadapan-Nya
Agungkan dan besarkan zat-Nya
Hilangkan segala yang ada
Hanya kewujudan-Nya sahaja yang kita rasa ada
Ingatlah sembahyang adalah amalan
yang mula-mula diperiksa
Dirikanlah sembahyang,
jangan hanya bersembahyang
Agar seluruh amalan kita diterima

Selepas Asar
20 - 11 - 1997

145 SEMBAHYANG TITIK TOLAK SEGALANYA

KEBAIKAN seseorang hamba itu
Bermula daripada membaikkan sembahyangnya
Dari sembahyanglah titik tolak segala-galanya
Apabila sembahyang itu sempurna lahir batinnya
Khusyuk, khuduk, tadharuk
  dan faham apa yang dibaca
Selepas itu rahmat dan berkat daripada Tuhan
  pun mencurah-curah
Dianugerahkan kepadanya
Allah Taala akan bersihkan jiwanya
Tuhan akan masukkan hidayah ke dalam hatinya
Cinta, takut, kasih sayang, pemurah,
  bertimbang rasa, sabar, redha, tawakal,
  pemaaf pun berbunga
Kelihatan pula kepada peribadinya
  syariatnya sangat dijaga
Akhlak mulianya, disiplin peribadinya ketara
Kerana itu betulkan sembahyang kita
Hayati sembahyang hingga kita terasa
  bahawa kita menyembah-Nya
Janganlah kita anggap jiwa boleh dibersihkan
  tanpa sembahyang
Atau boleh jiwa kita dimurnikan
  dengan sembahyang yang lebih kurang
Sembahyang adalah ibu ibadah
Sembahyang adalah sumber segala kebaikan
Di dalam Islam sembahyang sangat diambil perhatian
Apabila baik sembahyang
  segala-galanya akan menjadi baik
Jika sembahyang sudah dicuaikan
Atau bersembahyang tidak ada penghayatan
Maka seluruh pintu kebaikan akan tertutup

Kalau ada juga orang boleh buat kebaikan
  tanpa sembahyang
Ini adalah kebaikan bukan bertunjangkan iman
Boleh jadi kebaikan itu secara kebetulan
  atau ikut-ikutan
Haraplah diambil perhatian tentang sembahyang

27 - 09 - 1999

146 PATUTNYA ENGKAU DISEMBAH

YA Allah! Kerana terlalu banyaknya rahmat dan nikmat-Mu
Melimpah-ruahnya kurniaan-Mu setiap waktu
Payah lidah hendak menyebutnya
Tidak mampu hendak menghitungnya
Sekalipun dengan alat yang canggih
Kalaulah takdirnya Engkau tidak wujudkan
Syurga dan Neraka
Bahkan kalau sekiranya Engkau tidak mewajibkan
Kepada hamba-hamba-Mu menyembah-Mu
Namun bagi hati yang murni, fitrah yang suci
Jiwa tetap rasa bersalah jika Engkau tidak disembah
Fitrah semula jadi merasa tidak patut
kalau Engkau tidak disembah
Bahkan hati ini tetap merasa bersalah
Jika tidak membesar dan mengagungkan-Mu
Betapa pulalah Engkau telah mewajibkan
Hamba-hamba-Mu menyembah-Mu
Lebih patut lagilah Engkau diagung dan disembah
Kerana itulah siapa sahaja tidak menyembah-Mu
Melupakan, tidak mengingati dan membesarkan-Mu
Jiwa orang ini sentiasa gelisah
Jiwa tidak tenang, resah tidak menentu arah
Kerana fitrah, itu tabiatnya
Secara kita tidak sedar tetap rasa bersalah
Lantaran itulah kita boleh lihat di dalam pergaulan kita
Jika seseorang itu tidak mempedulikan Allah
Sekalipun kaya, berkuasa, berilmu
Namun jiwanya sentiasa gelisah
Dia akan jadi orang pemarah
Atau emosinya tinggi
Mudah sahaja tersinggung
dan marah-marah

Selepas Zuhur
20 - 09 - 1999

147 IBADAH ADALAH PENYEMBAHAN KEPADA TUHAN

IBADAH adalah satu penyembahan kepada Tuhan
Menyembah ertinya memuja, membesarkan
Mengagungkan, menyanjung
Meminta, mengharap
Memuji, berbual, munajat, berbisik-bisik
Dan bermanja-manja dan meminta
Ini bermaksud beribadah kepada Tuhan
Berbagai-bagai perasaan yang dirasa oleh jiwa
Kalau ibadah tidak dihayati,
jiwa tidak merasa berbagai-bagai rasa
Ibadah yang tidak dijiwai,
sudah tentu tidak merubah perangai manusia
Oleh itu ibadah kenalah tertib
Mutmainnah, tenang dan faham
Tidak boleh gopoh-gapah
Kenalah berlambat-lambat rukuk dan sujud
Rasakan kehebatan Allah, rasakan keagungan-Nya
Rasakan juga kasih sayang-Nya
Rasakan juga kuasa dan Iradah-Nya
Qahhar dan Jabbar-Nya
Rasakan Dia mendengar, mengetahui dan melihat
Begitulah kita beribadah kepada Allah
Bukan setakat fizikal yang bergerak
Tidak setakat lidah yang melafaz
Tapi yang penting hati dan jiwa yang bergerak
Hingga mempengaruhi fikiran dan sikap kita
Hingga membangun peribadi dan akhlak
Begitulah kesan dari ibadah yang dijiwai
Sangat mempengaruhi peribadi dan kehidupan kita

Menjelang tidur
24 - 10 - 1999

148 BIMBANG MENYAMBUT RAMADHAN

TUHAN!
Aku tidak tahu mengapa aku ini
Aku berlainan sekali dari orang
Setiap kali kedatangan Ramadhan
   mereka menyambut dengan gembira
Muka-muka mereka kelihatan ceria
Tapi aku berlainan pula
Kedatangan Ramadhan penuh dukacita
Bukan aku benci dengan bulanmu
Yang penuh dengan rahmat dan berkat
Tapi aku benci dengan diriku
Aku bimbang Ramadhan-Mu
   aku tidak dapat mengisinya dengan sebaik-baiknya
Aku rasa puasaku tidak sempurna
Bahkan adakalanya aku rasa puasaku terbatal selalu
Sembahyang yang aku bina tidak sah
Tarawikh dan bacaan Al Quranku tidak sampai ke mana

Tuhan!
Inilah yang menyelubungi hatiku
Setiap kali kedatangan Ramadhan
Aku tidak tahu apakah ini satu kesalahan
Ampunkan aku Tuhan!
Maafkan aku!
Kalau ini satu kesalahan
Pimpinlah aku
Dan betulkanlah sikapku
Sekali lagi aku memohon ampun dari-Mu

Selepas Asar
19 - 12 - 1998

149 AKU CEMAS KEDATANGAN RAMADHAN

ADUH! Susahnya hatiku bila berhadapan
dengan Ramadhan
Macam ada benda yang tidak kena
Aku cemas selalu dengan kedatangannya
Kalau aku tidak menyambut kedatangannya
dengan sebaik-baiknya
Padaku kedatangan Ramadhan
macam kedatangan tetamu yang sangat mulia
Kedatangan seorang yang mulia dan terhormat
Ketibaan seorang yang dikenali dan dihormati
Seorang yang disayangi dan dipuja
Idola semua dan bersama
Aduh orang macam ini bagaimana aku hendak
menyambutnya?!
Serba tidak kena
Aduh bimbangnya, cara mana dan bagaimana
aku hendak memuliakannya
Sesuai dengan kebesarannya
Secucuk dengan mulia dan kemasyhurannya
Kerana itu kedatangannya aku cemas selalu
Kalau aku tidak beradab dengannya
Aku takut mencacatkan maruahnya
Dia adalah orang besar
Yang patut kita sambut sesuai dengan kebesarannya
Kalau dia tidak datang lebih baik rasanya
daripada kedatangannya
Tapi sudah ketentuan Allah
setahun sekali dia mengunjungi kita
Kita sambutlah dia dengan penuh kecemasan
dan bimbang

Selepas Asar
19 - 12 - 1998

150 RAMADHAN BULAN PESTA IBADAH

JANGANLAH jadikan Ramadhan bulan pesta makan minum
Ramadhan bukan bulan pesta makan dan menjamu selera
Ramadhan adalah bulan pesta ibadah
Ibadah bukan setakat memeriahkan lahirnya sahaja
Hati juga perlu meriahkan dengan rasa kehambaan
Janganlah lahirnya sahaja cerah
Tapi hati kita gelap-gelita
Di masjid di bulan Ramadhan jangan dimeriahkan
dengan berbual-bual dan gelak ketawa
Membawa cerita yang sia-sia
Ia adalah bulan menebalkan rasa tauhid kepada Tuhan
Mempertajam rasa kehambaan di dalam jiwa
Lahirnya meriahkan dengan sedekah
Terutama kepada fakir miskin
Menolong orang yang susah dan derita
Batinnya menanamkan rasa bertuhan yang Maha Kuasa

Selepas Asar
30 - 12 - 1998

151 RAMADHAN, RAHMAT ALLAH TERBUKA LUAS

BULAN Ramadhan rahmat Allah segala-galanya terbuka luas
Berkatnya terbuka luas di mana-mana
Keredhaan-Nya terbuka sepanjang Ramadhan
Keampunan-Nya terbuka siang dan malamnya
Pahalanya mencurah-curah bagaikan hujan lebat
Ia diganda-gandakan dibandingkan di bulan biasa
Rahmatnya melimpah ruah
Kepada sesiapa sahaja yang menginginkannya
Tapi mampukah kita memperolehi itu semua?
Layakkah kita mendapatkannya?
Kitakah orangnya yang memperolehi keistimewaan itu?
Kalaulah di bulan Ramadhan itu lahir kita sahaja yang meriah
Disambut pula dengan pesta makan minum
Fikiran dan jiwa kita tidak pun berubah
Maka keistimewaan Ramadhan bukan untuk kita
Keistimewaan itu adalah untuk orang yang bertaqwa

Selepas Asar
30 - 12 - 1998

152 JAUHILAH DOSA

JAUHILAH dosa!
Dosa adalah kemurkaan Tuhan
Tinggalkanlah dosa kerana ia adalah hijab
di antara hamba dengan Tuhan
Larilah dari dosa!
Kerana ia menghijab rahmat dari Tuhan
Jangan sekali-kali buat dosa
Di dalam perjuangan terhijab bantuan
Kita akan berhadapan dengan dua kehinaan
Kemurkaan Tuhan dan kekalahan
Orang yang berdosa
Orang yang sedang karam di dalam lautan
Bukan senang hendak diselamatkan
Orang yang berdosa
Seperti ular besar yang sedang membelit seseorang
Menunggu hendak ditelan
Orang yang berdosa
Laksana singa yang galak hendak menerkam
Bukan senang hendak lepaskan diri dari cengkamannya
Orang yang berdosa
Seorang yang sedang dipeluk oleh seseorang yang hodoh
Seluruh badan penuh dengan kudis
Nanah dan darahnya sedang mengalir
dengan ulat-ulatnya yang menjijikkan
Baunya terlalu busuk, meloyakan tekak dibuatnya
Sekali-kali jangan buat dosa
Ia adalah perbuatan hina dan sangat memalukan
Mungkin amal ibadah kita tidak ada nilainya di sisi Tuhan
Tidak mengapa amal ibadah yang sedikit tapi tidak buat dosa
Allah Taala tetap redha
Apa ertinya ibadah banyak bersama dosa
Tuhan tetap murka

Selepas Zuhur
19 - 09 - 1999

153 NAFSU PUAS TAPI JIWA DERITA

ENGKAU lepaskan kehendak nafsumu
Engkau rasa puas tapi ingat jiwamu tetap tidak puas
Hatimu tetap gelisah dan parah
Kerana hati tidak berbohong, bahkan tidak tahu berdusta
Mulut boleh berbohong, sikap kita boleh berpura-pura
Kita boleh berlagak macam orang tidak ada apa-apa masalah
demi menjaga wibawa
Tapi hatimu tidak boleh berpura-pura
Jiwamu tidak boleh berlagak macam orang tidak ada masalah
Masalah tetap tersimpan di dalam lubuk hatimu
Engkau tidak boleh melupakannya
Sebagai contoh, untuk memuaskan nafsu engkau maki ibumu
Tapi hatimu menjerit melolong merasa bersalah
Engkau tempeleng isterimu untuk memuaskan hati
Memuaskan hati itu istilah sahaja
Hatimu tetap menjerit kerana kesalahan itu
Engkau kata dan hina gurumu
Untuk memuaskan nafsu
Engkau rasa nafsu puas
Tapi jiwamu menjerit, jiwamu menderita,
hatimu menangis
Hati tidak boleh berbohong
Hati tidak pandai berlakon dan berdusta
Kalau yang betul dia tetap terasa betul
Yang salah tetap dia terasa bersalah
Hati satu-satunya anggota
yang tidak boleh menyorokkan hakikat kebenaran
Akhirnya engkau menderita
dengan kesalahan engkau sendiri
Walaupun luarnya semua engkau boleh berlakon
menutup-nutupnya

Selepas Asar
27 - 09 - 1999

154 TAKUTILAH DOSA KECIL ATAU BESAR

TAKUTILAH dosa, kecil atau besar
Ia adalah bala bencana yang paling besar
di dunia dan di Akhirat
Kerana dosa-dosa terputus hubungan dengan Allah
yang Maha Esa
Kemurkaan Allah pun menimpa kita
Dengan dosa-dosa terhijab kita dengan Allah
yang Maha Berkuasa
Tertolak doa kita, ibadah tidak ada lagi berharga
Lantaran dosalah segala bentuk kesusahan
dan yang menakutkan berlaku di dunia
Sebagai hukuman kepada manusia
Di Akhirat apatah lagi Neraka padahnya
Penderitaan yang tiada bandingan dan tiada taranya
Takutilah dosa walaupun sekecil-kecilnya
Ia adalah menjadi hijab di antara hamba-hamba
dengan Tuhannya
Kerana dosa-dosa hamba-hamba Allah
pemimpin yang zalim Tuhan beri kuasa
Sebagai hukuman kepada mereka
Agar manusia kembali kepada Tuhannya
Dosa-dosa kecil dan besar adalah amat dahsyat
Lebih dahsyat daripada segala bala bencana
Jauhilah dosa kecil atau besar
Apabila berlaku bertaubatlah segera
Sebelum Tuhan membalas ke atas kita
Jauhilah dosa, kerana ia adalah merupakan
kemalangan yang paling besar dan dahsyat
Prihatinlah dengan dosa
Agar kita sentiasa mengawasinya
Moga-moga kita terhindar darinya

Selepas ekspedisi
12 - 07 - 2001

155 PANDANGLAH BESAR DOSA ITU

PANDANGLAH dosa itu amat besarnya
sekalipun dosa kecil sahaja
Kerana kalau Allah tidak ampunkan ia tetap ke Neraka
Dosa adalah kemurkaan Tuhan
Selagi di dalam kemurkaan-Nya menjadi hijab
pada seseorang hamba
Oleh itu jika terbuat dosa
cepat-cepat memohon ampun kepada-Nya
Kalau tidak, ia tetap menjadi hijab
untuk mendapat hidayah daripada-Nya
Rahmat dan kasih sayang-Nya terputus darinya
Tapi mungkin kita tidak terasa
Selagi di dalam dosa, tetap di dalam kemurkaan Tuhan
Selama di dalam kemurkaan Tuhan,
segala yang diberi adalah istidraj dari-Nya
Atau sepanjang masa itu apa yang diberi
adalah di dalam kemurkaan-Nya
Apabila apa yang kita dapat di waktu kemurkaan-Nya
Segala apa yang kita miliki sudah hilang berkatnya
Bila sudah hilang keberkatannya
Ia akan menjadi bala kepada hamba-Nya
Ketenangan tidak ada, keharmonian rumah tangga hilang
Jiwa sentiasa sahaja hendak berang
Walaupun kaya, macam ada benda yang tidak ada
Sekalipun pandai jiwa panas, gelisah sahaja
Apa sahaja yang dibuat rasa serba tidak kena
Gelak ketawanya hanya pura-pura, bila keseorangan, jiwa
gelisah mula tiba
Keseronokannya hanya luar-luarnya sahaja,
dalam menderita
Begitulah kesan dari dosa
yang tidak dibersihkan

Selepas Asar
27 - 09 - 1999

156 PERINGKAT MANUSIA TERHADAP DOSA

ORANG-ORANG Islam terhadap dosa berbagai-bagai peringkat
Ada yang terlalu menjaga daripada membuat dosa
Sekalipun sekecil-kecilnya
Mereka itulah golongan Muqarrobin
Di kalangan mereka itu ada yang golongan Assiddiqin
Tapi sedikit sekali
Ada yang meninggalkan membuat dosa
Kecuali sedikit sangat daripada dosa-dosa kecil
Mereka itu golongan Solehin atau Ahlilyamin
Ada di kalangan mereka baru peringkat mujahadah dengan dosa
Adakalanya dapat ditinggalkan
Adakalanya terbuat juga
Tarik tali di antara meninggalkan dengan membuat
Adakalanya menang dan adakalanya kalah
Di waktu kalah itu masih merasa sedih
Golongan ini terpulanglah kepada Allah
Dia mengampunkan siapa yang Dia kehendaki
Ada golongan yang tidak dapat mengawal hawa nafsunya
Sentiasa saja membuat dosa
Bahkan dia membuat dosa dilupakannya dosa-dosa itu
Itulah golongan yang derhaka atau lalai
Ada satu golongan lagi mereka membuat dosa
Dia membuat dosa dengan bangga
Kerana bangganya selalu diceritakan kepada orang lain
Kalau ditegur sakit hatinya
Dia bertambah banyak lagi membuat dosa
Sanggup isytihar dia membuat dosa secara terang-terangan
Untuk menyakitkan hati orang yang menegurnya
Ini adalah golongan yang derhaka yang sombong
Adakalanya golongan ini jatuh kepada kekufuran
secara tidak sedar
Wal'iyazubillah

Menjelang tidur
05 - 11 - 1999

157 TAKUT DENGAN DOSA

ORANG mukmin yang sejati itu
Jika terbuat dosa
Hatinya luka, punah, sedih dan derita
Jiwanya parah, dia tidak boleh melupakannya
sepanjang masa
Kalau anggota lahir, sudah tentu nampak berdarah
Kalaupun sembuh dari lukanya
Namun parutnya ada
Begitulah halus perasaan seorang hamba yang berdosa
Dia tidak boleh melupakannya sepanjang masa
Bagaimana dia boleh melupakannya
Kerana parutnya masih ada
Ertinya ingatannya kepada dosa tidak boleh dilupakan
Teringat sahaja jiwanya terseksa
Teringat sahaja hatinya derita
Payah sekali dia mahu melupakannya
Perasaan ini adalah anugerah dan nikmat dari Tuhannya
Takut dengan dosanya itu adalah buat syafaat kepadanya
Terseksa dengan dosa, derita dengan kesalahan
Dianggap oleh Allah itulah hukuman
kepada hamba-hamba-Nya
Moga di Akhirat kelak terlepas
Daripada seksa Neraka
Begitulah hati seorang mukmin
Sentiasa sahaja bergelora
Kerana takut dengan Tuhannya
Lebih-lebih lagi setelah terbuat dosa
Kalaulah Allah perlihatkan kepada manusia
Sudah tentu manusia akan mengatakan dia telah gila
Kerana keluh-kesahnya sentiasa bergelombang
di dalam jiwanya
Kerana takut sangat dengan Tuhannya

Selepas Zuhur
11 - 11 - 1999

158 APABILA ALLAH MURKA

APABILA Allah telah murka pada seseorang
Selalu dia melupakan dosa
Apabila membuat dosa jiwa tidak menderita
Apabila membuat baik kecil sahaja terasa besar
Membuat kebaikan berat terasa
Apabila membuat kesalahan, tidak terasa apa-apa
Kalaupun teringat, mudah sahaja padanya
Allah Maha Pengampun
Mudah sahaja meringan-ringan dengan dosa
Setiap percakapan, sikap, perbuatan nampaknya sombong
tapi tidak terasa
Apabila diingatkan mengapa tidak buat begini
dan tidak buat begitu
Ada sahaja jawapannya
Jawapan hendak mengelak bukan hendak bertindak
Dengan syariat makin ke hujung, makin longgar
Dengan anak-anak dan isteri masing-masing jaga diri
Kuliah-kuliah, nasihat, usrah-usrah di rumah
sudah tiada lagi
Tapi rajin membuat motivasi di luar rumah
Kalau orang tidak tahu, wah dia pejuang yang gigih
Anak-anak isteri terbiar, bertempiaran tidak tentu arah
Itulah tandanya membuat motivasi kerana kehidupan
Bukan kesedaran beragama, untuk keredhaan Tuhan

Selepas Isyak
20 - 10 - 1998

159 KENANGLAH DOSA YANG LALU

KENANGKANLAH dosa-dosa yang lalu
dan mohon ampun kepada Tuhan
Kerana Tuhan tidak melupakannya
Awas, janganlah membuat dosa di masa depan
Kerana di waktu ini kita mungkin hampir kepada Tuhan
Sepatutnya makin hampir kepada Tuhan,
makin bersih daripada dosa
Jagalah masa yang sudah tinggal sedikit
Isilah dengan perkara-perkara yang memberi faedah
Tanda kita menyesal dengan masa yang sudah
Ingatlah Tuhan setiap waktu
Kerana kematian kita tidak tahu
Jika tiba kematian, kita tidak lupa dengan Tuhan
Janganlah menzalimi manusia kerana penzaliman
di dunia lagi dibalas oleh Tuhan
Apatah lagi di Akhirat, memang tidak lepas
daripada hukuman
Buatlah berbagai-bagai bentuk kebaikan
sekalipun kecil kerana ia lebih ikhlas
Selalunya kita lupakan
Kerana amal kebaikan disuruh lupakan
Tapi amal kejahatan kenalah kita ingatkan
Agar kita menyesal dan bertaubat
Siap-siagalah selalu berhadapan dengan kematian
Kerana kematian itu bila-bila masa boleh berlaku
Dan kedatangan mati tidak pilih umur
Dan janganlah kita berangan-angan
untuk panjang umur

Menjelang tidur
08 - 10 - 1999

160 TANGISILAH DOSA

TANGISILAH dosa-dosa
Agar air mata berguguran
Gugurnya air mata boleh menggugurkan dosa-dosa
Sekaligus boleh memadamkan api Neraka
Takutilah Allah dengan sepenuh hati
Ia akan menjadi syafaat di Akhirat nanti
Jangan putus asa dengan banyaknya dosa
Sebanyak mana pun dosa Allah akan ampunkan
Asalkan *surrender* dan berjuang kepada-Nya
Iringilah kejahatan itu dengan kebaikan
Ia akan menghapuskan dosa-dosa
Menyesallah di atas keterlanjuran
Jangan ulang lagi apa yang telah dilakukan
Beristiqamahlah dengan kebaikan
Muhasabahlah selalu setelah dilakukan
Berdoalah selalu, agar mendapat pimpinan-Nya

Selepas Asar
27 - 11 - 1998

161 MELUPAKAN DOSA ADALAH SATU DOSA

MELUPAKAN dosa adalah satu dosa
Kemudian tidak pun takut dengan dosa
yang telah dibuat adalah satu dosa pula
Kalau berbangga dengan dosa itu lebih-lebih lagi
kesalahan itu bertambah membesar
Dosa itu bertambah besar dan bertimbun-timbun pula
Jika tidak takut dengan dosa sekalipun belum berbuat
pun satu dosa satu kesalahan
Yang belum melakukannya satu kesalahan juga
Dosa itu bukan kerana sudah membuat kesalahan atau dosa
Tapi kerana tidak takut atau tidak bimbang terbuat dosa
adalah satu kesalahan pula
Sebagai seorang hamba sepatutnya sentiasa takut
dengan dosa
Sekalipun belum terbuat dosa
Begitulah sifat seorang hamba yang sepatutnya
Apatah lagi setelah membuat dosa
Lebih-lebih lagi takutnya membara
dan jiwanya keluh-kesah dan hatinya dukacita
Melupakan dosa, tidak takut dengan dosa yang dibuat
Dan tidak takut dengan dosa yang belum dibuat
Adalah seorang hamba yang sombong dan angkuh
Kerana dia telah membuang sifat kehambaannya
Membuang sifat kehambaan adalah satu kesombongan
Sombong bererti membesarkan diri
Membesarkan diri adalah satu kesalahan atau satu dosa
Kerana dia telah mengambil sifat Tuhan
Yang tidak sepatutnya dia memakai sifat itu
Itu adalah pantang larang Tuhan yang tidak patut dipakai
oleh seorang hamba

Menjelang tidur
01 - 07 - 2000

162 TIDAK BIMBANG DENGAN DOSA ADALAH DOSA

ENGKAU tidak bimbang akan berlakunya dosa
di masa-masa depan
Itulah menunjukkan engkau telah berdosa
Kerana engkau yakin dengan diri engkau sendiri,
bahawa engkau akan selamat dengan dosa dan kesalahan
Yakin engkau dengan diri engkau itu
engkau sudah tidak beradab dengan Tuhan
Sepatutnya engkau mengharapkan pemeliharaan
dari Tuhan terhadap diri engkau
Sebenarnya engkau mana ada kuasa
Kerana itulah engkau perlu kepada penjagaan dari Tuhan
Tuhanlah yang boleh menjaga diri engkau dan diri kita semuanya
Perlunya kepada Tuhan itu amat penting
Ini menunjukkan kelemahan kita dan ingin pertolongan Tuhan
Rasa seumpama ini adalah sangat disukai oleh Allah
Kerana kita masih dapat mengekalkan rasa kehambaan
Tuhan sangat suka seseorang hamba itu dapat merasa kehambaan
Seorang hamba dia tidak boleh rasa aman
Dia sepatutnya selalu bimbang jika terbuat dosa
atau melakukan kesalahan
Dia selalu runsing dengan kelemahannya dan kecuaiannya
Bila-bila sahaja dia boleh melakukan kesalahan dan kesilapan
Begitulah sifat orang mukmin itu,
dia tidak pernah merasa aman
Kerana itulah rasa bertuhan begitu menebal
Dia mengharap selalu hidayah dan taufik dari Tuhan
Dia tidak merasa selamat tanpa Tuhan
Kerana itulah Tuhan sentiasa dalam ingatannya
Dia yakin Tuhan sahaja yang boleh menyelamatkannya
Memang Tuhan itu salah satu sifatnya
adalah penyelamat

Selepas Asar
29 Muharam 1421H

163 AKU SEDIHKAN DOSA YANG LALU

HATIKU tidak susah di waktu aku dihina
Aku tidak bersedih di waktu aku menderita
Aku tidak sedih di waktu aku disisih
Jiwaku tidak menderita ketika aku ditohmah
dan difitnah
Aku tahu itu semua pembersihan dosa
Tapi aku sedihkan dosa-dosaku yang kulakukan
Orang yang macamku ini sudah pasti
tidak terlepas daripadanya
Yang aku sedihkan kesalahan dan kesilapanku
Bahkan dosa-dosaku itu setiap hari memburuku
Aku takut pintu Syurga tertutup bagiku
Pintu Neraka terbuka untuk aku
Aduh! Tuhan, tidak ada erti kekayaan, kesenangan
Kalau dosa tidak diampunkan
Itulah yang mengganggu aku selalu wahai Tuhan
Jiwaku tidak tenang dibuat oleh dosa
Dosa-dosa itulah yang mengganggu fikiranku
Tuhan, maafkan aku!
Tuhan, ampunkan aku!
Kalaupun bukan dengan rahmat-Mu,
tapi dengan kemaafan-Mu

Selepas Subuh
15 - 05 - 1997
(07 Muharam 1418H)

164 DOSA MEMBURU DI MANA-MANA

TUHAN! Dosa memburu di mana-mana sahaja
Ia memburu tidak kira masa dan tempat
Sasaran buruannya adalah manusia
sebagai hamba-hamba-Mu
Aku adalah salah seorang buruannya
Aku selalu sahaja menjadi mangsanya
Dosa ibarat semut berada di mana-mana
dan setiap masa ada
Siapalah yang dapat melarikan diri
daripada buruannya
Kalau kita berhati-hati pun tidak dapat dielak
daripada digigit semut
Betapalah kita tidak mempedulikannya
lebih-lebih lagi menjadi sasaran serangannya
yang lebih lagi kerap berlaku
Aku sedih Tuhan, aku bimbang selalu
Jiwaku tidak tenang, gelisah selalu
Bukan sahaja dosa-dosa menimpa aku di jalan-jalan,
di pasar-pasar, bahkan di rumah
dan di masjid pun berlaku
Di dalam sembahyang pun dosa memburu aku
Waktu berpuasa, membaca Al Quran,
bercakap tentang ilmu
Bahkan sedang memperkatakan tentang dosa
pun terjatuh di dalam dosa
Aduh di mana aku hendak lari dari dosa Tuhan!
Dosa ibarat semut berada di mana-mana
dan berada di setiap masa
Kalau di dalam sembahyang,
di waktu membaca Al Quran,
di dalam majlis ilmu dosa tetap memburu aku
Bagaimanakah jiwa aku mahu tenang

Bagaimana aku mungkin boleh terlepas
  daripada kebimbangan?!
Justeru itu lepas sembahyang aku bimbang
Selepas membaca Al Quran aku tidak tenang
Bahkan selepas bangun tidur pun
Aku merasakan aku sedang diburu dosa
Aduh kalau bukan dengan rahmat-Mu Tuhan
Aku pasti binasa

9.50 pagi
Selepas ekspedisi
07 - 12 - 2001

165 KEMUNGKARAN WAJIB KITA TAKUT

KEMUNGKARAN dan maksiat wajib kita takut
Kita mesti cemburu selalu dengan kemungkaran
dan maksiat itu
Justeru itulah jalan-jalan dan lorong-lorongnya
kena kita tutup dan sekat
Menjaga dari penyakit lebih baik dari mengubat penyakit
Penyakit rohani lebih merbahaya dari penyakit jasmani
Penyakit jasmani penghapusan dosa
Penyakit rohani membawa ke Neraka
Awaslah dengan penyakit rohani!
Kerosakannya merata, merbahayanya
menjerumuskan orang ke Neraka
Ia merosakkan agama, bangsa dan negara
Jika dibiarkan gejala masyarakat bermaharajalela
Di waktu itu pembangunan akan sia-sia belaka
Kemajuan tidak mempunyai erti apa-apa
Kerana pembangunan insan jatuh tertiarap separas bumi
Insan lebih penting dari kemajuan dan pembangunan benda
Apabila insan telah rosak, kemajuan dan pembangunan
akan menjadi alat perosak
Yang menggerakkan pembangunan
dan kemajuan adalah insan
Jika insan telah rosak, pembangunan
dan kemajuan akan disalahgunakan
Bangunkanlah insan sebelum membangunkan
kemajuan dan pembangunan

Selepas Asar
30 - 05 - 1997

166 PILIHLAH ANTARA DUA JALAN

DI HADAPAN kita ada dua jalan, pilihlah!
Satu ke Syurga, satu lagi ke Neraka
Kedua-duanya itu jalannya jelas,
tidak ada kesamarannya
Terpulanglah kepada kita memilihnya
Jalan ke Syurga ditabur orang dengan duri, batu kerikil,
ranjau-ranjau yang menyusahkan
Jalan ke Neraka dihampar orang
dengan permaidani empuk
Di kiri kanan jalan ada gerai-gerai makanan
yang lazat rasanya
Melihat sahaja sudah mengiurkan
Belum lagi memakannya, wah lazatnya
Dialu-alukan pula oleh gadis-gadis cantik
Melambai-lambai kedatangan kita
Mengiringi perjalanan kita
Sedangkan jalan ke Syurga tidak ada makanan
di kiri kanannya
Jauh sekali gadis-gadis manis mengalu-alukan
Apa yang ada hutan kiri dan kanan
Tidak ada satu pun yang menarik
dan yang menggembirakan
Perlu diingat dia telah diberitahu
Di hujung Neraka gaung yang dalam,
yang mengeri dan menyeksakan
Siapa menempuh jalan itu pasti terjatuh
ke gaung yang menakutkan
Di hujung jalan ke Syurga pun telah diberitakan
Ada taman yang indah, istana mewah
Makanan yang lazat rasanya
Gadis-gadis cantik yang menunggunya
Siapa menempah jalan ke Syurga,
menderita dahulu, senang kemudian

Siapa menempuh jalan ke Neraka,
  senang dahulu, menderita kemudian
Pilihlah mana satu
Kedua-dua jalan terbentang
  di hadapan kehidupan kita
Kedua-dua jalan sangat jelas
  tidak ada kesamarannya
Terpulanglah kepada kita,
  pilihlah mana yang kita suka

02 - 05 - 1997

167 JALAN KE SYURGA DAN JALAN KE NERAKA

DI AKHIRAT, Tuhan wujudkan Syurga dan Neraka
Untuk manusia yang dihidupkan lebih dahulu di dunia
Di dalam diri manusia kejadian semulajadi ada dua anasir
Ada anasir-anasir baik, ada anasir-anasir jahat
Ada benih-benih baik, ada benih-benih jahat
Untuk kebaikan ada jalan-jalannya,
untuk kejahatan ada jalannya
Itulah keadilan Tuhan pada manusia
Sesiapa yang berjaya menyuburkan anasir-anasir kebaikan
Mereka akan menempuh jalan kebaikan,
ke Syurgalah tempatnya
Sesiapa yang berjaya menyuburkan
anasir-anasir kejahatannya
ke Neraka pula tempatnya
Manusia bolehlah pilih mana satu anasir-anasir
yang hendak disuburkan
Maka ramailah manusia menyuburkan
anasir-anasir kejahatan
Ramailah mereka ke Neraka
Sedikit sekali manusia yang menyuburkan
anasir-anasir kebaikan
Sedikit sangat manusia yang ke Syurga
Rupanya menyuburkan anasir-anasir kejahatan
lebih mudah
Kerana menyuburkan tanpa perlu kepada mujahadah
Tapi menyuburkan anasir-anasir kebaikan
perlukan mujahadah
Kerana itulah manusia membuat kebaikan
amat susah

Menjelang tidur
06 - 08 - 2001

168 JALAN LURUS JELAS SEKALI

AS SIRATAL Mustaqim jelas sekali,
tiada samar-samarnya
Macam *highway* yang lurus, terbentang luas,
menuju ke destinasinya
Jalannya yang cantik dan indah itu
Senang mata memandang, sangat meyakinkan
Setiap orang sepatutnya ingin berjalan di atasnya
Justeru ia sangat menyelamatkan
Aneh sekali ramai orang yang berjalan di atasnya
accident selalu
Tidak kurang yang jatuh di kiri kanan
di dalam gaungnya
Yang melanggar dinding jalan pun
tidak kurang ramainya
Kemudian keretanya terjatuh di tengah jalan
mengganggu orang yang lalu pula
Mengapa terjadi ini semua?!
Di mana salahnya?!
Apakah jalannya yang salah atau orangnya?!
Jalan tiada salahnya
Ia jalan yang lurus, di atasnya bersih
daripada segala yang merbahaya
Tanahnya pula amat teguhnya
Tiada lekak-lekuk, tiada batu kerikil
yang mengganggu orang yang lalu
Tapi mengapa kereta jatuh?!
Kenapa *accident* selalu?!
Jalannya memang lurus
Orang yang membawa kereta,
tidak berjalan lurus
Tidak kurang yang memandang kiri kanan
yang mempesona

Disiplin jalan raya tidak diendahkan
Maka terjadilah rempuh-merempuh
Atau terjatuh di dalam jurang di kiri kanannya
Begitulah syariat Islam itu amat cantiknya
Ia ibarat jalan yang lurus
Cantik, menarik, selesa dan meyakinkan
Tapi penganutnya tidak berlaku lurus
Tidak mengikut disiplin syariatnya
Tidak kurang yang terpengaruh
oleh dunia di sekelilingnya
Yang mempesona penganut-penganutnya
Yang menggamit-gamit bak gadis cantik
yang mempesona
Maka tersesatlah mereka di atas jalan
yang lurus tadi

Selepas Asar
04 - 05 - 1997

169 JANGAN MUDAH MENGHINA ORANG

JANGAN mudah menghina orang
Jangan mudah menjatuhkan air mukanya
Jangan mudah memalukan orang
Lebih-lebih lagi jangan mudah menghukum
dan menyeksanya
Jauhilah menzalim orang
Kalau boleh tolonglah orang yang kena zalim
Ingatlah kita semuanya makhluk Allah
Ciptaan-Nya, semua di dalam kuasa-Nya
Kita hidup di dunia ini ibarat roda
Sekali di atas sekali di bawah
Bukan istimewa sepanjang masa
Sekali-sekala tercium juga tahi lembu
Terpijak juga kekotoran dan najis-najis yang menjijikkan
Hendaklah kita takut kepada Allah setiap waktu
Agar kita insaf dan sedar selalu
Bahawa kita adalah hamba yang hina
Dijadikan daripada air yang hina dan menjijikkan
Moga-moga dengan itu kita tidak menjadi manusia
yang menzalim dan menghina

Selepas Asar
22 - 09 - 1999

170 MARI BERSAMA MUHASABAH DIRI

WAHAI insan di waktu engkau menghina
Sedarkah engkau itu siapa?
Wahai manusia di waktu engkau menzalim
Tahukah engkau, siapakah engkau sebenarnya?
Wahai hamba Allah di waktu engkau seronok
memalukan orang
Engkau fahamkah siapa diri engkau?
Engkau yakinkah, hidup istimewa sepanjang masa?
Yakinkah engkau hidup luar biasa sepanjang hidup?
Di waktu melakukan sewenang-wenang di dunia
Tidak teringatkah engkau juga makhluk Allah?!
Dirimu juga di dalam kekuasaan-Nya
Tidak takutkah kamu kepada-Nya?
Satu masa nanti engkau akan mati?!
Engkau akan pergi ke Akhirat
Di sana ada Syurga dan Neraka
Apakah kamu yakin, perbuatanmu itu
akan pergi ke Syurga?
Marilah kita bersama muhasabah diri
Agar menjadi hamba Allah yang sejati

Selepas Asar
22 - 09 - 1999

171 AMPUNILAH DOSA KAMI

AMPUNKAN dosa kami Tuhan!
Kami selalu membuat dosa
Maafkan kami Tuhan!
Agar selamat kami dari Neraka

Anugerahkanlah kami taubat Tuhan!
Engkau adalah penerima taubat
Kami tidak mampu masuk Neraka-Mu
Kerana azabnya gerun dan dahsyat tidak terperikan

Dengan rahmat-Mu ampunkanlah kami
Atau dengan kemaafan-Mu ampunkanlah kami
Kalau Engkau azab kami,
Kami kan hamba-Mu jua Tuhan

Engkau ampunkan kami, kebesaran-Mu tetap tidak jejas
Engkau ampunkan kami, keagungan-Mu tetap tidak tergugat
Kerana tiada siapa yang boleh menggugat
Kerana setiap itu adalah ciptaan-Mu

Kami sentiasa mengharap, kami sentiasa meminta
Kami tidak akan putus asa dengan-Mu selama-lamanya
Kami tidak jemu-jemu meminta
Hinggalah dengan rahmat-Mu dosa kami Engkau ampunkan

Selepas Asar
21 - 08 - 1998

172 JADIKANLAH DERITA JIWAKU SYAFAAT BUATKU

ENGKAU tahu kesedihanku
Kerana dosa-dosaku yang aku lakukan
Adakalanya jiwa tidak tenang
Tapi orang tidak tahu
Aku menyembunyikannya dari orang
Kalau mereka tahu, sudah tentu ikut derita
Biarlah aku tanggung sendiri
Dengan mereka, mukaku tetap ceria
seolah-olah tidak ada apa-apa
Seolah-olah jiwaku tidak terganggu
Mereka menyangka aku orang yang paling bahagia
Mataku jarang menangis, tapi hati menangis selalu
Selalu sahaja aku ingat mati, bagaimana kesudahannya
aku tidak tahu
Apakah aku selamat, menempuh ujian ini
Apabila mengenangkan ibadahku
Tidak sebanyak ibadah para Sahabat
Apalah yang menjamin aku selamat
Apabila mengenangkan rahmat-Mu luas sekali
Jiwaku yang bergelora reda sedikit
Aku harap kepada-Mu Tuhan,
derita jiwaku dengan dosa-dosaku
Jadikanlah syafaat buat aku di Akhirat
Itulah bekalanku menemui-Mu
Namun ibadah memanglah tidak sampai ke mana

Sebelum Maghrib
30 - 10 - 1998

173 MATIKAN AKU WAKTU BERTAUBAT

YA ALLAH! Matikan aku di waktu aku bertaubat
Atau matikan aku di waktu di dalam mengerjakan kebaikan
Atau matikan aku di waktu aku takutkan-Mu
Atau matikan aku di dalam aku merindui-Mu
Di waktu Engkau redha, ambillah aku
Jangan Engkau ambil di waktu Engkau murka
Tuhan, aku adalah hamba-Mu
Memerlukan pimpinan
Pimpinlah aku ke jalan kebenaran
Tuhan! Di waktu orang mengejar dunia
Biarlah dunia mengejar aku
Aku akan mengenakan syarat-syaratnya
Kalau dia mahu, aku akan menerimanya
Kalau dia menolaknya aku persetan sahaja

Selepas Asar
04 - 11 - 1998

174 ALLAH SUKA HAMBA YANG BERTAUBAT

ALLAH Taala sangat suka apabila seseorang membuat dosa menyesal dan memohon ampun
Kemudian dosa-dosa ini tidak pernah digunakannya seumur hidupnya
Dia terasa terseksa dengan dosa-dosa yang telah berlaku
Adakalanya mengenangkan dosa air matanya menitis berguguran
Begitu juga Tuhan sangat suka pada seseorang apabila membuat kebaikan, dilupakan
Dia merasakan tidak pernah berbuat dan melakukan
Yang dia anggap belum berbuat, yang dia rasa adalah hamba yang berdosa
Tuhan juga suka apabila orang membuat baik kepadanya, tidak dilupa
Ingin membalas jasanya atau mendoakan
Juga kesalahannya kepada orang tidak pernah dilupakan
Dia teringat sepanjang masa
Bahkan dengan kesalahannya itu jiwanya terseksa dan menderita
Dia memohon maaf kepada orang ini
Kalau orang itu sudah tidak mungkin ditemuinya
Dia doakan selalu, kalau dia membuat kebaikan pahalanya dihadiahkan kepadanya
Begitulah juga Tuhan sangat suka kepada seseorang hamba yang merasa dirinya hina
Hina dengan kejadian, hina dengan kelemahan, hina dengan kecuaian, hina dengan dosa-dosanya
Hinggakan kebaikannya sudah tidak lagi dilihatnya
Yang dilihat dosa-dosanya dan kesalahan-kesalahannya
Yang dia lihat adalah kelemahan dan kelalaiannya
Hingga tidak ada lagi ruang hatinya untuk bergembira
Kerana hatinya telah dipenuhi dengan dukacita

Menjelang tidur
11 - 10 - 1999

175 BERSEGERALAH BERTAUBAT

MARILAH kepada-Ku wahai hamba-hamba-Ku
Bersegeralah pulang ke pangkuan-Ku
Bersegeralah bertaubat selalu
Aku tetap menerimamu, percayalah
Aku tahu kamu hamba-hamba-Ku, ciptaan-Ku
Kamu adalah lemah, kelalaian dan kealpaan adalah watakmu
Aku mahu akuilah kelemahan itu
Setiap kali bersalah kamu datang pada-Ku
Kemudian mengakulah bersalah
Menangislah di depan-Ku tanda penyesalan yang tidak sudah
Kalau engkau lakukan lagi tanpa nawaitu
Datang lagi kepada-Ku
Mengakulah salah
Menyesallah, merintihlah, menangislah
Ketahuilah wahai hamba-hamba-Ku
Rintihan orang yang berdosa
Lebih Aku cintai daripada tasbih para auliya'
Wahai hamba-hamba-Ku
Jangan bertangguh-tangguh lagi
Siapalah yang tidak bersalah
Kamu adalah hamba
Tapi Aku suka orang yang mengaku salah
Aku cinta kepada orang yang bertaubat
Minta ampunlah kepada-Ku wahai hamba-hamba-Ku
Aku tetap menerimamu
Bukankah Aku Tuhanmu
Kasih-Ku kepada hamba-hamba-Ku
Lebih daripada seorang ibu yang kasih kepada anak-anaknya
Begitulah kehendak Allah kepada hamba-hamba-Nya
Mengikut keterangan Al Quran dan As Sunnah

Selepas Subuh
30 - 04 - 1997

176 AKU PERLUKAN PIMPINAN-MU

YA ALLAH! Ya Tuhanku
Aku perlu kepada pimpinan-Mu
Di atas jalan yang lurus
Tidak mungkin aku boleh hidup tanpa pimpinan-Mu
Aku mengadu kepada-Mu Tuhan!
Tidak mungkin aku terlepas daripada salah dan silap
Tapi apa yang aku harap pada-Mu Tuhan
Di waktu aku mendapat kesenangan,
ingatkan aku bahawa nikmat itu daripada-Mu
Agar aku bersyukur kepada-Mu di atas nikmat itu
Ketika aku mendapat ujian kesusahan,
ingatkan aku bahawa itu adalah hukuman ke atas diriku
Di atas dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan yang aku buat
Agar aku bertaubat dan bersabar di atas ujian-ujian itu
Masukkanlah ke dalam hatiku
Aku tenang dengan kehidupan dunia,
dan aku bimbang dengan kehidupan Akhirat
Masukkanlah juga ke dalam hatiku,
Engkaulah yang paling aku cinta dan takut
Selain Engkau adalah cinta sampingan,
dan takut fitrah semata-mata
Tuhan! Di dalam memimpin,
Engkau pimpinlah aku lebih dahulu
Supaya pengikut-pengikut aku dapat aku pimpin

Selepas Zuhur
16 - 08 - 2001

177 HARAPANKU PADA-MU

KUHARAP pada-Mu Tuhan
Di waktu kulalai, ingatkan aku
Ketika aku beramal, ikhlaskan hatiku
Agar amalku diterima
Di masa aku diuji, kuatkan jiwaku
Agar aku sabar menerima ujian itu
Supaya iman aku tidak terkorban
Di waktu-waktu aku senang
Jangan lalaikan aku, agar aku bersyukur
Masukkanlah ke dalam hatiku cinta dan takut pada-Mu
Supaya aku tidak cinta dan tidak takut selain dari-Mu
Hiburkanlah hatiku selalu dengan mengingati-Mu
Engkau sangat aku perlu
Janganlah tinggalkan aku
Engkau adalah hidup matiku
Janganlah biarkan aku
Pimpinlah aku selalu
Agar hidup matiku, mendapat keredhaan-Mu

Menjelang Tidur
05 - 08 - 2001

178 MANUSIA DITIMPA PENYAKIT JIWA

DI AKHIR zaman banyak manusia ditimpa penyakit jiwa
Jiwa tidak tenang sekalipun sudah berkuasa dan kaya
Sudah ternama, sudah berglamour, sudah dikenal
Di waktu itu segala yang dimiliki
tiada memberi faedah apa-apa

Duduk di rumah gelisah, duduk di pejabat resah
Salah sedikit orang lain, mudah marah-marah
Segala yang dilihat tiada yang indah
Fikiran berserabut, jiwa parah

Yang tiada beriman bunuh diri
Yang lemah iman terlibat dengan bermacam-macam jenayah
Rasuah, arak, judi, zina, menzalim manusia
Di dalam rumah tiada ukhwah, tiada harmoni, tiada sekata

Mereka ditimpa neraka dunia
Sebelum Neraka di Akhirat sana
Aduh kalau di dunia tiada bahagia
Apakah di Akhirat nanti dapat bahagia

Pada Tuhan ada kebahagiaan, pada Tuhan ada ketenangan
Serahlah diri kepada-Nya, redhalah dengan ketentuan-Nya
Buanglah mazmumah, hiasilah diri dengan mahmudah
Di sinilah rahsia kebahagiaan, di sinilah rahsia keindahan

30 - 09 - 1995

179 MANUSIA KEHILANGAN KEBAHAGIAAN

DI ANTARA yang sudah hilang di sisi manusia ialah kebahagiaan
Orang kaya sudah hilang kebahagiaan,
orang miskin pun sudah hilang kebahagiaan
Orang yang berilmu sudah tidak bahagia
orang jahil pun tidak bahagia
Yang ada nama dan glamour pun tidak ada bahagia
yang tidak ada pun tidak ada bahagia
Orang yang berpangkat pun sudah kehilangan kebahagiaan,
yang tidak ada pangkat pun sudah kehilangan kebahagiaan
Kerana kebahagiaan itu adalah makanan jiwa
Kalau tidak ada manusia menderita
Setiap insan berusaha mencari
Orang bandar pergi ke kampung mencari bahagia
Orang kampung pergi ke bandar mencari bahagia
Yang tinggal di tepi laut pergi ke darat mencari bahagia
Orang yang tinggal di darat pergi ke tepi laut mencari bahagia
Bahkan berbagai cara manusia mencari bahagia
Ada yang pergi ke hutan ada yang pergi melihat air terjun
Ada yang pergi ke padang pasir,
ada yang pergi ke tempat banyak bahaya
Bahkan ada orang yang mendaki gunung menurun lurah
hingga terjatuh
Namun kebahagiaan tidak juga diperolehi
Manusia lupa kebahagiaan itu bukan benda luaran
Kebahagiaan itu ada di dalam diri manusia itu sendiri
Hidupkan hati rasa bertuhan, bangunkan jiwa rasa kehambaan
Cintakan Tuhan setiap ketika dan masa
Sembah, sanjung dan besarkan Dia setiap masa
Jadikan Tuhan kawan setia
Bawa dia ke mana-mana dan meminta
dan bermanja-manjalah dengan-Nya
Itulah dia rahsia kebahagiaan
setiap insan

Menjelang Maghrib
21 - 02 - 2000

180 MANUSIA TERCARI-CARI KEBAHAGIAAN

KEBAHAGIAAN adalah penyelamat hidup manusia
Inginkan kebahagiaan adalah fitrah semula jadi setiap insan
Kehilangan kebahagiaan pada manusia ertinya kehilangan
segala-galanya sekalipun ada pangkat dan harta
Walaupun begitu manusia tidak pandai mencari kebahagiaan
Padahal anak kunci kebahagiaan itu apabila dapat Tuhan
dan mencintai-Nya
Kehilangan Tuhan ertinya kehilangan kebahagiaan
sekalipun segala-galanya ada
Hari ini hampir semua manusia di dunia kehilangan kebahagiaan
Kerana itulah manusia setiap bangsa tercari-cari kebahagiaan
Sedangkan dunia telah membangun, maju dan bertamadun
Namun manusia tidak dapat juga kebahagiaan
Orang-orang Barat pergi ke Timur dan orang-orang Timur
pergi ke Barat mencari kebahagiaan
Orang kampung pergi ke bandar, orang bandar pergi ke kampung
Namun kebahagiaan belum juga diperolehi
Orang darat pergi ke laut, orang laut pergi ke darat
Yang dicari belum juga dapat
Akhirnya manusia pergi ke hutan-hutan, ke gunung-gunung
Namun kebahagiaan makin jauh
Yang lebih hebat dari itu pergi ke Kutub Utara
dan ke Kutub Selatan
Mencari kebahagiaan yang belum jumpa-jumpa
Padahal kebahagiaan itu ada di dalam diri manusia itu sendiri
Iaitu hidupkan jiwa rasa bertuhan
Jadikan Tuhan cinta agung
Jadikan Tuhan idola dan tempat rujuk segala perkara
Di sinilah rasa kebahagiaan akan diperolehi
Bukan di hutan, bukan di gunung
dan bukan di mana-mana

Selepas Asar
20 Muharam 1421H

181 TENANG DAN BAHAGIA PAYAH DIDAPAT

UNTUK mendapat kesenangan mudah
Untuk mendapat ketenangan amat payah
Mendapatkan harta atau kekayaan mudah sahaja
Tapi untuk mendapatkan kebahagiaan sangat susah
Untuk kemudahan hidup tidaklah terlalu payah
Namun untuk mendapatkan ketenangan dan kebahagiaan,
jauh sekali apa yang diharapkan
Kesenangan adalah perkara luaran, tidak mesti tenang
Kemudahan hidup juga adalah perkara lahiriah,
tidak mesti bahagia
Tenang dan bahagia adalah perkara dalaman
Tenang dan bahagia adalah sifat hati atau jiwa
Tenang dan bahagia tidak mungkin dapat dari harta
Atau didapati melalui pangkat, nama dan glamour
Bahkan orang yang berharta, berpangkat,
ada nama dan glamour
Selalu sahaja sakit jiwa
Hidup gelisah, resah dan keluh-kesah,
*effect*nya marah-marah
Tenang dan bahagia itu adalah cintakan
Zat yang Maha Agung
Tuhan pencipta manusia, yang mempunyai
segala-galanya
Siapa yang dapat mencintai-Nya tidak ada kecewanya
Mencintai-Nya tidak menjemukan
Mencintai dunia dan nikmatnya
sudah tidak ada ertinya
Kerana Tuhan itu adalah segala-galanya
Mendapatkan Tuhan ertinya
mendapatkan segala-galanya

Selepas Zuhur
21 - 11 - 1999

182 BAHAGIA ITU MAKNAWI

BAHAGIA itu maknawi juga bersifat rohaniah
Rasa senang bukan bahagia sekalipun ia berharta
Kerana semua itu bersifat lahiriah
Ia bukanlah hakikat bahagia
Tenang itulah tanda bahagia
Tiada tenang kan keluh kesah
Bila tiada kebahagiaan hidup penuh kepuraan
Mazmumah punca tiada bahagia
Kerana terus mengekalkannya
Hasad dengki, gila dunia
Sombong, bongkak merosakkan segala
Carilah tenang dapat bahagia
Cintakan Allah setiap masa
Bila zikrullah dihayati
Barulah bahagia diperolehi

183 KETENANGAN DAN KEBAHAGIAAN JIWA SUDAH TIDAK ADA

FITRAH semula jadi manusia inginkan ketenangan jiwa
Juga kebahagiaan jiwa menjadi idaman manusia
Kalau ketenangan dan kebahagiaan telah tergugat
di dalam kehidupan manusia
Manusia *tension*, gelisah, marah-marah dan resah
Tapi bagaimana ketenangan dan kebahagiaan
hendak wujud di dalam jiwa?!
Kalau rasa bertuhan sudah tidak ada di dalam jiwa manusia
Bertindak di dalam menghadapi kehidupan
tidak kira lagi dosa pahala
Nafsu haiwan disuburkan, cintakan dunia dipertajam
Kedua-duanya ini adalah pembunuh jiwa
Apabila jiwa mati atau buta, hilanglah ketenangan
dan kebahagiaan
Di zaman ini seluruh dunia manusia resah dan gelisah
Ketenangan dan kebahagiaan jiwa sudah tidak ada
Manusia kecewa, manusia putus asa
Bertemu di antara satu sama lain rasa tegang sahaja
Bahkan benci dan membenci serta prejudis sesama manusia
Manusia sudah bingung tidak tahu lagi
untuk mengubat penyakit jiwa
Kerana seluruh manusia sudah ditimpanya
Termasuk cerdik pandai dan profesor-profesornya
Maka hiduplah manusia tidak tentu matlamat dan tujuannya
Mundar-mandir tidak tentu hala
Kakinya berjalan mengikut perasaannya
Keadaan manusia sudah macam orang gila tapi tidak gila
Akibat ketenangan dan kebahagiaan sudah tidak ada

Selepas Isyak
16 - 10 - 1999

184 MANALAH HATI TIDAK GELISAH

MANALAH hati tidak gelisah
Risau, resah, gundah, sedih dan kecewa
Kerana ke mana sahaja pergi, di mana sahaja berada,
ingin orang ambil hati
Inginkan dipuja dan dipuji, dihormati,
disanjung dan diambil perhati
Lebih-lebih lagi kalau kaya, ingin disebut-sebut kekayaannya
Kalau pandai ingin dipuji dan dihormati
Kalau berpakaian ingin sangat orang mengambil perhatian
Paling tidak, kalaupun orang tak puji dan hormati,
jangan ada orang yang mencaci
Kehendak-kehendak ini tidak mungkin didapati setiap hari
Kemahuan itu tidak semua diperolehi
Kerana manusia lain juga kebanyakan perasaannya
macam itu juga
Semua orang merasa lebih patut dia dihormati
daripada menghormati
Setiap orang berkehendak dipuji lebih daripada memuji
Paling tidak dia tidak dibenci dan dicaci, kalaupun tidak dihormati
Kehendak-kehendak macam inilah yang bila tidak tertunai
Manusia gelisah
Mana pergi hati susah, sedih, resah
Keinginannya itulah apabila tidak diperolehi, aduh sakit hati
Jiwa tercabar, hati tercalar
Tapi kalau manusia itu sedar dirinya hamba yang hina
Segala puja dan puji tidak layak dia terima
Dia rasa tidak perlu itu semua
Bahkan terseksa kalau dia mendengarnya
Ke mana dia pergi, dia tidak perlu meminta
manusia menghormatinya
Orang yang jiwanya begini,
dia tidak akan susah hati dan gelisah
Yang dia rasa susah hanya dengan Allah

04 - 10 - 1999

185 RAMAI ORANG MENGAKU ISLAM

RAMAI orang mengaku Islam
Tersinggung kalau dikatakan dia bukan orang Islam
Tapi persoalan iman mereka tidak dipedulikan
Syariat mereka abaikan, akhlak dipandang kecil sahaja
Sebut utamakan Akhirat rasa tersinggung
Menyebut Allah Taala sebagai budaya sahaja
Bukan dari hati yang takut, atau bukan menjiwai
rasa bertuhan
Atau Tuhan disebut buat penyedap kata
semata-mata sebagai budaya
Yang difikir dan diperkatakan hanya kemajuan-kemajuan
Pembangunannya, pembangun dan kekayaan
Seolah-olah kemajuan, pembangunan dan kekayaan
adalah segala-galanya
Padahal beberapa ramai orang yang maju dan kaya
Rumahtangga huru-hara
Anak, isteri tidak seia dan sekata
Kasih sayang tidak ada, keharmonian hidup
tidak ada di dalam keluarga
Tidak pernah rasa bahagia
Jiwa kosong, fikiran berserabut
Side-effectnya, mudah marah, mudah tersinggung,
mudah merajuk
Rupanya pembangunan, kemajuan, kekayaan
tidak menjamin membawa kasih sayang
Kemewahan hidup tidak menjamin keharmonian
di dalam keluarga
Pada kekayaan belum menjamin
membawa bahagia ....

Menjelang Tidur
17 - 08 - 2001

186 PEGANGAN HIDUP PUNCA DERITA

BAGAIMANA jiwa engkau tidak derita,
ketentuan Tuhan engkau tidak redha
Dengan ujian, kesabaran engkau tidak ada
Apa sahaja engkau buat minta pujian manusia
Bukan semua manusia yang boleh memujimu
Jika tidak dipuji sudah tentu jiwa derita
Engkau sentiasa memburu nama
Tidak mungkin engkau mudah mendapatkannya
Jika tidak engkau memperolehinya,
sudah tentu engkau kecewa
Lebih-lebih lagi jiwa engkau tidak tenang
Kerana engkau mempertajam hasad dengki dengan manusia
Tidak boleh engkau lihat orang lebih daripada engkau
Jiwa engkau menderita, dan engkau dengki dengannya
Kalau dengki engkau itu tidak berjaya
Sudah tentu jiwa engkau lebih lagi derita
Kalau orang itu makin senang
Engkau lebih-lebih lagi tidak tenang
Apa sahaja engkau usahakan
Semuanya engkau sandarkan kepada diri engkau
Bukan engkau sandarkan kepada Tuhan yang Maha Kuasa
Mana engkau ada kuasa
Jika usaha engkau gagal tentu engkau kecewa,
jiwa pun menderita
Kalau engkau berjaya, engkau sombong pula
Kerana engkau merasai engkau adalah luar biasa
Bukan kuasa Tuhan yang menjayakan
usaha-usaha engkau itu
Jadi pegangan hidup engkau itulah
yang menjadikan engkau selalu sahaja menderita

Menjelang tidur
26 - 12 - 1999
(09 Ramadhan 1420H)

187 NASIB MANUSIA BERMACAM-MACAM TAPI MANUSIA TIDAK BELAJAR DENGANNYA

DI MUKA bumi bermacam-macam etnik dan bangsa
Bermacam-macam bahasa dan warna kulit
di kalangan manusia
Nasib manusia bermacam-macam bentuknya
Kehidupan mereka bermacam-macam caranya
Ada yang kaya-raya, rumah tangga huru-hara
Justeru tidak seia-sekata
Ada yang berkuasa di negara, di rumah tiada kuasanya
Bini atau betinalah yang berkuasa
Queen control namanya
Ada yang alim atau berilmu, miskin pula
Tidak kurang yang kaya-raya
Dibunuh orang atau di*kidnap* diminta wang tebusan
Ada yang kaya-raya atau berpangkat tinggi,
sakit-sakit sahaja
Bermacam-macam jenisnya pula
Ada yang jahil tiada berpangkat, miskin pula
Ada yang miskin, sakit-sakit sahaja
Tiada yang membela
Tidak kurang badan yang sihat, merempat pula
Ada yang jutawan, krisis rumah tangga jadi budaya
Bini di sini suami di sana
Bila bertemu bergaduh sahaja
Juga tiada kurang yang miskin, ilmu sederhana,
tenang dan bahagia
Ada yang baik orang ramai senang, tiada kuasa tiada harta
Orang jahat diberi kuasa, orang ramai benci merata-rata
Namun demikian pengaruh kuasa dan harta kekayaan,
disokong juga
Jadi manusia di dunia sentiasa diburu takut kerana tergugat
Fikiran serabut, jiwa tidak tenang keluh-kesah sahaja
Digugat oleh bini, oleh krisis rumah tangga
Ditakutkan oleh miskin dan papa kedana

Dibimbangkan oleh sakit yang bermacam-macam jenisnya
Dikecewakan oleh kejahilan dan oleh tiada pangkat
 yang dibanggakan
Dihantui oleh bila kena *kidnap* atau orang akan samun
Tidak kurang susah hati bilakah peluru
 hendak meledak membunuhnya
Sedikit sahaja yang tenang dan bahagia
Kerana kuat imannya sekalipun miskin papa
Tapi manusia tiada belajar dengan peristiwa
Di manalah hebatnya kita?
Di manalah kuasa kita?
Di mana kemegahan kita?

26 - 05 - 1997

188 MERENDAH DIRI ITULAH KETINGGIANMU

MERENDAH diri itu, di sanalah letaknya ketinggianmu
Engkau pandai atau berilmu, banyak orang
mendapat manfaat darimu
Engkau rasa dirimu tidak berguna
atau tiada jasa apa-apa di sinilah kemuliaanmu
Pandai engkau bergaul di semua golongan masyarakat
Engkau meletakkan diri pada tempatnya
Di sanalah semua golongan boleh menghormatimu
Pemurahnya engkau, di situlah rezekimu di dunia
Ertinya engkau tidak akan papa
Di Akhirat kelak harta dan kekayaan bagimu
Engkau tidak suka nama dan glamour
Kalau engkau orang yang berjasa
Banyak orang mendapat faedah dari pertolonganmu,
dari jasamu
Nama dan glamour tetap ada walaupun tidak dipinta
Nama yang bersih tanpa diminta
Nama dan glamour yang diminta lambat-laun orang benci
Setiap kali pula Tuhan mengangkat darjatmu di sisi-Nya
Kalau engkau sentiasa baik hati dengan manusia
Dengan manusia engkau baik sangka
Tidak pernah berdendam dan dengki dengan insan
Mudah engkau memaafkan orang
Di situlah ketenangan dan kebahagiaan jiwamu
Jika engkau sentiasa bertawakal dengan Allah
Engkau tidak akan risau dengan masa depanmu

Menjelang Tidur
08 - 08 - 2001

189 ILMU PENYULUH HIDUP

BAGI orang mukmin, ilmu adalah penyuluh hidupnya!
Pengalamannya adalah pengajaran, iktibar dan penasihatnya
Takutnya kepada Tuhan adalah pengawal diri
Sabarnya adalah perisai hidupnya
Redha dengan Tuhan kerana baik sangka dengan Tuhannya
Tawakalnya adalah harapan masa depannya
Bacaan Al Quran adalah hiburannya
dan bercakap-cakap dengan Tuhan
Juga perbualannya dan bercakap
dengan Tuhan Pencipta manusia
Selawat adalah penyejuk dan pelembut hatinya
Doa dan permintaannya kepada Tuhannya tanda dia hamba
Hamba adalah hina, lemah, memerlukan
pertolongan Tuhannya
Sembahyang adalah pembaharuan ikrar
dan membaharukan syahadah
Serta membersihkan jiwa dari mazmumah
Begitulah peranan setengah daripada sifat-sifat mahmudah
Juga setengah daripada peranan mendirikan solat
Kalau begitu cuba gambarkan orang yang
tidak bersembahyang
Yang juga memiliki sifat-sifat mazmumah
Ertinya segala masalah berkumpul di kepala dan jiwanya
Bagaimana tidak menderita dan terseksa
Mampukah menanggungnya?!

Selepas ekspedisi
28 - 09 - 1999

190 BERBUAT DAHULU BARU BERCAKAP

BERBUATLAH lebih dahulu baru bercakap
Kerana buah ilmu itu adalah amalan yang sudah dibuat
Janganlah bercakap dahulu baru berbuat
Lebih-lebih lagi bercakap langsung tidak berbuat
Ilmu yang tidak diamalkan macam senjata tidak digunakan
Ia akan berkarat
Apa ertinya simpan senjata sebanyak-banyaknya
tidak digunakan
Ia akan menjadi bebanan
Begitulah ilmu yang banyak tidak diamalkan
ia akan jadi beban di Akhirat
Orang yang berilmu tidak mengamalkan ilmu,
masuk Neraka lebih dahulu daripada orang kafir
Ilmu adalah panduan jalan kehidupan
Atau penyuluh jalan kehidupan untuk menuju matlamat
Alangkah anehnya orang yang ada lampu suluh di tangan
Berjalan di waktu malam lampu suluh tidak digunakan
Ertinya walaupun ada lampu di tangan
tapi dia masih di dalam bahaya
Berjalan di dalam gelap tidak menggunakan lampu
Padahal lampu ada di tangan
Lampu itu semata-mata hendak ditunjuk kepada orang
Begitulah ahli ilmu yang tidak beramal,
padahal ilmu diperkatakan
Itu tentulah semata-mata hendak tunjuk pandai
kepada orang ramai
Bermegah-megah dengan ilmu,
tidak ghairah beramal

Selepas Zuhur
18 - 08 - 2001

191 BERLINDUNG DARI ILMU YANG TIDAK BERMANFAAT

MARILAH kita berlindung dengan Allah
daripada ilmu yang tidak memberi manfaat
Kerana ia akan menjadi beban di Akhirat
Bahkan ia akan melaknat
Sohibul ilmi masuk ke dalam Neraka 500 ratus
lebih dahulu daripada penyembah berhala
Ilmu yang tidak memberi manfaat, niat bukan kerana Allah
Bila diperolehinya hanya untuk mujadalah
dan bermegah-megah
Untuk diforum-forumkan dan disyarah-syarahkan,
bukan diamalkan, tapi penuh dengan ujub dan riyak
Mementingkan kertas kerja jadi budaya,
kemudian mesti diberi upah
Setiap apa yang hendak disampaikan mesti ada ganjarannya
Kalau tidak, ilmu tidak akan disampaikan
Makin bertambah ilmu,
makin nampak bongkak dan sombongnya
Dan terasa 'orang luar biasa' dengan ilmunya
Jika ada orang yang lebih darinya, sakit hatinya
Bila berbincang dia sahaja mahu menang
Kalau kebenaran itu datang daripada orang lain,
susah mahu menerimanya
Gambaran peribadi Rasulullah SAW tidak ada pada dirinya
Peribadinya macam orang biasa, bahkan nampak angkuhnya
Orang ini tidak akan bergaul dengan orang
yang dipandang rendah
Kecuali keadaan memaksanya
Inilah dia *ulama us suk* yang disabdakan oleh Rasulullah
Kita disuruh jauhi mereka
Bahkan disuruh takut lebih daripada
seekor singa yang galak
Kerana ia akan melalaikan,
boleh jadi menyesatkan

Selepas Zuhur
15 - 09 - 1999

192 BERLINDUNG DARIPADA ILMU YANG TIDAK DIAMALKAN

YA ALLAH! Aku berlindung dengan-Mu
daripada ilmu yang tidak diamalkan
Aku berlindung dengan-Mu daripada ilmu untuk kemegahan
Tuhan, ilmu itu adalah cahaya penyuluh kehidupan
Jangan pula kehidupan orang tersuluh,
kehidupanku kegelapan
Tuhan aku memohon kepada-Mu
janganlah ilmu itu menjadi beban
Di Akhirat kelak menjadi hujah dan saksi
mengapa aku tidak amalkan
Ya Allah, aku memohon kepada-Mu bertambah ilmu,
bertambah amalku
Jangan sampai usahaku orang lain selamat, aku tidak
Biarlah usahaku ini selamat menyelamatkan
Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu
daripada ilmu untuk mujadalah
Bukan membantuku untuk beribadah dan bertaqwa
Tuhan aku berlindung dengan-Mu
jangan sampai ilmuku melaknatku semula
Kerana bermegah-megah dan tidak mengamalkan
Jadikanlah aku bertambah ilmu,
bertambah dekat dengan Tuhan
Bertambah ilmu, bertambah ibadah dan amalan
Tuhan! Jadikanlah ilmuku mensyafaatkan aku di Akhirat kelak
Bukan melaknatku
Ya Allah! Jadikanlah ilmuku boleh memimpin diri
dan orang lain
Boleh menyuluh kehidupanku dan kehidupan orang
Mampu menyuluh hatiku dan menyuluh hati orang
Seterusnya jadikanlah ilmu ini
sentiasa memberi manfaat dan syafaat

Selepas Isyak
03 - 09 - 1999

193 MARILAH KITA BERAMAL

MARILAH kita mengkota Islam
Kerana sudah banyak kita berkata
Marilah kita beramal
Lantaran sudah banyak mengenal
Marilah kita berbuat
Berkata sudah banyak
Marilah kita melaksanakan
Saranan telah merata
Marilah kita membina keperluannya
Sudah selalu diperkata
Marilah kita bertindak
Huraiannya telah banyak
Sampai bila Islam ini hendak diperkata
Sedangkan dikotakan sedikit sahaja
Apakah Islam sekadar program semasa
Bukan amal setiap masa?!
Cukupkah Islam itu untuk perayaan?
Bukan tuntutan amalan dan perlaksanaan?
Islam bukan untuk slogan-slogan, tapi tindakan
Bila lagi Islam hendak bersifat diri bukan tersendiri
Marilah kita jadikan Islam tabiat diri
Sebagai ilmu sudah lama kita ketahui
Agar kita membawanya ke mana-mana kita pergi

Selepas Asar
16 - 05 - 1997

194 DOA AGAR DIBERI ILMU HIKMAH

TUHAN! Dengan kebesaran Nabi-Mu
dan kemuliaan Imam Mahdi-Mu
Ajarkanlah aku ilmu Islam yang seni-seninya
Tuhan! Fahamkan aku ilmu-ilmu
yang tersirat untuk dapat disuratkan
Anugerahkanlah aku sedikit ilmu rahsia
yang ada di dalam ilmu
Terutama ilmu mengenai hati
Hati adalah makhluk-Mu yang mengandungi
banyak rahsia
Darinyalah lahirnya ilmu hikmah
Ilmu hikmah sedikit sekali manusia yang tahu
Sekalipun para ulama-ulamanya
Kecuali mereka yang hatinya terlalu bersih dan murni
Ilmu itulah yang Engkau maksudkan di dalam Al Quran
Pertama: Takutilah Allah nescaya Allah akan ajar kamu
Kedua: Siapa yang diberi ilmu hikmah,
sesungguhnya diberi sesuatu yang banyak
Tuhan! Ilmu ini sangat aku perlukan
Untuk aku membaikkan diriku dan pengikut-pengikutku
Terutama di zaman yang telah Engkau janjikan
Islam akan kembali gemilang
Tuhan, aku sungguh mengharapkan ilmu ini
Iaitu ilmu di dalam ilmu
Ajarlah sedikit ilmu ini kepadaku
Atas nama khalifah-Mu akhir zaman
Agar aku mampu memimpin diriku dan pengikutku
Ya Allah! Istajib do'aii

Selepas Zuhur
28 - 08 - 1999

195 NIKMAT DUNIA IBARAT KUDA

TIDAK salah mendapat nikmat
Yang mana satu pun tidak mengapa
Tapi hendaklah curiga selalu dengannya
Kerana ia ibarat mendapat kawan yang tidak setia
Prejudislah dengannya
Jahat sangkalah dengan nikmat dunia
Ia selalu sahaja melalaikan kita
Awaslah selalu dengan nikmat dunia
Kalau tidak ia selalu sahaja mengkhianati kita
Berhati-hatilah dengan nikmat
Kerana dia boleh merosakkan kita
Kita awasilah selalu
Kerana dia boleh menjatuhkan maruah kita
Nikmat dunia itu ibarat kuda
Kita akui kuda mudah membawa kita ke mana-mana
Tapi ingat, dia selalu sahaja tidak setia dengan kita
Kita selalu sahaja dijatuhkannya atau ditendangnya
Kita selalu mendisiplinkan diri kita terhadap nikmat dunia
Jangan sampai dia mendisiplinkan diri kita
Akibatnya kita akan dijadikan kuda tunggangannya
Maka kita pun menjadi hambanya
Jatuhlah wibawa kita
Maka kita pun terhina

Menjelang tidur
10 - 11 - 1999

196 TIDAK TAHAN DENGAN KELEBIHAN DIRI

BERAPA ramai orang apabila Tuhan pakaikan
sedikit kebesaran kepada orang itu dia tidak tahan
Dia pun membesarkan diri, sombong pun datang
Dia pun rosak dan merosakkan
Berapa banyak manusia apabila kekayaan
dialirkan padanya dia pun lupa
Bakhil pun datang, sombong pun terjadi
Dia merasakan kekayaan itu dia yang punya
Tidak kurang pula apabila Tuhan memberi
sedikit kekuasaan pada seseorang
Dia pun lupa diri
Dia rasa, manusia luar biasa
Megah pun menimpa dirinya,
sombong tak usah dikira
Dia pun menzalim orang
Dia pun menyalahi kuasanya
Banyak pula orang teraniaya
Tapi apabila Tuhan menimpakan seseorang kesusahan
Kesusahan yang berbagai bentuknya
Ramai pula yang tidak tahan
Tidak tahan menderita
Ada yang kecewa sepanjang masa
Bahkan ada yang putus asa
Begitulah seseorang yang jiwanya sudah rosak
Rasa bertuhan tidak ada
Rasa kehambaan tidak ada di dalam jiwa
Apa pun Tuhan timpakan kepada dirinya
Semuanya merosakkan dirinya
Oleh itu rasa bertuhan perlu ada,
rasa kehambaan perlu mendalam di dalam jiwa

Selepas Zuhur
26 - 07 - 2001

197 NIKMAT TUHAN DISALAHGUNAKAN

APA sudah jadi kepada manusia?!
Masing-masing menyalahgunakan nikmat Tuhan
yang ada padanya
Hingga mereka derhaka kepada Tuhannya
Di samping merosakkan kehidupan manusia

Ada yang muka cantik, terpesona dengan kecantikannya
Dia pun menyalah guna kecantikannya
Ramai manusia yang rosak imannya kerana kecantikannya
Ada yang kaya sombong dengan kekayaannya
Dia pun berfoya-foya dengan kekayaannya itu
Hanya senang untuk sendiri tidak pun menolong fakir miskin

Ada yang pandai, kagum dengan kepandaiannya
Menyalahgunakan pula dengan ilmunya
Untuk nama dan kesenangan hidup semata-mata
Tuhan tidak ada di dalam kamus hidupnya

Ada pula orang sedikit sahaja diberi kuasa oleh Tuhannya
Menyalahgunakan kuasa yang ada padanya
Dia menzalim dan menghukum manusia sesuka hatinya
Ramai manusia yang teraniaya

Di sini baru kita tahu ramai orang yang kufur
dengan nikmat Tuhannya
Yang merosakkan diri sendiri dan merosakkan diri orang lain
Hanya sedikit sahaja manusia yang bersyukur
Iaitu orang yang takut dengan Tuhannya,
dan mengambil berat kehidupan di Akhirat

13 - 11 - 2001

198 APABILA DUNIA DICINTAI

APABILA dunia dicintai
Maka ia akan dijadikan matlamat hidup
Dunia pun menjadi buruan dan rebutan
Bila ia dijadikan rebutan timbullah saingan
dan perlawanan
Saingan dan perlawanan itu akan membawa
perbalahan dan permusuhan
Di dalam perebutan timbullah hasad dengki,
jatuh-menjatuhkan, khianat-mengkhianati
Kemuncaknya pergaduhan,
membunuh dan peperangan
Lebih-lebih lagi yang merebut itu para ulama,
pemimpin dan orang-orang kaya
Maka krisis kerana dunia lebih hebat lagi
berlaku di dalam kehidupan
Maka punahlah kasih sayang,
hilanglah timbang rasa
Persaudaraan hilang, simpati gersang,
kerjasama terpaksa
Hidup nafsi-nafsi pun subur dan menjadi budaya
Masing-masing menjaga kepentingan diri sendiri
Hidup harmoni, kasih sayang,
bertimbang rasa hilang
Akhirnya semua manusia di dunia hidup
di dalam ketakutan dan penderitaan
Cuma ketakutan dan penderitaan
di antara satu sama lain tidak sama
Orang miskin susah kerana tidak ada
yang hendak dipakai dan yang hendak dimakan
Yang sakit terbiar tidak ada wang untuk berubat
Ulama-ulama dihina dan tidak dihormati lagi
Guru-guru ibu bapa tidak dikasihi
Anak-anak atau rakyat jelata tidak akan disayangi

Orang-orang kaya dibenci, harta mereka
akan dirompak dan dicuri
Nyawa mereka sentiasa terancam
Para-para pemimpin tidak dihormati dan ditaati
Bahkan menjadi sasaran permusuhan dari rakyatnya
Maka dunia pun menjadi neraka,
kerana penyakit cinta dunia

Selepas Asar
14 - 07 - 2000

199 KALAU ENGKAU MAHU BERFIKIR

PAGI-PAGI engkau keluar rumah, untuk tugas harian
Mula-mula sekali bumi (tanah) yang engkau pijak
Itulah dia kejadian engkau yang pertama
Kejadian engkau yang kedua lebih lagi hinanya
Kalau engkau orang yang insaf,
engkau malu dengan diri engkau
Sombong engkau sudah tentu hilang
Engkau pun merendah diri di muka bumi Tuhan
Apabila engkau berhadapan dengan makanan
yang sedang dihidang
Makanan dan lauk-pauknya pula
berbagai-bagai jenisnya
Ada sayur, ada ikan, ada daging bukan engkau
yang mengusahakannya
Engkau hanya memilih bahan mentahnya
Kalau mata hati engkau celik
Engkau akan terasa wah ramai sungguh orang
yang memberi khidmat kepada engkau
Sama ada engkau sedar ataupun tidak,
kenal atau sebaliknya
Secara langsung mahupun secara tidak langsung
Biasanya mereka itu adalah buruh-buruh,
nelayan-nelayan dan tenaga orang susah
Engkau akan terasa sedih waktu hendak makan
Pasti engkau akan simpati kepada mereka itu
Jangan-jangan mereka tidak pun memakan
seperti yang engkau memakan makanan
yang sedap-sedap itu
Padahal merekalah yang menghasilkan semua itu
Tentulah engkau akan sentiasa mengambil berat
mereka-mereka yang miskin dan susah
Kerana mereka setiap hari memberi khidmat
kepada engkau

Begitulah seterusnya setiap apa sahaja
  yang engkau gunakan, miliki dan pakai
Berapa ramai pula yang terlibat menjayakannya
Lagilah ramai orang yang telah berjasa kepada engkau
Apakah engkau boleh berfikir semacam ini?!
Kalau engkau berfikir semacam ini
Engkau tidak akan sombong, pasti engkau merendah diri
Kalau engkau boleh berfikir semacam ini
Sudah pasti engkau sentiasa simpati
  dengan golongan yang susah
Engkau tidak akan menghina mereka
Tapi engkau tidak berfikir semacam ini
Maka engkau pun sombong,
  dan fakir miskin engkau tidak peduli

9.50 pagi
11 - 12 - 2001

200 DUNIA YANG MEMPESONA

ALANGKAH indahnya dunia ini
Di sudut mana pun dia mempesona
Makan minum lazatnya dirasa
Mempengaruhi fikiran dan jiwa
Perempuan cantik memperdaya
Banyak laki-laki yang binasa
Pangkat dan darjat menjadi rebutan
Kerana di sana ada habuan
Berfikirlah manusia siang dan malam ke arah itu
Segala tenaga dikerah mencapainya,
 sekalipun letih kerananya
Sesungguhnya manusia telah menjadi hamba
 kepada dunia
Di sanalah manusia dianggap mulia
Siapa tiada diperhina
Nafsu merangsang setiap waktu ke arah itu
Ditariknya kita, dituntunnya kita memburunya
Hingga kebanyakan manusia tidak mampu
 menahan kemahuan nafsunya
Hilang pertimbangan, lupa agama,
 porak-peranda manusia dibuatnya
Dibantu pula oleh syaitan
 pendorong manusia memburunya
Syaitan membisik-bisik: Buatlah apa saja
 yang menguntungkan
Terutama di masa muda jangan sia-siakan
Gunakan tenaga itu untuk keseronokan
Tua nanti bertaubatlah, Tuhan kan Maha Pengampun
 lagi Maha Penyayang
Begitulah bisikan syaitan
Terlupalah manusia dengan Tuhan
Syariat Tuhan diabaikan

Tuhan tidak diambilkira
Akhirat dibenci bahkan dilupakan
Siapa yang mengajak kepada Tuhan
dianggap ketinggalan zaman
Tenggelamlah manusia lemas
di dalam dosa

201 BUKAN SENANG MENJAGA NIKMAT

BUKAN senang menjaga nikmat
Nikmat yang mana satu pun susah menjaganya
Kaya, berbangga, sombong setiap masa
Pembazirannya begitu ketara
Kewajipan terhadap Tuhan dilupakannya
Muka cantik, hati sentiasa berbunga
Bunga megah, bunga ujub, suka dipuji
Terasa diri makhluk kayangan
Orang yang buruk sentiasa dicaci
Sedap suara terasa luar biasa
Pandang orang lain rendah dan hina
Juallah suara ke mana-mana
Terlonjak di sini, terlonjak di sana
Ingin nama, ingin glamour
Sekalipun yang diucapkan itu khabaran Tuhannya
Bahasa yang dituturkan selawat nabi
Namun hatinya memuja kebesaran dirinya
Berjawatan tinggi terasa *superman*
Duduk dengan golongan bawah rasa tidak selesa
Hati bangga dibawa ke mana-mana
Sombong dan membesar diri ketara sekali
Mengugut-ugut dan menakutkan rakyat jelata jadi budaya
Ditegur dan dinasihat pantang dirinya
Berhati-hatilah berhadapan dengan nikmat
Jangan sampai lupa dengan Tuhan
Bersyukurlah kepada Tuhan sebanyak-banyaknya
dengan nikmat
Agar kita tetap dapat mengekalkan sifat kehambaan

Selepas Asar
22 - 09 - 1998

202 KERANA CINTAKAN KEHIDUPAN DUNIA TOLAK TUHAN

DI DALAM kehidupan di dunia
sangat banyak yang diperlukan oleh manusia
Keperluan itu ada yang pertama dan utama
Ada yang penting dan ada yang sampingan
Keperluan yang pertama dan utama adalah Allah Taala
pencipta alam yang Maha Esa dan Maha Berkuasa
Kerana Dia adalah segala-galanya
Kemudian yang penting agar hidup berdisiplin
adalah syariat Tuhan
Itulah jalan menuju Tuhan, iaitu jalan keredhaan-Nya
Keperluan sampingan adalah makan, minum,
tempat tinggal, pakaian, kenderaan
Kemudian perempuan sebagai isteri atau laki-laki sebagai suami
Agar dapat berhibur dan bertolong bantu di dalam kehidupan
Apabila kita dapat yang pertama dan utama,
kemudian yang penting
Di situlah kehidupan dan ketenangan hidup
Yang lainnya hanya setakat tambahan sahaja
atau tambahan semata-mata atau sampingan
Tapi oleh kerana manusia ramai yang buta hati
walaupun celik mata
Kerana cinta makan, minum, tempat tinggal, pakaian,
kenderaan, tolak Tuhan
Lantaran perempuan tinggalkan Tuhan Rabbul 'Alamin
Inginkan kebebasan tolak syariat Tuhan pentadbir alam
Akhirnya apa sudah jadi? Atau apa kesudahannya?
Manusia hidup porak-peranda sekalipun kaya dan berkuasa
Apatah lagi yang miskin menderita dan sengsara lagi terhina
Kembalilah kepada Tuhan, syariat jadikan jalan kehidupan
Di situlah rahsia kebahagiaan dan ketenangan
Mendapat pula keredhaan Tuhan
Di Akhirat selamat pula
daripada api Neraka

Menjelang Tidur
26 - 08 - 2001

203 CINTA DIRI MEROSAKKAN DIRI

CINTANYA engkau pada diri engkau
Hingga engkau mementingkan diri
Hakikatnya engkau merosakkan diri engkau sendiri
Tapi engkau tidak sedar menjadi perosak diri sendiri
Engkau mementingkan diri, hakikatnya
engkau membenci diri engkau tanpa engkau sedari
Engkau tamak dan bakhil hingga
tidak mempedulikan fakir miskin
Mereka membenci diri engkau
Padahal tentu engkau tidak suka orang lain benci
Lebih-lebih lagi jika engkau menjadi sombong
dengan keistimewaan engkau
Kebencian bertambah-tambah lagi
Jika engkau mendapat kesusahan orang akan
membiarkan engkau keseorangan
Kerana orang membalas dendam dan sakit hati selama ini
Selalunya orang yang tamak mengumpulkan kekayaan
menjadi sasaran para perompak dan pencuri
Ini baru berlaku di dunia sudah menyusahkan
diri engkau sendiri
Yang lebih dahsyat dari itu Tuhan sangat membenci
Nabi Muhammad Rasul akhir zaman
tidak menganggap sebagai umatnya
Para-para malaikat dan seluruh makhluk
selain manusia dan jin mengutuknya
Azab kubur pula sedang menunggu engkau
Penderitaan Mahsyar juga engkau tidak terlepas
yang sedang menanti
Kemuncak dari segala penderitaan
adalah Neraka yang membakar
Kalau begitu apalah erti engkau cintakan diri engkau
Apalah faedahnya yang engkau dapat
kerana mementingkan diri

Sepatutnya kasihkan diri dan mementingkan diri
menguntungkan
Tapi engkau merugikan diri engkau sendiri
Bahkan merosakkan dan membinasakan diri engkau
Ubahlah sikap sebelum terlambat
Jika sayang pada diri sendiri
Janganlah campakkan diri sendiri kepada kebinasaan

Selepas Asar
22 Muharam 1421H

204 ENGKAU TERLALU CINTA DENGAN DIRI SENDIRI

ENGKAU terlalu cinta dengan diri engkau sendiri
Maka engkau pun mementingkan diri
Engkau dahulukan kehendak-kehendak engkau
daripada kehendak-kehendak Tuhan
Hak-hak Tuhan engkau kemudiankan,
hak-hak engkau, engkau dahulukan
Bahkan adakalanya kerana mempertahankan
hak engkau, hak Tuhan terus diabaikan
Sebenarnya engkau lupa, engkau mementingkan
diri engkau
Hakikatnya engkau tidak cinta dengan diri engkau
Engkau membelakangkan hak Tuhan, ertinya engkau
mengabaikan hak engkau sendiri
Padahal hak-hak yang engkau pertahankan
kalaupun engkau memperolehinya
Dia bukan boleh buat apa-apa kepada engkau
Ia tidak akan boleh menghalang engkau daripada sakit
Juga ia tidak boleh membendung engkau
daripada berbagai-bagai bala bencana
dan kesusahan
Kalaupun engkau boleh menghasilkan,
tapi tidak dapat mempertahankan engkau
Tapi kalau engkau miliki Tuhan, engkau memiliki
segala-galanya
Tuhan boleh melakukan apa sahaja kepada diri engkau
Dia boleh menyenangkan engkau
dengan tujuan engkau bersyukur
Kemudian engkau dapat pahala syukur
Kalau dia susahkan engkau, agar engkau sabar,
supaya engkau dapat pahala sabar
Jadi kalau engkau mendahulukan hak Tuhan
Semuanya adalah kebaikan kepada engkau,
kalau engkau faham

Yang penting Allah hendak menyelamatkan engkau
di Akhirat sana
Akhirat negara yang kekal abadi
Allah Taala mahu engkau bahagia di sana
Kerana itulah kalau engkau mendahulukan hak Tuhan
ertinya engkau sayang pada diri engkau sendiri
Jika engkau mendahulukan hak engkau, tanpa engkau sedar,
engkau merugikan diri engkau sendiri
Oleh itu utamakanlah hak Tuhan,
untuk kepentingan engkau
Janganlah utamakan diri engkau
Cara itu engkau akan merugikan diri engkau sendiri

Menjelang Maghrib
22 - 02 - 2000

205 ENGKAU SANGKA MUSUH MEROSAKKAN ENGKAU

ENGKAU selalu menyangka orang lain
akan merosakkan engkau
Engkau selalu sahaja prejudis dengan
musuh-musuh engkau
Engkau merasakan musuh-musuh engkau
akan membinasakan engkau
Rupa-rupanya musuh-musuh engkau
sekali-sekala sahaja merosakkan engkau
Orang lain, adakalanya engkau terselamat
daripada kejahatannya
Tapi engkau sama ada disedari atau tidak
setiap hari dirosakkan oleh perkara yang
sangat rapat dengan diri engkau
Setiap hari engkau dirosakkan oleh ilmu
dan kepandaian engkau
Setiap masa engkau dirosakkan oleh nama,
glamour engkau
Sering sahaja engkau dirosakkan oleh harta
dan kekayaan engkau
Jawatan dan kekuasaan engkau itulah
yang selalu merosakkan engkau
Amanah yang diberikan kepada engkau
itulah yang selalu merosakkan engkau
Cara engkau berfikir itulah yang merosakkan engkau
Keyakinan engkau itulah yang banyak
merosakkan engkau
Ideologi yang ada di kepala engkau itulah
yang merosakkan engkau
Sedangkan kalau musuh engkau merosakkan engkau
mudah engkau sedar
Orang lain merosakkan engkau cepat engkau
dapat mengesannya

Tapi kalau ilmu, harta, pangkat, kekuasaan,
nama dan glamour yang merosakkan engkau
Payah engkau hendak insaf dan sedar
Engkau tidak terasa dirosakkan olehnya
Engkau terasa itu semuanya adalah kejayaan engkau
Itu semuanya adalah kemajuan yang engkau tempa
dan kejayaan yang engkau buat
di dalam kehidupan engkau
Engkau rasa telah berjaya di dalam kehidupan engkau
Kerana itulah payah engkau hendak sedar
Engkau rasa itu adalah satu kejayaan bukan kerosakan
Engkau tertipu di dalam kehidupan engkau

Selepas Asar
27 Muharam 1421H

206 TUKAR DUNIA KEPADA AKHIRAT

DUNIA ini yang mana satu ada nilai di sisi Allah?
Harta, pangkat, wang ringgit, kebun, rumah
Tidak ada harganya pada Tuhan
Ia ibarat kalau di dunia ini adalah wang ringgit
Wang itu walaupun ada nilainya berdasarkan angka
yang ada di atas duit
Ia tidak dapat memberi faedah apa-apa
Kalau tidak ditukar dengan benda-benda lain
Setelah ditukar, baru ada nilainya dan berfaedah
Apabila ditukar, baru duit itu bukan duit lagi
Kalau duit itu disimpan sahaja
Tidak pun ditukar dengan sebarang benda
Tidak ditukar dengan pakaian, makanan, minuman,
kenderaan dan sebagainya
Nasibnya sama sahaja dengan kertas biasa
Tidak ada nilai apa-apa, tidak bermakna adanya duit
Walaupun di atas duit-duit itu ada nilainya
Berdasarkan yang tertulis angka-angkanya
Jadi, baru kita faham duit itu memberi faedah
setelah kita tukar nilai
Begitulah nikmat di dunia ini
Jika kita tidak tukar nilai dengan nilai Akhirat
Seperti harta, untuk menolong orang yang susah
dan dikorbankan fisabilillah
Tenaga, untuk berkhidmat kepada orang
atau hamba-hamba Allah
Ilmu, untuk memimpin manusia di dunia agar agama
dan kehidupan mereka betul
Pangkat dan jawatan, untuk membela orang ramai
Maka dunia telah jadi nilai Akhirat
Dunia telah ditukar dengan Akhirat
Kalau tidak ditukar, dunia hanya
akan jadi bangkai

Menjelang Maghrib
07 - 11 - 1999

207 BAGAIMANA MANFAATKAN DUNIA

HAKIKATNYA dunia ini adalah kotor
Ia adalah ibarat najis dan bangkai
Najis dan bangkai benda yang busuk dan menjijikkan
Kalau orang fahamlah bahawa najis itu adalah najis
Bahawa bangkai itu adalah bangkai, siapa hendak?
Tapi Tuhan telah takdirkan manusia hidup di dunia
Hidup di dunia sementara waktu
Akhirnya ke Akhirat semuanya
Tuhan menyuruh hamba-hamba-Nya
Pandai-pandailah menggunakan najis dan bangkai
Bagaimana menggunakan najis dan bangkai itu?
Kita gunakan najis dan bangkai itu untuk membaja pokok Akhirat
Ertinya kita jadikan dunia itu Akhirat
Maka dia telah bernilai Akhirat, bukan nilai dunia lagi
Kerana itu Rasulullah SAW bersabda:
"Dunia itu adalah tanam-tanaman ke Akhirat."
Maksudnya dunia yang asalnya bangkai dan najis
Kita jadikan baja untuk tanaman Akhirat
Ertinya bangkai dan najis telah dimanfaatkan
Kalau ia tidak dijadikan baja untuk tanaman Akhirat
Ia tidak jadi Akhirat
Ia tetap jadi dunia semata-mata yang tidak ada harga
Alangkah jeliknya dunia yang tidak jadi Akhirat
Adalah najis dan bangkai
Manusia berebut-rebut hingga bergaduh
Merebut najis dan bangkai
Kerana itulah kitab ada menyatakan:
"Dunia yang tidak jadi Akhirat, ia adalah bangkai,
Yang menuntut bangkai itu adalah anjing."
Ertinya, manusia yang memburu dunia
yang tidak jadi Akhirat
Seperti anjing memburu bangkai

Menjelang tidur
01 - 11 - 1999

208 JADIKAN DUNIA BERNILAI AKHIRAT

DUNIA yang nampaknya hebat
Cantik dan indah mempesona setiap manusia
Kita manusia sahaja yang merasa cantik dan indah
Pada Tuhan tidak ada nilainya sekalipun senilai habuk
Atau senilai sebelah sayap nyamuk
Kalau dunia ini ada nilai pada Tuhan walaupun seberat habuk
Nescaya Tuhan tidak akan memberinya kepada orang kafir
Begitu juga kalau orang Islam
Di waktu taat Tuhan beri, di waktu derhaka Tuhan tarik
Adakalanya Tuhan beri, adakalanya Tuhan tahan
Nescaya parahlah manusia ini
Tapi pada Tuhan, dunia sedikit pun tidak ada nilai
di sisi-Nya
Orang kafir pun Allah Taala beri makan
dan berbagai-bagai nikmat lagi
Bahkan adakalanya orang kafir lebih banyak diberi
daripada orang beriman
Begitulah nilai Tuhan terhadap dunia
Oleh kerana dunia ini tidak ada nilainya di sisi Allah
Tuhan menyuruh kita berilah dunia ini nilai Akhirat
Jadikan dunia ini jambatan ke Akhirat
Jual dunia ini untuk beli Syurga
Kalau tidak begitu, dunia ini tidak ada harga
Dunia ini kalau tidak dijadikan Akhirat
Kita hidup sia-sia, dunia akan binasa
Kalau kita gunakan dunia untuk Akhirat
Dunia sudah ada nilai Akhirat,
ia kekal abadi di sana

Menjelang tidur
29 - 09 - 1999

209 MEMBURU KEHIDUPAN JANGAN SAMPAI KEHILANGAN TUHAN

TIDAK ada manusia yang tidak hendak hidup sempurna
Ingin kaya, ingin rumah besar, ada kereta, ada harta
Memperolehi pakaian yang cantik, pakaian mewah,
perabot rumah yang mahal
Dapat pangkat yang besar, gaji yang lumayan,
alat-alat hidup yang canggih
Ini adalah benda-benda atau perkara yang lahir
Yang bersifat maknawi dan rohani tidak kurang pula
diperlukan oleh manusia
Inginkan ilmu yang banyak, pengalaman yang luas,
jiwa yang bahagia
Tapi Tuhan tidak akan memberi manusia
serba lengkap dan sempurna
Begitulah yang terjadi di dalam kehidupan manusia
Manusia perlu ingat, di dalam memburu kehidupan
yang sempurna jangan sampai kehilangan Tuhan
Di dalam apa keadaan pun Tuhan mesti dipertahankan
Kerana Tuhan itu adalah segala-galanya
Tidak ada erti mendapat segala-galanya
kalau kehilangan Tuhan
Biarlah segala-galanya itu di dalam kekurangan
tapi jangan kehilangan Tuhan
Tuhan adalah hidup mati kita
Yang lain adalah untuk sementara sahaja
Rugi besarlah manusia kerana inginkan kesempurnaan
dan kemewahan hidup tertinggal Tuhan
Apabila kehilangan Tuhan, manusia tidak akan hidup bahagia
Kerana Tuhan itu adalah sumber kebahagiaan
Kehilangan Tuhan, kehilangan sumber kebahagiaan
Ini terbukti orang yang tidak mempedulikan Tuhan
walaupun serba ada tetapi tidak tenang
dan tidak bahagia

Selepas Asar
20 Muharam 1421H

210 JANGAN SAMPAI KEHILANGAN TUHAN

KALAU engkau kehilangan harta atau barang
mungkin engkau dapat pahala
jika engkau sabar atau redha
Atau boleh jadi darjat engkau hendak ditinggikan
oleh Tuhan
Jika engkau kehilangan anak yang disayangi,
boleh jadi ia penebus dosa engkau di Akhirat
Oleh itu janganlah susah hati kematiannya
Jika engkau kehilangan kawan,
tidak mesti engkau berdosa
Bahkan boleh jadi engkau akan mendapat kawan
lebih baik dari itu
Tapi perlu engkau ingat, jangan sampai engkau
kehilangan Tuhan atau iman
Jangan engkau biarkan kehilangan Tuhan dan iman
Kehilangan Tuhan dan iman bererti
engkau kehilangan segala-galanya
Tuhan dan iman sesuatu yang paling berharga
Hilangnya Tuhan dan iman, pangkat dan
harta kekayaan engkau tidak berguna apa-apa
Engkau akan rugi di dunia dan Akhirat
Kerana itulah engkau kenalah berjuang
bersungguh-sungguh
Jangan sampai engkau kehilangan Tuhan dan iman
Kalau engkau boleh mendapatkan Tuhan dan iman
dengan apa sahaja, berbuatlah!
Engkau korbanlah apa sahaja
Gunakanlah masa, carilah peluang,
gunakanlah seluruh fikiran dan tenaga
Demi mencari Tuhan dan iman
Kalau perlu nyawa engkau diminta
untuk mendapat Tuhan dan iman

Korbankanlah nyawamu, kerana Tuhan dan iman
adalah aset dunia Akhirat
Tidak ada yang lebih berharga dari iman dan Tuhan
Kerana itulah di dalam mendapatkan Tuhan dan iman
Jangan takut korbankan apa sahaja
Tuhan dan iman adalah segala-galanya

Selepas Asar
30 Muharam 1421H

211 ENGKAU SIBUK DENGAN DUNIA

ENGKAU sibuk dengan dunia
Dunia tidak sibuk dengan engkau
Mengapa engkau tidak sibuk dengan Tuhan
yang punya dunia
Dia adalah sibuk menguruskan hal engkau
Engkau kejar dunia, dunia belum tentu kepunyaan engkau
Sedangkan Tuhan telah engkau tinggalkan
Kalaupun engkau memiliki dunia
Apa ertinya engkau tidak memiliki Tuhan yang punya dunia
Tapi jika engkau memiliki Tuhan
Dunia kepunyaan Tuhan akan menjadi milik engkau
Engkau tersilap hal, engkau tersalah fikiran
Dunia yang akan ditinggalkan ini pun belum tentu
di dalam milik engkau
Padahal Tuhan engkau telah tinggalkan
Macam mana engkau berfikir,
bagaimana engkau membuat keputusan
Bersibuklah dengan Tuhan yang sibuk dengan urusan engkau
Janganlah sibuk-sibuk dengan dunia
yang tidak sibuk pun terhadap engkau
Engkau bersibuk-sibuk dengan Tuhan
Tuhan tidak akan mengecewakan engkau
Engkau sibuk dengan dunia belum tentu milik engkau
Kalaupun engkau boleh miliki dunia
Namun satu ketika ia dunia tetap
akan mengecewakan engkau

Menjelang tidur
30 - 09 - 1999

212 APA KITA HENDAK JAWAB KEPADA TUHAN?

APAKAH yang kita hendak jawab kepada Tuhan?!
Apakah kita boleh berdalih besok di depan Tuhan?!
Jawapan kita itu bolehkah diterima?
Kita berkata: Tuhan, susahnya beragama waktu di dunia
Harta terkorban, badan letih, orang menghina,
kehilangan kawan!
Aku tiada mampu melaksanakannya
Kalau Tuhan bertanya begini bagaimana?
Bolehkah kita menjawab?
Mana susah, sembahyang Subuh
dengan sebelum Subuh turun ke laut menjadi nelayan?
Dilambung, dihempas oleh ombak,
adakalanya ditelan laut atau ditelan ikan?!
Berhari-hari, bermalam-malam hingga badan berbau laut?!
Orang yang buru dunia, buru nama, buru glamour,
buru pangkat bukankah lebih menderita?
Tidak terkorban harta?!
Tidak buang masa?!
Tidak orang kata?!
Orang tidak menghina?!
Bukan setakat itu
Bukankah kerana dunia ramai kena bunuh?!
Kalau yang luka, cacat, sengsara, tidak terhitung!

Manusia!
Kerana dunia, kerana nama, kerana glamour,
kerana negara, kerana bangsa lebih sengsara!
Justeru itu semua bermacam-macam usaha,
bermacam-macam cara, bermacam-macam helahnya
dibuat oleh manusia!
Cubalah sebut di sudut-sudut yang mana
amalan agama lebih menderita mengerjakannya!
Dari gila dunia?

Adakah lebih susah dari mendaki gunung Everest?!
Adakah lebih payah dari naik ke angkasa?!
Bukankah urusan agama tidak sepayah itu!
Bukankah urusan agama tidak sebanyak itu terkorban masa!
Bahkan tidak sebanyak itu terkorban harta!
Memperjuangkan dunia lebih banyak terkorban nyawa!
Dibandingkan berjuang kerana agama?!
Bolehkah ditolak atau dinafikan ini semua?!
Kalau setakat itu pun pertanyaan Tuhan
  sudah cukup membungkamkan mulut yang kena tanya,
Kelu lidah hendak menjawab, patah lidah hendak berhujah
Terhadap agama mahu berhelah?!
Dengan agama seribu dalih?!
Apakah bila hendak mengamalkan Islam
  hendak cari jalan keluar?!
Apakah bila diajak kepada Islam,
  macam-macam alasan untuk meninggalkannya?!
Terhadap kepentingan dunia, masya-Allah!
Tidak ada dalih, tidak ada alasan, tidak ada helah,
  semuanya o.k.
Mati pun tidak apa

Selepas Asar
06 - 05 - 1997

213 MENGAPA TAKUT KEHILANGAN BARANG YANG MURAH?

ENGKAU risau sangat barang engkau yang hilang
Atau engkau takut sangat kalau-kalau
ada barang-barang engkau yang akan hilang
Padahal barang yang hilang mungkin boleh
berjumpa kembali
Atau barang yang hilang itu berkemungkinannya
boleh diganti, boleh jadi lebih baik lagi
Bahkan barang yang hilang itu satu masa nanti
ia akan hilang juga iaitu binasa
Mana ada barang yang kekal di dunia ini
Padahal ada perkara yang patut engkau takut kehilangannya
engkau tidak pun takut kehilangannya
Yang pertama engkau tidak takut kehilangan iman engkau
Sedangkan iman adalah harta dunia Akhirat
Itu adalah merupakan kebahagiaan kamu di dua negara
Lebih-lebih lagi engkau tidak takut langsung
kehilangan Tuhan
Kehilangan Tuhan ertinya kehilangan keredhaan-Nya,
kehilangan kecintaan-Nya dan kehilangan
keampunan-Nya
Kehilangan barang engkau kalaupun susah sedikit
hanya di dunia
Di Akhirat kalau engkau sabar atau redha
ia memberi keuntungan kepada engkau di Akhirat
Tapi kalau engkau kehilangan iman
dan kehilangan Tuhan aduh binasalah engkau
di dunia lebih-lebih lagi di Akhirat
Kehilangan keduanya bererti engkau malang
sepanjang umur engkau di dunia dan kemalangan
yang kekal sepanjang masa di Akhirat
Mengapa engkau takut sangat kehilangan barang
yang murah?
Barang yang adakalanya menyusahkan engkau sendiri

Tapi mengapa engkau tidak takut kehilangan
perkara yang paling berharga
Iaitu kehilangan iman dan kehilangan Tuhan
Bagaimana kamu berfikir? Siapa mengajar kamu
berfikir begitu?
Di mana salahnya ilmu engkau hingga
ilmu engkau tidak boleh menilai?
Sedangkan engkau ahli ilmu!

Selepas Asar
30 Muharam 1421H

214 MENCARI KEMULIAAN AKHIRAT TIDAK ADA REBUTAN

MENCARI kemuliaan dan kebesaran Akhirat
tidak ada rebutan
Tidak ada saingan, dan tidak ada pertembungan
Makin dicari semakin aman damai
Makin kuat mengusahakannya terasa tenang dan bahagia
Mencari kemuliaan dan kebesaran dunia ada rebutan
Ada saingan dan perlumbaan
Kerana kemuliaan dan kebesarannya ada batasnya
Terjadilah jatuh-menjatuhkan
Berlakulah tekan-menekan
Hasad dengki pun datang menyerang
Berlakulah permusuhan di dalam mengejarnya
Bersakit-sakit hati di dalam memburunya
Makin ke hujung semakin tegang
Berlakulah krisis di mana-mana
Kerana berebut kemuliaan dan kebesaran dunia
Kemuncaknya berlakulah peperangan
Dunia binasa, manusia hidup menderita
Akibat cinta dunia dan kebesarannya

Selepas Asar
04 - 11 - 1998

215 NIKMAT DUNIA ADA *SIDE EFFECT*

NIKMAT dunia ada *side effect*nya
Tidak macam Syurga
Ada pangkat besar banyak yang hasad dengki
Kerja banyak rehat tiada
Kekayaan melimpah ruah, takut sahaja
Bila orang mahu *kidnap*
Bilakah orang akan tipu?
Mengurus hingga kurang tidur, rehat pun tiada
Banyak ilmu dipanggil profesor
Mudah cari duit orang jemput merata-rata
membentang kertas kerja
Badan letih, tidak rehat juga
Adakalanya orang mengata
"Ah, mengada-ngada!"
"Ah, ada fulus bolehlah!"
"Ini semua cari nama!"
"Cakap bolehlah, buat tiada!"
Muka cantik potongan badan ada
Jadilah bintang filem atau pramugari atau penyanyi
Banyak yang tukang hasad dengki
Banyak laki-laki hidung belang yang memburu
Susah hati mana satu pilihan
Dibawa orang ke sana ke sini
Ada yang jual diri
Jika orang tahu malu pula
Nak kahwin orang tak mahu
Orang suka bawa-bawa saja
Duit banyak jiwa derita
Bila sudah tua lagi tiada harga
Kumbang tidak menyeri lagi
Kawan-kawan lari, tinggallah sendiri seorang diri
Mungkin duit banyak tapi apa guna?!
Begitulah nikmat dunia

Di dalam untung ada rugi
Di dalam indah ada padahnya
Di dalam keseronokan ada momokan-momokan
Di dalam glamour ada cemasnya
Adakalanya ruginya lebih banyak daripada untungnya
Untung sekarung rugi seguni
Bukan macam nikmat Syurga
Untung sepanjang masa

Selepas Subuh
03 - 06 - 1997

216 KEINDAHAN BUKAN PADA BENDA

KEINDAHAN itu bukan melihatnya
Tidak juga melihat benda-benda yang kehijauan
pada pandangan mata
Juga tidak pada melihat awan yang berarak
dan beralih di angkasa
Keindahan itu bukan melihat kebun
Yang mengalir di dalamnya air-air yang jernih
Ada ikan yang bermain-main dan berlari-lari
Tidak juga melihat laut
Yang airnya sentiasa bergelombang menghempas
dan memulas
Kalaulah keindahan itu pada bunga
Orang yang ada kebun bunga atau bekerja
di kebun bunga paling bahagia
Orang yang tinggal di tempat yang banyak
kehijauan-kehijauan tentu bahagia
Orang yang selalu merenung awan macam
golongan sasterawan sudah tentu bahagia
Orang yang bekerja di kebun juga termasuk
orang yang bahagia
Bahkan orang yang paling bahagia sepatutnya
yang tinggal di tepi laut
Tapi realitinya tidak begitu
Hakikatnya tidak terjadi
Sebenarnya keindahan itu bukan benda luaran
Keindahan itu di dalam jiwa, ia bertempat di hati
Apabila jiwa subur rasa bertuhan,
di situlah keindahannya
Dia adalah pelindung dan pembela,
di sanalah keindahannya
Jadi keindahan itu bukan kepada benda
Bukan benda luaran yang menjemukan
kalau selalu dilihat dan dirasa

Tapi keindahan itu adalah di dalam diri yang hakiki
Di dalam hati dan jiwa yang rasa bertuhan
Sedangkan Tuhan itu sangat dicintai
Kerana itulah orang yang beragama
Terlalu sedikit hiburannya di luar dirinya

Menjelang Maghrib
09 - 11 - 1999

217 DI CELAH NIKMAT ENGKAU DERHAKA

SETIAP detik engkau diberi oksigen oleh Tuhan
Hingga dari detik ke detik engkau dapat
menyambung hidup
Tapi malang, di celah-celah itulah engkau derhaka
kepada Allah Taala
Tuhan yang mencipta engkau
Dengan engkau membuat dosa dan meninggalkan
perintah-Nya
Selagi engkau hidup di waktu perlu makan,
Tuhan masih memberi engkau makan
Adakalanya makanan engkau begitu lazat dan berzat
Tapi di waktu-waktu itulah engkau melupakan
Tuhan yang memberi engkau makan
Di waktu engkau sakit kemudian Tuhan sembuhkan
Maka badan engkau sihat semula dan segar-bugar
Engkau boleh aktif berusaha dan bekerja seperti biasa
Dari usaha dan kerja itu engkau maju dan membangun
Di dalam maju dan membangun itulah
engkau menderhakai Tuhan
Di waktu engkau hendak berhibur diberi engkau
isteri dan anak-anak sebagai cahaya mata
Di waktu engkau keletihan Tuhan tidurkan engkau
untuk engkau boleh berehat dan memulihkan
kekuatan badan
Selepas tidur badan engkau segar
dan bertenaga semula
Tapi setelah engkau dapat tenaga
engkau membuat dosa dan noda
Engkau lalai dan alpa kepada Tuhan
Begitulah sepanjang hidup harian engkau
Allah Taala memberi berbagai-bagai nikmat
kepada engkau

Tapi dengan nikmat Tuhan itulah
  engkau derhaka kepada-Nya
Apakah engkau tidak malu kepada Tuhan?
Mengapa engkau tidak berfikir satu masa nanti
  engkau akan menemui-Nya
Segala nikmat akan ditanya sekalipun sebesar habuk
Bagaimana nanti engkau hendak menjawabnya?!
Apakah engkau tidak berfikir ini semuanya?!
Mengapa akal engkau yang cerdik itu tidak boleh
  berfikir tentang nasib engkau?!
Apalah ertinya cerdik tapi tidak dapat
  menyelamatkan diri engkau?

Selepas Asar
09 Safar 1421H

218 ANUGERAHKAN NIKMAT-MU BERSAMA RAHMAT-MU

TUHAN! Aku pinta pada-Mu
Anugerahkan padaku nikmat-Mu bersama rahmat-Mu
Janganlah Engkau kurniakan padaku
semata-mata nikmat tanpa rahmat
Rahmat-Mu lebih utama dan besar daripada nikmat-Mu
Apakah ertinya nikmat tidak disertai dengan rahmat
Tuhan! Setiap kebaikan yang aku buat
aku tidak harap Syurga-Mu
Tapi yang aku harapkan adalah keredhaan-Mu
Keredhaan-Mu lebih mahal daripada Syurga-Mu
Tuhan! Begitulah aku takut membuat dosa bukan
kerana takut dengan Neraka-Mu
Tapi aku takut dengan kemurkaan-Mu
Kemurkaan-Mu lebih dahsyat dan hebat
daripada Neraka-Mu
Jadikanlah aku wahai Tuhan, setiap ibadah
yang aku lakukan mengharapkan rahmat-Mu
Bukan mengharapkan Syurga-Mu
Jadikanlah juga aku takut membuat dosa
bukan kerana Neraka-Mu
Tapi jadikanlah aku takut membuat dosa
kerana kemurkaan-Mu
Tuhan biarlah apa yang aku buat kerana-Mu
Bukan kerana Syurga atau Neraka-Mu
Kerana-Mu dan untuk-Mu adalah keikhlasan
yang paling tinggi
Itulah sifat orang yang merdeka
Kerana Syurga dan Neraka masih terikat
dengan kebendaan
Di sini tercacat sedikit keikhlasan

Menjelang Tidur
04 - 09 - 2001

219 SELAMATKAN KAMI DARI TIPU DAYA DUNIA

TUHAN, Engkau takdirkan hamba-hamba-Mu
tinggal sementara waktu di dunia ini
Pada diri mereka Engkau jadikan nafsu
Nafsu itu pula dia sentiasa berkehendak
Kehendaknya tidak pula terbatas
Bahkan kemahuannya tidak puas-puas
Sedangkan Engkau jadikan dunia ini pula
serba indah dan cantik
Mempesona dan menarik
Mempengaruh dan merangsang
Menipu daya dan melalaikan
Serba sedap dan lazat
Apabila nafsu berkehendak dengan dunia
yang telah disifatkan tadi
Nafsu sentiasa sahaja digodanya
Akibatnya digoda dan dinodanya
Oleh itu wahai Tuhan!
Siapalah yang dapat lari dari perangkapnya
Siapalah yang dapat selamat dari jebaknya
Kalau rasul dan nabi Engkau pelihara mereka
Mereka boleh selamat daripada tipu daya dunia
Macam kami yang bukan rasul dan nabi ini,
apalah yang menjamin boleh selamat
Sedangkan tipu daya dunia amat dahsyat
Kasihanilah kami ini Tuhan!
Pelihara dan selamatkanlah kami daripada tipu daya dunia
Yang sudah jutaan manusia ramainya yang telah dipedayanya
Jangan pula kami juga dipedayanya
Musnahlah kehidupan kami di dua negara
Selamatkanlah kami Tuhan dengan Rahmat-Mu

Menjelang Tidur
07 - 09 - 2000

220 TAQWA ASET DUNIA AKHIRAT

TAQWA adalah aset bagi dunia dan Akhirat
Sumber bantuan, sumber rezeki,
sumber kemenangan
Kalau ingin musuh dikalahkan,
baikilah diri untuk mendapat ketaqwaan
Taqwa lebih tajam dari pedang
Membaiki diri lebih canggih dari senjata moden
Di dalam perjuangan, bukan senjata persiapan utama
Walaupun senjata disuruh mengadakannya
Membaiki diri lebih utama melakukannya
Di dalam berhadapan dengan musuh,
ia adalah senjata ghaib yang tidak nampak dipandang
Ia lebih berkesan daripada senjata lahir yang tajam
Tapi umat Islam di dalam perjuangan
sudah ramai yang melupakannya
Di dalam berjuang, dosa juga dilakukannya
Jika dosa telah berlaku di dalam perjuangan,
ternafilah ketaqwaannya
Tuhan pun berlepas diri, hadapilah musuh
dengan sendiri
Biasanya musuh, senjata lahirnya lebih baik
dan canggih dari umat Islam
Bagaimanalah hendak mendapat kemenangan
di dalam perjuangan
Kedua-dua senjata tidak dimiliki sama ada
senjata rohani mahupun senjata lahir
Begitu juga doa-doa adalah senjata orang mukmin
Lebih-lebih lagi di masa berjuang
Ia bukan menjadi senjata umat Islam
Orang mukmin dengan orang Islam jauh
sangat bezanya
Orang mukmin rasa bertuhan menghayati jiwanya

Oleh itu usahakan ketaqwaan terutama
di dalam perjuangan
Ia adalah senjata yang paling ampuh dan tajam
Awasilah di dalam perjuangan membuat dosa
dan kesilapan
Kerana ia lah nanti bantuan Tuhan tidak datang
Kita akan kecundang dan menerima nasib
yang malang

Menjelang tidur
05 - 10 - 1999

221 JAMINAN REZEKI DARI TUHAN

SEPATUTNYA kita hamba Allah,
tentang rezeki tidak perlu bimbang
Selama hamba itu hidup, ada jaminan dari Tuhan
Sedangkan seorang ayah terhadap anak-anaknya
pun bertanggungjawab
Betapalah Tuhan yang bersifat Rahman terhadap
hamba-hamba-Nya, mesti ada jaminan
Kerana itu baik sangka kepada Tuhan perlu,
dan bertawakal kepada-Nya untuk ketenangan
Yang penting kepada seorang hamba berusaha
mencari hidayah, taqwa dan iman
Yang ini kenalah dibimbangkan
Yang ini kenalah benar-benar *struggle* memperolehinya,
tidak boleh bersenang-senang
Hidayah, iman dan taqwa kenalah cari
bersungguh-sungguh
Ilmunya kena cari, bersungguh-sungguh amalkan,
istiqamah dan perlukan pimpinan
Kemudian tentang rezeki, Allahlah memberi jaminan
Bukankah Tuhan pernah berkata yang bermaksud:
"Barangsiapa yang bertaqwa, rezekinya dijamin
yang tidak diketahui mana sumber datangnya"
Dosanya diampun, amalannya diterima
Tuhan jaga mereka daripada tipuan syaitan
Musuh-musuh tidak dapat menipu dayanya
Mereka dijamin diberi kemenangan
Oleh itu rezeki janganlah dibimbangkan
Yang perlu, kita dekatkan diri kepada Tuhan
Bila jadi orang Tuhan segala-galanya ada jaminan

Selepas Asar
13 - 09 - 1999

222 BERSYUKURLAH DENGAN IMAN DAN ISLAM

BERSYUKURKAH engkau dengan nikmat Tuhan?
Kalaupun engkau bersyukur, tapi dengan nikmat
yang kecil sangat
Engkau bersyukur dengan nikmat yang murah
yang engkau usaha dan minta
Mungkin engkau bersyukur dengan sebab pangkat
yang engkau dapat
Boleh jadi juga dengan harta yang engkau dapat
Adakalanya mungkin disebabkan dapat anak atau badan sihat
Mengapa engkau bersyukur dengan Allah Taala
dengan anugerah Tuhan yang murah sangat?
Tapi pernahkah engkau bersyukur dengan Tuhan
kerana mendapat iman dan Islam?
Sudahkah engkau bersyukur dengan nikmat
kewujudan engkau oleh Tuhan?
Iman dan Islam nikmat yang tidak ada tandingnya
Kewujudan engkau tanpa kita minta juga nikmat
yang besar dari Tuhan
Mengapa engkau tidak pandang besar dengan
nikmat iman dan Islam?!
Mengapa engkau tidak terfikir untuk bersyukur kepada Tuhan?
Kerana kewujudan engkau di dunia ini?
Bahkan engkau tidak terasa apa-apa dengan iman dan Islam
Engkau tidak terfikir pun keberadaan engkau sebagai nikmat
Harta yang engkau nampak besar
Pangkat yang engkau nampak besar dan hebat
Yang kecil engkau nampak besar,
yang besar engkau nampak kecil
Kalau nikmat pun engkau tidak kenal
Jika nikmat pun engkau tidak dapat menilai
Lebih-lebih lagi Tuhan engkau belum kenal

Selepas Asar
12 - 09 - 1999

223 NIKMAT TUHAN YANG PALING BERHARGA

MARILAH kita berfikir tentang nikmat Tuhan
Agar kita boleh bersyukur dan malu kepada-Nya
Sedarlah kita, lebih banyak nikmat
yang kita tidak minta diberi
Yang kita minta tidak dikabuli sedikit sahaja
Tapi kita tidak sedar apa yang berlaku kepada diri kita
Bahkan nikmat yang diberi yang tidak diminta,
lebih berharga daripada yang kita minta
sama ada dikabuli atau tidak:
Wujudnya kita, satu nikmat yang besar tanpa kita minta
Iman dan Islam yang ada pada kita
lebih besar lagi tidak kita minta juga
Kerana kita lahir daripada ibu bapa
yang sudah sedia menerimanya
Kita pun terus menyambungnya, cuma kita
diperintah berusaha menyuburkannya
Otak dan hati nurani bukankah juga kita
tidak memintanya?
Mata, telinga, hidung dan mulut dan segala jawarih
adakah kita memintanya?!
Tidak perlu saya menjawabnya
Juga nafas turun naik Tuhan anugerahkan
tanpa memintanya
Yang kita usahakan dan yang kita minta dapat,
murah sangat nilainya
Di antaranya pangkat, wang ringgit, kesihatan,
suami atau isteri dan anak-anak
Juga rumah, pakaian, pinggan mangkuk dan perhiasan
yang ada
Selain ini tidak payahlah disebut lagi,
sangat murahnya nilainya
Mengapa kita tidak terfikir selama ini nikmat
yang diberi yang tidak kita minta lebih besar

nilainya bahkan lebih banyak
Mana lebih besar nikmat wujudnya kita
yang kita tidak minta dengan wang ringgit
yang kita usaha dan minta?
Juga iman dan Islam yang kita tidak minta,
mana lebih besar daripada pakaian dan perabot?
Nafas turun naik yang kita tidak minta,
mana lebih utama daripada suami atau isteri kita?
Semua orang boleh menjawabnya
Oleh itu jika ada yang kita minta tidak dikabulkan
oleh Tuhan kita
Tak usahlah susah hati kerana yang tidak dapat itu
nilainya murah sahaja dibandingkan dengan
yang tidak diminta
Syukurilah Tuhan apa yang ada!
Nanti Allah Taala akan menambahkan lagi
sekalipun tidak diminta

Selepas Asar
02 - 09 - 1999

224 RAHMAT DAN NIKMAT TUHAN YANG TERSEMBUNYI

RAMAI umat Islam merasakan rahmat
dan nikmat Tuhan itu kesihatan badan
Diberi murah rezeki, dianugerahkan anak,
mendapat pangkat tinggi
Rumah besar, banyak harta,
kereta mewah dan canggih
Padahal nikmat yang disebutkan
belum boleh menyelamatkan kita
Adakalanya ia merosak dan dan membinasakan kita
Kalau tidak di dunia, ia akan berlaku di Akhirat
Tapi ada rahmat dan nikmat Tuhan yang tersembunyi
Setengah orang tidak sedar bahawa itu
adalah rahmat dan nikmat
Rahmat dan nikmat Tuhan yang tersembunyi itu
banyak pula
Di antaranya kalau kita berdosa diingatkan
agar kita bertaubat dan bersedih dengan dosa
Di waktu kita lalai dengan-Nya disedarkan kita
Sekali-sekala disusahkan kita agar kita insaf
Adakalanya kesusahan itu untuk darjat dan pangkat
Selalu sahaja kita mengingati Dia
Dimasukkan di dalam hati kita sentiasa takut
kepada-Nya
Di samping itu rasa cinta kepada-Nya selalu ada
Digemarkan kita membuat kebaikan
dan dibencikan kita dengan kejahatan
Dijadikan kita boleh berlemah lembut dengan orang
Boleh meminta maaf dan boleh memberi maaf
Boleh beristiqamah dengan kebaikan
Inilah di antara rahmat dan nikmat Tuhan
yang tersembunyi
Kalau hendak bersyukur, bersyukur kerana
itulah yang lebih utama

Kerana rahmat dan nikmat yang tersembunyi itu
jarang orang dapat
Tidak seperti rahmat dan nikmat di atas tadi
Oleh itu pandai-pandailah menilai rahmat
dan nikmat
Agar syukur kita lebih sempurna dan tepat

Menjelang Maghrib
22 - 02 - 2000

225 HIDAYAH SUATU YANG MAHAL

HIDAYAH suatu yang mahal
Taufik lebih lagilah bertambah mahal
Mahalnya tidak boleh ditukar gantinya
Sekalipun dengan mata benda yang paling mahal
Intan berlian yang diidam-idamkan oleh manusia
Hidayah dan taufik, harta yang paling berharga dunia
dan Akhirat
Intan berlian harta benda yang berharga di dunia aja
Qiamat dunia hanyutlah dia tidak sampai ke mana
Hidayah dan taufik hingga ke Akhirat kekal abadi
Tiada hidayah, tiada taufik hidup tidak ada erti
Atau hidup sia-sia tiada gunanya
Sekalipun kita menjadi orang yang paling kaya
atau paling berkuasa
Hidup di dunia panjang umur pun tiada gunanya
Justeru itulah Islam memerintahkan
Di dalam doa pintalah hidayah serta taufik-Nya
Apabila keduanya dapat dipinta menjadi milik kita,
wah mulianya
Hidup di dunia miskin papa pun tiada mengapa
Kekayaan Akhirat sedang menunggu kita
di dalam Syurga
Panjatkanlah doa, mintalah hidayah dan taufik
Semoga kita mendapat rahmat Allah sepanjang masa
di dua negara

12 - 05 - 1997

226 HIDAYAH DAN TAUFIK ADALAH HAK TUHAN

SETIAP manusia boleh berusaha
Usaha tidak memberi bekas
Ia hanya diperintah oleh Allah Taala
Tapi hidayah dan taufik adalah hak Tuhan
Ia adalah sangat berharga dan mahal
Ia adalah rahsia Tuhan, Dia memberi kepada sesiapa
yang Dia suka
Hasil usaha manusia dia jadi pandai
Tapi hidayah dan taufik tidak mesti dia dapat
Sekalipun hafaz Al Quran, Hadis di luar kepala
Tidak semestinya dia dapat hidayah dan taufik dari Tuhan
Menjadi orang alim boleh, tapi hidayah dan taufik hak Tuhan
Ertinya orang alim pun belum tentu ilmunya
menjadi panduan
Siapa pun boleh menceritakan Islam
Tapi Islam itu tidak mesti menjadi pakaiannya
Kerana hidayah dan taufik itu tidak mesti didapati
oleh orang yang boleh menceritakan
Beberapa banyak para motivator Islam
Hanya ia sebagai saluran mencari makan
Namun tukang cakap tidak mesti mengamalkan
Pensyarah Islam tidak semestinya dia Muslim
Orang Islam pun tidak mesti mengamalkan Islam
Memanglah hidayah dan taufik itu sangat mahal
Penentu kebahagiaan manusia di dunia dan Akhirat
Ia adalah hak Tuhan
Ia adalah rahsia Tuhan
kepada sesiapa sahaja boleh Dia berikan
Oleh itu pinta hidayah dan taufik selalu kepada Tuhan
Kerana ia adalah aset yang paling berharga
untuk keselamatan insan

Menjelang Tidur
28 - 08 - 200

227 PATUTNYA ENGKAU BERSYUKUR

ENGKAU duduk di bumi Tuhan
Engkau berjalan di atasnya ke mana-mana
Tapi engkau derhaka kepada-Nya
Engkau makan rezeki Tuhan dan engkau miliki
apa sahaja
Malang sekali engkau tidak mempedulikan-Nya
Engkau menerima berbagai-bagai nikmat dari Tuhan
Tidak pernah Tuhan meminta bayarannya
Takut engkau tidak bersyukur kepada-Nya
Sedangkan manusia berbudi dengan kita
Kita tidak patut tidak mengenang budi atau jasa
Jasa manusia selalu kita tidak kenang
Jiwa kita bahkan jiwa sesiapa pun,
kita tidak boleh menerimanya
Inikan pula Tuhan yang mencipta kita
Menghidupkan kita dan memberi segala-galanya
kepada kita
Tiba-tiba kita tidak membesarkan-Nya
Tidak menyembah dan bersyukur kepada-Nya
Ertinya kita manusia yang tidak berhati perut
Manusia yang tidak sedarkan diri
Bahkan manusia yang membesarkan diri
dan sombong terhadap Khaliqnya
Itulah engkau tidak mungkin menongkat langit
Di suatu hari engkau akan menemui Tuhan engkau
Di sanalah nanti engkau akan menyesal
tidak berkesudahan

Menjelang Tidur
15 - 01 - 2000
(08 Syawal 1420H)

228 CARA BERSYUKUR YANG SEBENARNYA

NIKMAT yang diberi oleh Allah Taala kepada kita
terlalu banyaknya
Berbagai-bagai macam dan jenis
Di dalam diri kita seluruhnya adalah nikmat dari-Nya
Di luar diri kita bermacam-macam
dan berbagai-bagai pula
Rumah, isteri, anak-anak, harta, kereta,
makan minum, pakaian dan lain-lainnya
Balaslah nikmat Tuhan itu tanda bersyukur kepada-Nya
dengan nikmat-Nya juga
Seperti diri kita, sembah, besarkan, cinta dan takutlah
kepada-Nya
Gunakan lidah kita menyebut, mensucikan,
memuji dan memohon keampunan kepada-Nya
Tenaga kita gunakan untuk perjuangan
menegakkan agama-Nya
Nikmat di luar diri seperti harta gunakan
untuk menolong manusia yang miskin, papa
Digunakan juga untuk fisabilillah yang diperintahkan
kepada kita
Kereta kita jadikan alat untuk khidmat kepada agama
dan manusia
Rumah kita untuk menyambut tetamu
dan pertemuan silaturrahim
sesama hamba-hamba-Nya
Tanah untuk diwakafkan, ditegakkan bangunan pendidikan
dan bangunan rumah tetamu
Bangunan-bangunan dan gedung-gedung perniagaan
demi kemajuan umat Islam patut dibina
Begitulah caranya kita bersyukur kepada Tuhan
di atas nikmat-nikmat-Nya
Menggunakan nikmat-nikmat-Nya
untuk keredhaan-Nya

Ertinya nikmat Tuhan itu juga tidak kira
  nikmat yang mana dikorbankan pada jalan-Nya
Korbankan nikmat Tuhan kerana nikmat-Nya
  yang diberikan kepada kita
Begitulah caranya kita bersyukur kepada Tuhan
  di atas segala nikmat, rahmat dan anugerah-Nya
Nikmat dari Tuhan, nikmat itu jugalah
  kita gunakan untuk Tuhan
Jangan gunakan nikmat Tuhan bertentangan
  dengan kehendak Tuhan
Tidak takutkah kepada Tuhan?
Jika Tuhan murka Dia boleh rentap bila-bila masa
Bila-bila masa sahaja kita boleh terhukum dan terhina
Berhati-hatilah menggunakan nikmat Tuhan
  agar kita tidak kufur nikmat

Menjelang Tidur
17 Muharam 1421H

229 SYUKUR ATAS SYUKUR

AKU syukur pada-Mu Tuhan
  di atas segala nikmat yang Engkau beri
Aku bersyukur kepada-Mu lagi
  di atas kesyukuran itu
Kerana syukur itu satu nikmat
  yang bersifat maknawi dan rohani
Ia adalah satu pemberian-Mu
Syukur di atas kesyukuran
Begitu juga aku bertaubat di atas dosa-dosaku
Seterusnya aku bertaubat
  di atas taubat-taubatku yang palsu
Ertinya taubatku memerlukan taubat lagi
Taubat di atas taubat
Begitulah yang aku harapkan pada-Mu, ingatkan aku
Bahawa syukur itu adalah satu nikmat dan anugerah-Mu
Agar aku bersyukur di atas kesyukuran itu
Seterusnya ingatkan aku
Bahawa taubatku adalah palsu
Agar aku bertaubat di atas taubat itu
Moga-moga aku tidak menipu diriku

Selepas Asar
19 - 12 - 1998

230 AKU CUBA MENCINTAI-MU TUHAN

AKU cuba mencintai-Mu Tuhan hati tidak juga terasa
Aku cuba berkali-kali pun tidak terasa apa-apa juga
Aku fikir-fikirkan nikmat-Mu
Aku kenang-kenangkan rahmat-Mu
 agar nampak kemurahan-Mu
Atas nama ilmu aku akur, namun aku
 belum juga jatuh hati dengan-Mu
Aku susah hati, aku sedih selalu,
 mengapa terjadi begini
Mengapa cintaku pada-Mu belum berbunga lagi?!
Sedangkan aku tahu, aku akui nikmat-Mu
 terlalu banyak padaku
Kalau hendak dihitung tidak mungkin dihitung
 walaupun melalui komputer!
Aku iri hati selalu
Cerita dan berita orang soleh zaman dahulu
Hebatnya cinta mereka pada-Mu
Hilang selera makan kerana-Mu
Asyik memuja dan memuji-Mu
Mensucikan dan membesarkan-Mu
Terutama di waktu malam yang sepi
Di waktu orang mimpi
Mereka memuja-Mu merintih pada-Mu
Mengharapkan kasih sayang pada-Mu
Air mata mereka membasahi pipi
Adakalanya menitis ke bumi
Mereka merasai Engkau adalah segala-galanya
Engkau adalah hidup mati mereka
Engkau adalah di bibir mereka
Engkau adalah hati jantung mereka
Tapi aku tidak begitu
Aduh kerasnya hatiku

Hingga kini aku belum mencintai Kekasih Agungku
Baru aku sedar, cinta pada-Mu adalah anugerah
 dan hidayah-Mu
Bertuahlah dan berbahagialah orang yang
 Engkau anugerahkan kecintaan pada-Mu
Aku bilakah lagi Tuhan?!
Dapat sedikit pun jadilah
Aku tidak putus asa
Aku cuba lagi, selagi ada nyawa di badan
Di hujung hidupku pun kalau dapat sudah cukuplah
Wahai Tuhan Al Hannan wal Mannan

Selepas Subuh
26 - 04 - 1997

231 AKU BELUM MENCINTAI-MU

DI SEGI ilmu tidak ada orang mempertikaikan wahai Tuhan
Engkau adalah cinta agung lebih patut dicintai
Engkau cinta agung diperkatakan orang
Di atas mimbar-mimbar dan di majlis-majlis pengajian
Seruan selalu disarankan cintailah Tuhan
Engkaulah yang dimaksudkan
Aku tidak pasti apakah mereka yang berkata dan
menyarankan dapat merasakan
Tapi yang pasti Tuhan, aku belum merasai
Sedangkan mencintai-Mu itu menyelesaikan segala masalah
Cinta pada-Mu adalah kenyang daripada segala
yang mengenyangkan
Cinta pada-Mu adalah agung, bahagia yang tiada taranya
Tenang daripada segala ketenangan
Senang daripada segala kesenangan
Cinta pada-Mu rindu yang tidak berkesudahan
Siapa merindui-Mu, segala yang dirindui tidak ada erti lagi
Rindu kepada itu semua musnah sama sekali
Begitulah wahai Tuhan, atas dasar ilmu aku akui
Tapi malang sekali aku belum merasai
Cintaku pada-Mu belum pun berbunga
Rindu dan asyik jauh sekali
Tuhan aku harap pada-Mu titiskan sedikit air cintaku pada-Mu
Jangan Engkau biarkan hatiku gersang dari mencintai-Mu
Agar Engkau yang Agung patut dicintai
Aku rasai dengan kalbuku
Supaya cinta dan kasihku kepada yang lain
tidak membunuh jiwaku
Rasakanlah wahai Tuhan pada jiwaku
Engkau adalah cinta agungku

Selepas Subuh
11 - 05 - 1997
(04 Muharram 1418H)

232 KALAU TUHAN BELUM ENGKAU CINTAI

KALAU engkau belum jatuh hati dengan Tuhan
Lebih-lebih lagi Tuhan belum engkau cintai
Bagaimanalah engkau sembah Tuhan
Sudah tentu engkau tidak merasa lazat
Manalah engkau hendak rasa indah beribadah
Mana boleh dapat melepaskan rasa rindu dengan Tuhan
Begitulah juga jika engkau belum rasa takut dengan Tuhan
Tidak mungkin di waktu engkau menyembah-Nya
Boleh lahir rasa kehambaan
Rasa hebat, rasa malu, rasa hina, dan merendah diri
Jika engkau sembah juga Allah Taala
Sudah tentu secara terpaksa
Secara terpaksa sudah tentu menyeksakan
Secara terpaksa sudah tentu menjemukan
Di waktu-waktu atau di masa-masa sibuk atau susah
Sudah tentu engkau tinggalkan
Kerana itu mengenal Tuhan itu penting
Agar kita takut dan cinta
Kita rasa Dia Penyelamat, Pelindung, Pemberi Rezeki
Kita sangat terasa Dia Tuhan sangat mencintai kita
Di waktu itu baru kita rasa rindu pada Tuhan
Kita menyembah-Nya sudah tentu kita rasa asyik
Kita dapat mengadu dan bermanja-manja dengan Tuhan
Dapat meluahkan perasaan yang terbuku
Dapat meluahkan rasa rindu dendam
Dengan itu kita dapat menerima harapan dengan Tuhan
Hati kita puas, jiwa kita tenang
Di antara rasa khauf dan raja' seimbang

Menjelang Maghrib
05 - 11 - 1999

233 MENGAPA TIDAK SEDIH KALAU ALLAH TIDAK KASIH

BANYAK orang sedih tidak dapat kasih orang lain
Banyak orang menangis tidak dapat belai kasih
Hati derita, jiwa sengsara
Ada yang frust, banyak yang kecewa
Isteri menangis tidak dapat belai kasih suami
Suami sedih tidak dapat perhatian isteri
Anak menangis tidak dapat kasih ibu
Ibu menangis melihat anak-anak membiarkan dirinya
Banyak yang berkecil hati tidak dapat simpati manusia
Banyak yang jiwanya derita tiada siapa mempeduli
Tidak kurang jiwa yang gelisah tidak dapat menagih kasih
Begitulah manusia jiwa kosong ketiadaan kasih
Wahai manusia mengapa tidak menangis
kalau Allah tidak kasih
Mengapa tidak sedih kalau Allah tidak redha
Mengapa dan mengapa tidak berusaha mengasihani
Agar kita dicintai, agar kita dikasihani
Janganlah bersusah hati tidak dapat kasih manusia
Kerana ia tidak abadi dan tidak sejati
Ketagihkanlah cinta Allah, carilah kasih sayang-Nya
Kerana ia kekal abadi lagi sejati

3.25 petang
25 - 01 - 1995

234 RAMAI TERSALAH MEMBERI TAKUT DAN CINTA

RAMAI orang tersalah bagi takut dan cinta
Memberi ketakutan dan kecintaan
yang tidak ada kuasa
Cinta dan takut kepada manusia dan
benda-benda yang tidak bernyawa
Yang tidak dapat menjaga, mengawal,
menyelamatkan dan membahagiakan manusia
Memberi seluruh harapan kepada makhluk
ciptaan Tuhan
Tidak ada sedikit pun di ruangan hatinya rasa cinta
dan takut kepada Tuhan penciptanya
Tuhan yang Dia adalah sumber segala-galanya
Padahal manusia, harta, pangkat dan entah apa lagi
benda yang menjadi pujaan manusia
Tidak dapat pun membendung penyakit,
tidak dapat menahan kehilangan harta
Perkara dan benda yang dipuja,
tidak dapat menghalangnya daripada bencana alam,
difitnah dan dibunuh orang
Kerana itulah manusia di dunia menderita
di dalam kesenangan
Ketakutan di dalam kemewahan
Adakalanya perempuan yang menjadi kecintaannya
menghambanya atau mengkhianatinya
Kerana itulah huru-hara dan gejala-gejala yang menakutkan
sengaja Allah biarkan bermaharajalela
Seolah-olah Tuhan berkata:
Kalau Aku bukan menjadi kecintaan dan ketakutan engkau
Aku tidak ada di dalam kamus hidupmu
Kalau Aku sudah tidak diperlukan lagi
Sekarang Aku hendak serahkan kepada engkau
Manusia, betina dan harta benda yang menjadi
kecintaan dan ketakutan engkau

Menjaga segala urusan hidup engkau
Mampukah perkara-perkara dan benda-benda itu
menjaga engkau?!
Aku berlepas diri
Sekarang risiko yang terjadi kerana manusia sudah
tidak ada pergantungan dengan Tuhan
Manusia sedang berhadapan dengan neraka dunia
di dalam kemajuan

Selepas ekspedisi
18 - 08 - 2001

235 MABUK DENGAN TUHAN

KARAM di laut boleh jadi lemas, mungkin membawa kematian
Kematiannya mungkin membawa syahid akhirnya
Nampaknya macam malang, tapi masih untung pada seseorang
Karam di dalam percintaan, hidup terumbang-ambing
Menjadikan manusia hidup tidak stabil
Buat apa sahaja serba tidak kena
Penumpuan sesuatu kerja tidak ada
Sering termenung dan murung sahaja
Banyak urusan dan tanggungjawab terbengkalai dibuatnya
Karam dengan dunia manusia terlalu sibuk
Tidak ada masa untuk berehat
Apatah lagi untuk menyembah Allah Taala
dan mengingati-Nya tidak ada ruang baginya
Terkejar di sana, terkejar di sini memburu kebahagiaan
dengan kekayaan dunia
Adakalanya makan pun tidak sempat
Dengan isteri pun sekejap-sekejap sahaja
hingga isteri curiga dan menderita
Kerana kurang dapat bermanja dan belaiannya
Tapi mabuk dengan Tuhan rasa bahagia di samping rasa takut
Mabuk Tuhan jiwa tenang fikiran tidak berserabut
Dan tidak karam dan tenggelam dengan dunia
Orang yang cinta Tuhan, cinta pula dengan makhluk-Nya
Kerana cinta Tuhan ramai hamba-hamba Tuhan
yang dapat manfaat darinya
Dapat pemurahnya, pertolongannya, kasih sayangnya,
rendah dirinya, kerjasamanya, pemaafnya
Mabuk Tuhan sibuk beribadah kepada-Nya
dan hati tidak lupa kepada-Nya
Sibuk juga berkhidmat dengan makhluk
dan hamba-hamba-Nya

Selepas Zuhur
19 Muharam 1421H

236 CINTA TUHAN CINTA YANG HAKIKI

Manusia mudah mencintai sesuatu yang dipandang mata
Juga manusia mudah mencintai sesuatu
yang boleh difikirkan
Sedangkan mencintai sesuatu yang dilihat oleh mata
Atau yang mudah dapat difikirkan
Adalah cinta murahan
Mencintai yang dapat dikesan oleh hati atau jiwa,
payah dikesan
Kerana akal dan mata selalunya membutakan hati
Selalunya akal dan mata membunuh jiwa
Kerana itulah hati dan jiwa tidak kenal Tuhannya
Lantaran itulah Tuhan sudah tidak dirindui dan dicintai
Padahal Tuhan itulah cinta yang hakiki dan sejati
Cinta Tuhan cinta yang kekal abadi
Cinta Tuhan, cinta yang membawa kebahagiaan
yang berkekalan
Cintakan Tuhan adalah cinta martabat tertinggi
Rafiqul A'la, Sahabat Yang Tinggi Lagi Setia
Mencintai Rafiqul A'la tidak pernah kecewa
Mencintai Tuhan tidak pernah mengkhianati kita
Cinta yang menjadi pembela kita
Cinta yang menjadi pelindung kita di mana-mana
Cinta yang menyelamatkan kita dunia Akhirat
Cinta agung yang tidak ada tandingan dan bandingannya
Cinta yang kalau orang tahu
Bukan sahaja harta dan tenaga bahkan
nyawa orang korbankan

Menjelang tidur
14 - 11 - 1999

237 PUJALAH TUHAN

BEBERAPA banyak pemuja-pemuja alam,
alam habis dirosakkan manusia
Beberapa banyak pemuja-pemuja pangkat,
akhirnya jatuh juga
Beberapa banyak pemuja wang ringgit,
habis kesudahannya
Atau tidak tahu apa hendak diguna

Tidak kurang pemuja-pemuja betina,
akhirnya mati atau tua
Ada yang lari setelah kita ditipunya
Nama juga banyak yang memburunya,
akhirnya hilang di mana lesapnya
Tidak ada suratnya, tidak ada ceritanya

Bahkan apa yang diburu semuanya rosak binasa
Tidak ada yang kekal, tidak ada yang setia,
tidak ada yang bertahan
Segala yang dapat semuanya mengecewakan
Paling tidak di hujung umur tidak mencapai semuanya

Wahai manusia gunakanlah fikiran buatlah perhatian
Jadikanlah iktibar, jadikanlah pengalaman
Apakah itu semua hendak kita buru lagi?
Yang segala-galanya telah menipu dan mengecewakan

Pujalah Tuhan Dia tidak mengecewakan
Cintailah Dia yang kekal tidak berkesudahan
Gunakanlah segala-galanya untuk ibadah kepada-Nya
Burulah apa saja selagi hala untuk Tuhan

07 - 08 - 1995

238 ENGKAU TIDAK TERASA KASIH SAYANG TUHAN

DI WAKTU Tuhan memberi kasih sayang,
  engkau tidak terasa apa-apa
Atau di waktu Allah memberi,
  engkau biasa sahaja
Macam Tuhan itu tidak ada kena-mengena
  dengan engkau
Nafas turun naik engkau setiap detik,
  kasih sayang Tuhan
Engkau boleh melihat dengan mata,
  itu kasih sayang-Nya
Boleh mendengar dengan telinga dari nikmat-Nya
Engkau boleh merasa makanan dengan lidah
  dengan lazatnya, kasih sayang-Nya
Engkau boleh berhibur suami isteri,
  kasih sayang dan rahmat-Nya
Di waktu letih engkau ditidurkan-Nya,
  itu adalah nikmat-Nya
Selepas tidur engkau diberi tenaga semula
Engkau boleh mandi dari air Tuhan
Bersih badan engkau, segar tenaga engkau
Semuanya itu bukan engkau punya
Engkau hanya dapat percuma dari Tuhan
Bahkan ribuan macam lagi nikmat Tuhan
  kepada engkau
Apa yang kita sebut tadi sebahagian kecil sahaja
Semuanya itu engkau tidak terasa apa-apa
Biasa sahaja, ia berlalu begitu
Tanpa engkau memikirkan pemberian siapa?
Tapi bila engkau berhadapan dengan ujian
Di waktu engkau ditimpa sakit, miskin, bencana alam
Ketika engkau kehilangan barang
Di waktu engkau dihina orang
Wah! Waktu itu engkau terasa sangat

Mengapa Tuhan lakukan begitu?
Engkau mengeluh dan mengaduh
Seolah-olah terlalu malang
Masa yang begitu panjang engkau bergelumang
   dengan nikmat dan rahmat
Engkau tidak terasa apa-apa
Bila engkau sekali-sekala diuji,
   baru engkau terasa
Patut engkau sedar bahawa engkau ada
   Tuhan yang berkuasa

Selepas Zuhur
11 - 12 - 1999
(03 Ramadhan)

239 KEKASIH ALLAH TIDAK TAKUT DAN TIDAK BERDUKACITA

ALLAH Taala ada berfirman, ertinya:
"Ketahui olehmu bahawa kekasih Allah itu
tidak takut dan tidak berdukacita"
Marilah kita mentafsir dan memahami kehendak ayat ini
Moga-moga Tuhan memberi kita faham maksud
dan kehendak-Nya
Dengan itu moga-moga kita dapat menghayati
Dan menjadikan pegangan di dalam kehidupan
Di antara kehendak ayat ini:
Orang bertaqwa itu dia tidak takut dengan manusia
dan kuasa manusia
Kalau ia didatangkan ujian dari manusia
tidak pula berdukacita
Orang mukmin tidak takut dengan kemiskinan
Jika terjadi kemiskinan tidak pula berdukacita
Orang mukmin tidak takut dengan kesakitan
Kalau berlaku tidak pula susah hatinya
Orang yang bertaqwa tidak bimbang
dengan penghinaan dari manusia
Kalau terjadi tidak pula sakit hatinya
Orang mukmin tidak takut dimurka oleh manusia
Kalau berlaku tidak pula susah hati
Kekasih Tuhan itu tidak takut dan bimbang
tentang rezekinya
Kalau tidak ada redha hatinya
Orang mukmin itu tidak takut tidak dikasihi orang
Kalau terjadi tidak pula cacat jiwanya
Wali Allah itu tidak bimbang kalau tidak ada harta
Kalau hilang hartanya tidak pula jiwa derita
Orang mukmin tidak bimbang dengan takdir Tuhannya
Kalau terjadi tidak pula bersedih hati
Wali Allah itu tidak takut meninggalkan dunia,
harta benda dan sanak-saudaranya

Dan tidak pula bersedih dengan kematiannya
Orang mukmin itu yang dia takut
  hanya dengan Tuhannya
Yang dia berdukacita kalau terbuat dosa
Dia takut kalau Tuhan tidak redha
Dia susah hati kalau lalai dengan Tuhannya
Dia bimbang kalau tercabut imannya
Dia bersedih kalau cuai dengan ibadahnya
Begitulah lebih kurang maksud
  dan kehendak tafsiran ayat
Moga-moga ada kebenarannya

Selepas Asar
17 - 09 - 1999

240 RAHSIA PERPADUAN

CINTAILAH Allah Tuhan pencipta manusia
Cinta sesama manusia akan terjadi dengan sendiri
Cintailah Allah, cinta manusia tidak perlu diperjuangkan
Dia akan tercetus secara automatis
Cintailah Tuhan, kasih sayang dan perpaduan
sesama manusia akan terjalin
Takutilah Tuhan
Nescaya manusia akan takut melakukan kesalahan
sesama manusia
Lebih-lebih lagi dengan Tuhan
Takutnya itu ia tidak akan melanggar perintah-Nya
Cinta dan takut dengan Tuhan rahsia perpaduan
Anak kunci kasih sayang sesama manusia
Kerana kasih sayang dan perpaduan adalah kerja jiwa
Bukan hubungan fizikal, fizikal mengikut sahaja
Apabila hati dan jiwa hubungannya
dengan Allah begitu mesra
Automatik hubungan dan kemesraan sesama manusia
terjalin sama
Rahsia itulah yang tidak diketahui oleh golongan sekular
Yang mengagungkan fikiran dan mengabaikan jiwa
Yang memuja akal tapi hatinya dimatikan
Fikirannya bercahaya tapi hatinya gelap gelita
Akibatnya kegelapan di dalam cahaya
Kerana cahaya terlalu terang membutakan matanya
Macam matahari terlalu kuat cahayanya
Tidak mampu mata memandang dan melihatnya
Begitulah golongan sekular
Kerana akalnya terlalu terang,
membutakan hati atau jiwanya
Maka tersesatlah dia daripada kebenaran
Bergelaplah dia di dalam terang

Selepas Zuhur
04 - 10 - 1999

241 CINTAKAN TUHAN SUNGGUH AGUNG

CINTAKAN Tuhan sungguh agung
Cintakan yang Maha Pencipta sungguh suci,
qudus dan sejati
Cintakan Tuhan tidak berkesudahan
Tidak ada tepi dan penghujungnya, bahkan abadi
Cintakan selain Allah, cinta nafsu
Cinta nafsu ada kesudahannya
Cintanya ada tepi dan ada penghujungnya
Kerana cinta itu bukan sejati dan hakiki
Cintakan makhluk penghujungnya kecewa
Cintakan Khaliq membawa bahagia
Cinta yang berpanjangan
Cinta yang agung
Cinta yang tidak ada taranya
Cintakan selain Tuhan, cinta yang palsu
Cinta yang akan berkesudahan bahkan akan mengecewakan
Cintakan Tuhan tidak ada rebutan
Sekalipun satu dunia yang mencintai-Nya
Namun semua orang akan mendapat kebahagiaan
dan kepuasan
Tidak ada yang akan kecewa
Cintakan dunia akan menjadi rebutan
Kalau sudah ada yang dapat, yang lain akan kecundang
Yang lain akan kecewa bahkan akan lahir dengki
dan sakit-sakit hati
Sungguh agung cintakan Tuhan
Cinta yang tidak ada bandingan dan tandingan
Tapi manusia hatinya buta
Yang menjadi rebutan ialah cintakan dunia

Selepas Zuhur
12 - 10 - 1999

242 ANUGERAHKAN SEDIKIT RASA CINTA PADA-MU

ANUGERAHKANLAH sedikit rasa cintaku
pada-Mu Tuhan!
Agar aku tidak mencintai selain-Mu
Supaya segala yang ada kukorbankan untuk-Mu
Atau berilah aku sedikit rasa takut pada-Mu Tuhan
Agar aku boleh mengawal diriku
Patuh kepada suruhan-Mu
Menjauhi larangan-Mu
Hidupkanlah jiwa aku dengan mengingati-Mu Tuhan!
Bangunkanlah jiwa aku dengan takut kepada-Mu
Agar rasa kehambaanku subur di dalam jiwaku
Tuhan! Cinta dan takut pada-Mu memenuhi jiwaku
Inilah yang akan menyelamatkan aku
Kalau tidak kerana ini, sudah tentu aku lalai
dengan-Mu selalu
Aku lupa suruhan dan larangan-Mu setiap waktu
Nafsulah yang mempengaruhiku
Syaitanlah yang akan menipudayaku

Menjelang tidur
06 - 08 - 1999

243 ENGKAU PATUT DIRINDU

TUHAN, Engkau patut dirindu
Kerana cintaku kepada-Mu sepenuh hati
Betapalah aku tidak merindui-Mu
Rahmat dan nikmat-Mu mengalir kepadaku setiap hari
Aku khuatir rinduku kepada-Mu di sebelah pihak
Sedangkan Engkau belum lagi mencintaiku
Kerana dosa-dosa dan kesalahanku yang aku lakukan
terlalu banyak
Menjadikan Engkau belum lagi meredhai dan mencintaiku
Tuhan, dengan rahmat-Mu ampunkanlah aku ini
Tuhan, dengan rahmat-Mu maafkanlah kesalahanku
Aku ini bukankah hamba ciptaan-Mu
Kalau Engkau maafkan aku, sedikit pun
tidak menggugat kebesaran-Mu
Tuhan, cukuplah kesalahanku menjadi pengajaran
Aku akan mengingatinya sepanjang umurku
Cukuplah sudah aku terseksa dengan dosa-dosaku itu
Moga-moga di masa hadapan aku tidak melakukannya lagi
Namun dengan kelemahanku tidak mungkin
aku terlepas dari dosa
Kalau bukan dengan kuasa-Mu membantu aku
Juga kalau tidak disertakan dengan hidayah
dan taufiq dari-Mu
Hidayah-Mulah yang aku harapkan
Taufiq-Mulah yang aku pinta
Pimpinan-Mulah yang aku hendak
Agar aku terselamat daripada dosa-dosa
yang memburu

Menjelang tidur
14 - 11 - 1999

244 ORANG YANG PALING DICINTAI TUHAN

ORANG yang paling Engkau cintai Tuhan
Ialah para rasul 'alaihimussolatuwassalam
Selepas itu para-para nabi dan para-para wali
Namun demikian merekalah orang yang paling banyak
mendapat ujian
Ujian demi ujian yang Engkau timpakan
Begitulah layanan yang Engkau berikan terhadap
orang yang Engkau cintai
Aku faham rahsianya!
Agar mereka dapat menebalkan rasa kehambaan
Juga supaya Engkau Tuhan sentiasa di dalam ingatan
Hingga mereka merasakan Engkau
adalah pelindung mereka setiap masa
Hingga Engkau dirindui dan dikasihi
Diingati, disembah dan dipuja
Inilah kebahagiaan mereka
Dan inilah yang Engkau mahu kepada mereka
Inilah yang Engkau suka
Agar mereka Engkau redha
Maka berlakulah redha-meredhai
Di antara Engkau dengan mereka
Inilah rahsianya mengapa mereka diuji dan diuji
Rupanya di sebalik ujian yang berat ini
ada rahsianya yang agung dan mulia
Ini tidak dapat difahami oleh manusia
yang cinta dunia

245 PENCINTA TUHAN DI MALAM SEPI

DI WAKTU malam sepi, senyap sunyi
Suasana hening, sejuk menyucuk tulang
Hanya suara dengkuran manusia yang memecah sunyi
Sekali-sekala kedengaran suara anjing-anjing liar
di waktu malam sepi
Di waktu itu pencinta Tuhan bangun dengan penuh tenang
Membersihkan diri, berpakaian bersih
Bertelut dan berlutut, berdiri dan sujud
berulang-ulang kali sepuas hati
Berzikir, bertahmid, bertakbir dan bertasbih
Puja dan puji disemarakkan, munajat membisikkan,
melahirkan cinta
Merafakkan doa melahirkan hajat dan harapan
Mengagungkan dengan penuh khusyuk
dan tawadhuk, menghina diri
Menghina diri di hadapan cinta agungnya, agar diperhati
Air mata mengalir di pipi, jatuh ke bumi
Begitulah setiap malam yang berlalu
Di suasana kesepian malam, di dalam keheningan suasana
Pencinta-pencinta Tuhan memuja cinta agungnya,
agar dia dicintai
Setelah memuja-memuji sepenuh hati
Meminta, mengharap sepuas hati
Dengan air mata dan tangisan minta dikasihi-Nya
Mereka berhenti menunggu malam
Hati sentiasa bimbang takut cinta tidak berbalas
Namun putus asa tiada, harapan sentiasa berbunga
Perhubungan tetap diteruskan

11 - 05 - 1997

246 MENJAGA MARUAH DIRI

HARGA diri manusia adalah maruahnya
Pada maruahlah keindahan seseorang itu
Maruah tidak boleh dijual beli
Kerana itu jagalah maruah diri
Jangan cemarkan maruah diri,
hilang kepercayaan seluruh manusia
Allah dan Rasul juga memandang tinggi
maruah manusia
Jika di dalam kehidupan seseorang itu
sudah dapat dilihat cacat celanya
Seperti pembohong, penzina, bergaul bebas dengan betina
Mungkir janji, khianat, rosak akhlaknya
Menzalimi, penipu, mementingkan diri jadi budaya
Harga diri sudah tiada
Hilanglah kepercayaan manusia
Di waktu itu ilmu yang tinggi tidak dapat menebusnya
Wang ringgit tidak akan memulihkan kepercayaan manusia
Pangkat dan darjat begitu juga
Sekalipun bertaubat Tuhan terima
Tapi pada pandangan manusia tetap cacat dan cela
Jagalah harga diri jangan sampai tercemar
Jika berlaku, musnah dan punahlah harga diri
Nama baik tercemar
Menderitalah sepanjang hidup seseorang itu

247 ORANG YANG TIDAK BERMARUAH

ORANG yang tidak bermaruah sifat malunya musnah
Dia akan membuat apa sahaja untuk hidup jalan mudah
Mengampu, menjilat, menghina diri perbuatan
yang lumrah
Menghina orang, mentohmah, memfitnah,
mengadu domba perkara biasa
Orang yang hilang malu, membuat kerja
yang memalukan, sudah tidak terasa malu
Padahal orang ramai merasa jijik dan menjijikkan
Dia boleh ulang-alik, turun naik menemui orang
yang hendak dilobi
Untuk tujuan kepentingan peribadi,
yang belum pasti menguntungkan
Adakalanya orang yang dilobi dan diampu
amat bencinya
Tapi dia juga ada keuntungan peribadi,
kebenciannya disembunyikannya
Apabila dia tidak ada kepentingan peribadi,
si pengampu ditendangnya
Di waktu itu orang yang hilang maruah itu
terumbang-ambing
Macam sampah kehanyutan
Ada orang walaupun terpelajar tidak pandai
hidup sendiri
Paling pandai dia boleh hidup makan gaji
dengan kerajaan
Apabila jawatan terlucut, dia hidup tercengang-cengang
Macam orang yang tersesat di tengah padang pasir
kehilangan haluan
Orang yang tidak bermaruah itu, tidak senang
dengan orang yang hidup senang
Makin orang senang, jiwa mereka makin tidak tenang
dan suka meradang-radang

Apabila seorang muka muram, hilang seri,
  macam kera sumbang
Sambil berfikir bagaimana hendak menjahanamkan
  orang yang dia radang
Begitulah kehidupan orang yang kehilangan maruah,
  malunya sudah tiada
Dia buat apa sahaja terutama mengampu-ampu orang
  yang diharapnya
Orang ramai telah menghina serta meluat
  dengan sikapnya
Namun yang punya diri tidak terasa apa-apa,
  macam orang yang mati badannya

Selepas Asar
26 - 05 - 1997
(18 Muharram 1418H)

248 DIRI SENDIRI MENJATUHKAN MARUAH

MANUSIA ini kalaulah orang lain menyelak keaibannya
hingga terlihat betis atau pahanya
Wah bukan main lagi marahnya
Dia merasa diberi malu dan dijatuhkan maruahnya
Setengah orang mungkin akan di*sue* orang itu
ke mahkamah
Atau boleh jadi dipukulnya orang itu
dengan sepatunya
Padahal dia sendiri yang berpakaian
sengaja membuka auratnya, tidak pula terasa malu
Tidak pula terasa yang maruahnya telah terjatuh
Padahal auratnya terdedah ribuan orang
yang melihatnya
Kalau orang lain yang menyelaknya dia terasa malu
Tapi dia sendiri yang membukanya terasa megah pula
Begitu juga kalau dia berpakaian menutup aurat
terasa pula malu
Lebih-lebih lagi kalau dia seorang sahaja
yang menutup auratnya
Dia merasa mulia bahkan berbangga
kalau mendedahkan auratnya
sekalipun ribuan mata yang melihatnya
Begitulah kalau seseorang itu jika fitrahnya telah rosak
Hatinya pula telah buta dirosakkan oleh nafsunya
Kerana rasa bertuhan dan rasa kehambaan
sudah tidak ada di dalam jiwanya
Maka terjadilah yang patut malu dia tidak malu
Yang patut tidak malu dia terasa malu
Perbuatan jahat terasa mulia
Perbuatan baik dia terasa terhina
Di waktu itu orang-orang yang baik dipandang serong
maka tersisihlah dia

Orang yang jahat dipandang mulia bahkan
bintang kehormat diberikan
Begitulah krisis nilainya berlaku di kalangan manusia
Semuanya serba terbaliknya
Segala-galanya berubah rasa dan pandangannya
Bila berlaku situasi dan kondisi ini
Perlunya seorang pemimpin yang dibantu oleh Allah
Untuk memulihkan semula fitrah manusia
yang sudah rosak

Menjelang Tidur
27 - 08 - 2000

249 MARUAH JATUH TIDAK TERASA

MANUSIA yang telah rosak jiwanya atau fitrahnya
Setiap hari terjatuh wibawanya tidak pun terasa malu
Kerana dia sendiri yang menjatuhkan maruahnya
dia tidak terasa
Adakalanya kerana arak apabila mabuk
terjatuh di dalam longkang
Apabila dia sedar biasa sahaja
Setiap hari perkara-perkara sulit di dalam diri
yang sepatutnya malu jika terdedah
Dengan bangga pula dia didedahkan
Tidak pula terasa malu
Tidak pula terasa yang maruahnya telah koyak-rabak
Tidak pula terasa yang dirinya sudah tercabar imejnya
Berpegang-pegang tangan, berdua-duaan
laki-laki perempuan yang bukan muhramnya
Padahal dia lakukan di khalayak ramai
Tidak sedikit pun dia terasa malu
Bahkan berbangga pula dapat membawa perempuan
Berpegang-pegang tangan dan bercumbu-cumbuan
Padahal zaman sekarang orang sudah pandai-pandai
Rupanya dengan kepandaian sahaja belum boleh terjamin
seseorang boleh menilai-nilai baik dan buruknya
Kalau fitrah telah rosak dan hati telah buta
Akan berlakulah krisis nilai
Ramailah manusia yang rupa parasnya masih kekal
Tapi perangainya haiwan atau syaitan
Paling tidak, hidup macam kayu-kayan
Di waktu itu punah-ranahlah kehidupan
Rosaklah masyarakat dan pergaulan
Maka Allah Taala pun menimpakan kepada manusia
sentiasa gelisah di dalam kehidupan

Menjelang Tidur
27 - 08 - 2000

250 SETIAP HARI MARUAHMU JATUH

ENGKAU gaduh apabila ada orang menipu dayamu
Engkau susah hati kalau ada orang merosakkanmu
Engkau marah sekali jika ada orang
yang menjatuhkan maruahmu
Engkau sakit hati bilamana nama baikmu dijatuhkan orang
Tapi malang sekali setiap hari maruahmu jatuh
Wibawamu cacat, nama baikmu tercemar
Bukan orang lain yang melakukannya
Tapi ilmu engkau sendiri yang menjatuhkannya
Kekayaanmu merosakkan kamu
Kecantikan dan ketampananmu yang merosakkan nama baikmu
Pangkat dan darjat yang menjatuhkan maruahmu
Kekuasaanmu yang mencacatkan nama baikmu
Tapi kamu tidak perasan dan tidak sedar
Kerana itu dilakukan oleh dirimu sendiri
Nafsu yang ada di dalam dirimu itulah
yang menjatuhkan maruahmu
Padahal orang ramai sudah resah dan gelisah
Masyarakat telah mengata dan menghinamu
Kamu telah dibual-bualkan orang di merata negeri dan negara
Di kedai-kedai kopi, di restoran-restoran,
di warung-warung makan
Tidak kurang juga engkau diumpat di masjid-masjid
dan di surau-surau
Di dalam kereta, di dalam kapal terbang
dan di tempat-tempat ramai
Semuanya itu berlaku ialah disebabkan keistimewaan
yang ada pada dirimu
Oleh itu berhati-hatilah dengan ilmumu
Berwaspadalah dengan kekayaan dan kecantikanmu
Awasilah pangkat, darjat dan kekuasaanmu
Yang selalunya banyak merosakkan kamu

Menjelang Tidur
07 - 09 - 2000

251 MARUAH DIRI ITULAH HARGA DIRI

MARUAH diri itulah dia harga diri
Ada maruah adalah harga, tiada maruah,
tiadalah harga
Harga diri tidak boleh dijual beli
Di dalam Islam mempertahankan maruah
diri syahid hukumnya
Biar miskin, biar papa, harga diri kena jaga
Tidak guna kaya, tidak guna ilmu tinggi,
berjawatan tinggi, maruah tiada
Tiada maruah diri, binatang yang hidup berupa manusia
Kalau sudah bersifat binatang, siapa hendak hormati kita
Orang yang bermaruah malunya tinggi, akhlaknya mulia
Dengan Allah sangat takut, dengan manusia
tidak meminta-minta
Mudah mesra, mudah dimesra,
tolak ansur budaya hidupnya
Lapang dada, sabarnya ketara,
tidak membuat kerja-kerja yang hina
Miskin tidak meminta-minta,
kaya khidmat untuk manusia
Orang marah dia selamba, dendam tiada,
memaaf mudah sahaja
Orang sakit hati dia mendoakannya
Kalau hidup miskin dia macam orang kaya,
kerana tiada meminta
Dengan siapa sahaja dia boleh berkawan, tapi dia tetap dia
Orang yang baik hati, miskinkah dia, kayakah dia,
senangnya dengannya
Kerana dia tidak menyusahkan orang,
tapi dia sanggup susah kerana orang
Semua orang berpuas hati
bergaul dengannya

Selepas Asar
26 - 05 - 1997
(18 Muharram 1418H)

252 MEMINTA KEPADA ALLAH KITA TIDAK TERHINA

MEMINTA-MINTA kepada Allah maruah tidak jatuh
Sama ada dikabulkan atau tidak, tetap mulia
Mengadu dengan Tuhan tidak mengapa
Kerana kita hamba, Dia adalah pentadbir, pengurus,
Penjaga dan pemberi rezeki kepada kita
Mintalah apa sahaja yang sepadan dengan kita
Banyak kali, sebanyak mana yang kita minta
kita tidak terhina
Tapi meminta sesama manusia wibawa kita jatuh
Sama ada dia memberi atau menolaknya
Mengadu dengan manusia inginkan kekayaannya
kita terhina
Maruah kita jatuh, wibawa kita sudah tidak ada harga
Lebih-lebih lagi selalu sahaja meminta dengan manusia
Orang bertambah benci, kita semakin terhina
Jagalah maruah diri
Kerana ia adalah harga diri kita
Jauhilah meminta-minta sesama manusia
Kerana kita akan terhina dan orang tidak hormat
kepada kita
Memintalah kepada Tuhan, Ia memang tempat meminta
Makin banyak meminta dengan-Nya kita semakin mulia
Tuhan suka, manusia tidak boleh menghina,
wibawa kita terjaga
Mintalah kepada Tuhan, terpelihara maruah kita
Jangan meminta-minta dengan manusia,
kita akan terhina
Kerana orang meluat dan membenci kita

Selepas Zuhur
18 - 12 - 1999
(10 Ramadhan 1420H)

253 SIFAT MALU SUDAH TIADA

SIFAT malu adalah tabiat insan
Satu tabiat yang Allah anugerahkan
pada hamba-hamba-Nya sejak lahirnya lagi
Sifat ini kalau disuburkan ia menjadi benteng
daripada melakukan kemungkaran
Ia menjadi perisai pada seseorang
daripada menggadai maruah dirinya
Sifat ini di waktu keseorangan, malu membuat maksiat
kerana Tuhan melihatnya
Di waktu ramai, lagilah bertambah malu
kerana ramai mata yang melihatnya
Orang yang bersifat malu sangat menjaga maruahnya
Merasakan maruah diri adalah harga diri
dan nilai peribadinya
Orang yang bermaruah merasakan jika maruah diri
telah tercemar atau ternoda
Dunia ini telah sempit dibuatnya
Bertemu manusia terasa malu dan terseksa
Ingin lari dari manusia
Tapi malang sekali di masa kini
Sifat malu telah tercabut dari jiwa kebanyakan manusia
Lantaran itu maruah diri sudah tak dijaga
Maruah diri manusia sudah tergadai atau tiada
Tapi mereka tidak terasa
Masing-masing merasakan masih ada wibawa
Semua merasakan masih ada harga diri
Padahal yang ada sifat kebinatangan atau sifat haiwaniahnya
Berkelakuan haiwan yang berupa manusia
Binatang yang berupa manusia inilah yang menguasai dunia
Mentadbir manusia dan mendidik mereka
Ramailah di dunia ini haiwan
yang berupa manusia

Selepas Zuhur
24 - 11 - 1999

254 HILANG MALU ERTINYA BENTENG DIRI HILANG

MALU sudah hilang, ertinya benteng diri sudah tumbang
Apabila malu sudah hilang, tidak ada benteng
dan kawalan pada diri insan
Oleh itu segala-galanya terdedah pada diri seseorang
Tidak ada halangan yang akan berlaku pada diri sesiapa sahaja
Perasaan malu tidak ada, rasa aib hilang,
membuat dosa tidak terasa apa-apa
Boleh sahaja buka aurat, boleh sahaja mengorat
Bercakap pun tidak bersukat, bercakap mengarut,
mencarut boleh aja
Boleh tipu, tipu, boleh bohong, bohong jadi budaya
Minum arak, lepak-lepak, rasuah, zina biasa sahaja
Pada mereka apa orang kata tidak ambil kira
Peduli orang, apa rasa kita hendak buat, kita buat
Kita mahu bebas, jangan fikir orang
Apa yang baik pada kita, kita buat sahaja
Yang penting kita puas, yang kita mahu bebas
Persetan dengan agama, peduli apa dengan disiplin
Apa perlunya etika apa perlunya peraturan
Peraturan ini semuanya menyusahkan kita
Kita mahu bebas, jangan bataskan kita
Kita mahu puas, jangan sekat kita
Mereka ini lupa dengan pengalaman hidup mereka
Bolehkah mereka bebas dari penyakit?
Dapatkah mereka lepas daripada bala bencana?
Mampukah mereka lari daripada orang kata dan hina
Berjayakah mereka mengelak daripada sesuatu
yang menyusahkan hati dan jiwa?
Ini menunjukkan ada yang Maha berkuasa ke atas diri kita
Oleh itu kenalah ikut peraturan,
berpijaklah di bumi yang nyata
Lebih menyelamatkan kita daripada
hendak lari dari alam nyata

06 - 08 - 2001

255 IKHLASKAN IBADAH DAN AMAL

ALLAH Taala tidak memandang ibadah dan amal yang banyak
Tapi yang kholisnya
Allah Taala tidak berbangga pengorbanan dan perjuangan
yang banyak
Tapi yang murni lagi ikhlas
Buatlah, walaupun sedikit tapi sempurna dan ikhlas
Itulah yang Allah redha
Apa erti banyak, tidak sempurna dan tidak ikhlas
Allah tolak sahaja
Bahkan akan dilempar ke muka kita
Beribadahlah dengan jiwa yang selamat
Berkorbanlah dengan hati yang murni
Berjuanglah dengan hati yang ikhlas
Kerana yang menerimanya Allah Taala
Yang akan memberi pahalanya Dia juga
Bukan manusia
Periksalah hati selalu
Sudahkah selamat, sudahkah murni, sudahkah ikhlas?

256 IKHLAS DARJAT PALING TINGGI

IKHLAS darjat yang paling tinggi
Ia adalah penentu apakah amalan itu diterima
atau sebaliknya
Ia adalah rahsia Allah
Malaikat pun tidak mengetahui
Yang punya diri pun tidak tahu
Kalau seseorang memberi pada seseorang
Dengan tujuan waktu susah nanti dia dibantu
oleh orang itu
Batal amalannya
Kalau orang itu tidak mengucapkan terima kasih
Hatinya berkata, tidak patut
Hilang ikhlasnya
Kalau dia memberi mengatakan,
ambillah saya ikhlas
Ini pun batal ikhlas
Di suatu masa orang yang pernah dibantu,
memusuhi
Hati kecilnya berkata, eh! orang ini tidak
mengenang budi!
Keikhlasannya ditarik semula
Allah! Susahnya amalan diterima
Periksalah hati selalu

Menjelang Tidur
05 - 08 - 2001

257 APABILA TUJUAN HIDUP MANUSIA TERPESONG

APABILA tujuan hidup manusia sudah terpesong
Membuat apa sahaja bukan kerana Allah Taala lagi
Tapi ada kepentingan diri sendiri
Membuat kerja kerana duit, pangkat, kuasa, nama,
betina dan glamour
Sama ada dapat atau tidak dapat *side-effect*nya
yang negatifnya terlalu banyaknya
Kalaupun berjaya di dalam kehidupan
tapi tidak ada erti apa-apa lagi
Bila tidak tercapai cita-cita, jiwa derita
akhirnya kecewa kemuncaknya putus asa
Jika berjaya pula, orang benci, orang hasad dengki
Sekiranya mendapat kesusahan orang tidak peduli
Ramai manusia yang akan berkata-kata setidak-tidaknya
di dalam hati: "Padan muka!"
Kerana itu hiduplah kerana Allah
Buatlah apa sahaja biarlah untuk Allah Taala
Dari Allah, bagi Allah, untuk Allah
Allah Taala adalah segala-galanya
Buatlah kerana Allah sekalipun tidak berjaya
Tidak berjaya kita tidak kecewa apatah lagi putus asa
Jiwa tidak derita dan sengsara
Kalau berjaya kita tidak megah
Kerana kita tahu itu semua anugerah Allah,
hati tidak berbunga
Bahkan malu kepadanya, rendah diri setiap ketika
Orang lain pun tidak benci dan marah
Kecuali orang yang hasad dengki yang sudah parah

11.15 malam
18 - 07 - 2001

258 AWASLAH MUSUH DALAM SELIMUT

ENGKAU takut sangat barangmu kena rompak
Juga engkau curiga ditipu orang
Lebih-lebih lagi engkau takut barang-barang berharga
dicuri orang
Tapi engkau tidak sedar
Ilmu engkau telah merosakkan hati engkau
dengan kesombongan
Kekayaan engkau telah merobek-robek iman engkau
dengan kesombongan dan riyak
Kefasihan dan kepintaran engkau bercakap
dan berpidato mengorbankan pahala engkau
Pujian orang, nama dan glamour telah menghapuskan
keikhlasan engkau
Kekuasaan, pangkat dan kedudukan engkau
telah merosakkan iman dan ketaqwaan engkau
Bahkan entah apa lagi yang telah mengorbankan
amal solehmu
Rupanya apa yang engkau milik, dapati, punyai,
kuasai yang memang engkau suka itulah
yang menjadi musuh engkau
Ia telah mencuri iman engkau
Ia telah merompak ketaqwaan engkau
Ia telah menyamun barang yang lebih mahal
daripada harta dan kekayaan engkau
Semua yang engkau milik telah mengoyak-ngoyak
keredhaan Tuhan
Tapi engkau tidak sedar
Engkau tidak perasan musuh di dalam selimut
telah merosakkan engkau
Bukan musuh dari luar yang engkau takuti
Bukan perompak dan penyamun dari luar
yang engkau curigai
Tapi kesayangan engkau

Apa yang engkau suka dan cintai
Kesukaan dan kecintaan engkau
yang telah menipu engkau
Bukan pencuri, tidak juga penyamun
Engkau telah ditipu oleh penghibur engkau sendiri
Engkau takut ilmu engkau hilang
Tapi ilmu engkau sendiri telah menghilangkan
iman engkau
Engkau takut harta dicuri orang, tapi harta engkau
menjadi pencuri
Engkau takut jawatan engkau dijatuhkan orang
Tapi jawatan engkau yang menjatuhkan engkau
Engkau akan menjadi orang yang papa-kedana
di Akhirat nanti
Wal 'iyazubillah

Selepas ekspedisi
12 - 09 - 1999

259 TAKUTILAH PEROSAK AMALAN

TAKUTILAH riyak, ia adalah pemusnah amal
Takutilah kibir kerana ia merosakkan kebajikan
Jauhilah pemarah, ia merosakkan amal soleh
Ibarat api meleburkan besi
Takutilah syirik kerana ia menghapuskan
seluruh ibadah dan kebajikan
Hindarkanlah nama dan glamour di dalam beramal
Ia ibarat jatuhnya najis di dalam kuah
Semuanya rosak tidak boleh dimakan
Atau ibarat racun termasuk di dalam makanan
Semuanya sekali rosak
Menjaga amal lebih susah daripada beramal
Periksalah hati, adakah di dalamnya mazmumah?
Ia adalah ibarat racun maknawi di dalam kebaikan
Kebaikan tidak menjadi kebaikan lagi
Kebaikan dianggap kejahatan
Awasilah mazmumah
Ia selalu sahaja menipu diri kita di dalam beramal

Menjelang Tidur
03 - 08 - 2001

260 JADIKAN AKU LEBIH BAIK DARI SANGKAAN MEREKA

AKU harap sangka baik orang kepadaku
Adalah doanya
Sedangkan apa yang disangka oleh mereka
tidak ada padaku
Aku amat malu mendengarnya
Sangka baik mereka moga-moga pahala bagi mereka
Jangan pula jadi bala kepadaku
Ampunkan dosa-dosaku Tuhan,
apa yang mereka tidak tahu
Jadikan aku lebih baik daripada apa yang mereka sangka
Berilah pahala kepada mereka kerana sangka baiknya
Bantulah aku untuk dapat melaksanakan
apa yang mereka kata
Kerana aku malu kalau aku tidak berbuat
apa yang mereka sangka
Jangan pula Engkau murka apa yang mereka kata
Setiap apa yang mereka kata berilah aku
kekuatan untuk melaksanakannya
Dan jadikanlah ini satu pendorong buat aku melakukannya
Kalaulah mereka tahu kelemahanku
Bukan sahaja mereka tidak memuji, bahkan lari dariku
Bukan sahaja mereka tidak memuji bahkan akan mencaciku
Aku telah terperangkap dengan kata-kata mereka
Kalau aku tidak berbuat, orang menyangka aku berbuat
Jika aku hendak berbuat, adakalanya tidak mampu
Dengan rahmat-Mu berilah aku kekuatan
untuk mengerjakannya
Moga-moga apa yang mereka katakan
aku mampu membuatnya

Menjelang tidur
04 - 10 - 1999

261 CEMAS MENUNGGU KEMATIAN

AKU penuh debar dan sungguh cemas
menunggu hari kematian
Kerana dia datang tanpa kuketahui
Aku takut di waktu ketibaan kematian
Aku tidak tahu, di dalam taat atau di dalam kederhakaan
Di dalam aku mengingati-Nya atau di dalam kelalaian
Di waktu taat, husnul khatimahlah
Jika di waktu derhaka, su'ul khatimah
Aduh, cemas aku setiap waktu bila mengingati mati
Kerana aku tidak tahu nasibku, husnul khatimah
atau su'ul khatimah
Hatiku resah selalu, jiwa aku terganggu tapi orang tidak tahu
Aduh, mati adalah penutup segala-galanya
Apa yang dikerjakan dan yang dirasakan oleh hati
itulah yang dibawa Akhirat
Di sana segala-galanya dinilai
Jika tersilap, di sana tidak boleh hendak dibetulkan lagi
Tuhan!
Hatiku sungguh cemas
Aku harap matikanlah aku di waktu aku mentaati-Mu
Atau di waktu mengingati-Mu
Kalau berlaku sebaliknya, kerana kelemahanku
Kerana aku ini hamba-Mu, tidak dapat elak
daripada kelemahan ini
Dengan rahmat-Mu Tuhan, ampunkanlah dosa-dosaku
di waktu ini
Bila dosaku engkau ampunkan
Aku macam tidak membuat dosa
Maka ringanlah bebanku di waktu ke sana
Itulah harapanku pada-Mu Tuhan
Di waktu detik kematianku
Engkau sahajalah
yang boleh menyelamatkanku

Menjelang Maghrib
04 - 12 - 1999

262 MASA BERJALAN BEGITU LAJU

MASA berjalan begitu laju
Tidak pernah berhenti walaupun sedetik
Ertinya begitu laju umur kita pergi
Setiap detik umur kita meninggalkan kita
Kalau begitu setiap detik umur kita berkurang
Tapi kita tidak terasa
Setiap detik dunia meninggalkan kita jauh
Setiap detik pula Akhirat mendekati kita
Kalaulah kita cintakan dunia
Apa yang kita cinta makin jauh terpisah
Sedangkan Tuhan dan Akhirat tidak pernah
kita cinta makin dekat
Alangkah terseksanya jiwa
Meninggalkan apa yang disuka dan dicinta
Bertambah terseksa lagi yang di hadapan
kita tidak pernah kita cinta
Ertinya kita pergi ke Akhirat tidak membawa apa-apa
Yang kita cinta hendak ditinggalkan,
yang tidak dicinta akan berhadapan
Aduh, dua kali penderitaan
Meninggalkan yang kita cinta, hendak bertemu
dengan yang tidak kita cinta
Ingatlah roda umur kita makin laju ke hadapan
Dunia dan yang kita cinta makin jauh kita tinggalkan
Tidak terfikirkah oleh kita apakah yang hendak kita bawa
Untuk satu kehidupan yang begitu lama

Menjelang tidur
10 - 09 - 1999

263 SETIAP DETIK UMUR PERGI

SETIAP detik umur kita pergi
Pergi tidak akan kembali lagi
Setiap nafas turun naik mengurangkan lagi
Dari detik ke minit, dari minit ke saat
Dia bertambah laju pergi
Dihakis lagi umur kita, tanpa kita sedari
Dari saat ke hari, speed kelajuannya bertambah lagi
Lagi cepat umur kita yang pergi
Dari hari ke minggu, makin jauh umur kita pergi
Yang pergi itu tidak berganti
Yang pergi tetap pergi, yang datang mengurangkan lagi
Dari minggu ke bulan, bertambah laju umur kita lari
Lari tidak akan bertemu lagi
Yang lari tetap lari, tidak kembali
Dari bulan ke tahun,
Oh makin jauh dia pergi
Dari tahun ke tahun pacuannya terlalu laju
Begitulah umur kita pergi, setiap detik dia luak
Kita merasa umur kita bertambah lagi
Luak, terus luak, kurang terus kurang
Kita merasa umur kita bertambah panjang
Kita pun berangan-angan panjang
Kerana merasakan hidup panjang lagi
Tiba-tiba mati
Di waktu itu terbeliak biji mata
Bekalan yang dibawa tiada
Menyesal sepanjang masa, tidak berkesudahannya

Selepas Asar
01 - 06 - 1997

264 KERETA KEHIDUPAN BERJALAN LAJU

KERETA kehidupan kita setiap detik berjalan
dengan lajunya
Dia menuju ke destinasinya
Tidak pernah berhenti
Apatah lagi patah ke belakang
Destinasinya (negara yang dituju) itu hanya ada
dua tempat sahaja
Namanya Syurga dan Neraka
Syurga tempat kemuncak nikmat yang tiada tandingannya
Neraka pula tempat kemuncak penderitaan
yang tiada taranya pula
Kereta kehidupan itu kerana terlalu lajunya
Kita tidak terasa dia sentiasa berjalan
ke arah (yang dituju) matlamatnya
Setiap detik kita bertambah hampir ke sana
Justeru itu manusia akan terkejut, gementar dan takut
Tiba-tiba dengan tiada persediaan sudah sampai
sahaja ke sana
Manusia terkejut, terbeliak biji matanya
Bekalan tiada, kalau ada pun barang-barang larangan
yang sangat dimurka
Ah! Kebanyakan manusia tiada bekalan
Yang dibawanya barang larangan
Aduh! Menyesalnya tiada kesudahannya
Penyesalan yang tiada berguna lagi
Sudah terlewat, sudah terlambat
Bekalan sifat-sifat taqwa tiada
Terlalai dan terlupa kerana cuai
Yang ada bekalan-bekalan yang tidak boleh dimakan
Nerakalah tempatnya

03 - 05 - 1997

265 HIDUP DI DUNIA HANYA SEKALI

HIDUP di dunia hanya sekali
Bila pergi tidak akan kembali lagi
Itu pun bukan lama
Paling lama seratus tahun
Itu pun jarang berlaku dan tidak indah lagi
Tapi banyak yang pergi sebelum usia itu
Di Akhirat tempat tinggal kekal abadi
Buat selama-lamanya tidak diukur dengan masa lagi
Tersilap hidup di dunia
Padahnya diterima di sana
Merana, sengsara, menderita,
tidak dapat dibayangkan bagaimana?
Berhati-hatilah hidup di dunia
Ikutlah panduan Yang Punya
Jangan ikut nafsu kita
Jangan ikut perasaan sahaja
Kelak di sana merana

Pagi
10 - 11 - 1997

266 HIDUP INSAN YANG MALANG

ALANGKAH malangnya seseorang itu diberi masa
Itulah umurnya
Tapi di dalam sepanjang masa itulah dia lalai
Membuang-buang masa tidak keruan dan tidak tentu hala
Alangkah malangnya Tuhan memberi harta pada seseorang
Hartanya dibazirkan
Digunakan pada perkara yang sia-sia
Dia makan seorang, orang lain tidak dapat merasa
Kerana bakhilnya
Mati hartanya tidak dibawa
Bahkan akan menjadi bala
Kerana di Akhirat kelak semua harta kepunyaannya dihisab
Neraka yang maha dahsyat menunggunya
Alangkah ruginya orang yang berilmu
Ilmunya hanya untuk mencari kekayaan dan nama
Untuk diucap dan dicakapkan
Bukan untuk diamalkan
Kalaupun diamalkan hanya sedikit sahaja
Dia akan dicampakkan di dalam Neraka
Lebih dahulu atau lebih awal daripada orang lain
yang berdosa
Alangkah ruginya orang yang miskin yang sombong
Tidak sabar dengan ujian
Derhaka dengan Tuhan kerana terlalu memikirkan
kesusahan dirinya
Di dunia sudahlah papa, di Akhirat Neraka pula

Menjelang Tidur
08 - 08 - 2001

267 INGATKANLAH KEMATIAN KITA

INGATKANLAH kematian kita itu dari detik ke detik
dan dari saat ke saat
Justeru Allah tidak janjikan kematian kita di waktu tua
Begitu juga Allah tidak janjikan kematian kita
disebabkan sakit
Tidak pun sakit boleh mati juga
Hal ini sepatutnya tidak payah diberitahu
Semua orang tahu, kan pengalaman bersama
Ada orang mati kecil, ada orang mati muda,
ada orang mati tua
Ada orang mati tanpa sebab apa-apa
Sedang rehat-rehat atas kerusi tiba-tiba terlintuk saja
Ditengok nafas sudah tiada
Oleh itu janganlah senang-senang hati dengan kematian
Kematian bila-bila masa berlaku
Kita tunggulah kematian itu dari nafas ke nafas
Agar kita tidak ada angan-angan yang melalaikan
Hendak membangun, membangunlah
Tapi ingatlah waktu itu boleh mati
Hendak maju, majulah tapi kematian boleh berlaku
di waktu itu
Hendak kejar kekayaan kejarlah
Tidaklah salah selagi halal tapi ingatlah mati
Ingatlah mati di dalam sebarang hal
Agar kita tidak lalai, jiwa sentiasa takut
dan gentar dengan Tuhan
Bila jiwa takut dengan Tuhan
Kita takut hendak membuat dosa
di dalam sebarang hal

23 - 05 - 1997
(16 Muharram 1418H)

268 NEGARA YANG JAUH

AKU selalu merenung ke depan, nun negara yang jauh
Aku sedar setiap detik kakiku melangkah ke sana
Sama ada aku pinta atau tidak aku pasti sampai ke negara itu
Apatah lagi memandang usiaku sudah lanjut
Sudah pasti hampir sampai ke destinasinya
Aku mengeluh selalu, aku sedih selalu
Aku bimbang tidak menentu
Hatiku takut tidak berubat
Kerana bekalan belum cukup lagi
Bekalan yang sedikit ini pun di sana belum tentu laku
Allah! Di sana tidak ada kawan yang membela
Allah! Di sana tidak ada sanak saudara memikirkan
Aduh! Di sana tiada siapa pun yang menolong
Tiada peguambela
Di sana betul-betul keseorangan
Walaupun ramai tidak peduli-mempedulikan
Amalan kita, kitalah yang menghisabnya
Allah berfirman: *Kafa binafsika hasiba*
Aduh! Sedihnya nasibku belum tahu
Tuhan! Belas kasihan-Mulah yang aku harapkan!
Kekuranganku Engkau tambahlah!
Kelemahanku maafkanlah
Dosaku ampunkanlah
Aku serahkan diriku pada-Mu, kasihanilah aku
Tuhan aku ini hamba-Mu
Kesalahanku dan kelemahanku Engkau tahu
Jika tidak ada keampunan dari-Mu, rugilah aku
Jika Engkau azab aku
Aku ini adalah hamba-Mu juga Tuhan!
Jika Engkau maafkan aku
Engkau tetap Maha Suci daripada kekurangan
Kebesaran-Mu tetap tidak kurang

Selepas Asar
04 - 05 - 1997

269 PERKARA YANG PENTING DILUPAKAN

AKHIRAT destinasi yang akhir buat manusia
Tapi malangnya dia telah dilupakan oleh manusia
Persediaan untuk ke sana diabaikan
Tempat persinggahan sementara ke Akhirat
ialah kubur atau Alam Barzakh
Border di antara dunia dan Akhirat
Di sana ada peperiksaan, juga telah dilupakan
dan dilalaikan orang
Iman dan amal soleh penyelamat manusia
di Akhirat sana
Namun ia dicuaikan
Dosa dan derhaka pemusnah kehidupan mereka
di Darul Qurar itu
Tapi itulah yang diusahakan dan diperjuangkan
Dunia negara fana yang ditinggalkan
Tapi ia dipandang besar dan diambil berat
serta berpenat-penat
Menompok-nompok harta yang akan binasa
Akhirat terus dilupakan
Bila dingatkan hati mereka sakit
Dimusuhi dan dianggap pengacau masyarakat
Dituduh penjahat-penjahat
Begitulah majoriti manusia di dunia
Dunia yang akan ditinggalkan
Menjadi idaman dan buruan
Akhirat tempat tinggal yang kekal abadi dilupakan

5.05 petang
06 - 11 - 1997

270 ENGKAU PASTI PULANG KE NEGARA ASALMU

SAMA ada engkau mahu pulang atau tidak mahu
Engkau akan dipaksa pulang
Kerana negara asalmu adalah Akhirat
Di dunia hanya sebagai berdagang
Untuk mencari bekal dan kekayaan
Allah memberi peluang kamu mencari bekal
sebanyak-banyaknya
Agar kamu senang di Akhirat
Tapi perlu ingat
Jangan sampai mencari barang-barang larangan
Barang-barang larangan tidak dibenarkan membawa pulang
Sesiapa yang melakukannya pasti dihukum
Mampukah kita menerima hukuman?
Hukumannya adalah api Neraka
Juga dibelasah, dicemeti dan didera
Oleh malaikat Rabbaniah
Sangat garang dan bengisnya
Ada yang kekal di dalamnya, wal-'iyazubillah
Dan ada yang dihukum beribu-ribu tahun
Aduh sengsaranya, aduh deritanya
Mampukah kita menerimanya?!
Masing-masing boleh menjawabnya

Selepas Asar
14 - 03 - 1999

271 BILA AKU LIHAT LAUTAN

BILA aku lihat lautan
Saujana mata memandang
Luas tidak nampak tepi
Ombak melambung dan menggulung,
bergelora tidak berhenti-hentinya
Menghempas dan memulas
Bunyinya mengerikan dan menakutkan
Dalamnya menggerunkan
Gelap-gelita, melemaskan
Hatiku membisikkan:
Kalau Neraka itu seperti ini
Julangan apinya macam ombak yang melambung,
membumbung
Bunyi apinya macam bunyi angin yang memukul ombak
Ombak yang sentiasa bergerak tidak henti-hentinya
Kalau ia api Neraka membaham penghuni-penghuninya
Tanpa hentinya
Itu pun sudah cukup menyeksakan
Aku tidak mampu menanggungnya
Betapalah api Neraka Tuhan
Entah berapa kali ganda dahsyatnya
Lebih lagilah aku tidak mampu menerima azabnya

Selepas Asar
02 - 05 - 1997

272 USIAKU TELAH LANJUT

USIAKU telah lanjut, menjangkau enam puluh
Usiaku telah sampai ke hujung,
macam matahari di waktu Maghrib
Tidak mungkin patah ke belakang lagi
Masa yang berlalu, tetap berlalu dan terus berlalu
Oh! Sedihnya aku, hampir seluruh hidupku
aku sia-siakan
Tidak ada ibadah yang sempurna aku lakukan
Tidak ada bakti kepada manusia yang boleh dibanggakan
Masaku aku habiskan dengan makan minum,
tidur, rehat dan dalam kelalaian
Buang-buang masa yang tidak keruan
Berjalan-jalan yang tidak tentu haluan
Aduh! Seluruh perjalanan hidupku
hampir ke Neraka daripada ke Syurga
Kakiku lebih banyak kulangkahkan
ke Neraka dari ke Syurga
Entah beberapa langkah lagi kakiku yang tinggal
Aku bimbang apakah langkah yang baki ini
menghala ke Syurga atau ke Neraka
Aku tidak pasti
Tuhanlah yang lebih mengetahui
Aku hendak tebus kembali, tidak mungkin lagi
Usiaku telah lanjut
Segala tenagaku yang *fresh* telah hilang
Tenaga yang sedikit dan lemah ini
Tidak mampu lagi membuat kerja-kerja yang gemilang
Oh sedihnya! Aku telah mensia-siakan umurku
Tidak ada lain jalan melainkan jaminan-Mu ya Allah!
Aku serahkanlah diriku pada-Mu ya Allah
yang penuh dengan dosa-dosa ini
Aku menyesal Tuhan!
Aku kesal dengan perbuatanku itu!

Keampunan-Mu yang kuharapkan
Kemaafan-Mu yang aku minta!
Kalau boleh keredhaan-Mulah yang aku pinta
Jika Engkau azab aku, aku ini kan hamba-Mu jua
Jika Engkau ampunkan aku
Kebesaran-Mu tetap sempurna tidak ada kurangnya
Ampunkanlah aku Tuhan!
Kalaupun bukan dengan rahmat-Mu
  tapi dengan kemaafan-Mu Tuhan!